



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 21

Isnin

17 Ogos 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Menurunkan Saman RM1000 Untuk Kesalahan Tidak Memakai Pelitup Muka – <i>Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)</i>	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020	(Halaman 31)
<u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.6	(Halaman 91)
Maksud B.10 dan B.11	(Halaman 100)
Maksud B.14	(Halaman 110)
Maksud B.22	(Halaman 122)
Maksud B.23	(Halaman 130)
Maksud B.24	(Halaman 136)
Maksud B.30	(Halaman 143)
Maksud B.33	(Halaman 153)
Maksud B.43	(Halaman 163)
Maksud B.64	(Halaman 167)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula
Peruntukan Perbelanjaan) 2020

(Halaman 31)

Jawatankuasa:-

Maksud P.6

(Halaman 91)

Maksud P.10

(Halaman 100)

Maksud P.14

(Halaman 110)

Maksud P.22

(Halaman 122)

Maksud P.23

(Halaman 130)

Maksud P.24

(Halaman 136)

Maksud P.30

(Halaman 143)

Maksud P.33

(Halaman 153)

Maksud P.43

(Halaman 163)

Maksud P.64

(Halaman 167)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 17 Ogos 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi.

*Sinar panggil saya berdebat satu lawan satu,
Jawapan yang diberi semuanya menipu,
Soalan saya Nombor Satu.*

1. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan :-

- (a) jumlah kes sindiket penipuan kewangan (*scammers*) yang bergerak aktif pada fasa PKP yang lalu; dan
- (b) sejauh manakah kaedah dan tindakan kementerian bagi mengekang sindiket ini daripada terus berleluasa pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berpantun pula Yang Berhormat Baling. Kena jawab ini Yang Berhormat Sungai Petani.

*COVID-19 melanda negara,
Sindiket scammer masih lagi berleluasa,
Yang Berhormat Baling pembela negara,
Dengar baik-baik, ini jawapan saya.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM memang sentiasa memandang serius tentang isu-isu mengenai jenayah *scammer*. *Scammer* ini dengan kata lain adalah jenayah yang berlaku di atas talian. Ada lima jenis jenayah *scammer* ini:-

- (i) penipuan atau pinjaman yang tidak wujud;
- (ii) e-dagang;
- (iii) *Macau Scam*;
- (iv) *Love Scam*; dan
- (v) tipu SMS.

Dalam tempoh PKP yang telah dikuatkuasakan bermula 18 Mac lalu, bahawa jenayah e-dagang atau *scammer* e-dagang mencatatkan kes paling tinggi sekali iaitu sejumlah 2,500 kes dalam tempoh PKP sehingga pada 4 Ogos yang melibatkan kerugian berjumlah RM17 juta.

Jenis Scammer	Bil. Kes	Kerugian (RM)
e-dagang	2,500	17 juta
Pinjaman tidak wujud	1,582	18 juta
<i>Macau Scam</i>	1,001	50 juta
<i>Love Scam</i>	481	18 juta
Tipu SMS	91	800,000

Tuan Yang di-Pertua bagi soalan (b), pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh PDRM untuk membanteras jenayah *scammer* ini:

- (i) meningkatkan penguatkuasaan undang-undang;
- (ii) meningkatkan pengoperasian;
- (iii) membuat tangkapan; dan,
- (iv) membuat tuduhan di mahkamah.

Bagi masyarakat pula, PDRM selalu turun padang untuk kempen kesedaran bersama dengan komuniti setempat, berkongsi maklumat dengan agensi-agensy yang lain, memberikan pengetahuan atau pendidikan atau seminar kepada pelajar IPTA, IPTS, NGO-NGO termasuk juga kepada pelajar sekolah.

Jadi, kita juga telah mewujudkan satu pautan *Facebook* yang disebut *Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* untuk berkongsi maklumat dan amaran terhadap jenayah *scammer* ini. Akhirnya kita mewujudkan satu portal untuk semakan nombor telefon bagi sindiket dan akaun bank yang digunakan untuk pindahan akaun sindiket ini. Jadi, bolehlah melayari portal tersebut di www.ccid.rmp.gov.my/semakmule yang boleh kita semak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Semalam juga saya baca dalam akhbar, suri rumah kerugian sebanyak RM2.4 juta diperdaya *Macau Scam*. Kalau kita tengok statistik tahun 2018 dan 2019, sebanyak RM410 juta telah kerugian. Kalau saya hendak tengok balik apa yang sedang berlaku pada hari ini *love scam*, apa yang *Macau Scam* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, berdasarkan maklumat ini, takkan PDRM sepatutnya digunakan untuk membanteras sindiket ini secara habis-habisan. Bagaimana modus operandi *scammer* ini? Mengapakah ia tetap berulang? Apakah ada sebarang *task force* yang melibatkan Bank Negara? Contohnya, jemputlah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama-sama untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk mempercepatkan tindakan tangkapan mereka ini.

Soalan saya, apakah kekangan oleh pihak PDRM dalam menangani jenayah *scammer* dan jenayah siber di atas talian? Apakah kekangannya? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling. Memang jenayah *scammer* ini semakin menjadi-jadi terutama musim PKP, yang saya sebut tadi mengenai penipuan pembelian *face mask* yang

berlaku yang melibatkan kerugian hampir RM18 juta. Untuk itu, kita juga telah mewujudkan beberapa *task force* PDRM dengan Bank Negara, SKMM, CyberSecurity Malaysia, institusi kewangan atau bank yang terlibat juga industri telekomunikasi yang sentiasa kita berhubung.

■1010

Memang menjadi masalah yang dihadapi oleh PDRM untuk menangani dan juga membanteras jenayah di talian ini kerana:

- (i) melibatkan identiti pemanggil yang kita tidak dapat kenal pasti;
- (ii) pemanggil menggunakan nombor telefon atau akaun telefon orang lain;
dan
- (iii) mereka ini beroperasi di luar negara.

Kita memerlukan kerjasama dengan negara-negara yang terlibat dan juga bekerjasama dengan INTERPOL. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kebelakangan ini, isu-isu yang berkaitan penyalahgunaan maklumat peribadi individu-individu. Sekarang ini pula kalau kita lihat selain daripada penggunaan *MySejahtera* untuk kita masuk ke tempat-tempat tertentu tetapi juga masih lagi ada yang kita kena isi seperti nama, nombor telefon dan sebagainya.

Sejauh mana jaminan yang boleh diberikan pihak mereka ini tidak akan menyalahgunakan maklumat peribadi ini khususnya nombor telefon yang akhirnya boleh menyebabkan berlaku isu-isu yang berkaitan dengan soalan ini iaitu isu-isu *scammer* ini? Adakah wujud juga *scammer* yang curi duit daripada bank, melalui bank kemudian dia masuk ke dalam akaun orang lain? Bolehkah berlaku begitu? *Scammer* masuk dalam akaun, contohnya masuk dalam akaun Yang Berhormatlah. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena kerana sentiasa mengusik Kuala Krau. Yang Berhormat, kita memberi jaminan bahawa aplikasi *MySejahtera* ini kita lindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi dan kita tidak sewenang-wenangnya untuk mendedahkan maklumat yang berada di bawah *MySejahtera* yang digunakan oleh pihak PDRM dan juga KKM.

Yang Berhormat, untuk soalan kedua mengenai adakah isu-isu yang akaun kita dimasukkan wang yang tanpa pengetahuan. Ini Yang Berhormat memang faham sebenarnya. Kita akan siasat di bawah AMLA dan juga kalau ada berlaku, kita akan ambil tindakan. Berhati-hati Yang Berhormat Pokok Sena, jangan ada duit tiba-tiba masuk beratus juta yang tanpa pengetahuan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *MySejahtera* itu okey, dijamin tetapi hendak yang ditulis secara manual ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Itu kita akan ambil tindakan jika berlaku pencerobohan bagi data-data peribadi. Terima kasih.

2. **Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan jenis-jenis pinjaman perniagaan daripada agensi kerajaan dan apakah kemudahan bayaran balik yang diberikan kepada peminjam semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Kangar. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi di bawah seperti TEKUN Nasional, Bank Rakyat, SME Bank dan juga SME Corporation menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan yang telah dimanfaatkan lebih daripada 485,000 usahawan mikro, perusahaan kecil dan juga sederhana begitu juga dengan koperasi. Sehingga Julai 2020, jumlah keseluruhan pembiayaan yang disalurkan adalah lebih kurang RM47.4 bilion.

Bagi TEKUN Nasional, kita menyediakan lebih lima kemudahan pembiayaan sejak tahun 1998 hingga Julai 2020, seramai 460,324 usahawan telah pun menerima kemudahan pembiayaan ini dengan jumlah RM6.1 bilion. Manakala di bawah SME Bank, kita menawarkan lebih kurang 10 program kemudahan pembiayaan semasa. Sehingga Julai 2020, lebih kurang 18,944 usahawan yang telah menerima manfaat lebih kurang sebanyak RM33.7 bilion peruntukan disalurkan. Manakala di bawah SME Corporation kementerian menawarkan dua program melalui kerjasama dengan SME Bank dan juga *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) dengan kadar pinjaman sebanyak empat peratus.

Sehingga Julai 2020, seramai 3,538 usahawan telah menerima pembiayaan sebanyak RM2.9 bilion. Kita juga ada satu lagi bank, Bank Rakyat. Banyak bank sebenarnya di bawah agensi kami ini, menawarkan lebih kurang sembilan produk pembiayaan. Sehingga Julai 2020, lebih kurang 7,460 usahawan mikro, PKS, koperasi dan juga korporat yang telah menerima kemudahan pembiayaan sebanyak RM5.54 bilion.

Antara kemudahan bayaran balik pinjaman bagi membantu usahawan yang terkesan adalah seperti berikut Yang Berhormat:

- (i) kemudahan penanguhan bayaran balik pinjaman sehingga enam bulan;
- (ii) kemudahan pembiayaan *Special Relief Facility*; dan
- (iii) di bawah Bank Rakyat, kemudahan pembiayaan *Bank Rakyat Cares (BRCAres)* dengan peruntukan lebih kurang RM300 juta.

Setakat 14 Ogos 2020, sebanyak RM127.74 juta yang telah disalurkan kepada lebih 1,649 usahawan mikro, PKS dan juga koperasi.

Selain daripada inisiatif kemudahan bayaran balik melalui Uda Holdings juga, kita ada juga mempermudah usahawan-usahawan kita dengan memberikan bantuan pengecualian bayaran sewa selama tempoh dua bulan kepada penyewa-penyewa di bawah premis kita, yang mana tidak dapat menjalankan operasi sewaktu PKP sehingga Mei 2020. Di bawah koperasi juga, setakat Julai 2020, lebih kurang 243,590 usahawan mikro dan PKS yang menerima manfaat inisiatif ini yang melibatkan RM6.7 bilion.

Terakhir sekali, bawah Perbadanan Nasional Berhad (PNS) di bawah kita, yang baru bersama dengan MEDAC juga ada skim pembiayaan iaitu untuk francais, francais yang mana mereka juga mempunyai peruntukan untuk membantu usahawan ini. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang panjang tadi. Saya harap nanti boleh dapat salinan bertulis.

Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan apa yang kita semua sedang tunggu ialah kesan selepas sahaja tamatnya moratorium. Jadi, sebelum ini ada banyak dibangkitkan dan kita dapat isyarat sebelum ini daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, moratorium tidak akan disambung tetapi kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata untuk sektor-sektor terpilih.

Jadi, saya ingin bertanya sama ada agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini ada rancangan untuk melanjutkan tempoh bayaran balik ataupun mungkin kita *streamline* semula dari segi cara pembayaran kerana setiap agensi ini mempunyai cara-cara pembayaran berbeza. Misalnya sebagai contoh, saya ambil di sini Amanah Ikhtiar, ia kena bayar mingguan. Jadi tekanan itu ia bertambah lebih kepada usahawan. Jadi, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Lagi satu, mungkin juga kepada sebahagian usahawan yang terutama di peringkat PBT lah, kalau ada kementerian bekerjasama dengan PBT untuk mungkin pengecualian mereka membayar lesen untuk sesuatu tempoh.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat Kangar yang cukup prihatin dan terima kasih saya ucapkan kerana kita memerlukan lebih ramai lagi pemimpin dan juga wakil rakyat yang prihatin terutama sekali kepada usahawan dan juga koperasi.

Bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kita memperlihatkan bahawa kita bukan hanya menasarkankan *during* COVID-19, sewaktu COVID-19 sahaja yang kita harus beri perhatian tetapi kami juga menekankan sebelum, sewaktu dan selepas COVID-19. Apa yang paling penting sekali adalah selepas COVID-19 sebab selepas COVID-19 ini yang baru kita nampak kesannya yang ketara kepada pihak usahawan dan juga koperasi.

Oleh sebab itulah di bawah MEDAC, banyak program yang telah kita aturkan untuk pasca COVID-19, bukan hanya dari segi untuk mengatur balik pinjaman dan sebagainya tetapi pihak kami juga bersedia untuk berbincang dengan para usahawan, yang mana yang boleh— di bawah agensi kami kita terbuka untuk perbincangan. Kita bersedia untuk membantu usahawan selain daripada pembiayaan ataupun kemudahan-kemudahan yang kita ada.

Selain daripada itu juga, kolaborasi dengan pihak-pihak lain, dengan kementerian-kementerian lain dan juga agensi lain juga kami alu-alukan. Malah kita telah pun membuat pelbagai kolaborasi demi untuk mencapai sasaran ini. Jadi, saya rasa saya menjawab dan untuk jawapan...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) telah mengeluarkan kenyataan

bahawasanya penyaluran bantuan kepada pengusaha PKS ini agak perlahan walaupun permohonan telah diluluskan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya apakah masalah yang menyebabkan perkara ini berlaku? Kalau ia benar, adakah berlaku kekangan terhadap beberapa masalah daripada pihak kerajaan? Serta kita menjangkakan pandemik COVID-19 ini akan berterusan. Apakah akan ada bantuan dalam bentuk pakej-pakej baru kepada usahawan PKS ini? Serta, adakah moratorium ini akan dilanjutkan ekoran daripada pandemik COVID-19 ini? Terima kasih.

■1020

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat itu. Kita melihat bahawa pandemik yang sebagaimana saya cakap tadi, kesan selepas itu cukup penting sekali dan haruslah diberi perhatian. Oleh sebab itu, kita melihatkan bahawa untuk pembiayaan-pembiayaan yang harus kita beri perhatian, bukan hanya untuk daripada segi moratorium dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita lihat, hari ini yang kita ada adalah melalui konvensional.

Akan tetapi pihak kami juga memberikan peluang kemudahan kepada alternatif pembiayaan. Ada setengah kita apabila disebabkan oleh COVID-19, mereka terkesan dan terpaksa berhadapan dengan masalah bank. Tak dapat nak bayar hutang dan sebagainya dan akhirnya mereka ini CTOS dan CCRIS. Oleh sebab itu- kebetulan, terima kasih Yang Berhormat, tepat pada masanya.

Pada minggu depan, kita akan melancarkan program bersama dengan syarikat Axiata Digital yang maksudnya melalui program ini, mereka yang berhadapan dengan masalah pembiayaan, maksudnya *unbankable*, maksudnya tidak dapat pembiayaan dengan bank, dia boleh buat pembiayaan dalam tempoh tiga minit sahaja kelulusan, dalam tempoh dua hari, dalam tempoh 48 jam, duit dimasukkan, pembiayaan RM1,000 hingga ke RM10,000 ke atas dan ianya dipermudahkan dengan dokumen yang *very minimum*. Itu sahaja, terima kasih.

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Sarawak untuk tujuan pembinaan jalan perhubungan desa kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Bintulu dan apakah cara penyaluran; dan
- (b) apakah inisiatif dan pendekatan kerajaan jangka masa panjang untuk membantu meningkatkan sosioekonomi di kawasan luar bandar terutamanya bagi golongan B40.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu di atas soalan yang diajukan. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama Yang Berhormat Bintulu, sejumlah RM44.6 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) Negeri

Sarawak untuk tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, Parlimen Bintulu telah diperuntukkan sebanyak RM3.25 juta bagi pelaksanaan sembilan Projek JPD.

Peruntukan bagi projek-projek tersebut telah disalurkan kepada Pejabat KPLB Negeri Sarawak dan projek berkenaan akan dilaksanakan oleh PKN Sarawak atau pejabat daerah berkenaan. Bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat, pelbagai inisiatif dan pendekatan kerajaan jangka masa panjang untuk membantu meningkatkan sosioekonomi di kawasan luar bandar, terutamanya bagi golongan B40. Di antara program-program yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Program Peningkatan Pendapatan (PPP);
- (ii) program-program keusahawanan yang melibatkan pembangunan perniagaan, pembiayaan dan pemasaran produk usahawan luar bandar;
- (iii) Program Desa Lestari;
- (iv) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK); dan
- (v) Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK).

Pihak kementerian yakin dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan akan membantu meningkatkan sosioekonomi di kawasan luar bandar, terutamanya bagi golongan B40. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bintulu, soalan tambahan pertama.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya difahamkan ini sudah bagi peruntukan cuma hanya untuk Sarawak berapa juta sahaja, saya fikir sudah bagi bilion. Hujung-hujung, juta sahaja. Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian sudah rancang untuk tahun depan akan mengadakan lebih peruntukan disalurkan kepada Sarawak untuk menaik taraf jalan-jalan kampung ataupun jalan-jalan ke rumah panjang.

Kita faham sampai hari ini masih lagi di Bintulu ada lagi jalan-jalan ke rumah panjang belum dapat dinaik taraf, terutama sekali penyelenggaraan, selalu tiada peruntukan. Saya juga mahu tanya mengenai Hulu Rajang. Saya difahamkan dan ucap terima kasih. Dalam fasa II sudah lulus, menunggu pelantikan konsultan untuk projek tersebut.

Akan tetapi Hulu Rajang fasa ke-3, saya mahu tanya bila kita dapat meluluskan peruntukan ataupun sediakan peruntukan untuk dibina Hulu Rajang fasa 3. Tadi kata B40, program-program ini untuk B40, perkembangan sosioekonomi di kawasan luar bandar. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi kita sebut program-program, ada yang di kawasan saya belum ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, ringkaskan soalan Yang Berhormat, 30 saat sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, sekejap sahaja. Satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cuma 30 saat sahaja saya bagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey, tak apa. Ini luar bandar punya. Kita mesti mahu tahu ada program-program di Semenanjung yang banyak program disalurkan kepada B40 di luar bandar tetapi di kawasan Sarawak, banyak program tiada. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian dan ambil tindakan disegerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu di atas soalan tambahan. Bagi projek-projek yang diperlukan di kawasan di luar bandar seperti di Bintulu, memang pun menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakan projek-projek ini sehingga lengkap keperluan-keperluan di merata-rata tempat.

Akan tetapi apa yang perlu, projek-projek ini harus dijalankan secara berfasa kerana keperluan kita masih banyak. Juga bagi projek-projek yang dicadangkan, perlu diangkat kepada kementerian-kementerian yang berwajib. Bukan sahaja kementerian KPLB yang bertanggungjawab, malah ada kementerian-kementerian yang lain juga seharusnya turut bekerjasama.

Bagi projek yang belum terlaksana bagi tahun ini, tindakan sedang diambil oleh pihak yang berwajib dan kita sama-sama menunggu pelaksanaan projek-projek ini. Soalan bagi B40, usaha ke arah membantu kumpulan ini sedang giat berjalan. Kita berharap akan dapat memberi manfaat kepada golongan ini apabila program ini dilaksanakan sepenuhnya nanti. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Kroni juga.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya dengar tadi jawapan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan inisiatif dan pendekatan kerajaan untuk B40, sosioekonomi. Saya rasa ini kita kena pertekankan, terutamanya dalam keadaan COVID-19. Terutamanya berkenaan dengan aspek telekomunikasi dan jalur lebar yang sebenarnya sebahagian daripada dasar pembangunan luar bandar (PL 2) iaitu akses telekomunikasi dan jalur lebar dengan kadar berpatutan di luar bandar.

Justeru, apakah perancangan pihak kementerian berkenaan dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan B40 daripada segi aspek peranti peralatan dan perkhidmatan internet. Keduanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut berkenaan dengan inisiatif dan pendekatan-pendekatan yang diambil iaitu antaranya adalah berkenaan dengan projek-projek di kampung.

Pembangunan ekonomi di kampung, PROSPEK, Desa Lestari. Saya sendiri, saya duduk bersebang, berbincang dengan ketua-ketua kampung, saya tak pernah dengar berkenaan dengan inisiatif-inisiatif ini. Justeru, bolehkah dimaklumkan berapakah bilangan jumlah inisiatif-inisiatif ini yang telah dilaksanakan, terutamanya di kawasan Parlimen Ledang dan di kawasan-kawasan yang lain? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai projek-projek yang akan dilaksanakan ataupun yang sedang berjalan sekarang, ada di antara projek-projek ini merupakan projek yang baru, khususnya Program PPP ini.

■1030

Program ini melibatkan golongan B40 di luar bandar dalam projek ekonomi yang berupaya meningkatkan pendapatan mereka tetapi perlu disatukan, misalnya beberapa buah kampung dilibatkan di bawah satu projek yang akan dilaksanakan. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan seperti mana yang saya sebutkan tadi PLKK, itu merupakan pelaksanaan kursus jangka pendek–sederhana yang saya sebutkan tadi.

Kedua, Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Desa Lestari dan seterusnya Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung dan *Desamall Online*. Kesemua ini apabila dilaksanakan nanti kita berharap golongan B40 ini akan dapat meningkatkan pendapatan dan seterusnya dapat memberi satu kelegaan kepada keluarga mereka di kampung. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya rasa soalan pertama tadi tidak jawab lagi. Soalan pertama tadi berkenaan dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar untuk B40, akses luar bandar dari segi internet. Itu belum dijawab.

Saya minta tadi yang kedua berkenaan dengan jumlah walaupun baru tetapi mesti dah ada laksanakan. Kalau tidak boleh, boleh bagi dalam jawapan bertulis supaya saya boleh sampaikan kepada pihak ketua kampung dan luar bandar. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Hang Tuah Jaya.

Dato' Henry Sum Agong: Untuk mendapatkan detil kesemua program ini, saya akan menjawab secara bertulis. Mengenai *coverage* tadi, ini merupakan kerjasama di antara

kementerian lain, di antara KPLB. Kita kalau diperlukan akan menyediakan peruntukan untuk tujuan ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Kulim-Bandar Baharu.

4. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah terperinci kerajaan sekarang dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Kulim-Bandar Baharu.

Sebenarnya ini soalan daripada bekas Menteri dan soalan ini sebenarnya sepatutnya Timbalan Menteri dah tahu. Cuma apa yang ingin diketahui oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu berkaitan dengan langkah terkini yang dibuat oleh kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup rakyat.

Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita meneruskan apa yang telah dibuat oleh kerajaan lalu yang baik untuk rakyat, kita tidak ada agenda lain kecuali untuk memastikan rakyat terbela terutamanya di kawasan luar bandar yang mengalami masalah kos sara hidup. Apa yang kita tambah daripada apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu adalah kita mengadakan ataupun kita melakukan kerjasama yang mesra dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam menghapuskan isu orang tengah melalui platform e-Dagang.

Keduanya, kementerian juga turut menjalinkan hubungan yang erat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan harga ubat dan kos rawatan tidak meningkat ataupun tidak melambung. Di samping itu, kita juga menjalankan program untuk menghapuskan kartel ataupun monopoli kepada industri-industri yang diliberalisasikan supaya wujud persaingan sihat yang boleh menjamin pengguna membeli barang pada harga yang kompetitif.

Selain itu, kita juga bercadang untuk menyeragamkan harga bagi membolehkan rakyat di kawasan pedalaman terutamanya kawasan terpencil menikmati harga barangan keperluan asas yang sama di kawasan-kawasan bandar. Apa yang telah dilaksanakan, kita teruskan seperti mengadakan Akta Kawalan Harga supaya tidak terkesan pada mereka yang berada di luar bandar.

Kemudian, mengadakan pemantauan harga barang asas setiap musim perayaan. Kita mempunyai seramai 1,044 orang pegawai pemantau harga kementerian dan setakat ini telah memeriksa sebanyak 13,226 buah premis. Jadi ini apa yang kerajaan laksanakan untuk memastikan kos sara hidup berada dalam keadaan yang terkawal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih sahabat saya atas jawapan. Saya bersyukur kerana usaha ini adalah usaha yang berterusan. Saya hendak tanya soalan ini, pertama, rakyat Malaysia ini pada hujung bulan selepas mereka dapat gaji ataupun pendapatan, mereka akan guna banyak untuk makanan, bil *utilities*, perumahan dan pengangkutan. Kemudian ada jugalah untuk pendidikan dan kesihatan.

Isu kos sara hidup ini Tuan Yang di-Pertua, secara mikronya penyelesaiannya adalah kita kena tingkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Kita kena kurangkan *cost of doing business*, kita kena tingkatkan produktiviti dan kita kena cari usaha inovasi secara mikronya.

Jadi soalan tambahan saya adalah satu dari platform terpenting yang telah dimulakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah Majlis Tindakan Sara Hidup, kemudian diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kedua-duanya dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin tahu, apakah Majlis Tindakan Sara Hidup ini masih lagi berjalan? Kalau telah benar-benar berjalan, apakah di antara syor-syor terkini dalam usaha untuk menangani isu kos sara hidup yang telah dibentangkan sebagai Kertas Jemaah Menteri? Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih sahabat saya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jawapan kepada apa yang ditanya itu, Majlis Tindakan Sara Hidup ini masih berjalan dan mesyuarat di peringkat eksekutif telah kita adakan pada 21 Julai yang lalu yang mana beberapa dapatan, kajian ataupun cadangan telah diutarakan untuk memastikan ianya selaras dengan apa yang diinginkan oleh rakyat dan kerajaan.

Di samping itu, Jawatankuasa Tertinggi Kos Sara Hidup (NACCOL) ini dijangka akan bermesyuarat pada September 2020. Apa yang berlaku sekarang Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam kos sara hidup ini kita tidak boleh lari daripada kos dan pendapatan. Kalau dulu tahun 60-an dan 70-an mungkin pendapatannya tidak seberapa tetapi kosnya cukup rendah. Kita tidur sahaja tahun 60-an dan 70-an, duit tidak berjalan.

Akan tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita tidur pun duit berjalan, *air conditioner* berjalan, *fridge* berjalan, elektrik berjalan dan air berjalan. Jadi ini menunjukkan bahawa kita sedang memikirkan bagaimana cara untuk meningkatkan pendapatan dan usaha untuk menangani masalah sara hidup ataupun masalah yang dihadapi oleh rakyat kita. Ini kerana kerajaan kita prihatin, kita memahami denyut nadi rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2018, sebanyak 150 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki pencatutan kerana telah menaikkan harga ataupun mengenakan harga yang tinggi. Dalam jumlah itu, 46 kes telah pun dibuka kerana kesalahan pencatutan.

Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam melaksanakan Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan di negara ini? Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengukuhkan pelaksanaan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan tahap

pematuhan serta kesedaran peniaga kepada peraturan. Adakah penggunaan ataupun pelaksanaan SST ini harga barang turun berbanding dengan GST yang lalu? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jempol. Sebenarnya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini memang kita laksanakan untuk menghapus atau menghalang para peniaga mengambil keuntungan yang melampaui batas yang mana kita akan berbincang dengan para pemborong (*manufacturer*) dan mereka boleh membuat aduan melalui Ez ADU dan juga melalui web yang kita sediakan untuk pastikan hal tersebut tidak berlaku.

Jadi untuk mengatasi masalah ini, kita perlu kepada kerjasama daripada rakyat.

■1040

Rakyat di luar perlu berpendidikan untuk melaporkan apa sahaja tindakan yang tidak beretika yang dilakukan oleh peniaga-peniaga ataupun penjual-penjual di luar sana untuk mereka melaporkan kepada kita. Kita mempunyai beberapa pejabat untuk mereka mengadukan sebarang masalah berkaitan kepenggunaan agar mereka terbela, agar tidak dianiayai oleh mereka yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang-barang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Satu lagi tidak dijawab, SST. Adakah SST harga barang lebih murah berbanding GST?

Dato' Rosol bin Wahid: Sebenarnya SST dan GST, setakat ini tidak ada satu kesan signifikan antara ia murah ataupun mahal, ia bergantung kepada penawaran dan juga permintaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status dan kemajuan semasa tentang Projek Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo (Sabah) dan juga perkembangan projek Lebuh Raya Trans Borneo serta projek Sarawak Sabah Link Road yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kemajuan fasa satu projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sehingga Jun 2020 adalah sebanyak 32 peratus bagi 11 pakej kerja yang sedang dilaksanakan. Manakala tiga pakej kerja baharu dan satu pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak, kini sedang ditender dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini.

Manakala untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan tetap meneruskan projek Sarawak-Sabah Link Road. Ini soalan berkenaan SSLR (Sarawak-Sabah Link Road) yang dilaksanakan secara berfasa iaitu fasa satu daripada Lawas ke Kampung Pa' Berunut dan fasa

dua dari Kampung Pa' Berunut ke Long Lama. Setakat ini surat ataupun LOI telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 7 Julai 2020, manakala SST akan dikeluarkan apabila kontraktor memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen tender.

Manakala bagi projek Lebuhraya Trans Borneo pula, kerajaan masih meneruskan projek tersebut yang akan menghubungkan negara Brunei Darussalam, Indonesia dan negeri-negeri Sarawak dan Sabah di Malaysia. Namun pada masa ini kerajaan hanya menumpukan kepada penyiapan Lebuhraya Pan Borneo daripada Sarawak-Sabah Link Road dahulu. Sekian terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih kepada kerajaan yang tidak jemu-jemu untuk memberikan penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini tentang *progress* dan juga status pembinaan projek Pan Borneo ini. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa pada permulaan di mana projek ini dilaksanakan dikatakan bahawa penyiapannya ataupun *completion date* dengan izin pada penghujung tahun 2021 untuk ke jajaran sejauh 700 kilometer untuk Pan Borneo Sabah.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah *the new completion date* dengan izin, agak-agak akan diumumkan oleh kerajaan kerana rakyat sedang menantikan bila projek ini siap. Oleh kerana kita tahu bahawa banyak kelewatan telah pun berlaku tentang projek ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebab yang berlaku kelewatan projek ini. Apakah pula langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi sebab kelewatan kerana rakyat ingin tahu sebab-sebabnya? Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya, berkenaan tarikh *completion* memang betul sewaktu diumumkan kerajaan menasaskan bahawa projek ini perlu disiapkan dalam tahun 2021. Walau bagaimanapun berdasarkan perkembangan terkini yang mana projek ini yang terdiri daripada tiga fasa projek yang dipecahkan mengikut pakej-pakej, kerajaan tidak dapat menentukan secara tepat bilakah projek ini akan dapat disiapkan keseluruhannya.

Hal ini kerana kalau mengikut perkembangan terkini untuk pakej yang kedua ada melibatkan empat fasa, tiga sedang dalam proses ditender dan satu ditender semula disebabkan kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Ada lagi 20 fasa yang akan di tender dan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia yang ke-12.

Oleh yang demikian, pelaksanaan projek itu adalah tertakluk kepada peruntukan oleh agensi pusat dan barulah daripada situ akan dapat ditentukan bilakah projek ini akan dapat disiapkan keseluruhannya. Bagi masalah-masalah kelewatan ini berpunca, pertama daripada perubahan dasar itu sendiri, berkenaan pelaksanaan dan yang kedua akibat daripada pertukaran *Project Delivery Partner* (PDP) ataupun dengan izin, Rakan Pelaksana Projek yang telah pun ditamatkan dan projek ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengambil alih pelaksanaan projek. Hal ini juga masalah-masalah yang mana terdapat beberapa fasa di dalam projek itu yang terpaksa di tender semula telah menyumbang kepada faktor kelewatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila soalan tambahan kedua Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami rakyat Sabah memang terutamanya di P175 memang mengalu-alukan Lebu Raya Pan Borneo yang dibina ini. Akan tetapi selepas Pan Borneo ini dibina, bermacam-macam masalah yang telah timbul. Salah satu daripadanya ialah banjir kilat yang selalu melanda orang-orang kampung di sepanjang jalan Pan Borneo yang menyebabkan banjir dan juga penanam-penanam padi iaitu petani-petani bermasalah.

Jadi, ini disebabkan oleh pemasangan *culvert* yang tidak mengikut *assessment* yang sebenarnya. Jadi soalan saya ialah apakah kerajaan tidak akan membuat *assessment* semula atas pemasangan-pemasangan *culvert* yang telah dibuat yang mana ada di antara *culvert* itu terlalu kecil menyebabkan perjalanan air mengalir sewaktu hujan tidak begitu lancar. Inilah yang menyebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung di sepanjang jalan Pan Borneo. Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih Yang Berhormat Papar di atas soalan tambahan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berkenaan masalah *assessment culvert* ini telah pun, saya percaya adalah antara faktor-faktor yang memang diambil kira oleh JKR. Oleh sebab itu, salah satu perkara yang saya terangkan sebentar tadi dari segi projek ataupun Rakan Pelaksana Projek (PDP) itu telah ditamatkan dan projek ini telah diserahkan secara langsung secara terus kepada JKR Sabah.

Ini barangkali salah satu daripada usaha untuk memastikan bahawa JKR boleh membuat *assessment* secara terus dan lebih teliti dalam perkara-perkara yang melibatkan masalah-masalah yang timbul diakibatkan oleh kelalaian kontraktor-kontraktor yang dilantik. Walau bagaimanapun, saya percaya kerajaan sememangnya komited untuk memastikan projek Pan Borneo ini dapat disempurnakan sebaik dan sesegera mungkin.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:

*Pagi-pagi mandi di muara,
Siapkan bekal jangan dilupakan,
Orang muda harapan negara,
Soalan saya soalan nombor enam.*

6. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan membentangkan rancangan bagi memberi pemahaman dan pengetahuan perihal demokrasi dan kenegaraan kepada belia yang bakal menjadi pengundi terutamanya pengundi yang akan mencecah umur 18 tahun.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Susulan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2019 untuk menurunkan had umur kelayakan mengundi dan bertanding daripada 21 tahun kepada 18 tahun sesuatu Yang Berhormat Muar usahakan bersama-sama saya dahulu.

Kementerian telah merancang penerapan elemen-elemen kenegaraan dan jati diri, semangat patriotisme, pengetahuan dan kesedaran berkaitan sistem demokrasi dan pilihan raya.

■1050

Kita juga memfokuskan kesedaran tanggungjawab individu dalam memelihara dan meraikan demokrasi. Penerapan elemen-elemen tersebut secara khususnya dilaksanakan melalui program-program kenegaraan dan secara amnya melalui Program *Malaysia Future Leader School* (MFLS).

Kementerian juga telah mewujudkan jawatankuasa khas bersama agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Akademi Pilihan Raya untuk menyelaraskan program-program peningkatan kadar literasi politik di kalangan anak muda.

Pada tahun 2020, kementerian telah merancang untuk melaksanakan program-program untuk tujuan yang sama serta pendedahan sosialisasi politik di kalangan belia dengan sasaran pelajar sekolah berusia 15 tahun hingga 17 tahun, pelajar pra-universiti dan institusi pengajian tinggi berusia 18 tahun ke atas, pelajar universiti luar negara tajaan JPA dan agensi-agensi, pelajar-pelajar TVET, belia masa dan penjawat awam muda berusia di bawah 30 tahun.

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan terpaksa dilaksanakan akibat wabak COVID-19, banyak program berjalan secara dalam talian dengan mengekalkan objektif asal. Program yang dilaksanakan secara bersemuka pula tertakluk kepada SOP daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program-program yang telah kami anjurkan berbentuk seminar termasuk *webinar*, kursus, dialog dan forum, perkongsian info grafik di atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan juga telah merancang dan melaksanakan perkara berikut, sewaktu PKP Debat Rakan Muda dianjurkan secara dalam talian yang turut membincangkan isu-isu kenegaraan. Sepanjang PKP, Parlimen Belia Malaysia juga telah melaksanakan perbincangan di peringkat jawatankuasa sebanyak sembilan siri yang disiarkan secara langsung di *Facebook*, siri-siri lain masih dalam perancangan.

Program Rakan Muda KLIK juga berbentuk kuiz dalam talian akan turut menyentuh soal tadbir urus negara. Program sebanyak 15 siri dirancang bermula lewat Ogos hingga September 2020 dan melibatkan 600 peserta. Pada tahun 2019, Sekolah Rukun Negara dilaksanakan sebagai platform untuk memberikan kesedaran tentang objektif-objektif tersebut serta nilai-nilai politik di kalangan generasi muda. Empat modul program ialah Rukun Negara, Suara Demokrasi Belia, Klik dengan Bijak, dan Pendidikan Pengundi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Muar untuk soalan tambahan yang pertama, 30 saat.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya tidak perasan rakan saya Senator yang menjawab soalan ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas kemenangan beliau semalam atau dua hari lepas dipilih sebagai Ketua Armada Se-Malaysia. *[Tepuk] [Dewan riuh]* Tidak, ini serius. *I wish him all the best and his new team. All the best in the future pursuit*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator, saya ingin bangkitkan dua perkara...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Kalau lawan Yang Berhormat Muar belum tentu menang lagi. [*Dewan riuh*]

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya ingin bangkitkan dua perkara. Pertama sekali seperti Yang Berhormat Senator tekankan tadi kita menggerakkan usaha Undi 18 ini bersama tetapi kita juga ingin memastikan bahawa penyaluran maklumat itu adil dan anak muda di seluruh Malaysia bebas menyuarakan pendapat mereka.

Apa pandangan Yang Berhormat Senator apabila Kementerian Pengajian Tinggi berkata bahawa pemansuhan atau pindaan AUKU itu tidak akan diberikan, tidak akan dilakukan atau dilaksanakan. Lagi sekali yang bermaksud bahawa anak-anak muda yang ingin bersuara di dalam dan juga di luar Malaysia akan disekat. *Critical thinking* akan disekat.

Saya agak yakin Yang Berhormat Senator sendiri tahu kerana sebelum pilihan raya apabila Yang Berhormat Senator pergi ke luar negara untuk belajar, ada sekatan-sekatan yang tersendiri apabila anak muda ingin bersuara berkenaan isu-isu politik dan isu-isu negara. So, bagaimana kita hendak melaksanakan Undi 18 dan membawa kesedaran politik apabila suara anak muda itu disekat di dalam dan juga luar negara. Apa pandangan Yang Berhormat Senator? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Muar. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih, Yang Berhormat Muar, sahabat saya. Pertamanya, ini soalan yang berkaitan mungkin lebih relevan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberi penerangan ringkas berhubung dengan komitmen Kementerian Belia dan Sukan dalam soal kita membantu meningkatkan kadar literasi politik di kalangan anak muda.

Dalam pelan hala tuju RMKe-12, KBS sebagai agensi peneraju Kumpulan Fokus 5: Literasi Perlembagaan dan Etos Bangsa di bawah Kumpulan Kerja Teknikal Perpaduan Nasional. Program-program oleh kementerian turut bertujuan meningkatkan literasi politik, namun begitu ia bebas atau dengan izin, *unbiased* daripada pengaruh politik kepartian.

Ini Yang Berhormat Muar pun maklum, kita menekankan sepanjang program yang kita buat di KBS berhubung dengan Rukun Negara dan kita baru sambut 50 tahun dia punya *annual* ataupun sejarahnya. Ini menjadi penekanan kami di dalam membantu meningkatkan kesedaran politik dan pemikiran kritis tentang Undi 18. Jadi, *insya-Allah* kita akan bantu lebih lanjut dalam kerjasama rentas kementerian berhubung soal-soal yang lain dalam meningkatkan kematangan politik anak muda.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Senator saya faham bahawa AUKU mungkin bukan di bawah KBS. [*Dewan riuh*] Akan tetapi KBS bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha untuk meminda AUKU. Adakah KBS akan mendesak atau...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan kedua ini.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: ...Akan memberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Muar...

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Cukuplah.

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: *[Tidak jelas]* betul Yang Berhormat Muar.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan kedua ini, Yang Berhormat. Ini bukan dialog.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini sesi jawab lisan satu soalan sahaja saya bagi. Mungkin... *[Dewan riuh]*

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Cukuplah, Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Kebebasan bersuara bagi anak muda.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Ini bukan ceramahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi 30 saat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulas. Sila.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Yang Berhormat Muar, saya memberi jaminan akan membantu meningkatkan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk kita memahami kepentingan kita meningkatkan penyertaan anak muda dalam politik biarpun sama ada AUKU dipinda atau tidak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua saya jemput Yang Berhormat Pontian.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tiga kali bangun. Kuala Krai tiga kali bangun.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas lah. Belia, belia.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sudah beberapa kali bangun, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Mas, nanti.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira antara pengetahuan perihal demokrasi dan kenegaraan yang perlu diketahui oleh anak-anak muda ini ialah termasuk mendaftar sebagai pengundi. Saya ingin tahu antara umur 18 ke 21 tahun itu berapakah jumlah yang sepatutnya mendaftar menjadi pengundi.

Seterusnya, apakah tumpuan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan pendidikan dan kemahiran tinggi kepada anak-anak muda supaya mereka tidak mengalami—ketika COVID-19 ini menganggur dan tiada pekerjaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Mengikut unjuran SPR, perubahan umur layak mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun akan menjadikan seramai 7.8

juta pengundi baharu menjelang tahun 2023. Butiran-butiran lanjut kami akan jawab secara bertulis.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, seperti saya sudah ulang beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan sedang melaksanakan beberapa program penting untuk memastikan anak muda tidak terpinggir daripada arus kita ingin menambahkan pekerjaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Antara inisiatif penting yang baru dilancarkan ialah Skim Perantisan Nasional yang mana kita bekerjasama dengan kementerian-kementerian seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Sumber Manusia bagaimana kita dapat menambahkan peluang perantisan di kalangan anak muda yang terlibat sama ada dalam GLC tempatan mahupun syarikat multinasional di luar.

Itu sahaja daripada saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, pertanyaan jawab lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor tujuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air untuk menjawab.

7. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **Menteri Alam Sekitar dan Air** menyatakan kesiapsiagaan negara bagi menghadapi musim panas dan kemarau berpanjangan khususnya kesan kepada kawasan tadahan air dan empangan-empangan seluruh negara termasuk di daerah Sik iaitu Empangan Ulu Muda dan Empangan Beris.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Untuk jawapan Yang Berhormat Sik sebentar tadi terdapat tiga empangan iaitu Empangan Ulu Muda, Empangan Beris dan Empangan Pedu yang menyalurkan air ke Sungai Muda. Tiga empangan tersebut dan Sungai Muda ini membekalkan air kepada negeri Kedah dan juga negeri Pulau Pinang sekali gus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi musim panas dan kemarau di mana fenomena ini saban tahun berlaku kepada negara kita. Oleh kerana itu, KASA sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga untuk berhadapan sebarang kemungkinan ketika musim kemarau dan musim panas yang akan melanda negara kita sekarang ini.

Di antara langkah-langkah yang telah pun diambil dan sedang dan akan diambil oleh pihak KASA dalam menghadapi musim kemarau dan panas ini ialah antaranya:

- (i) kita akan memastikan tahap pemantauan paras semua sungai di seluruh negara dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan air di setiap negeri dilakukan secara berkala dan juga secara berterusan;
- (ii) kita akan mengaktifkan segera pelan kontingensi bekalan air sekiranya keadaan paras sungai dan empangan menyusut kepada paras kritikal; dan
- (iii) kita akan mengenal pasti sumber-sumber air alternatif seperti air kolam atau air bawah tanah yang selamat digunakan bagi menambahkan sumber air yang sedia ada di mana-mana negeri yang berkenaan.

■1100

Seterusnya, sekiranya musim panas dan kemarau ini bertambah buruk andai kata *nauzubillahi min zalik* sehingga menyebabkan sumber air dan empangan terjejas kepada paras bahaya dan kritikal, maka pihak KASA akan mengambil beberapa langkah yang drastik. Antaranya ialah yang pertama kita akan melaksanakan catuan bekalan air kepada pengguna-pengguna sekiranya paras sungai dan empangan yang ada menyusut ke paras kritikal dan juga dianggap sebagai paras merbahaya. Itu yang pertama.

Kedua, kita akan memastikan untuk menyediakan keperluan-keperluan logistik bagi penghantaran bekalan air kepada orang awam seperti kita memastikan lori tangki air dan juga tangki statik di tempat-tempat yang menghadapi gangguan bekalan air berkenaan.

Terakhir, pastilah kita semua maklum bahawasanya kita akan melaksanakan proses pembenihan awan di kawasan-kawasan empangan dan juga kawasan tadahan yang juga dianggap sebagai kritikal.

Dalam hal ini, *specifically* untuk menyentuh kepada persoalan Yang Berhormat Sik ini sebentar tadi, suka saya nyatakan bahawasanya sebanyak lebih kurang enam kali proses pembenihan awan telah dilakukan di dua empangan iaitu di Empangan Muda dan juga Empangan Beris. Dalam soal *cloud seeding* ini dengan izin atau pembenihan awan ini, ia merupakan satu proses yang memakan kos dan kos ini ditanggung oleh setiap negeri yang berkenaan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada negeri-negeri seperti Pulau Pinang ini yang telah pun menunjukkan dengan izin, *the example of good practices* di mana pada 13 Mei, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun membayar untuk *cloud seeding* di beberapa empangan termasuklah empangan yang terlibat di negeri Kedah dan sebagainya. Ini satu proses yang baik kerana ada beberapa negeri yang mana sungainya terpecah kepada dua negeri. Apabila proses *cloud seeding* berlaku maka berlaku sedikit permasalahan antara siapa yang akan menanggung kos. Hari ini saya kena berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas *positive effort* yang telah dilakukan.

Juga akhirnya saya menyeru kepada rakyat negara kita agar lebih berhemah dalam penggunaan air agar tidak melakukan pembaziran ketika negara berhadapan dengan cuaca

panas dan kemarau kerana sumber air adalah merupakan sumber yang penting pada mana-mana negara sekalipun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput Yang Berhormat Sik. Saya minta maaf. Ya, soalan tambahan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan diberikan. Sedia maklum apabila musim kemarau yang lepas pada bulan November 2019 berlaku pengeringan air di empangan yang sangat kritikal. Contoh, di Empangan Muda air susut sehingga di bawah 20 persen. Begitu juga menyebabkan berlaku masalah kepada penanaman padi di Dataran Muda di Kedah pada musim yang lalu.

Disebut dalam satu laporan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dalam satu repot *Water Stress Area* iaitu yang berlaku di daerah utara sana iaitu persaingan penggunaan air ini untuk pengairan pertanian dan domestik.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian mempunyai pelan untuk mewujudkan satu dana khas bagi membiayai untuk meneroka sumber bekalan air bawah tanah ataupun dengan izin, *the ground reservoir* dan juga satu lagi sumber yang disebut *coastal reservoir* iaitu sumber air di sebelah pantai untuk menampung kekurangan sumber air yang sedia ada.

Bagaimana dilihat peranan NAHRIM iaitu Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan untuk meneroka dan bersama dengan agensi-agensi khususnya kepakaran yang ada di NAHRIM itu untuk dikongsi oleh agensi-agensi yang menguruskan pengairan dan pertanian termasuk MADA, KADA, IADA dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Sik yang membangkitkan soalan tentang konsep penggunaan air bawah tanah dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan sumber air mentah di kawasan Sungai Muda ini masih belum dianggap sebagai kritikal kerana berlaku dalam keadaan yang *isolated*, penggunaan air bawah tanah masih belum wajar diguna pakai mengikut kajian yang dibuat oleh pihak KASA.

Walau bagaimanapun, KASA dan KeTSA ataupun Jabatan Mineral dan Galian (JMG) akan bekerjasama bagi melihat keperluan penggunaan air bawah tanah pada masa akan datang kerana skop eksplorasi air bawah tanah ini adalah di bawah KeTSA sebenarnya, bukan di bawah KASA.

Untuk makluman semua, namun untuk memastikan bahawasanya sumber air sentiasa mencukupi di kawasan Sik dan juga kawasan-kawasan yang lain, KASA dalam peringkat perancangan bagi membuat permohonan pelaksanaan satu elemen baharu, inisiatif baharu dipanggil sebagai TAPS di bawah Lembangan Sungai Muda ini.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, KASA bercadang untuk membina Takungan Air Pinggir Sungai ataupun TAPS ini di sepanjang sungai-sungai yang beroperasi di seluruh negara bagi meningkatkan keupayaan takungan air yang boleh diguna sebagai sumber air semasa musim kemarau. Takungan Air Pinggir Sungai atau TAPS ini berfungsi untuk menyimpan air sebagai satu sumber alternatif.

Ini yang dikatakan untuk penggantian kepada sumber air bawah tanah. Selain bergantung kepada sumber takungan air empangan, sumber air daripada TAPS ini juga boleh digunakan sekiranya berlaku musim panas dan kemarau. Ia telah pun dibuktikan di negeri Selangor. Saya kira ini adalah salah satu daripada model ataupun satu daripada usaha yang terbaik yang mungkin kita akan gunakan pada masa-masa yang akan datang *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua saya jemput Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai dengan Empangan Muda ini adalah rizab kemarau penting bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Namun begitu, pada tahun 2008 terdapat 22,611 hektar kawasan tadahan air, *water catchment area*.

Namun begitu pada Ogos 2017, ia cuma tinggal 12,484 hektar iaitu separuh daripada tahun 2008. Bagaimanakah langkah yang diambil oleh kementerian supaya kawasan tadahan air ini tidak dikurangkan dan kekal dengan jumlah yang ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri satu minit.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau kerana membangkitkan soal ini. Saya faham, saya yakin dan saya pun pasti bahawasanya kita semua tahu bahawasanya *water catchment* ini begitu penting kepada mana-mana negara sekalipun. Dalam hal ini, sebagaimana saya nyatakan sebentar tadi bahawasanya selain daripada kita membina atau memastikan kawasan *water catchment* ini terjaga dan juga membina empangan-empangan yang kita rasakan sesuai, kita juga menggunakan strategi-strategi ataupun kaedah-kaedah yang saya katakan sebagai TAPS sebentar tadi untuk memastikan bahawasanya dalam keadaan mana sekalipun negara kita dalam keadaan terkawal apabila berlaku keadaan musim-musim yang kritikal sebagaimana saya maksudkan sebentar tadi.

Dalam soal ini, ingin saya nyatakan bahawasanya komitmen kerajaan adalah untuk memastikan rakyat mendapat hak yang terbaik. Bagaimana sekalipun, usaha yang dibuat itulah yang akan dilakukan untuk memastikan bahawasanya apa yang perlu dinikmati rakyat tidak terganggu dan sebagainya sebagaimana saya nyatakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya hendak teruskan dengan Yang Berhormat Sekijang.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sorong papan, tarik papan,

Soalan saya nombor lapan.

8. **Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan *standard operating procedure* (SOP) yang digunakan untuk permohonan pemastautin tetap Malaysia kerana terdapat banyak permohonan yang ditolak tanpa menyatakan sebab penolakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Ya.

Daun selasih, daun ubi kayu,

Terima kasih thank you.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Sub Peraturan 5(3)(B) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan Kad Pengenalan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan mempunyai permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Dasar sedia ada bagi permohonan permit masuk menetapkan empat kategori pemohon yang layak dipertimbangkan untuk memohon permit masuk iaitu:

- (i) kategori suami kepada warganegara;
- (ii) kategori isteri kepada warganegara;
- (iii) kategori anak kandung kepada warganegara; dan
- (iv) kategori sistem mata untuk warga asing sepenuhnya.

Permohonan permit masuk yang ditolak adalah berdasarkan kepada SOP sedia ada yang mana antara faktor-faktor penolakan permohonan adalah seperti berikut:

- (i) tidak memenuhi syarat pertimbangan untuk permohonan permit masuk seperti sistem mata untuk warga asing sepenuhnya dan tempoh perkahwinan serta keberadaan pemohon yang tidak menepati kelayakan untuk kategori pasangan kepada warganegara;
- (ii) terdapat bantahan terhadap borang rujukan Imigresen daripada PDRM;
- (iii) terdapat bantahan terhadap permohonan hasil daripada pemeriksaan naziran;
- (iv) pemohon disenaraihitamkan di jabatan;
- (v) penaja atau pemohon telah meninggal dunia;
- (vi) pasangan telah bercerai; atau
- (vii) penaja telah menarik diri daripada menjadi penaja.

■1110

Sehubungan itu, surat penolakan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan faktor-faktor penolakan tersebut selari dengan SOP yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemohon memerlukan penjelasan atau permohonan permit masuk, pemohon boleh merujuk pada Jabatan Imigresen yang terdekat. Selaras dengan peredaran masa dan kecanggihan teknologi juga, Jabatan Imigresen Malaysia telah

menyediakan semakan permohonan melalui portal atau laman sesawang jabatan di www.imi.gov.my bagi memudahkan pemohon atau penaja untuk mengakses dan membuat semakan status permohonan permit masuk yang dikemukakan tanpa perlu hadir ke Jabatan Imigresen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Soalan kedua. Kriteria kelayakan untuk kemukakan permohonan pemastautin tetap untuk pasangan dan anak-anak kepada warganegara Malaysia adalah lima tahun setengah. Apakah jangka masa untuk proses kelulusan permohonan ini? Sila berikan statistik jumlah permohonan pemastautin tetap untuk pasangan kepada warganegara Malaysia yang diterima, ditolak, diluluskan dan dalam proses untuk tempoh dari tahun 2015 sehingga ke tahun 2020. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan, pertama, mesti mempunyai dokumen yang sah iaitu perkahwinan yang sah bagi menentukan taraf anak.

Seterusnya yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai statistik pemegang PR yang ada di tangan saya, sehingga 30 Jun 2020 ialah sejumlah 270,837 orang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan kedua saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Empat kali bangun, yang keempat dapat. *Alhamdulillah*. Terima kasih. Jadi, kebetulan yang keempat ini soalan Kuala Krai kepada Kuala Krai.

Bagi pemastautin yang melepasi tarikh luput ataupun ditolak permohonan mereka, sejauh manakah pihak kerajaan memastikan bahawa mereka terus patuh kepada undang-undang negara? Juga, apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan mereka ini tidak tinggal secara haram dalam negara kita ini?

Kedua ialah penjualan dokumen MyKad dan sijil kelahiran secara haram telah memberikan petanda merah terhadap kelemahan sistem kerajaan dalam mengeluarkan dokumen rasmi kerajaan. Apakah status kes-kes yang melibatkan penjualan dan pembelian dokumen MyKad dan juga sijil kelahiran dan apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu kebocoran keselamatan dokumentasi rasmi negara ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Kuala Krai menjawab memang menjadi tanggungjawab KDN dan juga Jabatan Pendaftaran Negara bersama dengan Jabatan Imigresen untuk memastikan tidak ada pemalsuan atau kebocoran, ketirisan untuk melakukan pemalsuan dokumen-dokumen sama ada kad pengenalan dan juga pasport atau permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.

Seperti mana yang saya telah jelaskan pertama tadi, untuk mendapatkan pengenalan MyPR, yang pertama mestilah mempunyai pasport yang sah, dan yang kedua, mempunyai permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Sekiranya pasport tersebut telah *expired* atau tamat tempoh laku, warganegara tersebut mestilah dengan segera untuk memperbaharui pasport

tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa setakat tahun 2015 hingga 31 Julai 2020, kita telah membatalkan MyPR ini sejumlah 1,430. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tambahan satu lagi.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan yang kedua tadi belum dijawab. Soalan yang kedua tadi isu penjualan MyKad tadi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, tentang isu penjualan MyKad, seperti mana yang telah kita nyatakan terlebih dahulu dalam jawapan-jawapan sebelum ini, bahawa pemalsuan dan penjualan MyKad ini kita telah ambil tindakan tegas dan beberapa individu telah dihadapkan di mahkamah terutama kes yang merujuk di negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

9. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menjadikan pemasangan pili bomba dan membekal peralatan asas pemadaman api seperti hos pili bomba sebagai komponen wajib dipasang oleh pihak kementerian untuk rumah panjang di Sarawak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia prihatin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Sarawak pada ketika ini terdapat 34,838 buah pili bomba dan 707 daripada jumlah keseluruhan adalah dipasang di kawasan rumah panjang yang meliputi 29 tempat. Rumah panjang merupakan rumah persendirian dan tidak diwajibkan untuk menyediakan pemasangan keselamatan kebakaran kerana tidak dinyatakan di dalam *Sarawak Buildings Ordinance 1994*, dengan izin. Namun, atas keprihatinan kerajaan, KPKT dan bomba, keutamaan keselamatan rakyat diberikan oleh kita semua.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan prihatin dan telah memohon peruntukan bagi pemasangan pili bomba baharu untuk keperluan di seluruh negara bagi tahun 2021 termasuk di rumah-rumah panjang di negeri Sarawak yang mempunyai kemudahan asas paip air. Saya minta EPU dan juga MOF memberikan perhatian kepada permohonan peruntukan ini kerana ini adalah keperluan rakyat yang cukup kita berikan perhatian.

Sebagai langkah awal dan proaktif, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri Sarawak telah bekerjasama dengan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) mengenai pemasangan pili bomba di lokasi yang sesuai.

Selain itu, KPKT juga melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merangka dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan kebakaran di rumah panjang melalui program kesedaran awam seperti ceramah, latihan memadam kebakaran, *program summer camp*, dengan izin, pengagihan alat pemadam api mudah alih serta pam angkut dengan kerjasama

syarikat korporat dan *non-government organization* (NGO), dengan izin, melalui program *corporate social responsibility* (CSR), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini, kita dimaklumkan terdapat lebih kurang lebih 4,500 rumah panjang di seluruh negara. Saya juga ingin memberi pandangan kepada Yang Berhormat Sibuti dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang selama ini telah pun memberikan kerjasama kepada kerajaan terutamanya bomba supaya kita memberikan sumbangan kepada persatuan penduduk termasuk rumah panjang seperti membekalkan pemadam api kepada ahli-ahli rumah panjang dan juga kedai-kedai dan gerai-gerai di sekitar kawasan di mana kita berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Sibuti kerana kita mendapat maklumat kerjasama yang diberikan Yang Berhormat Sibuti dan penduduk rumah panjang adalah cukup membanggakan dan jumlah kesemua rumah panjang di Sarawak, seperti mana yang disebutkan tadi, pada hari ini ialah hampir 4,500 buah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya juga berharap agar pihak MOF dan juga EPU mengambil serius berkenaan permohonan peruntukan bagi tahun 2021.

Juga, kalau kita melihat rekod daripada tahun 2018 sehingga 2020, hampir 24 buah rumah panjang yang telah terbakar dan juga kebanyakan rumah-rumah ini terletak di kawasan luar bandar. Adakah kerajaan akan bercadang untuk melancarkan sebuah modul ataupun sebuah buku yang menjadi panduan kepada penduduk rumah panjang agar dapat membina sebuah rumah panjang baharu yang dapat mengelak daripada kebakaran?

Juga, amalan memberi sumbangan pemadam api adalah merupakan amalan biasa yang telah dilakukan oleh wakil rakyat. Adakah kerajaan dapat memperuntukkan sesuatu di bawah kementerian? Berkenaan tentang sekiranya terjadinya rumah panjang yang terbakar, adakah satu polisi insurans dapat diwujudkan khusus bagi kawasan rumah-rumah panjang di pedalaman Sarawak?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya ucapkan syabas dan tahniah kerana pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sibuti itu cukup baik untuk mewujudkan satu garis panduan ataupun SOP kepada penduduk-penduduk terutamanya dari aspek kebakaran ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sibuti, keberhasilan program telah dibuktikan dengan kes kebakaran yang melibatkan rumah panjang pada tahun 2020 yang mana daripada 10 kes kebakaran rumah panjang yang berlaku, empat kes telah berjaya diselamatkan oleh penghuni rumah panjang sendiri dengan menggunakan alat pemadam api yang dibekalkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan anggaran nilai harta benda yang diselamatkan adalah sebanyak RM9.7 juta.

■1120

Saya bagi pihak kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya pejabat bomba mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh penduduk rumah panjang

dan kepimpinan rumah panjang kerana telah memberikan kerjasama yang cukup baik kepada perkhidmatan bomba.

Pada soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kalau mengikut peraturan, sebenarnya rumah panjang ini kalau mengikut *Sarawak Building Ordinance 1994*, dengan izin tidak diwajibkan untuk menyediakan pemasangan keselamatan kebakaran. Namun *insya-Allah*, kita akan berbincang dan kita akan rundingkan dengan kerajaan negeri, juga pihak Yang Berhormat sendiri bagi kita mewujudkan satu pendekatan dan usaha bagi mengatasi kemungkinan berlakunya kebakaran di kawasan-kawasan rumah panjang dan demi kepentingan rakyat di kawasan rumah panjang khususnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah atau perancangan kementerian untuk menambah peruntukan supaya pili-pili bomba yang sedia ada untuk buat *maintenance*, dengan izin dengan secara berkala khususnya di kawasan kampung-kampung untuk mengelakkan supaya semasa berlakunya kebakaran, pili-pili bomba ini boleh berfungsi dengan sempurna? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil tarikh perhatian kepada peranan bomba dalam usaha menyelamatkan di mana mengikut cara pendekatan kita, *response time*, dengan izin yang kita ambil ialah pada kadar 10 minit dalam setiap kebakaran. Namun setakat ini, pencapaian kita adalah pada lebih kurang 12.1 minit. Kalau kita berbanding dengan negara maju umpamanya di UK, *response time* yang diberikan oleh bomba di UK adalah 8 minit dan 8.49 minit pada api utama. Maknanya kebakaran yang berlaku di kawasan-kawasan bandar. Manakala kebakaran berlaku di kawasan luar bandar, 9.42 minit. Manakala di USA, *response time* yang diberikan ialah lebih kurang 5 minit 20 saat bagi api utama dan kita setakat ini lebih kurang 12.1 minit.

Oleh sebab itulah saya kira, kita telah memperuntukkan atau menambah pili-pili bomba ini bagi kita memastikan supaya *response time* yang kita berikan untuk mengatasi masalah kebakaran ini akan dapat kita capai *insya-Allah* pada masa akan datang. Terima kasih.

10. Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna menyatakan :-

- (a) jumlah nilai yang dijana oleh industri jualan langsung (*direct sales*) di negara ini setahun; dan
- (b) apakah langkah diambil untuk mengawal industri jualan langsung memandangkan industri jualan langsung yang tidak etika pesat membangun (*mushrooming*) yang mencetus pelbagai masalah pengguna yang berulang-ulang dan pengguna tidak menjadi mangsa tipu helah penjual dan jumlah syarikat jualan langsung yang telah diarah tutup oleh pihak berkuasa dan alasannya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Yang Berhormat Labis yang ingin mengetahui berkaitan dengan *direct selling* dan juga syarikat yang telah ditutup.

Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, jumlah jualan tahunan bagi industri jualan langsung (*direct selling*) pada tahun 2017 ialah RM13.6 bilion. Ia meningkat menjadi RM15.9 bilion pada 2018 dan pada 2019, ia meningkat menjadi RM17.9 bilion dan dijangka pada tahun ini, kita akan mencapai sasaran RM20 bilion.

Untuk makluman sehingga Julai 2020, kita telah mencatat sehingga RM16.9 bilion dan kita merasakan bahawa untuk mencapai RM20 bilion itu akan menjadi kenyataan. Satu benda yang boleh dibanggakan juga dengan adanya PKP, laporan yang diterima daripada *Malaysian Direct Distribution Association*, sepanjang PKP, peningkatan *direct selling* mencecah 20 peratus hingga 30 peratus, *alhamdulillah*.

Kemudian bagi soalan (b) pula, syarikat-syarikat ataupun jualan langsung yang telah ditutup oleh kerajaan sehingga tahun 2019/2020 iaitu pada tahun 2012, lima buah syarikat telah dibatalkan lesen, tahun 2013 - tiga syarikat, tahun 2014 - tiga syarikat, tahun 2015 - satu syarikat dan tahun 2016 - empat syarikat. Manakala tidak ada syarikat yang dibatalkan sepanjang tahun 2017, tahun 2018, tahun 2019 dan sehingga sekarang. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat *direct selling* yang ada di negara kita telah mematuhi etika dan juga tatacara jualan langsung.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita mengeluarkan buku Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung dengan kerjasama MDDA dan *Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)*. Dengan langkah itu kita berharap, bagi mereka yang ingin memulakan *direct selling* ini, di samping dalam keadaan ekonomi kita yang semakin tidak menentu, ramai yang telah dikenakan buang kerja dan sebagainya, jadi *direct selling* ialah satu tumpuan pada mereka untuk menambah ataupun memperbaharui pendapatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapannya tetapi nampaknya soalan dua saya, jawapannya tidak tepatlah. Walau bagaimanapun, terdapat ramai lagi orang awam masih menjadi mangsa penipuan yang melibatkan peniaga berbilang tingkat atau *Multi Level Marketing (MLM)* kerana skim piramid atau cepat kaya ini atau *money game* ini yang berselindung di sebelah MLM. Jadi dalam kalangan orang ramai, ada sukar hendak bezakan peniaga jualan langsung MLM daripada skim piramid atau cepat kaya ini yang masih berleluasa. Nampaknya, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid ini tidak berkesan untuk menangani skim piramid ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Yang Berhormat Labis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Labis kena faham perbezaan antara MLM dengan piramid. Dua entiti ataupun dua benda yang berbeza. MLM, mereka mesti berdaftar, wajib berdaftar dengan kita di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid. Kita juga mengatakan bahawa dengan adanya Akta Jualan Langsung dan Anti Piramid 1993 ini, mereka perlu menyediakan pelan pemasaran syarikat yang tidak menjurus kepada sistem piramid.

Kedua, syarikat tersebut tidak mempunyai aduan kepada kementerian berkaitan dengan salah laku dan memastikan semua produk yang di pasar ataupun yang dijual oleh syarikat tersebut mendapat kelulusan agensi-agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, jika produk tersebut ialah produk kesihatan, makanan dan kosmetik; SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga bagi produk elektrik seperti periuk elektrik, cerek dan sebagainya dan kelengkapan rumah; dan juga yang menjual barang-barang berkaitan dengan agama, perlu mendapat nasihat daripada JAKIM. JAKIM telah mengeluarkan garis panduan iaitu memastikan dua penasihat syariah dan juga panduan perniagaan *direct selling* mengikut syariah.

Jadi oleh yang demikian, perbezaan antara MLM dengan sistem piramid, MLM dan sistem piramid adalah dua perkara berbeza. Jadi bagi mereka yang tidak berdaftar, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Jualan Langsung dan juga Skim Anti Piramid 1993. Kita juga, kementerian juga telah mengadakan pertemuan secara rapat dan mengadakan hubungan yang rapat dengan *Malaysian Direct Distribution Association* dan juga *Direct Selling Association of Malaysia* dan kita mengadakan mesyuarat meja bulat pada 13 Ogos yang lalu untuk menyuarakan apakah yang perlu dilakukan untuk memantapkan lagi jualan langsung di negara ini.

Juga kita mengadakan – Kalau ada Yang Berhormat Labis mempunyai apa-apa isu ataupun apa-apa laporan boleh memaklumkan kepada kita sebab kita ada pegawai naziran, kita ada pegawai risikan untuk pastikan rakyat kita tidak tertipu, akan memastikan bahawa mereka tidak menggunakan skim jualan langsung ini sebagai cara untuk mendapat keuntungan mudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kenyataan Persatuan Jualan Langsung Malaysia (DSAM) pada tahun 2018 menyatakan 63 peratus syarikat jualan langsung dimiliki oleh wanita berbanding 37 peratus lelaki. Dalam situasi kehilangan pekerjaan pada hari ini, apakah tindakan kementerian untuk memastikan keseimbangan jantina yang terlibat dengan jualan langsung ini kerana ini ialah merupakan salah satu cara keluar daripada kemelut kehilangan pekerjaan? Apa tindakan kementerian untuk memastikan, mewujudkan platform e-dagang setaraf dengan *Shopee* dan *Lazada*? Ini kerana platform yang ada pada hari ini tidak mampu untuk menandingi platform-platform yang bertaraf antarabangsa bagi tujuan untuk memasarkan produk-produk yang dihasilkan oleh jualan langsung. Terima kasih.

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Rosol bin Wahid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan sahabat saya, Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya dari segi pendapatan, kewangan dan sebagainya, kita tidak memilih jantina. Lelaki atau perempuan, semua perlu makan. Lantaran itu, apa yang kita lakukan oleh kerana amalan ini memang secara umumnya disukai dan digemari oleh wanita

kerana wanita ini pandai merayu, wanita ini pandai memujuk dan sebagainya, maka lantaran itu ia menjadi pilihan kepada golongan wanita.

Pun begitu, kita menggalakkan bagi orang lelaki untuk menceburi bidang ini kerana kita tidak had kepada sesiapa. Kita juga mengadakan hubungan yang rapat dengan platform-platform sebagai *Shopee*, *Lazada* dan sebagainya untuk mempromosikan lagi, untuk pastikan ekonomi kita tidak terkesan, bertambah-tambah dalam keadaan COVID-19 yang kita masih hadapi sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 dan Usul Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 18 Ogos 2020”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**MENURUNKAN SAMAN RM1000 UNTUK KESALAHAN
TIDAK MEMAKAI PELITUP MUKA**

11.32 pg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bahawa saya Ahli Parlimen Bandar Kuching mohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membahaskan berkenaan keperluan kerajaan untuk meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk menurunkan saman RM1,000 yang dikenakan untuk kesalahan tidak memakai pelitup muka di kawasan sesak.

Usul ini adalah perkara tertentu iaitu berkaitan dengan pelan kerajaan untuk menguatkuasakan polisi pelitup muka mandatori di tempat sesak sejak 1 Ogos 2020 dan juga kekeliruan yang telah ditimbulkan disebabkan definisi “tempat sesak” yang tidak begitu jelas dan penguatkuasaan yang tidak tentu dan juga hukuman saman yang terlalu berat diberikan kepada mereka yang melakukan kesalahan tersebut.

Usul ini juga ialah usul berkehendak disegerakan kerana polisi pelitup muka ini telah pun dikuatkuasakan sejak 1 Ogos dan sejak itu bukan sahaja ada kekeliruan tetapi golongan miskin dan pelajar telah dikenakan saman RM1,000. Dengan definisi yang kurang jelas dan juga hukuman berat, ini juga akan meningkatkan risiko penguatkuasaan selektif dan orang yang tidak sepatutnya dikenakan hukuman berat ini. Oleh itu, satu persetujuan harus disegerakan supaya tidak ada lagi yang akan menjadi mangsa oleh hukuman berat di bawah akta ini.

Usul ini juga melibatkan kepentingan ramai kerana polisi mandatori ini memberikan kesan kepada semua rakyat tak kira bangsa, agama, miskin atau kaya. Sejak pelaksanaan polisi pelitup muka mandatori, kami telah mendapat pelbagai rintihan dari orang awam berkenaan bukan sahaja kekeliruan tetapi saman yang dikeluarkan adalah tidak setimpal dan saksama terutamanya kepada golongan miskin, OKU, pelajar dan B40.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan untuk meminda akta ini dan menurunkan denda RM1,000 yang dikenakan khusus untuk kesalahan tidak memakai pelitup muka di kawasan sesak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching pada hari Khamis, 13 Ogos 2020. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ialah bahawa bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (a) tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (b) kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) berkehendakkan disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. [*Dewan tepuk*] Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6) usul ini akan dibahaskan pada hari ini, Isnin, 17 Ogos 2020, jam 2.30 petang di Kamar Khas. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*] Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah

disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020." **[13 Ogos 2020]**

11.36 pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya ada senarai tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyambung perbahasan. Dimulakan dengan Yang Berhormat Gerik untuk menyambung perbahasan empat minit kemudian di... *[Disampuk]* Sambungan, ada *balance* baki. Kemudian Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kangar dan yang terakhir Yang Berhormat Jelebu. Dengan itu saya ingin menjemput Yang Berhormat Gerik untuk perbahasan. Masa empat minit.

11.36 pg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung semual perbahasan pada hari Khamis. Sebelum itu Yang Berhormat Arau telah bangun, saya beri laluan. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh kerana tidak ada peluang untuk berucap pada hari ini saya akan mencelah sebanyak yang mungkin ya. Yang Berhormat, pada perbahasan yang lepas, Yang Berhormat Langkawi telah maklumkan kedudukan Yang Berhormat Langkawi bahawa Yang Berhormat Langkawi tidak berhenti jadi Perdana Menteri kerana PH telah bubar ya.

Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, pada 23 Februari 2020 pada pukul 11.00 pagi sampai 3.00 petang, BERSATU telah buat mesyuarat dan telah membuat keputusan bahawa BERSATU akan keluar daripada PH kerana bahayanya DAP dan juga mereka juga tidak mahu Yang Berhormat Port Dickson. Pada pukul 4.00 petang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah panggil semua presiden parti iaitu UMNO, BERSATU, PAS, GPS dan Timbalan Presiden PKR. Dimaklumkan BERSATU telah pun membuat keputusan untuk keluar PH dan sebuah kerajaan perpaduan akan diwujudkan. Maka mesyuarat tersebut berakhir pada 5.30 petang. Masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat sokongan sebanyak 131 majoriti.

Pada pukul 6.00 petang, seramai lima orang presiden termasuk Yang Berhormat Timbalan Presiden PKR, mereka telah berjumpa dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Benda yang sama telah dibincangkan dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertanya tiap-tiap parti bahawa mereka bersetuju untuk menubuhkan sebuah kerajaan menyokong Yang Berhormat Langkawi sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sokongan sebanyak 131 undi.

Sebelah malam itu, kami yang tidak tahu apa pun yang berlaku telah dijemput untuk pergi Hotel Sheraton, makan di Hotel Sheraton tetapi tidak ada apa-apa ucapan, apa-apa perancangan. Kami hanya hadir makan tetapi banyak orang yang tidak tahu apa yang berlaku, mereka berkata langkah Sheraton. Langkah apa? Kami tidak tahu pun, kami hanya disuruh hadir makan dan kami bertanya apakah makan ini? Siapa yang anjur? Juga tidak tahu, yang paling penting masa itu saya belum pengerusi...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Langkah makan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...*Backbencher* lagi. Hanya makan, makan dan terus kami makan. Esoknya, pada 24 Februari 2020, pada pukul 8.00 pagi, Timbalan Presiden PKR dan juga Presiden BERSATU berjumpa dengan Yang Berhormat Langkawi. Muka Yang Berhormat Langkawi berubah dan mukanya tidak seperti semalam.

Rupanya Yang Berhormat Langkawi telah menghantar surat untuk berhenti daripada jadi Perdana Menteri di lewat tengah hari. Selepas itu, berlaku pada waktu petang di mana ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebutkan bahawa dia telah memujuk Perdana Menteri supaya tidak berhenti tetapi Perdana Menteri telah berhenti.

■1140

Kita hairan Yang Berhormat Langkawi menerima lantikan sebagai interim *Prime Minister* walaupun tidak ada dalam Perlembagaan berbuat demikian. Jadi bermakna, Yang Berhormat Langkawi masih berminat untuk menjadi Perdana Menteri. Akan tetapi apabila Perdana Menteri berhenti menjadi Perdana Menteri, BERSATU masih bersama dengan PH. Semasa Kerajaan PH itu, Perdana Menteri berhenti semasa Kerajaan PH tidak ada masalah.

Akan tetapi apabila BERSATU dapati Perdana Menteri telah berhenti, BERSATU cepat-cepat isytihar keluar daripada PH kerana PH tidak boleh meneruskan pemerintahan mereka dalam keadaan bahawa mereka tidak mendapat sokongan. Maka berlakulah peristiwa selanjutnya, Ahli Parlimen telah dipanggil ke istana pada hari Selasa dan hari Rabu.

Kita dapati bahawa Yang Berhormat Langkawi tidak mendapat sokongan majoriti, Yang Berhormat Port Dickson pun tidak mendapat sokongan majoriti. Ahli-ahli Parlimen telah membuat keputusan yang kedua, memberi sokongan kepada Tan Sri Muhyiddin pada hari Jumaat dan Tan Sri Muhyiddin telah mengangkat sumpah pada hari Ahad. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Pagoh, Tan Sri Muhyiddin adalah penyelamat, bukan pengkhianat sebab dia...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa ini, apa dia cakap...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...mengambil alih jawatan tersebut apabila Yang Berhormat Langkawi tidak mendapat sokongan majoriti...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sudah dapat GLC kah? Sudah dapat GLC kah belum?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak mendapat sokongan majoriti...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Masa habis sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...dan Yang Berhormat Port Dickson pun tidak mendapat sokongan majoriti. Jadi, kita hentikanlah supaya sejarah yang saya baca tadi ini menjadi catatan sejarah bahawa tidak ada pengkhianat di sini. Akan tetapi Yang Berhormat Langkawi sebagai orang yang saya paling hormati, menerima hakikat bahawa telah berhenti semasa PH masih dalam kerajaan. BERSATU belum isytihar...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...walaupun dia sudah buat keputusan, dia tidak isytihar keluar PH.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi dengan ini, tidak boleh...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...menuduh BERSATU...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...pengkhianat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh saya minta penjelasan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kedua, mereka telah membuat...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Arau, saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...perjumpaan...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...hanya hendak tanya, untuk mereka yang keluar...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...pada hari Jumaat...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...daripada UMNO, hendak tanya parti...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Duduklah!

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...mereka adalah pengkhianat atau tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini penyibuk, penyibuk jangan sibuk lagi. Saya hendak bagi habis ini. Jadi...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Masa habis sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...37 orang Ahli Parlimen, 26 orang daripada BERSATU, 11 orang daripada PKR telah berkumpul beramai-ramai menyatakan sokongan kepada Yang Berhormat Pagoh untuk menjadi Perdana Menteri dan Yang Berhormat Langkawi telah berkata, kalau Yang Berhormat Pagoh mendapat sokongan, saya juga akan menyokong Yang Berhormat Pagoh.

Kami UMNO pada masa tersebut semasa berjumpa Yang di-Pertuan Agong agak kecewa sebab apabila Yang Berhormat Langkawi kata, saya terimalah UMNO ini tetapi empat, lima orang individu saya tidak terima. Jadi, kami kecewa. Sepatutnya terima sebuah parti, sebab apa? Yang Berhormat Langkawi panggil Presiden UMNO lima kali, tiga di rumah, dua di pejabat untuk berbincang kerajaan perpaduan. Kalau sekiranya Presiden UMNO pengkhianat, kenapa dipanggil berbincang? Lima kali. Sampai hari yang terakhir...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Masa sudah tamatlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...pada 23 hari bulan. Ini menunjukkan bahawa tidak boleh menuduh kumpulan daripada BERSATU pengkhianat. Oleh kerana 37 orang yang menyokong Yang Berhormat Pagoh itu, termasuk lima orang yang hadir di sini menyokong Yang Berhormat Pagoh untuk menjadi Perdana Menteri dan 37 orang telah membuat keputusan di sebuah yayasan dekat Masjid Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...37 orang. Ini rekod. *[Dewan riuh]* Tidak apa. Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini ialah rekod sejarah yang telah diberikan kepada saya dan saya baca sejarah tersebut. Saya hendak nyatakan di sini bahawa...

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Masa sudah tamatlah, masa sudah tamat.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Langkawi ada selepas ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Tan Sri Muhyiddin, Yang Berhormat Pagoh adalah kerajaan yang sah, bukan diiringi oleh— bukan sebagai pengkhianat. Dia sebagai penyelamat kepada masalah yang negara hadapi dan akhirnya...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: GLC sudah dapat kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...dia telah dapat menangani masalah pandemik COVID-19 dan dalam masa yang sama dapat menangani masalah ekonomi yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okeylah, duduk lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...yang mana kerajaan yang diterajui...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...bersama oleh DAP gagal untuk...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Membazir masalah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...menangani ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Arau tadi sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan penjelasan tadi saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Arau. Sekian, terima kasih. Saya menyokong tambahan bajet ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau hendak cakap Yang Berhormat Pagoh lagi hebat daripada Yang Berhormat Bagan Datok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Langkawi, 15 minit. Silakan Yang Berhormat.

11.44 pg.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berbincang berkenaan dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Usul ini adalah berkenaan dengan tambahan peruntukan wang untuk jawatan-jawatan Menteri dan sebagainya yang tidak ada dahulu, yang tidak termasuk dalam anggaran perbelanjaan asal.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi masalah wabak COVID-19. Wabak COVID-19 ini adalah berlainan daripada wabak yang lain kerana ia menghalang semua orang daripada bekerja. Semua orang telah diarah supaya tinggal di rumah dan tidak bekerja. Bagi kebanyakan daripada orang yang tidak bekerja, ini bermakna mereka tidak ada pendapatan. Mereka tidak boleh berbelanja untuk sara hidup mereka. Ini sudah tentu syarikat-syarikat dan individu yang biasanya membayar cukai kepada kerajaan, cukai pendapatan dan sebagainya, tidak membayar cukai.

Dalam keadaan wabak ini, semua negara di dunia ini menghadapi penurunan prestasi ekonomi, yang mana ini bermakna bahawa tidak ada segala industri, perniagaan-perniagaan dan lain-lain yang berjalan dan menjana kekayaan. Daripada itu, kita dapati bahawa Lembaga Hasil Dalam Negara umpamanya, tidak dapat mengutip cukai seperti biasa. Ini bermakna bahawa kerajaan kekurangan wang secara yang cukup teruk, tidak pernah berlaku sampai macam ini yang mana kerajaan terputus punca kewangan yang biasa didapati olehnya.

Dalam keadaan ini, kerajaan sepatutnya mengurangkan perbelanjaan supaya kita tidak mempunyai defisit yang terlalu tinggi. Akan tetapi kita dapati dalam usul ini, kerajaan bercadang untuk menambah perbelanjaan, bukan mengurangkan tetapi menambah perbelanjaan. Ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Sebagai kerajaan, kita harus mengurus kewangan negara dengan bijak. Apabila kita mempunyai banyak wang, berbelanjalah tetapi apabila kita kekurangan wang, kita kurangkan belanja.

Akan tetapi di sini kita dapati bahawa pihak kerajaan telah menambah bilangan anggota Kabinet dengan tidak mengambil kira kemampuan kerajaan. Kalau dahulu apabila Pakatan Harapan menubuhkan kerajaan, kita mengurangkan bilangan Menteri-menteri dalam Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.

Akan tetapi kita dapati dalam keadaan yang mana pendapatan kerajaan ini berkurangan, ditambahnya Menteri sehingga lebih daripada 30 dan ada pula Menteri-menteri yang istimewa yang menjadi Menteri Kanan dan Menteri yang ditugaskan untuk kononnya menjaga perhubungan tertentu dengan negara-negara di Timur Tengah. Mereka ini diberikan taraf Menteri, bermakna bahawa mereka akan dibayar gaji Menteri dan segala kemudahan untuk Menteri akan diberikan kepada mereka.

Ini bermakna bahawa wang sebanyak RM77 bilion perlu ditambah untuk pegawai-pegawai yang sebenarnya tidak ada kerja apa pun, *sinecure job*.

■1150

Ini akan mengurangkan keupayaan negara untuk menangani masalah kekurangan wang untuk mengurus tindakan-tindakan melawan wabak COVID-19 ini. Saya berpendapat bahawa tindakan ini tidak bijak dan merugikan kerajaan dan pihak saya tidak boleh sokong satu pembaziran yang dibuat secara terbuka oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa usul ini patut ditolak sama sekali oleh Dewan ini. [*Tepuk*] Jika Dewan ini bertanggungjawab. Kalau Dewan ini pun tidak bertanggungjawab, bolehlah sokong dan kita akan membazirkan wang untuk jawatan-jawatan Menteri hanya dengan niat hendak dapat sokongan daripada orang-orang ini, diadakan jawatan-jawatan *special* supaya mereka ini dapat saraan yang lebih daripada biasa.

Oleh sebab itu, pihak saya dapati bahawa ini adalah satu pembaziran yang perlu ditolak oleh Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Langkawi, sudah selesai? Terima kasih, Yang Berhormat sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik.

11.52 pg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sik bersama untuk menyokong Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2020.

*Alkisah bumi bertuah ini,
Impian dibina makmur mandiri,
Tercapai merdeka berdaulat sendiri,
Sejarah negara membangun pertiwi.*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini sangat penting untuk kita melihat dan mengurus serta melaksanakan lagi perkhidmatan dan juga pembangunan kepada seluruh rakyat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sik, Pontian boleh?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin menyatakan di sini bahawa rang undang-undang ini adalah untuk menguntukkan semula sejumlah wang. Ia bukan

ada penambahan bajet apa-apa. Bererti jika RM7.184 bilion dalam Bajet 2020, ini juga sama RM7.184 bilion menguntukkan semula. Ia tidak ada sebarang penambahan bajet.

Kalau Yang Berhormat Sik tidak percaya nanti Timbalan Menteri akan menjawab. Saya tidak mahu mencelah Yang Berhormat Langkawi tadi sebab saya menghormati Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Masukkan dalam ucapan saya dan dijawab oleh Menteri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti sejumlah wang yang disalurkan ini biarlah disebut ia berbaloi untuk rakyat dan diterima dan dilaksanakan secara saksama dan adil kepada seluruh rakyat sama ada di desa ataupun di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama untuk melihat satu perkara yang penting dalam urusan pentadbiran negara kita iaitu soal pendidikan. Bagaimana kita melihat hari ini pendidikan kita secara umum dan rasminya disusun dengan baik dalam formal ataupun dalam sistem pendidikan di peringkat paling awal di tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat universiti.

Namun demikian, kita melihat ada satu ruang lagi yang boleh diisi iaitulah ketika mana ada di kalangan rakyat yang sudah pun lanjut usia dan di kalangan warga emas di ketika mana mereka juga ingin menyambung pelajaran dan menambahkan ilmu...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat, minta mohon mencelah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, sila.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Tadi Yang Berhormat Sik tekankan berkenaan pentingnya pendidikan dan saya setuju dengan izin Yang Berhormat pun daripada Parti PAS kalau boleh saya tekankan di sini. Saya ingat lagi apabila saya merupakan salah seorang mahasiswa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, MPP kebanyakannya datang daripada pimpinan muda daripada parti Yang Berhormat yang sangat lantang bersuara dan tidak takut dengan apa-apa ugutan walaupun wujudnya Akta AUKU itu yang tersendiri.

Saya ingat mereka sendiri, GAMIS dan yang lain mendesak kerajaan untuk memansuhkan AUKU atau sekurang-kurangnya untuk mereformasi AUKU supaya semua anak muda, tidak kira daripada parti mana pun, ideologi apa pun mereka pegang tetapi mereka ada hak untuk bersuara atau melibatkan diri mereka dalam penggubalan dasar dan untuk membangunkan negara bersama.

Persoalan saya, adakah Yang Berhormat akan menyokong pendirian kerajaan pada hari ini di mana mereka tidak ingin lagi menyemak semula Akta AUKU yang menyekat suara anak muda daripada semua parti? Saya berharap Yang Berhormat akan setuju bahawa pindaan dan reformasi AUKU itu perlu diteruskan, tidak kira sesiapa pun dalam kerajaan pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, peringkat saya di peringkat anak muda dalam parti saya sentiasa konsisten bahawa anak muda perlu diberi ruang, diberi satu kebebasan untuk mereka memberi pandangan, memberi lontaran, idea kepada kerajaan dan anak muda ini ada semangatnya yang perlu diraikan— sebahagian mereka juga sebahagian daripada kelompok yang ingin membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung tadi...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Minta laluan Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ringkas sikit, ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat kagum apabila Yang Berhormat Sik mengatakan pemuda PAS masih lagi konsisten menyokong agar anak muda boleh bersuara.

Persoalannya, apakah Yang Berhormat Sik setuju bahawa AUKU perlu dimansuhkan dan digantikan dengan rang undang-undang yang lebih komprehensif seperti mana yang telah diusahakan oleh kerajaan terdahulu demi bukan hanya untuk memberikan ruang kepada anak muda bersuara tetapi juga memberikan mereka lebih ruang di dalam pembuatan keputusan dan terlibat dalam hal ehwal akademik dan bukan akademik di dalam kampus dan di luar kampus demi memantapkan mereka dan demi menjadi universiti sebagai medan intelektual terbuka. Setuju ataupun tidak setuju? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Simpang Renggam, kita sudah pun maklum bahawa AUKU itu tidak boleh dihapuskan kerana ia adalah satu akta untuk mengurus dan mentadbir institut pengajian mereka. Namun,...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ia seperti— kita telah bersama-sama...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, saya faham, saya faham.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: ...Menggubal undang-undang yang lebih komprehensif, menggantikan AUKU yang telah lapuk.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan bahas ini.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Itu boleh dilakukan dan ia dengan mendapat nasihat daripada pakar undang-undang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, sudah pasti Kerajaan Perikatan Nasional hari ini melihat ruang-ruang itu untuk dikaji dengan lebih meluas dan sudah pasti Perikatan Nasional sangat mengalu-alukan satu pandangan baru daripada kalangan rakyat dan tidak ada dalam tempoh kita menjadi kerajaan ini, sekatan kepada anak-anak muda untuk mereka berkempen, untuk mereka memberi pandangan dan sebagainya. Itu jelas dasar kita hari ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Sik, boleh minta sikit. Yang Berhormat Sik, Kangar?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Adakah itu bermaksud sekarang Yang Berhormat Sik dan juga PAS menyokong AUKU pula? Terima kasih.

[Dewan ketawa]

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Maaf Yang Berhormat Sik. Yang Berhormat Sik, Pasir Mas minta laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya bagi Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Setujukah Yang Berhormat Sik bahawa ketika kerajaan yang diterajui oleh Pakatan Harapan dulu membentangkan rang undang-undang untuk meminda AUKU ini, Dewan Rakyat ini mencatat sejarah meluluskan usul dan pindaan tersebut sebulat suara termasuk PAS pada masa itu.

Jadi tidak timbul isu bahawa AUKU akan diteruskan semula dan sebagainya tetapi usaha-usaha untuk memindah baik AUKU itu sentiasa berjalan dari semasa ke semasa dan tidak timbul soal PAS sokong atau tidak AUKU kerana telah diluluskan pindaan terhadap AUKU sebulat suara dalam Dewan ini.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Pasir Mas, kalau saya boleh diberikan sedikit sahaja— 15 saat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Cukuplah, saya ingat cukup. Nanti saya tidak ada masa banyak.

Ya, jelaslah Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Simpang Renggam dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Pasir Mas yang disebut tadi, jelas dan sudah dicatat bahawa dalam Dewan kita ini, kita telah membuat pindaan AUKU ini dan PAS sendiri menyokong dengan sepenuhnya. Tidak ada soal kita patah balik ke belakang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat bahawa suatu perkara yang penting untuk dilihat oleh kerajaan berkaitan dengan Institusi Tahfiz Negara yang pada hari ini jumlahnya hampir 1,000 tahfiz. Persoalan yang timbul di peringkat pentadbiran dan juga di kalangan ibu bapa dan pelajar-pelajar itu sendiri ialah sebahagian besar tahfiz kita masih belum dipenuhi iaitu mereka mendaftar dengan kerajaan.

■1200

Dalam rekod pada tahun 2019, hanya lebih kurang 617 buah tahfiz yang berdaftar. Sudah pastilah ini memberi satu kesan kepada proses penyaluran bantuan-bantuan yang telah pun diperuntukkan oleh kerajaan.

Begitu juga dalam soal kebolehpasaran pelajar-pelajar lepasan institusi tahfiz ini perlu dilihat oleh kerajaan bahawa ia sangat penting untuk dinaik taraf dan dikembangkan bahawa pelajar-pelajar tahfiz ini juga ada peranan mereka dalam pasaran kerja. Ini termasuklah kita mengimpikan bahawa seluruh institusi masjid dalam negara kita yang ada lebih daripada 6,000 buah masjid itu, pada satu masa nanti imam dan bilalnya adalah di kalangan graduan-graduan tahfiz ini. Mereka boleh menjadi penggerak kepada institusi masjid dan menggerakkan institusi kariah itu sendiri yang saya sebut perlu ada satu transformasi kariah iaitu membangunkan masjid sebagai medan untuk menjadi satu institusi mengembang dan mendidik masyarakat, mendidik anak-anak muda, melihat orang-orang susah dan melaksanakan program pembangunan di kariah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan persoalan berkaitan dengan Dasar Penyiaran Negara. Pada hari ini kita melihat perkembangannya yang sangat pantas, khususnya kita berhadapan dan bersaing dengan media-media baharu. Namun demikian, ingin saya lontarkan bagaimana kerajaan perlu melihat dasar penyiaran ini perlu dengan lebih jelas, perlu ada satu dasar untuk menyatakan penyiaran ini penting dalam soal mendidik masyarakat dan rakyat.

Jikalau kita lihat dari segi peratusan kategori rancangan-rancangan di TV sama ada di TV swasta ataupun yang dikawal oleh kerajaan, nampak terlalu sedikit slot-slot ataupun program-program segmen berkaitan dengan ilmu dan pengetahuan yang penting untuk kita jadikan medium kepada pendidikan rakyat. Saya ambil contoh dalam rancangan TV1, rancangan sukan sebanyak 33 persen, memasak sebanyak tiga persen, drama bersiri sebanyak 10 persen, dokumentari sebanyak 13.3 persen, telefilem sebanyak 10 persen dan berita sebanyak 30 persen.

Begitu juga kalau dilihat dalam segmen program di TV3 yang tertinggi ialah rancangan untuk kanak-kanak sebanyak 23 persen termasuk sinetron Indonesia sebanyak 16.87 persen. Jadi soalnya ialah kenapa peratusan segmen yang kita ambil daripada luar negara ini. Adakah kita hendak jadikan Malaysia ini, wajah kita seperti sinetron Indonesia? Atau kita tidak melihat bahawa ia memberi kesan kepada perkembangan khususnya kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang terakhir...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sik, minta celahan sedikit?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Boleh? Saya amat tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Sik, Tuan Yang di-Pertua. Perlu disebutkan juga *TV Al-Hijrah* itu TV Islam sudah. Memang *fully Islamic* di situ. Cuma yang saya ingin bawa, setujukah Yang Berhormat Sik jikalau kita mengatakan bahawa kita perlu menghidupkan semula TV Pendidikan kerana *content* dengan izin kandungan pendidikan itu yang kurang. Kita ada TV pelbagai tetapi malangnya hanya dua jam sahaja diperuntukkan untuk pendidikan— melalui RTM, okey. Berbanding Republik Indonesia, jiran kita yang memperuntukkan sehari selama enam jam siaran pendidikan. Jiran kita di Thailand, telah meletakkan saluran yang khusus untuk pendidikan mengikut tingkatan, mengikut darjah.

Di sini kita lihat perlunya ada usaha sama di antara KKM di antara KPM dan juga pihak terbabit yang lain terutamanya di pihak swasta untuk memastikan ada lebih banyak program-program berunsurkan pendidikan. Program agama kita sudah ada TV Al-Hijrah saya kira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya sangat-sangat bersetuju dan masukkan dalam ucapan saya untuk dilihat oleh kementerian.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan persoalan kesamarataan penduduk khususnya di kalangan penduduk luar bandar dan penduduk bandar. Kita melihat kadar kemiskinan mutlak dengan izin, *absolute poverty* menunjukkan penurunan dari 7.6 persen pada tahun 2016 kepada 5.6 persen pada tahun 2019. Namun demikian, kadar kemiskinan relatif pula sebaliknya meningkat iaitu daripada 15.9 persen kepada 16.9 persen. Jadi, ini adalah satu perkara yang perlu dilihat secara serius oleh semua kementerian, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ada peranan besar untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar. Ini kerana dilihat di sini kadar kemiskinan luar bandar masih tinggi iaitu pada tahun 2019 sebanyak 12.4 persen.

Jadi, sudah pastilah, khususnya saya di daerah antara termiskin di daerah Sik begitu juga daerah Baling dan sebagainya, kadar kemiskinan masih lagi tinggi. Ramai lagi di kalangan penduduk yang tidak mempunyai rumah kediaman yang selesa. Ada di antara mereka yang masih menggunakan sumber air daripada bukit ataupun sumber daripada parit yang tidak sempurna sistemnya. Sudah pasti juga...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Sik, sedikit.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Adakah Yang Berhormat Sik bahawa Yang Berhormat Langkawi menyatakan sebentar tadi bahawa bantuan COVID-19 yang disalurkan adalah pembaziran untuk rakyat yang susah untuk seperti di kawasan Sik tadi? Adakah Yang Berhormat Sik bersetuju?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya. Kalau itu disebut oleh Yang Berhormat Langkawi, sangat tidak tepat dan sudah pasti rakyat saya di Sik, sangat juga tidak bersetuju dengan kenyataan itu.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu dakwaan jahat. Mana ada Yang Berhormat Langkawi cakap macam itu. Takkanlah boleh lepaskan di dalam Dewan Rakyat macam itu dan YB Sik boleh bersetuju pula. Tidak betul itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami tidak boleh cakap apa-apa kah Tuan Yang di-Pertua? Dia orang sahaja boleh cakap? Kami cakap yang betul itu pun hendak marah. Cara diolah Yang Berhormat Langkawi itu tadi seolah-olah...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Seolah-olah macam tidak relevan bajet itu ditolak.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Peraturan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini adalah untuk COVID-19...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Peraturan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Di antaranya.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Peraturan 12, 36.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Jerlun, peraturan mana?

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Peraturan 36(12) Tuan Yang di-Pertua. Pernyataan tadi dikatakan bahawa kononnya Yang Berhormat Langkawi tidak sokong peruntukan tambahan untuk COVID-19 dan ini akan membebaskan masyarakat yang termiskin. Ini satu dakwaan jahat Yang Berhormat. Mana ada pernah Yang Berhormat Langkawi kata begitu. Tolong tengok *Hansard* balik apa yang Yang Berhormat Langkawi cakap sebenarnya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Muar.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya ingat benda yang sama.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Benda yang sama.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Okey, baik. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Kita lihat balik *Hansard* ucapan daripada Yang Berhormat Langkawi dan sudah ada jawapan daripada pihak kementerian sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya merumuskan bahawa sudah pasti peruntukan perbelanjaan tambahan ini sangat dinantikan oleh seluruh rakyat dan mereka melihat apa yang mereka dapat perolehi daripada peruntukan ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka khususnya penduduk luar bandar di sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh saya mencelah? Tidak sempat, boleh mencelah? Boleh kah atau tidak boleh?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya pun sudah habis sudah.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Sudah habis sudah? Okey, tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuantan.

12.08 tgh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya diberi peluang untuk membahaskan penguntukan semula perbekalan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penguntukan semula seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Penguntukan semula sebanyak RM7.184 bilion belanja mengurus dan sebanyak RM7.867 bilion belanja pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, saya kira ini adalah satu cara mengelirukan rakyat. Ini kerana sebenarnya, saya ada juga perbekalan tambahan nanti yang diperlukan.

Kenapa saya kata demikian? Ini kerana kita ada tambahan Menteri, Timbalan Menteri dan kita ada tambahan kementerian. Apabila ada penambahan Menteri, Timbalan Menteri dan juga penambahan kementerian, tentu sekali ada penambahan dari segi emolumen. Ini tidak ditunjukkan oleh Menteri Kewangan di dalam rang undang-undang ini.

■1210

Saya cabar Yang Berhormat Menteri Kewangan letak tambah, satu, apa dia jumlah yang diperlukan untuk emolumen Menteri, Timbalan Menteri dan KSU kementerian-kementerian yang baharu. Kalau tidak, kita tidak boleh luluskan rang undang-undang ini. Ini kerana dahulu kita ada Menteri pada waktu PH, kita ada sejumlah Menteri dan Timbalan Menteri tidak sampai 50 orang, 48 orang. Akan tetapi sekarang kita ada dekat 70 orang.

Maksudnya ada penambahan 20 Menteri Dan Timbalan Menteri dan ada kementerian-kementerian yang baharu. Jadi emolumen tidak dimasukkan— Menteri dan Timbalan Menteri ini tidak dimasukkan dalam penguntungan semula. Jadi ini mengelirukan Dewan, cuba main wayang sahaja dengan mengatakan tidak ada sejumlah wang yang baharu yang diuntukkan untuk kementerian-kementerian baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk mengupas sedikit berkenaan dengan pembentukan kementerian-kementerian yang baharu ini. Kementerian Alam Sekitar dan Air, pada pandangan saya, Jabatan Alam Sekitar memang wajar diangkat untuk menjadi satu kementerian. Ini kerana alam sekitar dan *sustainability* merupakan suatu unsur yang amat penting apabila kita ke hadapan, berhadapan dengan perubahan iklim dan sebagainya. Namun pada pandangan saya, ia tidak perlu kepada pembentukan kementerian baharu. Ini kerana kalau kita tengok pada waktu PH, kita ada MESTECC dan kita ada KATS. Dua kementerian ini kalau kita strukturkan semula sudah cukup untuk kita memasukkan Kementerian Alam Sekitar dan Air ini. Pada pandangan saya, kita tidak perlu membentuk Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Kalau kita ambil Jabatan Alam Sekitar daripada MESTECC dan kita masukkan kepada KATS, kita boleh dapat Kementerian Alam Sekitar dan Air yang lebih baik.

Kenapa saya katakan demikian? Ini kerana Kementerian Tenaga dan Sumber Asli kalau kita tengok penguntungan semula di dalam rang undang-undang ini, kita tidak nampak penguntungan semula untuk sumber asli. Kita hanya nampak penguntungan semula daripada MESTECC kepada tenaga. Di mana letaknya sumber asli? Walaupun diletak di dalam Kementerian Tenaga dan Sumber Asli tetapi tidak ada penguntungan semula sejumlah wang untuk program sumber asli.

Kalau kita tengok kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air, kita lihat bahawa di dalam Kementerian Alam Sekitar dan Air ada agensi-agensi yang memberi tumpuan kepada *climate change*. Itu memang penting. Kita lihat ada agensi yang memberi tumpuan kepada air, ini juga penting. Kita lihat ada agensi yang memberi tumpuan kepada pencemaran, ini juga penting. Akan tetapi ia berkait rapat dengan sumber asli dan biodiversiti. Kesemua perubahan iklim berkait rapat dengan pencemaran, berkait rapat dengan hutan dan sumber asli. Contoh, sekiranya berlaku pembalakan yang berlebihan ataupun perlombongan ataupun pengambilan pasir yang berlebihan, ia akan berkait dengan banjir. Ia akan berkait dengan perubahan iklim. Ia akan berkait dengan banyak faktor yang lain dan ia terlibat di situ JPS dan sebagainya.

Jadi, sumber asli sudahlah tidak diuntukkan, ada peruntukan di dalam Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan kemudian dipisahkan pula daripada Kementerian Alam Sekitar dan

Air. Diwujudkan semata-mata untuk memberi imbuhan dan untuk mendapatkan sokongan kepada Menteri dan Perdana Menteri di dalam Kerajaan Perikatan Nasional. Ini dia yang kita hendak soalkan ya. Maksudnya di sini kita boleh hendak jadikan ia lebih efektif dan ia lebih efisien. Akan tetapi jangan semata-mata kita tambah kementerian, kita struktur semula kementerian semata-mata untuk mendapatkan sokongan. Ini yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sama ada kita akan melihat kepada hubungan *Federal* dan negeri. Yang Berhormat Menteri akan jawab ini di bawah bidang kuasa negeri, sumber asli di bawah bidang kuasa negeri. Tanah, bauksit, lombong, bijih, pasir semua, balak juga di bawah bidang kuasa negeri. Akan tetapi bagaimana Kementerian Alam Sekitar dan Air ini boleh mengawal hubungan antara *Federal* dan negeri. Ini juga harus dilihat sebagai satu peranan yang penting bila kita wujudkan satu Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Saya ingin pergi seterusnya kepada Kementerian Perpaduan Negara. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara yang dilantik. Dia kawan saya. Namun pada pandangan saya, tidak perlu wujud satu Kementerian Perpaduan Negara, ia cukup dengan berada di Jabatan Perdana Menteri kerana Kementerian Perpaduan Negara merupakan satu kementerian yang begitu kecil. Kita di bawah Kementerian Perpaduan Negara hanya ada rukun tetangga, ada *interfaith* dan ada MITRA dan tak perlu kepada penambahan satu kementerian. Cukup dengan berada di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana bila kita ada kementerian, kita ada penambahan peruntukan, kita perlu ada KSU dan tak perlu kepada satu kementerian yang begitu kecil.

Kalau hendak wujudkan kementerian pun, seharusnya di bawah Jabatan Perdana Menteri itu kita wujudkan kementerian untuk hal ehwal agama. Sebab hal ehwal agama merupakan satu jabatan yang amat-amat besar di bawah Jabatan Perdana Menteri. JAKIM sahaja pun cukup untuk jadi satu kementerian, inikan pula di bawah hal ehwal agama ada JAKIM, ada MAIWP, ada YaPEIM, ada YADIM, ada JAWI, ada JKSM dan banyak lagi agensi-agensi, ada JAWHAR, ada Yayasan Wakaf dan sebagainya. Ini lebih layak dan wajar untuk diberikan satu KSU.

Saya ingat bagaimana sukarnya untuk menguruskan soalan-soalan Dewan— untuk menjawab soalan Dewan apabila melibatkan beberapa agensi di bawah hal ehwal agama. Di situ tidak ada satu *focal point* di bawah Menteri, tidak ada KSU yang mengurus bagaimana hendak menjawab soalan-soalan Dewan. Jadi kalau hendak beri kementerian, bukan perpaduan kalau di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau hendak jadikan kementerian, itu adalah hal ehwal agama. Jadi rasionalnya tidak kena. Jadi di sini kita persoalkan lagi bagaimana keputusan-keputusan yang dibuat untuk penguntungan semula bajet tahun 2020 ini.

Kemudian saya tengok pula kepada HDC. HDC dipindahkan daripada MEA dahulu dan sebelum dahulu, HDC ini di bawah MITI sebelum ini tetapi gagal. Lebih 10 tahun HDC ini gagal. Diletakkan di bawah MEA sewaktu Kerajaan PH. Ketika itu juga HDC tidak berfungsi. Sekarang diletak dan dibawa oleh Menteri yang bertanggungjawab dalam MITI. Saya juga lihat bahawa ia juga tidak akan berfungsi kerana menterinya Menteri yang sama.

Pada pandangan saya, HDC ini amat penting— satu agensi yang amat penting untuk membangunkan industri halal negara. Namun, saya kira industri-industri besar, mereka boleh hidup dengan sendiri tanpa bantuan HDC kerana yang perlu sangat bantuan untuk membangunkan industri halal ialah industri kecil, sederhana dan juga mikro. Saya lihat Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang baharu ambil berat berkenaan usahawan mikro dalam membangunkan industri halal. Saya kira HDC harus diletakkan di situ, bukan dibawa oleh Menteri yang sebelum ini tidak boleh buat kerja pun. Kalau di bawah HDC, saya tahu jumlahnya banyak dan ia memang untuk bagi imbuhan kepada kroni-kroni mereka untuk buat program-program. Jadi bukan untuk membangunkan industri halal terutamanya industri halal kecil, sederhana dan terutamanya mikro.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa kita kalau sekiranya perlu ada diwujudkan kementerian, ia seharusnya untuk membangunkan dan memperkasakan kerja-kerja dalam agensi di kementerian tersebut. Ia bukan sepatunya untuk memberi imbuhan ataupun untuk mendapatkan sokongan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Langkawi tadi. Yang Berhormat Pontian kata memang tidak ada tambahan. Sebenarnya yang tidak ada tambahan itu disorok Yang Berhormat Pontian dan tidak dibentangkan. Akan keluar pada tahun hadapan perbekalan tambahan. Tengoklah nanti. Sebab itulah saya cabar pada hari ini apabila Menteri menggulung, keluarkan jumlah emolumen Menteri, Timbalan Menteri dan KSU kementerian-kementerian yang ditambah ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbincangan saya buat kali ini...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Izinkan mencelah Yang Berhormat Kuantan?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, sila.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebutkan tentang industri-industri yang wujud dan juga tadi Yang Berhormat Langkawi ada sebutkan juga tentang industri-industri yang terjejas kerana COVID-19, kita tahu bahawa di sana perlunya beberapa perubahan yang radikal dan drastik demi menyelamatkan industri-industri dan juga ekonomi di negara ini.

■1220

Saya lihat di sini antara industri yang turut terkesan dan sehingga kini diramalkan akan mengambil masa dua tahun untuk pulih ialah industri yang melibatkan taman tema hiburan keluarga ataupun dengan izin *family theme park*. Yang mana sehingga ke hari ini mereka masih lagi dikenakan cukai di bawah Akta Duti Hiburan 1953, di mana ianya dimasukkan sekali dengan kategori kelab malam, perjudian, kasino dan lain-lain yang mereka dikenakan cukai yang begitu tinggi.

Terdapat surat permohonan daripada Persatuan Taman Tema dan Pusta Hiburan Keluarga Kesihatan Malaysia (MAATFA) pada zaman kerajaan yang sebelum ini lagi untuk mereka dikeluarkan daripada kategori tersebut dan sekarang kita lihat pandemik COVID-19 yang melanda menjadikan pengusaha-pengusaha pusat-pusat taman tema ini begitu terjejas teruk.

Walhal saya ingat lagi beberapa tahun yang lalu kita menyasarkan Malaysia untuk menjadi hab kepada pusat taman tema hiburan. Oleh kerana cukai yang tinggi, ramai pelabur yang tidak berani masuk dan yang masuk mengalami kerugian.

Kita boleh lihat di selatan tanah air, beberapa taman tema hiburan telah mengalami kerugian. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan, pertamanya untuk jangka masa panjang kita keluarkan pengusaha-pengusaha taman tema hiburan daripada Akta Duti Hiburan 1953 dan untuk tempoh pemulihan pandemik ini seperti mana yang diramalkan untuk pengusaha-pengusaha ini mengambil masa dua tahun, diberikan pengecualian cukai selama dua tahun kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya tertarik dengan poin yang dibawa oleh Yang Berhormat Simpang Renggam berkenaan dengan *family theme park*, di dalam keadaan pandemik ini dan kita masih lagi dalam apa orang kata mengamalkan PKP *restricted* keluarga-keluarga memang terkesan. Keluarga amat penting untuk berada dalam keadaan yang mana mereka boleh membawa anak mereka untuk bersiar-siar tetapi pada masa yang sama masih boleh mengawal penjarakan sosial. Jadi *family theme park* memang satu tempat yang sesuai sebab kawasannya luas dan mereka tidak bersesak-sesak.

Selalunya kalau kita boleh pastikan bahawa *family theme park* ini tidak bersesak-sesak, maka ia juga membantu ibu bapa untuk memikirkan bagaimana nak bawa anak-anak mereka sebab ia *open air* dan selalunya keluarga tak suka pergi ke *shopping mall* sebab tertutup. Jadi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam dan saya pohon dimasukkan juga pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam di dalam perbahasan saya. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kuantan sudah duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan.

12.23 tgh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya berpendapat bahawa penstrukturan ataupun menguntukkan peruntukan-peruntukan diagih-agihkan mengikut kementerian ini adalah sesuatu yang bukan luar biasa. Ianya perlu disusun dan perlu diurus supaya rakyat menerima impak dia juga iaitu contoh walaupun tadi saya sebetulnya Yang Berhormat Kuantan saya mendengar hujahnya bahawa hampir semua kementerian dia kata tidak perlu, tidak ada kepentingan contohnya Kementerian Perpaduan. Sedangkan Kementerian Perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua, kita harus lihat bahawa mana-mana negara perpaduan kaum dia tidak tersusun...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya kata jabatan sahajalah Yang Berhormat Kinabatangan, tak perlu kementerian.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak apalah. Yang Berhormat berucap, saya duduk diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kuantan hormat Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ucapan saya. Jadi, jadilah seorang pendengar pula. Yang Berhormat berucap pun saya dengar walaupun gatal telinga. Jadi pada saya, Kementerian Perpaduan Negara ini penting sebab mana-mana negara dalam dunia ini apabila perpaduan kaum dia tidak terurus, maka negara itu akan menjadi negara yang menjadi '*padang jarak, padang tekukur*'. Menjadi negara yang tidak tersusun, rakyat dia akan menjadi pelarian ke sana dan ke sini. Mungkin ini Yang Berhormat Kuantan hendakkan rakyat Malaysia berhijrah ke Indonesia kah, ke Filipina kah...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Sudahlah cakap Yang Berhormat Kinabatangan, tak faham!

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hai! Cari gaduh. [*Ketawa*] Terima kasih [*Ketawa*] Balik, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Jangan balik terus, ada undi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memang- bukan saya tujukan kepada ucapan Yang Berhormat Kuantan, cuma saya melihat bahawa perpaduan kaum ini penting sebab kita lihat bagaimana kerajaan negara kita ini. Negara kita ini negara majmuk, negara berbilang kaum. Pemimpin di sana, sini, di pentas mana-mana berucap kita berpadulah, bersatulah, perpaduanlah tetapi kita mengajar anak-anak kita berpecah belah melalui sekolah.

Sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan, macam-macam kemudian sudah besar enam tahun, oh! Kita mesti berpadu, kita mesti dalam satu bumbung tetapi kita tidak sedar bahawa perpecahan sudah mula berlaku di peringkat sekolah rendah.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pernyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi mengenai peri pentingnya kita beri perhatian kepada perpaduan sehingga sanggup kita tubuhkan sebuah kementerian khas untuk perpaduan. Saya tertanya-tanya, adakah ini pendirian yang serius oleh pihak Perikatan Nasional kerana selama ini kami dimaklumkan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional ini kerajaan Melayu Islam katanya, yang menekankan soal-soal kepentingan orang Melayu agama Islam dan seolah-olah mengabaikan hak dan kepentingan masyarakat lain.

Jadi nampaknya macam bercanggah pula pendirian Perikatan Nasional ini dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Memang pendirian kerajaan ini iaitu menjunjung agama Islam sebagai teras utama tetapi perpaduan kaum tidak boleh kita perkecilkan sama ada Islam, bukan Islam berbagai-bagai

bangsa. Oleh sebab itu kementerian ini hanya Yang Berhormat Kuantan yang menganggap ia tidak penting. Perpaduan ini terlalu penting sebab itu kerajaan fikir mewujudkan Kementerian Perpaduan Negara supaya Menteri dia dapat lebih fokus untuk menyatupadukan rakyat yang telah lama kita pecahbelahkan, yang telah lama dipolitikkan, yang telah lama diadu domba dan sebagainya.

Berpuluh-puluh tahun kita adu domba rakyat di bawah. Jadi saya tidak tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan Kulai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Siapa Yang Berhormat Kinabatangan hendak bagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan lama ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, saya dulu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang mana, yang mana?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang mana satu?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa tak dengar?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tak dengar. Dua-dualah. Terima kasih. Saya hendak tanya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang mulut jahat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang mulut jahat, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak apalah, tak apalah. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan yang bermulut baik. Saya puji ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetuju tak perpaduan ini nampaknya boleh dicapai melalui pengkhianatan. Sekarang ini nampaknya PAS, UMNO, Parti BERSATU yang satu lagilah nampaknya boleh bersatu dengan pengkhianatan madat rakyat ini. Setuju tak?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan Yang Berhormat ini kalau saya jawab Yang Berhormat kena, saya tidak jawab rakyat mula bertanya-tanya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebetulnya yang menganggap pengkhianatan ini mereka yang kecewa. Yang Berhormat sendiri pun pernah mengkhianati juga.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Betul, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mula-mula Yang Berhormat dari PAS keluar juga, ah!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kami keluar sebab PAS cakap, sebab itu kami keluar. Takkan tak faham itu *basic, ala* Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya cakap, saya cakap, susah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Keluar PAS sebab mereka hendakkan dengan UMNO. Hari ini mereka sudah berjaya. Tahniah kepada PAS dan juga UMNO.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai tanya. Kulai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi Yang Berhormat Baling lah Bung, bagi Baling.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Baling sekejap ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita ini masih lagi isu perpaduan, pengkhianatan dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan Yang Berhormat Baling kalau kita tengok apa yang telah berlaku pada Februari tahun ini, di mana Pakatan Harapan memerintah dia ada Majlis Presiden.

Semua presiden parti ada seorang pengerusi. Pengerusinya tidak lain tidak bukan Yang Berhormat Langkawi. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju sepatutnya Yang Berhormat Langkawi bincang dengan semua presiden itu menyatakan hasrat untuk Yang Berhormat Langkawi hendak letak jawatan sebagai Perdana Menteri.

Perkara itu tidak berlaku yang mana semua presiden itu tidak tahu Yang Berhormat Langkawi hendak letak jawatan. Mereka cuma tahu keesokan harinya setelah surat ini dihantar dan difaks sendiri ke Istana Negara.

■1230

Jadi, dalam hal ini, pengkhianat utama ataupun lebih senang hendak diberitahu, mereka ini siapa yang dikhianati? Siapa yang khianat siapa sekarang? Sehingga pecah-belah hari ini dan akhirnya, betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi, Yang Berhormat Pagoh menjadi penyelamat keadaan. Apakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat saya bagi Yang Berhormat Langkawi jawab. [Ketawa]

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ahli daripada Arau dan juga daripada Baling mengaku bahawa mereka tidak tahu apa yang berlaku di Hotel Sheraton. Kalau sudah tidak tahu, tidak usah cakaplah. [Tepuk]

Akan tetapi, yang saya tahu berkenaan dengan pengkhianatan. Satu orang masuk dalam parti berjanji untuk tolak parti yang memerintah kerana mereka terlibat kleptokrasi, curi duit, rasuah dan sebagainya. Rakyat percaya akan apa yang dinyatakan oleh orang ini. Setelah

rakyat pilih orang ini, mereka menolak harapan rakyat dan mengkhianati mereka dengan beralih untuk menyokong parti yang dulu katanya mereka melawan. Ini satu pengkhianatan juga.

Keduanya ialah rakan-rakan orang ini dalam parti yang sama...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan panjang.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Percaya bahawa dianya sama pendapat dengan mereka. Sebab itu mereka memberi tempat kepada orang ini. Tetapi apabila sudah menang, mereka menolak pendapat yang sama dengan rakan-rakan mereka dalam parti, sebaliknya pindah untuk masuk parti lawan. Ini juga satu pengkhianatan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, faham. Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Bagi saya, janji kerjasama tubuh sebuah parti untuk tujuan tertentu, tetapi apabila menang, orang itu sudah alih untuk menyokong, bukan saya tapi menyokong orang lain. Musuh kita.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Itu juga pengkhianatan. Apa lagi hendak berkenaan pengkhianatan kalau tidak faham apa maksud mengkhianati? Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, saya sebetulnya kurang berminat berbahas soal siapa mengkhianati siapa ini. Sebab ini teringat kita cerita Hang Tuah dengan Hang Jebat. Masing-masing ada dipertahankan.

Walau bagaimanapun, pada peringkat awalnya, rasa saya Yang Berhormat Langkawi orang pertama yang menerima kemasukan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pengkhianat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan pengkhianatlah. Kawan-kawan saya daripada UMNO kepada BERSATU.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia, penerimaan dia berpilih-pilih pula. Yang ini bersih, yang ini tidak bersih, yang itu hitam dan yang ini putih. Jadi, di situlah pergolakannya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dan yang membimbangkan kita pula, apabila Yang Berhormat Langkawi jadi Perdana Menteri, menjadi *President Counsel* dalam satu gabungan, tiba-tiba meletak jawatan. Itu yang sebetulnya yang kita mahu dengar. Kenapa letak jawatan dan tidak dimaklumkan?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Siapa yang ajar itu?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang ajar Yang Berhormat Langkawi dan siapa yang nasihat Yang Berhormat Langkawi? Adakah apa ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ARMADA, ARMADA.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...ARMADA yang nasihatkan...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: ARMADA pula.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ataupun Yang Berhormat Batu Pahat kah?

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Kinabatangan ada memohon masuk BERSATU kah apa tempoh hari?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak berminat.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Beri laluan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak berminat untuk memohon.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi minta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat semua, sebelum sambung perbahasan ini kejap lagi, saya ingatkan kita ini perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan)... *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Langkawi yang mula.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, isu perpaduan. Perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tetapi, Yang Berhormat, saya tidak tahu adakah rang undang-undang pengkhianat ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada, perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Adakah? Jadi, Yang Berhormat tinggal tiga minit 38 saat. Yang Berhormat Kinabatangan hendak mempersilakan Yang Berhormat Langkawi...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tiga puluh saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: ...Ataupun hendak habiskan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Langkawi, 30 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *No problem, no problem.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, Parti BERSATU pada masa itu tidak pernah terima orang UMNO.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu tidak betul itu. Tidak betul.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Orang UMNO mestilah keluar daripada UMNO dan isytihar mereka adalah bebas sebelum mereka diterima... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu kelirukan Dewan. Kelirukan Dewan itu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Kelirukan Dewan itu.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Dan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kelirukan Dewan sungguhlah Yang Berhormat Langkawi ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. *[Ketawa]*

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Terdapat banyak syarat untuk mereka menyertai BERSATU.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hakikatnya terima orang UMNO juga. Itulah persoalan kami.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Akan tetapi, sudah tentu ada orang daripada UMNO ini yang menipu. Setelah masuk dalam BERSATU, mereka berlagak sebagai ahli UMNO dan sekarang ini bekerja untuk menolong UMNO. Inilah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tipah tertipu.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Kesalahan kami iaitu...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Kita percaya kepada orang...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ada dua minit lagi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Tetapi mereka mengkhianati kepercayaan kita.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Siapa mengkhianati...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang mengkhianati siapa, biar rakyatlah yang memutuskan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan, mengenai...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit. Sepuluh saat saja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap. Saya ada dua kementerian saya mahu sentuh lagi ini. *[Ketawa]*

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tidak, ini mengenai perpaduan. Mengenai perpaduan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ingin menyokong pendapat Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Allah. Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sepuluh saat saja. Okey, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Kinabatangan dengan begitu bersemangat mengatakan perlu rakyat bersatu dan ia perlu bermula dari sekolah. Yang Berhormat Kinabatangan juga telah mengatakan bahawa sekolah rendah tidak perlu dibeza-bezakan dan menunjukkan tidak perlu ada sekolah Cina, tidak perlu ada sekolah Tamil dan sebagainya. Adakah di sini Yang Berhormat Kinabatangan ingin mengatakan bahawa kita perlu hapuskan sekolah vernakular? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak pernah mencadangkan untuk menghapuskan. Akan tetapi, kita buat kajian mana yang terbaik untuk memastikan perpaduan negara kita ini senantiasa terjamin. Sebab, kita ini negara majmuk. Bukan seperti negara-negara lain. Di negara dunia di mana pun, tidak ada macam kita ini sistemnya. Di Malaysia saja yang ada. Bahasa macam-macam...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, ini perlu dilihat. Kalau mungkin bukan sekarang, kita lihat bagaimana kebaikannya untuk sebuah negara.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan, setuju atau tidak kalau kita adakan RCI untuk melihat perpaduan dalam pendidikan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu yang keutamaan sebetulnya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Boleh kita masukkan dalam ucapan? Perlu ditubuhkan RCI...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh masukkan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: ...Untuk melihat perpaduan di dalam pendidikan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh masukkan dalam ucapan. Boleh, boleh

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan juga supaya kerajaan melihat bagaimana Kementerian Belia dan Sukan kalau boleh dipisahkan. Sebab, kita lihat kementerian sebegini, belia tidak maju dan sukan pun tidak

maju. Dari dulu saya sudah syorkan, di Indonesia, di *Philippine* dan di negara-negara luar, kalau Kementerian Sukan, sukan saja. Kalau Brazil, dia Menteri Sukan, tidak ada Menteri Belianya. Jadi, saya meminta kerajaan supaya Kementerian Belia dan Sukan dipisahkan. Kita mahu belia kita maju dan kita mahu sukan kita maju.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Tambah satu Menteri lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sokong, sokong.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang macam kena penyengat itu? [Ketawa] Saya ini, Tuan Yang di-Pertua, hairan. Kalau saya berhujah, banyak betul semut bising. Orang lain berhujah, diam-diam saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kinabatangan banyak peminat

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh! Banyak peminat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Itu kelebihannya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tambah masa sikit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah dua minit, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya juga melihat bahawa bagaimana Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan dipisahkan. Sebab, dulu waktu Yang Berhormat Menteri kita— daripada mana ini?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Simpang Renggam.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Simpang Renggam. Dia seolah-olah berhadapan dengan masalah sama ada menguruskan sekolah rendah ataupun pengajian tinggi sehingga tercetuslah penukaran kasutlah, stoking lah. Jadi, ini sebetulnya— sebab itu saya amat bersetuju apabila dipisahkan kedua-dua kementerian ini. Bermakna Menterinya ada fokus. Bagaimana hendak melihat budak-budak di sekolah rendah untuk diperkasakan...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab mereka ini akan akhirnya menjejakkan kaki ke...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kinabatangan, Setiu. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau kita tengok semasa Kerajaan PH baru-baru ini, Menteri Pendidikan telah meletakkan jawatan dan akhirnya diberikan tanggungjawab kepada Perdana Menteri pada masa tersebut sebagai memangku Kementerian Pendidikan.

■1240

Adakah ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri terbeban dengan dua kementerian yang sepatutnya dipisahkan, tetapi dijadikan satu tadi?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya pun sebetulnya, rakyat saya di Kinabatangan minta saya bertanya. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Pendidikan letak jawatan, selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan. *[Tepuk]* Sekarang, mereka berdua sama-sama lagi.

Ini bermakna memang sudah berpakat mungkin, bahawa mereka terbeban dengan jawatan, jadi berehat dulu. Jadi, itu mungkin satu pilihan yang terbaik, fikiran pun tidak terbeban. Tidaklah terganggu oleh tekanan-tekanan mengurus dua agensi yang berat. Yang Berhormat Langkawi pun mengurus Jabatan Perdana Menteri dalam keadaan mungkin ekonomi tidak baik. Jadi, berehat dulu. Tidak apa. Memang kita ini manusia disuruh berehat. Yang Berhormat Langkawi, jangan bimbang. *Insya-Allah* kalau ada rezeki, ada lagi itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar. Kemudian, Yang Berhormat Jelebu.

12.41 tgh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap. Minta maaf ya. Saya dimaklumkan oleh SUDR, 10 minit sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: 10 minit sahaja? Rang undang-undang yang kita bincangkan pada tengah hari ini adalah satu amalan biasa dalam kerajaan apabila kementerian yang dicantum, dibubarkan dan juga dibentuk. Kali terakhir kita berbincang tentang rang undang-undang yang sama yang telah diluluskan ialah pada 15 Ogos 2018. Hari ini kita terpaksa berbincang sekali lagi rang undang-undang yang lebih kurang sama kerana kita tahu berlaku peralihan kuasa pada Februari yang lalu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini mempunyai dimensi politik dan juga ekonominya yang tersendiri. Jika kita tidak membincangkan rang undang-undang ini, pastinya kita sedang berbincang tentang rang undang-undang yang lain, yang selaras dengan mandat rakyat untuk kerajaan melakukan reformasi secara menyeluruh.

Akan tetapi sayang, hari ini apabila terbentuk kerajaan baharu, wakil-wakil rakyat yang di sebelah kerajaan cuba mengelak daripada mengambil tanggungjawab. Mereka mendakwa mereka berada di sana juga atas mandat rakyat, tetapi mereka sudah tidak berani lagi bercakap tentang manifesto-manifesto yang mereka menang semasa PRU-14. Jadi, kita tidak mendengar lagi wakil rakyat PAS bercakap tentang menghapuskan PTPTN. Kita tidak lagi mendengar wakil-wakil rakyat Barisan Nasional bercakap tentang keperluan untuk melaksanakan kembali GST. Jadi, ketika mereka menjadi pembangkang, mereka berani bercakap macam itu. Apabila sudah kononnya mandat rakyat menjadi kerajaan, mereka sudah tidak berani untuk bercakap tentang perkara itu. Betapa lucunya kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbau sedikit situasi kewangan negara semasa rang undang-undang ini dibentangkan pada Ogos 2018. Pertama sekali, apabila Menteri utama dibentuk, Kementerian Kewangan telah memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada waktu itu bahawa perkara pertama yang perlu dilakukan ialah untuk menyelesaikan sebahagian daripada hutang 1MDB yang telah matang iaitu sebanyak RM143 juta lebih kurang yang perlu dilunaskan sebelum 30 Mei 2018. Bayangkan, belum pun Kabinet tertubuh pada tahun 2018, kerajaan perlu menguruskan isu-isu kelemahan yang telah ditinggalkan oleh pentadbiran Barisan Nasional pada waktu itu.

Kedua, oleh sebab rang undang-undang ini dibentangkan dan diluluskan pada 15 Ogos 2018, maka hanya selepas tiga bulan selepas PRU-14, barulah perbelanjaan biasa dapat digunakan oleh kerajaan untuk bergerak. Jadi, kerajaan pada waktu itu hanya ada lebih kurang dalam dua bulan sebelum pembentangan Belanjawan 2019 yang berlaku pada awal November. Jadi kita tengok pada tahun 2018, seolah-olah ekonomi tidak bergerak kerana itulah dari segi prosedurnya yang mungkin kita patut fikirkan supaya tidak menjadikan satu beban pada masa akan datang.

Dalam tempoh lima bulan pertama Pakatan Harapan menjadi kerajaan, wang dalam Akaun Hasil Disatukan telah disahkan oleh Akauntan Negara iaitu Yang Berbahagia Datuk Saat bin Esa, hanya tinggal sebanyak RM450 juta sahaja. Ini bermaksud BN telah membelanjakan lebih 96 peratus wang dalam akaun ini sejak Disember 2017. Saya masih ingat pada waktu itu Yang Berhormat Pendang ketika berada di sini... *[Merujuk kepada blok pembangkang]* ...Lebih kurang di sini, beliau berkata jumlah RM450 juta ini hendak belanja hendak buat kilang *spender* bolehlah. Akan tetapi untuk belanja sebuah kerajaan, kita tidak boleh. Jadi benar, ada lagi berbilion ringgit yang ditinggalkan, tetapi wang ini ada dalam Akaun Pinjaman Disatukan dan juga Akaun Amanah Disatukan yang mana Kerajaan Persekutuan tidak boleh menggunakannya sewenang-wenangnya.

Menambahkan lagi kepada keperitan ini apabila Kerajaan Pakatan Harapan terbentuk pada waktu itu, GST— kita mendapati bahawa lebih kurang hampir RM20 bilion GST tidak dipulangkan oleh kerajaan yang lama sejak dari tahun 2015 yang mana ketika itu, dalam Tabung Bayaran Balik GST hanya ada lebih kurang dalam RM148 juta sahaja. Jadi, mengikut peraturan, bayaran balik ini sepatutnya dilakukan dalam tempoh 14 hari bekerja atau dalam tempoh praktik selepas penyata GST-03 diterima secara elektronik. Manakala bayaran balik dalam tempoh 28 hari bekerja atau dalam tempoh praktik bagi penyata yang diterima secara manual. Ini tidak ada. Jadi kerajaan pada waktu itu, terpaksa mengambil lebih daripada dividen khas daripada PETRONAS untuk membolehkan bayaran balik ini dibuat secara bertahap yang mana kita tahu dari semasa ke semasa.

Jadi saya minta kalau boleh, kementerian menjelaskan berapa banyak sudah pulangan telah diberikan semula kepada peniaga-peniaga. Ini kerana kita tahu pada waktu itu, sejak tahun 2015, ada yang tidak dipulangkan lebih daripada 120,000 syarikat yang terkesan. Mereka

mendapat gangguan daripada segi aliran modal perniagaan dan ini sudah tentulah menimbulkan rasa kurang senang, menyebabkan ekonomi negara tidak bergerak dengan baik.

la juga menunjukkan kegagalan Barisan Nasional...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: ...Mengawal corak perbelanjaan kerajaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya tidak ada masa. Saya tidak bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(12)...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: la juga menimbulkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Apa dia Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Iaitu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mengelirukan Dewan. Padahal PAC berkata wang tersebut tidak hilang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya tidak sebut "*hilang*". Minta maaf Yang Berhormat Arau, saya tidak sebut "*hilang*".

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus. Cukup.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya sebut "*tidak dibayar balik*".

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau sebut "*tidak hilang*", *alright*, okey ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya sebut "*tidak dibayar balik*".

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Wang itu boleh digunakan sebab dia cuma di antara wang yang dimasukkan itu kepada wang amanah dengan kumpulan-kumpulan wang yang disatukan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya hendak minta sambung berbahas Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, saya tidak bagi kepada Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dua-dua boleh dipakai. Jadi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta tolong duduk Yang Berhormat Arau. Saya tidak sebut— Tidak hilang. Saya sebut "*ia tidak dibayar balik*".

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Persembahan— Dasar persembahan ucapan kita ialah dalam bentuk bahawa tidak ada wang GST yang hilang!

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jadi, ke manakah duit GST ini? Ini jelas menunjukkan kegagalan Barisan Nasional dalam mengawal corak perbelanjaan kerajaan, sekali gus mendedahkan unjuran hasil sebenar kerajaan daripada kutipan GST tidaklah setinggi yang dinyatakan. Kalau ikut Barisan Nasional menjangkakan kutipan sebanyak RM42 bilion. Akan tetapi selepas bayaran balik dibuat, sebenarnya kutipan GST ini hanya berbeza tidak sampai RM10 bilion pun berbanding SST. Jadi, kita mesti melihat semula bagaimanakah kerajaan dapat mewujudkan hasil-hasil baharu. Jadi, saya minta...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kutipan GST itu RM60 bilion, tolak, tinggal RM44 bilion. Kutipan dia RM60 bilion.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: ...Kementerian menjawab, apakah rancangan kerajaan untuk mendapatkan semula— mendapatkan hasil-hasil baharu pada masa akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan bahawa rang undang-undang ini adalah amalan biasa dan ia telah dibentangkan lagi sekali kali ini kerana peralihan kerajaan. Saya juga telah memerihalkan tentang realiti cabaran ekonomi yang sebenarnya masih perlu kita selesaikan bersama. Tadi, banyak masalah yang ditinggalkan kepada PH, kita tidak sempat hendak buat secara menyeluruh. Akan tetapi itulah yang masih wujud sekarang dan kebetulan ketika itu, kita masih lagi di peringkat awal dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Kita semua tahu bahawa pandemik ini mempunyai kesan ekonomi yang besar, sekali gus menambahkan tekanan kepada ekonomi kita.

Sejak sebelum PRU-14 lagi, saya telah banyak menulis dan saya banyak bercakap di pelbagai forum tentang cabaran sebenar ekonomi negara yang memerlukan penilaian dan perubahan struktur bagi menjadikan ia mapan untuk jangka masa panjang. Sementara diakui kesan pandemik yang berlaku memberi cabaran tersendiri, ia juga menyediakan peluang untuk kita melakukan penambahbaikan struktur ekonomi ini.

Ketika kerajaan bercakap tentang cabaran defisit belanjawan dan hutang sejak lebih 15 tahun lalu, sejak daripada yang saya pernah sebut di Dewan ini, sejak pada zaman pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi, kemudian diteruskan oleh Yang Berhormat Pekan dan seterusnya disambung oleh Pakatan Harapan dan kerajaan pada hari di mana Kementerian Kewangan secara konsisten menekankan tentang keperluan untuk melakukan konsolidasi fiskal ataupun dalam bahasa mudahnya ialah penjimatan. Saya percaya, sekiranya kita hendak mencapai objektif konsolidasi fiskal ini— Tadi Yang Berhormat Langkawi telah berhujah bahawa saiz Kabinet dan juga Yang Berhormat Kuantan telah berhujah bahawa saiz Kabinet hari ini tidak mencerminkan objektif tersebut dengan tambahan jumlah Timbalan Menteri yang lebih banyak daripada kebiasaan, bukanlah cara terbaik untuk kita bergerak ke hadapan.

Ini ditambah pula dengan pelantikan-pelantikan Ahli-ahli Parlimen ke dalam pelbagai jawatan di dalam syarikat berkaitan kerajaan dan juga badan berkanun. Saya faham bahawa dalam sesetengah kes, selaras dengan asas pembentukannya, perlu ada wakil parti kerajaan di dalam badan-badan ini untuk memastikan ia bergerak seiring dengan dasar kerajaan. Namun malangnya, dalam banyak pengalaman lepas, ia tidak berlaku begitu. Bahkan ia telah menjadi lubang untuk sesetengah pihak mengatur penggunaan wang dalam badan-badan ini untuk tujuan politik kepartian yang sempit.

Saya percaya kerajaan perlu mempertimbangkan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen iaitu menambah peruntukan kepada institusi demokrasi ini kerana di sinilah tempat kita membuat keputusan tertinggi dalam negara. Jadi, tidak ada alasan untuk kita tidak memperkasakan institusi ini. Bukan sahaja itu, kita perlu bergerak ke depan dengan

menetapkan bahawa di setiap kawasan Parlimen perlu disediakan peruntukan khas yang sama dan disalurkan oleh Parlimen, bukan melalui peruntukan khas Perdana Menteri atau kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

■1250

Ini bukan sahaja akan mengurangkan penggunaannya untuk pengaruh politik yang bersifat memihak tetapi ia membolehkan rakyat seluruhnya mendapat peruntukan pembangunan dan kebajikan yang diperlukan. Kita tidak perlukan Ahli-ahli Parlimen mempengaruhi perjalanan GLC, syarikat berkaitan kerajaan dan juga badan berkanun secara tidak wajar. Apa yang kita lebih perlukan ialah Ahli-ahli Parlimen sibuk di kawasan masing-masing membantu penduduk dan memberi maklum balas penduduk kepada kerajaan melalui Dewan yang mulia ini.

Kita juga perlu mempertimbangkan untuk menambah kuasa negeri-negeri, sekali gus memberi lebih banyak peruntukan selaras dengan pertambahan kuasa ini. Saya berpendapat sebagai permulaan, kita patut membubarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan memberikan kuasa ini kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Tugas-tugas yang bersifat penyelarasan di bawah kementerian ini sebenarnya boleh diuruskan oleh Menteri Tugas-tugas Khas di JPM.

Saya ingin membangkitkan sedikit rasa hairan kerana jika kita lihat kepada RUU ini... *[Disampuk]* Ada peruntukan untuk Kementerian Perpaduan Negara. Sebelum ini dalam soal jawab penggulungan dan juga penggulungan, kita melihat isu-isu berkaitan di bawah JPM— isu-isu berkaitan perpaduan di jawab di bawah JPM. Begitu juga misalnya soalan-soalan berkaitan dengan hal ehwal ekonomi tetapi kita ada Menteri Khas. Kenapa kita tidak ada Kementerian Agama, sedangkan ini juga di bawah JPM? Kenapa kita tidak ada Kementerian Tugas-tugas Khas, sedangkan ini juga di bawah JPM? Jadi saya hendak tahu apakah perbezaan peruntukan kepada JPM dan juga kementerian-kementerian ini? Adakah peruntukan diberikan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tidak dikira sekali sebagai peruntukan kepada JPM?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu memikirkan bagaimana perbelanjaan pembangunan dapat kita tingkatkan. Saya meneliti laporan-laporan ekonomi sejak 10 tahun yang lalu. Saya melihat kita punya perbelanjaan pembangunan kita sangat bergantung pada hutang. Jadi kita perlu melihat bahagian apakah dalam aspek pengurusan yang dapat kita kurangkan supaya perbelanjaan pembangunan dapat ditingkatkan.

Saya percaya ketika dunia ekonomi mempunyai gangguan ataupun *disruption* yang tersendiri maka demokrasi juga memerlukan *disruption* yang tersendiri. Corak demokrasi yang menunjukkan kemerosotan kerana gagal meningkatkan kesejahteraan ramai mesti dipulihkan. *Democracy must be proven to be*— dengan izin, mampu untuk meningkatkan kesejahteraan ataupun *democracy must deliver*.

Ini adalah peluang kita dan kita mesti melakukannya bersama. Saya dengan ini mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Jelebu.

12.52 tgh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memulakan ucapan saya atau perbahasan saya ini untuk menyentuh dua, tiga perkara yang pendek-pendek, yang penting-penting.

Pertama, saya hendak sentuh tentang peruntukan semula ini Tuan Yang di-Pertua supaya pihak kerajaan menggunakan peluang ini untuk menebus kembali kesilapan dan kelemahan yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam untuk menyekat segala projek-projek yang berkaitan dengan rakyat di beberapa kawasan yang telah dilakukan ketika 22 bulan yang lalu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengambil kesempatan ini supaya di kawasan— saya percaya di beberapa kawasan Parlimen dengan rakan-rakan juga mengalami masalah yang sama. Bagi kawasan Jelebu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tiga projek utama. Banyak projek utama yang berlaku tetapi saya hendak sebut tiga. Saya minta Kementerian Kewangan supaya mengambil perhatian kepada projek bina masjid di daerah Jelebu, Tuan Yang di-Pertua. Bina masjid Tuan Yang di-Pertua, dahulu Kerajaan Barisan Nasional kita sudah peruntukkan RM7 juta, kemudian dibatalkan. Kemudian peruntukan diberi semula sebanyak RM5 juta yang mana projek diperuntukkan RM5 juta ini Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup untuk menyiapkan sebuah masjid yang berkapasiti 1,000 jemaah, maka projek itu tidak boleh dijalankan. Jadi, saya sudah minta peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan dan saya minta supaya peruntukan tambahan RM2.5 juta dipertimbangkan semula untuk menyiapkan masjid daerah Jelebu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah projek pembinaan dewan juga. Dewan majlis daerah yang telah diluluskan, kemudian bila Pakatan Harapan dibatalkan dan diluluskan semula dengan peruntukan yang tidak cukup, juga peruntukan yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang telah berkali-kali saya sebut yakni tentang Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Pertang. Sekolah ini Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan antara satu-satunya sekolah untuk anak-anak masyarakat di kalangan orang India, orang Melayu dan orang Cina yang minimum tetapi tidak siap. Sekolah ini 85 peratus sudah siap, hanya sedikit sahaja yang perlu disiapkan dan sudah terbengkalai sejak 22 bulan yang lalu. Jadi saya hendak minta Kementerian Pendidikan supaya *once and for all* dengan izin, sekali supaya siapkan sekolah ini dan ia tidak akan mendatangkan masalah kepada masyarakat terutamanya masyarakat India bagi kawasan Parlimen Jelebu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada 'kementerian' Orang Asli. 'Kementerian' Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak perkara yang harus difikirkan tentang masyarakat Orang Asli di seluruh negara terutamanya bagi masyarakat Orang Asli di kawasan Parlimen saya. Bila mulanya masalah Orang Asli, Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak baca ini

ya. Masyarakat Orang Asli ini puncanya ialah Akta 134, Akta Orang Asli 1954 yang semua rata-rata memikirkan akta ini sudah harus dikaji dan juga dirombak semula, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana akta yang sudah begitu lama dalam soal perkembangan semasa dan juga perjuangan untuk membela masyarakat Orang Asli ini harus ditambahbaikkan.

Akta ini kali yang terakhir dipinda pada 1967 dan dikaji semula pada 1974 iaitu 46 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, masalah hak milik tanah Orang Asli di mana masyarakat Orang Asli tidak diberikan pemilikan untuk penempatan mereka di kawasan-kawasan Orang Asli terutamanya di seluruh negara. Masyarakat Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada tanah, tidak ada hak milik hendak buat rumah. Hanya bergantung pada pemberian kerajaan, itu pun ketika Kerajaan Barisan Nasional yang melakukan pembinaan dan penambahan rumah Orang Asli daripada tahun ke tahun.

Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli dahulu dengan sekarang berbeza. Orang Asli sekarang sudah jauh pendekatan mereka sama ada dalam soal pendidikan, ekonomi, malah dalam soal taraf hidup tetapi mereka tidak diberi hak untuk memiliki tanah bagi mereka membina rumah mereka sendiri. Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah sebarang usaha di dalam meningkatkan pemilikan tanah bagi masyarakat Orang Asli terutamanya bagi masyarakat Orang Asli generasi kedua yang telah mempunyai latar belakang pendidikan, yang telah mempunyai latar belakang ekonomi yang baik untuk membolehkan mereka bagi mengatur kehidupan mereka sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Jelebu, mohon laluan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kedua Tuan Yang di-Pertua— ya, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya tertarik kepada apa Yang Berhormat Jelebu telah nyatakan bahawa pindaan kepada Akta 134, Akta Orang Asli. Memang sudah sampai masanya, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Jelebu.

Selain daripada itu, saya mencadangkan sebagaimana dalam ucapan saya menjunjung Titah Diraja, selain daripada Akta Orang Asli, Kanun Tanah Negara juga perlu dipinda dan selain itu juga pihak negeri perlu secara langsung mengadakan enakmen negeri berkaitan dengan tanah-tanah Orang Asli kerana benda ini boleh dilaksanakan. Kalau kita lihat dalam Perkara 8(5)(c) Perlembagaan menyebut kesejahteraan Orang Asli dalam bentuk perspektif tanah juga. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Masukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, selain dari rumah Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soal pembelaan kerajaan kepada penganut-penganut agama Islam.

Orang Asli yang telah *convert* dengan izin, masuk agama Islam tetapi keluarga mereka masih tinggal dalam keluarga asal. Ini berlaku di mana-mana Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan

saya kebanyakan, hanya 10 peratus daripada keluarga yang telah masuk agama Islam tinggal berasingan dengan keluarga mereka. Bila kita tanya kenapa, kerana bila kita tanya JAKOA, JAKOA tidak ada peruntukan untuk bina rumah bagi pasangan yang masuk Islam. Setahun satu rumah Tuan Yang di-Pertua, dua rumah, keluarga masuk Islam ramai.

Jadi bagaimana untuk kita memperkukuhkan pegangan Islam mereka kalau mereka masih tinggal dalam keluarga asal mereka? Bukan kita hendak pisahkan tetapi mereka boleh bina satu rumah di dalam kawasan perumahan atau dalam lingkungan tanah keluarga mereka Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak cadang di Dewan Rakyat ini kepada pihak kementerian. Kalau kita tengok rekod Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, kutipan zakat Kerajaan Negeri Sembilan kerana Jelebu dalam kawasan Negeri Sembilan. Kutipan zakat Negeri Sembilan sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada RM131 juta.

Saya hendak cadang kepada pihak kerajaan. Kalau kita ambil lima peratus sahaja Tuan Yang di-Pertua daripada kutipan zakat ini kerana mualaf ini adalah termasuk dalam golongan asnaf yang lapan. Kalau kita ambil lima peratus sahaja, jumlahnya ialah RM6.55 juta. Satu rumah Tuan Yang di-Pertua, kita boleh buat untuk rumah yang sederhana untuk boleh didiami oleh pasangan yang mempunyai keluarga yang tidak begitu besar sebanyak RM50,000 lah kata. Jadi maknanya kita boleh bina 131 rumah untuk tempoh setahun.

Kalaupun peruntukan ini, pengutukan ini tidak peruntukkan oleh pihak kerajaan, oleh pihak KPLB, oleh pihak JAKOA—dulu JAKOA di bawah Kementerian JPM sekarang sudah tukar KPLB. Saya hendak minta supaya KPLB mengutarakan beberapa kaedah bagaimana hendak selesaikan masalah rumah untuk pasangan Islam ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Jelebu, boleh saya mencelah?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Selain daripada bab itu, saya tertarik—KPLB ber-*million* peruntukan. Apa yang saya lihat adalah cara pengurusan. Adakah ini Yang Berhormat Jelebu setuju?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Setuju Tuan Yang di-Pertua. KPLB, walaupun kita pandang masyarakat Orang Asli, kawasan Parlimen saya 5.6 peratus masyarakat Orang Asli. Akan tetapi hak mereka kena perjuangkan. Dahulu Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli ini dapat banyak kelebihan, dia dapat duit tambang sekolah Yang Berhormat Cameron Highlands, dia dapat baju percuma, dia dapat makanan percuma. Akan tetapi bila PH ambil, saya sudah pernah timbulkan ketika saya berada di penempatan yang sebelah sana, bantuan sekolah tak dapat, tambang sekolah tak dapat, bantuan makanan tak dapat tetapi sekarang saya tak tahulah. Harap-harap ketika Perikatan Nasional, bantuan ini dapat diberi semula kepada masyarakat Orang Asli ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya perjuangkan supaya akta ini suka tak suka kena ubah supaya semua masyarakat terutamanya bagi mereka yang terlibat dan juga bagi mereka yang menganut agama Islam ini dapat terus pembelaan.

Perkara akhir Tuan Yang di-Pertua, soal JAKIM. Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada yang ramai. Kita tidak buat kempen, ada yang penerapan nilai-nilai Islam, kebanyakan daripada anak-anak mereka, keluarga mereka, sudah memulakan atau memahami dalam soal pegangan Islam ini, Tuan Yang di-Pertua. Ramai di kalangan mereka yang dengan sukarela datang kepada pimpinan pejabat daerah, datang kepada pimpinan JAKIM untuk memeluk agama Islam.

Akan tetapi di kawasan saya dan ada juga di kawasan-kawasan lain, beberapa pasangan muda Tuan Yang di-Pertua, yang suami dan isteri, yang isterinya memeluk Islam tetapi suaminya tidak memeluk Islam. Pihak PAID atau pihak JAKIM membenarkan atau melakukan majlis untuk mengislamkan isteri tanpa diikuti oleh suami. Mereka duduk di dalam satu rumah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya pihak JAKIM, saya hendak tanya pihak jabatan agama atau jabatan yang berkaitan. Bagaimana kita hendak kategorikan muafak atau saudara baharu ini, Tuan Yang di-Pertua? Kalau ini tidak boleh diselesaikan dalam tempoh atau dalam keadaan sekali gus, penyelesaiannya harus kita buat. Kalau suami Islam, isteri tidak Islam tetapi mereka tinggal sekali. Ini adalah antara masalah yang berlaku dalam keluarga dan suasana masyarakat Orang Asli di semua kawasan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi maknanya Tuan Yang di-Pertua— sementara saya ada beberapa minit ini. Maknanya Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta supaya pihak kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak ada masa dah Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Dalam soal untuk memperkukuhkan kekeluargaan ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Institusi kekeluargaan ini di kalangan masyarakat Orang Asli, sesuatu harus dilakukan oleh pihak kerajaan demi masa depan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan lebih pukul 1.00 tengah hari, saya menangguhkan Mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. Dalam senarai Yang Berhormat Menteri akan menjawab ya. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* semua, selamat tengah hari. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab. Silakan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 dan usul mengenai Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan amat dan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh rang undang-undang yang dibentangkan ini. Bagi isu-isu yang khusus, ia akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kelak. Suka saya maklumkan, perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberikan bagi menangani perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, antara Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Padang Rengas, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baru, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kubang Pasu, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Gerik.

Manakala pada pagi ini, enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, penyusunan semula kementerian, jabatan dan agensi ini bertujuan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber bagi memantapkan sistem penyampaian kerajaan serta memastikan pertindihan fungsi antara kementerian dapat dikurangkan.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada kerajaan. Kewujudan kementerian baru seperti Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta perwujudan semula Kementerian Pengajian Tinggi adalah bertujuan memperkemaskan jentera perkhidmatan kerajaan bagi memberi fokus yang lebih jelas terhadap permasalahan serta isu-isu yang berbangkit. Penyusunan semula kementerian ini, kementerian-kementerian akan berfungsi dengan lebih baik dan peruntukan dapat dibelanjakan dengan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara sebenarnya bukanlah sebuah kementerian baru, ia pernah diwujudkan pada tahun 1972. Pada tahun 1980, ia telah distrukturkan sebagai Jabatan Perpaduan dan Rukun Tetangga dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Alam Sekitar dan Air pula berperanan dalam menerajui pengurusan air secara mampan dan kelestarian alam sekitar serta memulihara alam sekitar.

Justeru, agensi-agensi yang dipindahkan ke kementerian ini menjurus kepada kelestarian yang lebih sepadu dengan melihat kepada penggunaan dan pemuliharaan sumber. Kerajaan menyedari bahawa sumber air yang mampan akan berkait rapat dengan kelestarian alam sekitar dalam jangka masa yang panjang. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah beberapa kali digabung dan dipisahkan.

Kerajaan berpandangan KPT dan KPM perlu menjadi entiti yang berasingan dalam memperkasakan pendidikan negara. Ini bagi membolehkan dasar yang digubal lebih fokus dan terancang serta memudahkan aspek pemantauan dalam dua kumpulan sasar sektor pendidikan yang berbeza. Bukan sahaja dari segi akademik, malah dari segi ke boleh pasaran graduan yang dihasilkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tahap kesetiaan penjawat awam. Kita tidak perlu persoalkan, mereka sentiasa berkhidmat untuk negara serta taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengira mana parti yang menjadi kerajaan pemerintah. Ini telah terbukti semasa Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14. Penjawat awam yang sama tetap setia berkhidmat, begitu juga setelah Pakatan Harapan tumbang dan Perikatan Nasional mengambil alih, penjawat awam yang sama juga masih setia tetap dan sedia berkhidmat kepada negara Malaysia yang tercinta ini.

Di bawah Perlembagaan juga mengisytiharkan kedudukan dan peranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pentadbiran negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan dalam ketiga-tiga organ kerajaan iaitu badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Kuasa Eksekutif seperti disebut dalam Perkara 39, Perlembagaan Persekutuan terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan secara umumnya, kuasa Eksekutif...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sekejap sikit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya habiskan dahulu, nanti mencelah ya?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, boleh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Kuasa Eksekutif seperti disebut dalam Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan, terletak hak kepada Tuan Yang di-Pertua Agong. Secara umum, kuasa Eksekutif itu dilaksana oleh penjawat awam dengan frasa "Urusan Seri Paduka Baginda" pada setiap urusan rasmi. Kerajaan Perikatan Nasional yakin penjawat awam akan terus melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan integriti serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan peribadi atau kepentingan pihak-pihak tertentu.

Kerajaan tidak pernah meminggirkan penjawat awam, malah sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kebajikan penjawat awam berdasarkan kemampuan kewangan kerajaan

semasa. Dalam tempoh yang getir Tuan Yang di-Pertua, dalam melawan penularan COVID-19, kerajaan tetap tidak melupakan penjawat awam apabila mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin.

Malah, turut juga meluluskan Bantuan Khas Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam dalam gred yang sama. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memastikan kebajikan penjawat awam tetap terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbahasan yang menyentuh isu berkaitan Akta Hasutan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjawat awam, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjawat awam.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sikit, sikit isu...

■1440

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya habiskan dahulu ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tadi, tadi kata sudah habis, sudah. Hendak *move* ke topik lain sudah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya habiskan dahulu. Saya, saya habis— saya habiskan dahulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [*Bangun*] Pergi tajuk lain sudah. Pontian pun tak boleh nak sentuh?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya habiskan dahulu Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Habiskan semula sekali kah apa?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Oleh sebab Yang Berhormat Pontian ada perkara—perkara yang dibangkitkan secara spesifik. Saya akan jawab dalam bahagian Yang Berhormat Pontian nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

Mengenai perbahasan yang menyentuh isu Akta Hasutan, kerajaan berpandangan Akta Hasutan 1948 masih relevan dengan mengambil kira struktur masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Penyebaran maklumat atau berita yang berunsur hasutan melalui media sosial yang tidak bertanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia boleh menjadikan keadaan ini lebih serius dan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Oleh sebab itu, kerajaan juga berpandangan sepertimana pandangan Yang Berhormat Padang Rengas iaitu Akta Hasutan ini perlu diperkemas selaras dengan perkembangan semasa terutama penggunaan media sosial yang semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan antara kaum adalah sangat penting dalam memacu kemajuan sesebuah negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah lambang perpaduan negara. Baginda adalah sumber kekuatan kepada kepelbagaian dan menjadi kemuncak kepada keadilan dan kebimbangan antara warga Malaysia. Justeru, kerajaan akan

terus memainkan peranan penting sebagai peneraju perpaduan yang inklusif serta meningkat usaha penyatupaduan rakyat berbilang kaum bagi mengukuhkan integrasi dan semangat muhibah.

Melalui perpaduan kaum, kestabilan ekonomi dan kecekapan pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional, negara akan terus maju di hadapan pada masa akan datang. Kerajaan yakin, generasi muda akan menyokong penuh aspek-aspek perpaduan bagi memacu kemakmuran negara, defisit kepercayaan antara kaum perlu dikurangkan agar Malaysia terus berkembang menjadi sebuah negara yang harmoni dan stabil.

Rukun Negara amat penting sebagai panduan dalam pembangunan negara dan perlu dihormati oleh semua rakyat. Rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air haruslah menjunjung tinggi prinsip-prinsip Rukun Negara;

- (i) kepercayaan kepada Tuhan;
- (ii) kesetiaan kepada Raja dan negara;
- (iii) keluhuran Perlembagaan;
- (iv) kedaulatan undang-undang; dan
- (v) kesopanan dan kesusilaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada fasa yang kedua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah: Silakan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana, tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan ini adalah Kerajaan Perikatan Nasional. Akan tetapi, saya dengar bahawa komponen terbesar kerajaan sekarang iaitu parti UMNO telah keluar daripada Perikatan Nasional. Jadi, lepas itu, baru-baru ini minggu lepas diumumkan bahawa parti BERSATU ingin masuk Muafakat Nasional. Jadi, sekarang apa nama sebenarnya kerajaan sekarang? Adakah kerajaan ini Perikatan Nasional, Kerajaan Muafakat Nasional atau kerajaan macam-macam kerana sekarang Yang Amat Berhormat Pagoh pun ada. Kalau boleh, bagi sedikit lah, apakah nama sebenarnya kerajaan sekarang ya. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Kerajaan Malaysia.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan, berkaitan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Bayan Baru bahawa Ahli-ahli Parlimen UMNO tidak pernah keluar daripada menyokong Perikatan Nasional. Itu adalah faktanya. *[Tepuk]*

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang kementerian-kementerian misalnya kementerian baharu iaitu Kementerian Perpaduan. Saya ingin bertanya tentang yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi tengah hari tadi bahawa ada penambahan terhadap bajet Rang Undang-undang yang kita bentangkan ini. Dia kata, ada RM7 bilion penambahan. Adakah benar apa yang Yang Berhormat Langkawi sebut? Yang saya kira tidak benar. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Satu lagi, tadi Yang Berhormat Kuantan ada menyebut bahawa jika ada penambahan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka akan bertambah segala kos-kos dan juga sepatutnya dibentangkan pada hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada segi penjimatan-penjimatan yang dapat dan tidak ada sebarang penambahan daripada rang undang-undang ini. Terima kasih

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat daripada Bayan Baru. Saya kira pertanyaan Yang Berhormat Pontian tadi amat signifikan dengan perkara yang telah dibahaskan pagi tadi. Saya menjangkakan semasa saya mengumumkan atau membaca untuk baca kali kedua, Yang Berhormat Langkawi sepatutnya berada dalam Dewan. Jadi, perkara ini juga saya akan jawab semasa sampai pada ketika dan bahagian tersebut Yang Berhormat Pontian.

Beralih kepada Yang Berhormat Bayan Baru yang mempersoalkan sama ada kerajaan ini Kerajaan Perikatan Nasional atau Kerajaan Muafakat Nasional. Saya rasa Yang Berhormat Bayan Baru amat gembira untuk mengetahui perkembangan kerana ini juga akan menunjukkan sama ada sesebuah kerajaan itu stabil atau tidak. Cuma saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, apa sahaja yang kita lakukan, kita lakukan untuk rakyat. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pagoh, kita yakin kerajaan ini adalah Kerajaan Perikatan Nasional dan kerajaan ini adalah Kerajaan Malaysia yang saya rasa membela nasib rakyat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi, sekarang Perikatan Nasional sudah tidak ada kerana parti lain [*Tidak jelas*] Perikatan Nasional.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan lagi.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru, tolong duduk. Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya fikir Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh persoalkan pelbagai perkara tetapi kalau Yang Berhormat betul-betul berhasrat untuk masuk dalam Kerajaan Perikatan Nasional sila beritahu saya.

[*Dewan ketawa*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua apa yang dibangkitkan oleh rakan Ahli-ahli Yang Berhormat— begitu banyak isu. Saya akan cuba jawab satu persatu dan sekiranya perkara-perkara yang saya jawab ini perlu pencilahan, saya akan benarkan untuk diberi pencilahan.

Saya hendak beralih kepada Yang Berhormat Setiu, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiu membangkitkan perkara-perkara yang amat dekat dengan hati rakyat dan dekat dengan hati anak muda Tuan Yang di-Pertua.

Kemajuan menggunakan *e-pembayaran*— saya amat gembira sekali persoalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu kerana inilah yang menjadi satu perkara dalam norma yang baharu. Apabila kita tidak dapat bergerak ke sana ke sini, kita akan menggunakan media maya, *online*, atau *e-pembayaran*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiu, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha menggalakkan penggunaan *e-pembayaran* secara meluas. Penggunaan perkhidmatan kewangan berasaskan teknologi dan digital di Malaysia kini semakin meluas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2015 sehingga 2019, bilangan transaksi *e-pembayaran* telah meningkat sebanyak 81 peratus kepada 150 transaksi per kapita berbanding tahun 2015, 83 transaksi per kapita.

Dalam tempoh yang sama, peratus rakyat Malaysia yang menggunakan perbankan *internet* juga telah meningkat dua kali ganda kepada sejumlah 51 peratus berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 27 peratus.

Di samping itu, ramai juga peniaga Tuan Yang di-Pertua, telah menerima *e-pembayaran* melalui *post-terminal* (terminal kad pembayaran) sebanyak RM669,000 dan lebih 288 pendaftaran kod pembayaran QR dicatatkan setakat akhir tahun 2019 berbanding tahun 2019 iaitu hanya 278,000 terminal kad pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu juga membangkitkan adakah kerajaan mempunyai had syiling setiap kementerian bagi mengelakkan tambahan peruntukan berlaku di kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat Setiu, soalan ini telah ditanya oleh Yang Berhormat Pontian pada 11 Ogos 2020 yang lalu semasa perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020.

Yang Berhormat Setiu juga membangkitkan isu yang melibatkan KPT dan KPM. Untuk makluman Yang Berhormat, universiti mempunyai *flexibility* dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian melalui pembelajaran teradun (*blended learning*) yang merangkumi minimum sejumlah 30 peratus PdP dalam talian manakala 70 peratus secara konvensional.

Untuk makluman Yang Berhormat, pasca COVID-19 PdP masih diteruskan secara hibrid dengan bersemuka dan pelajar boleh mengambil kursus dalam bentuk *micro-credential* berkonsep pembelajaran tanpa sempadan dengan izin, *anytime, anywhere, anyhow*.

Yang Berhormat Setiu juga telah membangkitkan tentang kerisauan berkaitan masyarakat FELDA yang tidak dapat bantuan kebajikan JKM. Alasan yang diberikan adalah peneroka tidak layak mendapat bantuan. Yang Berhormat Menteri Setiu mencadangkan agar kerajaan dapat memberi bantuan daripada JKM dan bantuan-bantuan lain supaya peneroka FELDA dapat dibantu di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.

Untuk maklumat dan makluman Yang Berhormat Menteri Setiu, konsep bantuan kewangan di bawah JKM adalah untuk membantu golongan yang berkeperluan bagi menampung keperluan asas manusia seperti makan, minum dan tempat tinggal.

■1450

Bantuan JKM adalah bersifat sementara dan diberikan kepada mereka yang tidak produktif untuk meneruskan kehidupan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan JKM diberikan mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan JKM telah terbuka kepada

semua rakyat Malaysia, tanpa ada batasan kaum, agama dan bangsa mahupun kategori dan termasuk juga golongan peneroka. Kelulusan bantuan dibuat secara pertimbangan, hasil siasatan dan menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Yang Berhormat Setiu juga membangkitkan berapakah peratus insentif di bawah Bajet 2020, yang telah dilaksanakan dan yang tidak boleh dilaksanakan. Dalam konteks RUU Penguntungan Semula, perkara ini tidak melibatkan peruntukan dari pelbagai insentif Belanjawan 2020. Tidak terlibat dengan penguntungan semula dan disalurkan kepada kementerian yang terlibat berdasarkan unjuran keperluan aliran tunai. Walau bagaimanapun, susulan penularan COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini, ia telah menyebabkan beberapa insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 tidak lagi signifikan untuk dilaksanakan dan perlu dikaji semula. Sehingga kini, lebih sejumlah 60 peratus inisiatif Belanjawan 2020 telah dan sedang dilaksanakan dan beberapa inisiatif terpaksa ditangguhkan dan dibatalkan akibat kekangan kerajaan dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur yang besar pada ketika ini akibat perintah kawalan pergerakan. Oleh hal demikian Yang Berhormat, kerajaan akan sentiasa meneliti semula keperluan untuk melaksanakan projek-projek ini pada masa akan datang.

Yang Berhormat Setiu juga Tuan Yang di-Pertua telah membangkitkan tentang isu yang melibatkan *Belt and Road Initiatives* (BRI). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ia merangkumi dua komponen utama, Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun ke-21. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri beberapa minggu lepas di Dewan yang mulia ini, setakat ini Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) masih belum memutuskan mana-mana projek di Malaysia dan di Republik Rakyat China untuk dikategorikan sebagai projek di bawah BRI antara kedua-dua negara. Ini adalah kerana persetujuan kedua-dua belah pihak perlu dicapai terlebih dahulu sebelum sesebuah projek atau program dapat diiktiraf sebagai projek BRI.

Ahli Yang Berhormat juga, membangkitkan tentang bagaimana kerajaan sedia ada dapat memperkasakan belia akibat kesan daripada COVID-19. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan kerajaan sedar, prihatin terhadap kebajikan dan beban kewangan yang dialami oleh rakyat Malaysia terutamanya golongan belia dalam menghadapi kesan penularan COVID-19. Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif khusus untuk belia termasuk dalam PRIHATIN dan PENJANA, adalah seperti berikut;

- BPN peruntukkan sebanyak RM10 bilion merangkumi golongan belia berumur 21 tahun ke atas.
- Bayaran tunai secara *one-off* sejumlah RM200 kepada pelajar di institusi pengajian tinggi berjumlah RM270 juta.
- Penangguhan bayaran balik PTPTN sehingga 31 September 2020. Di samping itu, kerajaan juga bersetuju untuk menangguhkan balik bayaran pinjaman peminjam Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk tempoh yang sama.

- Penyediaan program insentif pekerjaan bernilai RM1.5 bilion untuk mendorong pengambilan pekerja di mana syarikat akan diberi insentif kewangan selama enam bulan untuk menyediakan pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia.
- Pemberian insentif untuk majikan yang menyediakan peluang pekerjaan melalui program perintis kepada pelajar lepasan sekolah dan graduan pada kadar RM600 sebulan.
- Penyediaan peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi program latihan dan peningkatan kemahiran bagi golongan belia dan menganggur. Program-program yang disediakan merangkumi projek latihan dan penempatan pelaksanaan khusus jangka masa pendek di institusi-institusi terpilih dan program keusahawanan. Di samping itu juga Yang Berhormat, program peningkatan kemahiran juga dilaksanakan oleh industri penting seperti industri elektrik dan elektronik serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Beaufort membangkitkan isu yang lebih khusus yang melibatkan bekalan air di Beaufort yang masih belum diselesaikan walaupun pembinaan loji rawatan air baru telah siap. Terdapat masalah yang dinyatakan adalah masalah sauk dan *non-revenue water*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan loji air dan pemasangan rangkaian paip di daerah Beaufort, Sabah dibiayai di bawah Peruntukan Pinjaman Persekutuan telah dimulakan pembinaan pada 8 Mei tahun 2013 dengan kos projek sebanyak RM226 juta dan siap sepenuhnya pada 22 Ogos 2017. Namun begitu Yang Berhormat, masalah bekalan air masih tidak dapat diatasi sepenuhnya. Ini berpunca daripada beberapa isu operasi dan penyelenggaraan yang perlu diselesaikan oleh Jabatan Air Negeri Sabah seperti berikut:

Isu yang pertama ialah isu muka sauk yang cetek dan berlumpur setiap kali hujan menyebabkan air tidak dapat dipam ke loji baharu secara optimum. Perkara ini turut menyebabkan muka sauk tersumbat sekali gus menyebabkan operasi loji terpaksa dihentikan.

Kedua, isu kerosakan pam dan sistem penapisan yang tidak dapat merawat air yang keruh melebihi 1,000 NTU dan kadar kebocoran paip NRW yang terlalu tinggi di daerah Beaufort sehingga mencecah sejumlah 60 peratus juga menyebabkan bekalan air tidak sampai kepada pengguna. Perkara ini adalah tanggungjawab negeri, di mana kerajaan negeri melalui Jabatan Air Negeri Sabah perlu mengambil tindakan segera bagi mengatasi bekalan air yang dialami tersebut. Namun demikian, pihak Kementerian Kewangan akan memantau segala penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Beaufort juga membangkitkan tentang isu melibatkan usahawan. Yang Berhormat Beaufort meminta supaya kerajaan menambahkan peruntukan pinjaman dan geran. Ini kerana apa pada hemat Yang Berhormat Beaufort, perkara ini perlu mendapat pemerkasaan usahawan dari segi penambahan peruntukan pinjaman. Untuk makluman Yang Berhormat, kita di bawah Kementerian Kewangan sentiasa memegang kepada tiga tonggak utama dalam

keadaan kita menyusuri norma baharu yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh yang mana, Kementerian Kewangan akan dan sentiasa memberi tumpuan kepada tiga tonggak utama iaitu rakyat, perniagaan dan ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Julai 2020, bantuan khas PKS Mikro, bantuan meningkatkan aliran tunai pemilik syarikat, bantuan kemudahan skim jaminan melalui dana jamin, moratorium selama enam bulan pembayaran balik pinjaman, program subsidi upah, pinjaman PKS dan diskaun TNB telah dilaraskan di bawah 40 inisiatif di bawah program PRIHATIN. Manakala untuk makluman Yang Berhormat, di bawah PENJANA melonjakkan perniagaan bantuan PKS pembiayaan sebanyak RM2 bilion telah disediakan dan jumlah setakat 31 Julai 2020 berjumlah RM3.8 bilion— jumlah pinjaman kepada sejumlah 9.4 ribu penerima yang berjumlah RM3.8 bilion daripada nilai tambahan SRF sebanyak RM5 bilion.

Oleh hal yang demikian Yang Berhormat, kementerian akan sentiasa memperkasakan usaha-usaha untuk memperkasakan usahawan, insya-*Allah* dalam Bajet 2021 nanti akan ada pengumuman yang akan memberi nafas yang lega kepada usahawan. Manakala untuk jangka yang panjang pihak kementerian melalui Kerajaan Perikatan Nasional akan mengumumkan Rancangan Malaysia Ke-12 suku pertama tahun 2021 yang akan memberikan khabar gembira kepada usahawan-usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat Dungun membangkitkan isu pengangguran dan saya yakin isu ini juga bukan sahaja yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Dungun tetapi ia juga melibatkan beberapa Ahli Parlimen yang sentiasa cakna dan sentiasa memberi tumpuan kepada nasib untung khususnya kepada golongan belia. Suka saya hendak menyatakan Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran yang berlaku pada tahun 2018 hanya sebanyak 3.3 peratus. Pada tahun 2019, sebanyak 3.3 peratus. Pada Januari 2020, sebanyak 3.2 peratus, Februari sebanyak 3.3 peratus, Mac sebanyak 3.9 peratus, manakala April sebanyak 5.0 peratus, Mei sebanyak 5.3 peratus.

■1500

Kadar pengangguran Mei Tuan Yang di-Pertua, melonjak kepada 5.3 peratus atau 826,100 orang berbanding seperti mana yang telah saya nyatakan awal tadi pada Februari 2020 melibatkan hanya 3.3 peratus. Ini berikutan penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa tempoh PKP akibat penularan wabak COVID-19. Namun demikian, statistik kehilangan pekerjaan juga meningkat pada Julai dan Ogos 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Sehingga 4 Ogos, lebih 68,000 pekerja hilang pekerjaan berikutan PKP, pencari kerja sukar mendapat pekerjaan baharu kerana kurangnya peluang pekerjaan dalam pasaran.

Oleh hal yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dan prihatin tentang apa yang berlaku dan kerajaan menerusi Pakej PRIHATIN dan PENJANA telah memperkenalkan beberapa inisiatif penstabilan pekerjaan seperti program-program subsidi upah, pengekalan pekerjaan, *rehiring initiative* dengan izin, yang bertujuan untuk meminimumkan impak COVID-19 ke atas operasi pasaran buruh. Keberkesanan pelaksanaan kesemua inisiatif ini dijangka dapat

menstabilkan semua peluang pekerjaan seterusnya mampu mengekalkan tahap guna penuh dalam ekonomi iaitu empat peratus ke bawah.

Oleh hal demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini selepas Mei 2020, kita mencatat 5.3 peratus. *Alhamdulillah*, pada Jun 2020 berlaku sedikit penurunan sebanyak 4.9 peratus yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Namun demikian, kerajaan masih belum berpuas hati dengan kesan daripada pelaksanaan PENJANA dan PRIHATIN. *Insyallah*, kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat tentang perkembangan terkini berkaitan isu-isu yang melibatkan pengangguran.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri, minta celah. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang pekerjaan dan peluang-peluang pekerjaan. Adakah Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk juga meminta kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Pertanian Negeri dan kerajaan-kerajaan negeri supaya membuka kawasan-kawasan perniagaan yang lebih supaya anak-anak muda khususnya yang hilang pekerjaan ini dapat membuka perniagaan-perniagaan kecil mereka di kawasan-kawasan PBT. Kurangkan kerenah birokrasi, hendak buka kedai sampai tujuh, lapan borang kena isi. Akhirnya ini membuatkan mereka yang hilang pekerjaan susah hendak cari makan. Sudahlah itu, *enforcement* pula mengambil tindakan yang bukan-bukan.

Jadi, adakah— Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada di sini sekarang ini, melihat bahawa keadaan yang amat gawat begini harus relaxkan sedikit apa juga urusan-urusan pentadbiran supaya semua orang boleh cari makan, tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata tetapi berusaha sendiri untuk membuka perniagaan-perniagaan kecil mereka di PBT. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memperkenalkan isu baharu ini kepada kementerian-kementerian lain? Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, boleh tambah sikit? Pasir Mas. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Saya juga tertarik dengan data-data disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma saya ingin ulasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan *Malaysia's Private Consumption* ataupun perbelanjaan sektor swasta yang semakin lama semakin menurun, menunjukkan seolah-olah rakyat sudah tidak mempunyai wang untuk berbelanja jika dibandingkan dengan perbelanjaan di peringkat kerajaan yang begitu bersungguh untuk hendak merangsang— *stimulate* ekonomi daripada bawah. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat Pasir Mas, sahabat saya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani sebentar tadi kerana kerenah-kerenah birokrasi di peringkat agensi-agensi ini perlu dikurangkan. Itu sebabnya untuk makluman

Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sendiri turun ke semua lokasi tertentu berdasarkan sektor-sektor tertentu yang kami sendiri mendengar laporan-laporan daripada pihak-pihak berkepentingan berkaitan apa yang mereka mahu dalam jangka masa sederhana melalui Bajet 2021.

Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini minggu lepas— semalam telah berada di Johor dan *insya-Allah* minggu hadapan mereka akan berada di negeri Pahang. Itu sebabnya segala pandangan Yang Berhormat nyatakan tadi saya akan masukkan dalam mesyuarat penyelarasan isu-isu yang melibatkan 'konsesi' Bajet 2021. Oleh disebabkan kita faham dan kita sedar bahawa rakyat pada hari ini mereka mahu pendapatan tambahan dan saya yakin perkara ini juga akan difahami oleh pegawai-pegawai Kementerian Kewangan.

Berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya jawab dahulu boleh ayahanda Pasir Salak?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Perkara yang sama sebelum beralih kepada perkara lain.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Boleh saya jawab Yang Berhormat Pasir Mas? Nanti saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya jawab Yang Berhormat Pasir Mas dahulu nanti saya bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Mas dahulu, Pasir Salak kemudian?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat Pasir Mas dahulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey. [Ketawa]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi amat signifikan sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana apa *private consumption* dengan izin atau perbelanjaan swasta merupakan elemen amat terpenting sekali dalam memastikan *recovery economy* kita berada di landasan yang betul.

Seperti mana untuk makluman Yang Berhormat, kita akui suku kedua tahun ini bulan April dan bulan Mei, pada dasarnya kita hadapi satu keadaan PKP dan banyak langkah sekatan pergerakan yang sangat ketat. Universiti Oxford Malaysia telah menyatakan kitalah di antara negara yang begitu menitikberatkan pengetatan atau *restricted movement control order* kerana kita lebih mementingkan kesihatan, menyelamatkan nyawa dan kemudiannya barulah kita memikirkan cara untuk memulihkan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam strategi 6R, kita ada fasa-fasa yang telah kita tentukan dan fasa yang ketiga untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas iaitu fasa *recovery*— *sorry*, fasa yang ketiga ialah fasa *restart*. Di mana 4 Mei 2020, kita sudah *restart* ekonomi kita. Apabila kita *restart* ekonomi kita, dengan syarikat kembali membuka perniagaan

dan menggaji semula pekerjaan, pendapatan menjadi lebih baik. Itu berdasarkan tanda-tanda peningkatan yang ketara Yang Berhormat di dalam pasaran buruh. Kadar pengangguran yang lebih rendah seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, pada bulan Mei 2020 sebanyak 5.3 peratus. Manakala pada bulan Jun, hanya ketika ini 4.9 peratus.

Penempatan pekerjaan juga Yang Berhormat meningkat 11 penempatan bagi setiap 100 kes kehilangan pekerja pada bulan Julai berbanding enam penempatan yang dilihat pada 6 Jun. Manakala peningkatan penempatan juga dapat disokong pelbagai langkah pasaran kerja bagi memudahkan pengambilan kerja. Kenapa saya sebut ini Yang Berhormat? Ini kerana kalau mereka tidak bekerja, kalau industri tidak buka, bagaimana mereka ingin mendapat pendapatan? Kalau mereka perlu dapat pendapatan yang tinggi, kerana mereka harus berbelanja yang saya sebutkan tadi *private consumption*.

Akan tetapi Yang Berhormat Pasir Mas, kita telah mengemukakan banyak perkara terutamanya Bantuan Prihatin Nasional, pengeluaran KWSP akaun kedua, insentif cukai dan kita lihat juga ada peningkatan Yang Berhormat, penjualan kereta penumpang pada bulan Jun berikutan pengurangan SST untuk kenderaan. Kalau Jun 2020, sebanyak 6.3 peratus tetapi hendak dibandingkan dengan Mei 2020 minus atau -6.35 peratus. Ini sebenarnya memberi satu *indicator* yang baik kerana yang paling pentingnya adalah kita mesti meningkatkan profil perbelanjaan isi rumah kerana inilah yang akan menyumbang kepada ekonomi pemulihan yang sedang kita lakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, isi rumah berpendapatan pertengahan hingga tertinggi menyumbang sekitar 80 peratus daripada jumlah penggunaan isi rumah dijangka akan terus menyumbang kepada *aggregate consumption spending*. Isu isi rumah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah pergi tajuk lain itu Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah pergi isu isi rumah pula sudah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Isi rumah, isu rumah. Bukan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita cerita fasal *unemployment* tadi. Penganggurannya. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Isi rumah T20 Tuan Yang di-Pertua dan kumpulan ini menyumbang sekitar 40 peratus perbelanjaan penggunaan, dapat memanfaatkan kecairan aset kewangan serta deposit pulangan. Apa yang menarik Tuan Yang di-Pertua adalah apabila sempadan antarabangsa kita sebahagian besarnya ditutup, isi rumah yang berpendapatan pertengahan hingga tertinggi mengalihkan sebahagian perbelanjaan mereka ke luar negeri kepada perjalanan domestik dan perbelanjaan tempatan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, jumlah pada tahun 2019 adalah berjumlah RM51.3 bilion. Itu sebabnya Yang Berhormat Pasir Mas, saya yakin dan percaya *private*

consumption di negara kita semakin meningkat dan *insya-Allah*, suku tahun ketiga kita akan melihat perubahan yang cukup jelas.

Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

■1510

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apabila disebut *unemployment* ataupun pengangguran, lima atau enam daripada *work force*, dari segi kuantum bilangannya ialah lebih kurang *half a million*, setengah juta atau 500,000. Sejumlah 500,000 inilah yang kita anggap menghadapi masalah tidak ada pekerjaan.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: 800,000 lah Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, katalah 800,000 okey. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara kita ini tidak ada masalah *lack of employment* ataupun *nonemployment*. Kalau diambil kira pekerjaan yang diambil oleh orang luar, *is more than 800,000*. Hampir saya ingat lima *million*— lima juta. Pekerjaan-pekerjaan diisi oleh pekerja-pekerja daripada luar. So, kalau kita boleh mengadakan satu dasar atau mengambil pendekatan yang boleh menarik minat tenaga tempatan untuk mengisi kekosongan ini— sebanyak lima juta ini, maka tidak timbul soal *unemployment*. *In fact* dengan izin, situasi kita *full employment* kalau diisi, *more than full employment*. Akan tetapi masalahnya sekarang, apakah cara kerajaan untuk menarik minat mereka ini, belia-belia di luar bandar dan di mana juga untuk bekerja mengisi pekerjaan di ladang-ladang, di kilang-kilang, di tapak-tapak pembinaan?

Soal gaji, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut gaji minimum. Berapa? RM1,400? RM2,000? Katakanlah RM2,000. Saya hendak beritahu di sini, saya rasa *employment* ataupun pekerjaan yang diisi oleh orang luar ini pendapatannya kadang-kadang lebih daripada RM2,000. Mungkin RM3,000 sebulan. Jadi, dari segi tahap gaji pekerjaan-pekerjaan tersebut tidak ada apa kurangnya untuk menarik minat anak-anak tempatan. Mungkin ada perkara lain dari segi keselamatan, dari segi kebersihan, dari segi *glamour* dan sebagainya, ini terpulang kepada pihak kerajaanlah untuk memikirkannya. Akan tetapi *employment opportunities* saya hendak *stress is more than enough*. *We have more than enough*. Malah lebih daripada apa yang diperlukan oleh rakyat negara kita. Sekian.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Salak. Yang Berhormat bangkitkan berkaitan— kerisauan berkaitan jumlah pengangguran.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi, jumlah pengangguran semasa kita mengumumkan Bajet 2020 adalah 3.3 peratus Yang Berhormat. Ketika ini pada bulan Mei 2020, sebanyak 5.3 peratus dan ada pengurangan menjadikan 4.9 peratus pada bulan Jun 2020. Akan tetapi perkara-perkara ini sebenarnya Yang Berhormat, kerana kita kena faham Yang Berhormat Pasir Salak pengangguran disebabkan beberapa faktor. Bukan sahaja jumlah pekerjaan yang telah disediakan oleh agensi swasta atau agensi kerajaan tetapi ada perkara-perkara yang begitu signifikan terutamanya *mismatch* yang juga telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat

dan saya juga fikir perkara ini juga yang telah dibincangkan di peringkat Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Keduanya, saya bersetuju Yang Berhormat berkaitan *foreign labour*. Apabila kita mendapat penggajian daripada pekerja-pekerja daripada warga asing— untuk makluman Yang Berhormat, kajian yang dibuat oleh EPF atau KWSP perbezaan gaji di antara rakyat Malaysia dengan rakyat atau warga asing— kalau kita menggaji rakyat Malaysia dengan sekian harga, tetapi kalau kita mengambil *foreign labour* ini dia dapat pengurangan lebih kurang 14 peratus. Itu sebabnya Yang Berhormat, dalam PRIHATIN dan PENJANA, kita melakukan tiga perkara asas untuk memastikan impak COVID-19 ini tidak tertumpu sepenuhnya kepada pasaran buruh.

Pertamanya, seperti mana yang saya sebutkan tadi Program Subsidi Upah yang telah diperkenalkan melebihi RM15 bilion. Setakat 13 Julai 2020, 2.6 juta individu mendapat kesan daripada Program Subsidi Upah. Setakat 24 Julai, RM8.9 bilion telah dibelanjakan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian melalui PENJANA telah menyediakan program *reskilling* dan *upskilling*. Sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan bagi memastikan perkara-perkara yang saya sebutkan *mismatch* tadi, dapat disesuaikan dengan modal insan yang kita ada dalam keperluan pekerjaan.

Akhirnya Yang Berhormat, RM1.5 bilion kita bagi kepada Program Insentif Pengambilan Pekerjaan yang sudah pastinya ia akan memberi kesan kepada anak-anak muda terutamanya lepasan sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sentiasa meletakkan satu iltizam untuk memastikan anak-anak muda khususnya akan mendapat pembelaan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.

Saya hendak beralih kepada Ahli Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pontian membangkitkan isu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sikit sahaja Yang Berhormat. Tentang anak-anak muda, izinkan saya tanya satu soalan?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat Jelutong tidak mengambil bahagian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Satu soalan tentang anak muda.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya bagi nanti— mana Yang Berhormat Jelutong? Saya ingat dekat belakang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Eh, tidak. Saya tidak bagi lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau kerajaan begitu prihatin tentang anak-anak muda, bolehkah saya cadangkan supaya saman-saman yang dikeluarkan terhadap anak-anak muda yang tidak memakai pelitup muka itu dikurangkan sekali gus? Ataupun kerajaan menghapuskannya untuk menunjukkan keprihatinan Kerajaan Perikatan Nasional. Kalau benar Perikatan Nasional— benar-benar mengambil berat tentang kebajikan anak muda. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang saya sebagai anak muda dan Yang Berhormat Jelutong juga terdahulunya muda, harus mengambil iltizam dan

memahami setiap apa yang telah saya nyatakan. Isu pengangguran ini isu yang dekat dengan anak muda. Isu ini ialah isu yang sentiasa menjamin kesinambungan, kepimpinan negara dan ekosistem pekerjaan dalam negara Malaysia. Itu sebabnya kita lakukan Program Subsidi Upah Yang Berhormat Jelutong. Sebanyak RM2.6 juta lebih yang telah saya sebutkan tadi memberi kesan dan kuantum yang dapat itulah anak muda. Kalau hanya mengurangkan caj pelitup muka seolah-olah kerajaan amat prihatin, saya kira itu ialah perkara yang amat kecil dan sangat *isolated case*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian bangkitkan isu meminta kerajaan untuk naikkan gaji minimum penjawat awam dari RM1,200 kepada paras kemiskinan PJK yang baharu iaitu RM2,208. Kerajaan mengambil maklum cadangan menaikkan gaji minimum kakitangan awam agar sama dengan pendapatan garis kemiskinan seperti mana yang saya telah sebutkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang mulia ini, PJK bukan merujuk kepada gaji individu, ia merujuk kepada pendapatan isi rumah. Setiap tahun kerajaan telah menyediakan RM80 bilion bagi menampung gaji dan elaun kepada 1.6 juta penjawat awam. Jumlah ini merupakan 33 peratus daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Mengurus Persekutuan. Gaji minimum penjawat awam gred 11 sebanyak RM1,200...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sekejap Yang Berhormat Jelebu, saya habiskan ini dahulu. Adalah tidak termasuk elaun tetap yang dianggarkan sejumlah RM595 sebulan minimum. Justeru, pihak kerajaan akan sentiasa melakukan kajian penambahbaikan yang akan mengambil kira kemampuan kerajaan dari semasa ke semasa. Sila Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat, boleh? Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat jawab fasal soal menaikkan gaji minimum penjawat awam. Ini gaji minimum RM1,200 ini Yang Berhormat yang sekarang ini. Pada berapa hari bulan hari itu dalam sesi Yang Berhormat Menteri Agama ada naikkan elaun guru KAFA ini Yang Berhormat, naik ke RM100 jadi RM1,000. Sejumlah RM1,000 ini Yang Berhormat, tidak sampai lagi ke gaji minimum sekarang RM1,200 termasuk elaun pembantu masyarakat KEMAS, termasuk ketua kampung. Saya minta pandangan Yang Berhormat tentang yang tidak sampai RM1,200 ini lagi, macam mana Yang Berhormat?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jelebu. Makluman dan pandangan Yang Berhormat Jelebu saya kira juga bersesuaian apabila pihak Kementerian Kewangan sedang melakukan konsultasi Bajet 2020 dan sudah pasti pandangan Yang Berhormat tadi saya sendiri akan masukkan dalam mesyuarat tersebut untuk dibincangkan agar rakyat Malaysia sentiasa terbela di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.

■1520

Yang Berhormat Pontian juga bangkitkan isu berkaitan projek-projek kecil yang berjumlah hanya RM4 bilion. Pada pandangan Yang Berhormat Pontian, jumlah ini terlalu kecil dan perlu penambahan sebanyak RM6 bilion lagi menjadikan jumlah RM10 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, *insya-Allah*, hari esok Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membentangkan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) pada 18 dan 24 Ogos. Saya minta Yang Berhormat bangkitkan perkara ini kerana ia juga akan dibahaskan dan dibentangkan pada tarikh yang telah saya nyatakan tadi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas kenyataan itu. Saya ada menyebut lima perkara tentang penjawat awam. Yang Berhormat baru menjawab satu. Antaranya ialah elaun utiliti kepada penjawat awam yang bekerja di rumah; skim sistem saraan baru, kenaikan gaji minimum; ketiga, kebajikan satu KGT khas yang diminta oleh CUEPACS; keempat, nasib pegawai-pegawai kontrak yang tidak dapat pinjaman perumahan dan juga pinjaman kenderaan; dan kelima ialah skim berpencen diteruskan dan bukan ikut saranan Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini. Lima perkara. Kalau tidak dapat jawab sekarang, beri jawapan bertulis.

Dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang memberi jawapan bertulis. Rupa-rupanya, saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, ada lapan SOP, lapan prosedur hendaklah dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sebelum membawa seseorang ke mahkamah. Malangnya, untuk diri saya, satu prosedur pun tidak dibuat. Itu yang hendak maklumkan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, betul seperti mana Yang Berhormat Pontian sebutkan tadi, banyak perkara, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya sebutkan tadi, ini hanyalah Rang Undang-undang Penguntukan Semula yang kita lakukan akibat perubahan kerajaan dan pembentukan Kabinet baharu dan kementerian baharu. Sudah pasti pandangan-pandangan Yang Berhormat ini kita telah salurkan kepada pihak Sekretariat Belanjawan 2021 untuk pertimbangkan cadangan daripada pihak CUEPACS yang melibatkan 1.6 juta penjawat awam. Komitmen kerajaan sudah pastinya tidak akan menidakkan kebajikan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok. Yang Berhormat Bachok bangkitkan tentang cadangan Rang Undang-undang Tanggungjawab Fiskal ini merupakan satu cadangan yang begitu baik yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan terdahulu dalam Belanjawan 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bachok, kerajaan sudah pastinya menganggap Akta Tanggungjawab Fiskal atau *Fiscal Responsibility Act* (FRA) merupakan satu dokumen perundangan yang merangkumi standard, peraturan dan prosedur berkaitan pengurusan fiskal dan belanjawan. Untuk makluman Yang Berhormat, FRA bertujuan untuk memperkukuhkan kewangan awam melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu jawatankuasa pemandu bagi penggubalan FRA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Kementerian Kewangan juga, untuk makluman Yang Berhormat, telah

mendapat bantuan daripada pihak Tabung Kewangan Antarabangsa bagi membantu proses penggubalan akta tersebut.

Untuk status terkini, Kementerian Kewangan sedang meneliti semua input dan amalan terbaik berkaitan FRA sebelum memulakan proses penyediaan draf FRA. Kementerian Kewangan juga akan mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan dalam proses penggubalan FRA.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih. Minta sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya kira adalah satu usaha yang baik oleh kerajaan hari ini untuk meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu bagi memastikan Undang-undang Tanggungjawab Fiskal ini dapat digubal, *insya-Allah*.

Cuma, sementara undang-undang ini kita luluskan, saya jangka kerajaan hari ini akan terus melaksanakan ataupun menggunakan instrumen hutang untuk memastikan proses pemulihan negara kita hari ini daripada krisis ekonomi hari ini. Jadi, dalam soal hutang ini, saya hendak tahu, apakah strategi oleh kerajaan hari ini dalam memastikan pengurusan hutang negara kita hari ini?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sudah pastinya kita menggubal rang undang-undang *Fiscal Responsibility Act* ini kerana kita hendak lakukan peningkatan daripada disiplin fiskal. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan hanya dibenarkan untuk membuat pinjaman melalui dua tujuan utama. Satunya, membiayai perbelanjaan pembangunan jika berlaku defisit dan membiayai semula hutang yang matang.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mempunyai pelbagai langkah untuk mengurangkan hutang negara terlebih dahulu sebelum kita menguruskan. Ini kerana hutang negara hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membayar hutang yang matang.

Kerajaan akan terus meneroka dan mencari inisiatif yang baharu yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan paras hutang negara tanpa menjejaskan keyakinan pelabur kepada pasaran kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang sedang diambil oleh kerajaan ialah, pertamanya, kita sedang meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara beransur-ansur. Seperti mana yang telah kita unjur dan telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita unjurkan pada tahun ini 5.8 ke 6 peratus defisit fiskal.

Kedua, kita memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai oleh hasil negara dan memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kawalan perbelanjaan dan kita memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemah, cekap dan berkesan dan memberi penekanan kepada *outcome* bagi mengelakkan ketirisan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga mempunyai strategi pengurusan hutang kerajaan. Hutang selalunya dibiayai melalui instrumen pasaran konvensional seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) untuk jangka masa yang panjang. Manakala Bil Perbendaharaan Malaysia adalah sekuriti jangka masa pendek. Instrumen Islamik yang setara adalah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) yang berjangka panjang dan MITB untuk jangka pendek, Yang Berhormat.

Pengurusan hutang kerajaan bertujuan untuk meminimumkan kos pembiayaan jangka sederhana dan panjang. Apa sahaja yang kita lakukan, Yang Berhormat, sekiranya kita melakukan pinjaman, kita tidak akan sewenang-wenangnya melakukan pinjaman tanpa kita melihat aliran tunai semasa pihak kerajaan. Silakan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkenaan dengan hutang ini, kita lihat hutang ini berpunca daripada perbelanjaan dan juga hasil. Jadi, adakah kerajaan mempertimbangkan untuk *win for tax* yang sebelum ini dilakukan untuk industri sawit? Sekarang, walaupun dengan COVID-19, industri-industri tertentu telah dapat keuntungan yang luar biasa seperti *glove making industry*. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan *win for tax* untuk industri-industri seperti ini? Sekian.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sudah pasti, Yang Berhormat Gopeng, kerajaan bukan sahaja melihat apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Gopeng sebentar tadi— saya amat bersetuju pandangan Yang Berhormat Gopeng— tetapi kementerian melihat kesemua opsyen yang ada bagi memastikan, satu, peningkatan jumlah hasil negara, dan kedua, mengurangkan ketirisan yang berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada minggu lepas, pada 12 Ogos lepas, Yang Berhormat Menteri dan saya menghadiri satu mesyuarat yang dipanggil *Multi-Agency Task Force* untuk melihat bagaimana ketirisan yang berlaku dalam pengedaran rokok haram dan pengedaran arak. Di situlah perkara-perkara yang sedang kita pertimbangkan. *Insyah-Allah*, dalam Belanjawan 2021 nanti kita akan maklumkan ke Dewan yang mulia ini apakah hasil dan tindakan kerajaan bagi memastikan dan membendung perkara seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya harap...

■1530

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya ada masa dua minit lebih lagi. Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab dengan jelas *yes or no* sahaja. Adakah dipertimbangkan *win for tax* untuk *glove counter*?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh tolong jawab soalan Yang Berhormat Langkawi tadi, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tadi saya sudah sebut, Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *Yes or no?*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat, perkara *yes or no* ini bukan kerajaan, Yang Berhormat. Dia bukan *yes*. Kalau saya sebut *yes*, tidak semestinya ia betul untuk Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini bukan mahkamah, *yes no, yes no*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Kalau saya sebut *no*, bukan untuk Yang Berhormat. Apa yang paling penting Yang Berhormat, kementerian melalui Kementerian Kewangan, kita melihat semua opsyen, Yang Berhormat. Bukan sahaja Yang Berhormat maklumkan tadi merupakan salah satu langkah untuk kita selesaikan. Itu sebabnya kita mempunyai dasar yang luas dan kita sentiasa melihat apa yang dilakukan oleh pentadbiran terdahulu, yang bagus kita teruskan, Yang Berhormat dan yang tidak bagus kita akan lakukan pengubahsuaian dan apa yang paling penting ialah rakyat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya rasa tidak perlu— Timbalan Menteri...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya hendak bangkitkan dengan masa-masa yang terakhir ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak perlu ada cukai baharu sebab kerajaan lepas sudah lapan cukai baharu dan tiga kenaikan cukai. Sudah cukup banyak sudah kerajaan lepas membebankan rakyat. Dibuang satu GST, dia tambah lapan cukai baharu dan naikkan tiga cukai. Saya rasa tidak perlu lagi cukai lain.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Apa yang paling penting Yang Berhormat, apa sahaja yang kita lakukan Yang Berhormat Pontian, yang paling pentingnya untuk rakyat.

Saya hendak pergi kepada— Sebab saya daripada sekolah lagi saya amat suka kepada gaya Yang Berhormat Kota Raja. Itu sebabnya di minit-minit yang terakhir ini saya hendak tumpukan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja bangkitkan isu tentang kedudukan negara tidak stabil. Itu sebabnya ekonomi kita menurun. Apabila ekonomi kita menurun, sudah pastinya Yang Berhormat Kota Raja, hasil negara akan menurun.

Saya hendak bagi satu indikator kepada Yang Berhormat Kota Raja seperti mana yang dilaporkan oleh Bursa Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Raja, untuk tempoh 9 Mei 2018 sehingga 29 Februari 2020, pasca Pilihan Raya Umum Ke-14, indeks FBMKLCI merudum sebanyak 19.7 peratus, ditutup pada 1,482.64 mata pada 28 Februari 2020 berbanding 1,846.51 mata pada 8 Mei 2018. Pada tempoh yang sama, permodalan pasaran (*market capital*) jatuh 15.1 peratus kepada RM1.59 trilion pada 28 Februari 2020 berbanding RM1.87 trilion pada 8 Mei 2018.

Yang Berhormat Kota Raja, di bawah pentadbiran kerajaan sekarang, walaupun Malaysia dan negara-negara lain menghadapi pelbagai cabaran berikutan pandemik COVID-19, dalam tempoh 1 Mac hingga 14 Ogos, FBMKLCI meningkat atau mengukuh sebanyak 5.5

peratus di mana indeks berada di 1,564.59 mata pada 14 Ogos 2020... [Tepuk] Permodalan pasaran Yang Berhormat Kota Raja meningkat 5.0 peratus kepada RM1.67 trilion pada 14 Ogos 2020...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: ...Berbanding RM1.59 trilion pada 28 Februari 2020. Apa yang penting Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pada 9 Mac 2020, setelah lebih satu tahun setengah pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 dan juga disebabkan impak COVID-19 dan harga pasaran minyak antarabangsa jatuh mendadak, FBMKLCI telah menurun ke 1,219.72 mata. FBMKLCI tidak pernah merudum ke paras serendah ini dalam tempoh 11 tahun pada 19 Mac 2020.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Meskipun begitu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]: Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Minta.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sekejap, saya bagi Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Meskipun begitu, keupayaan kerajaan dan rakyat Malaysia dalam menangani COVID-19 dengan cara yang holistik dan berkesan seperti Pakej Rangsangan PRIHATIN dan PENJANA telah membantu meningkatkan keyakinan pelabur. FBMKLCI telah pulih dan meningkat ke 1,611.42 mata pada 29 Julai 2020. [Tepuk] Bagi tahun 2020 sehingga kini, jika dibandingkan indeks penanda aras atau *benchmark index* Bursa Malaysia, merupakan pasaran yang berprestasi terbaik di antara *emerging market* di ASEAN.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Raja, antara faktor yang meningkatkan keyakinan pelabur asing adalah kepastian mengenai pendapatan negara. Prestasi pasaran, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik. Pelabur asing semakin yakin dengan kerajaan hari ini. Ini berikutan dengan kejayaan mengekang penularan pandemik COVID-19, kemampuannya mengurus kebajikan rakyat yang terkesan akibat pandemik ini dan keupayaannya merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan Pakej Rangsangan PRIHATIN dan PENJANA.

Saya benarkan Yang Berhormat Kota Raja kalau hendak bertanya. Tidak ada ya? Tuan Yang di-Pertua, saya ada berapa lama masa?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Simpang Renggam.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan dan habiskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya ada berapa lama lagi masa?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Mohon Timbalan Menteri jawab Kuantan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Mikrofon, mikrofon.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Takkanlah Timbalan Menteri buat kenyataan selepas itu tidak benarkan kita jawab balik. *Come on*-lah. *Gentleman*-lah sikit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri membuat dakwaan kononnya...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Masa tidak adalah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong. Tidak ada. Kalau hendak ditanya, tidak apa. Telah dijawab tadi. Sebenarnya itu jawapan.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong gulung.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua minit. Sila gulung.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Mohon Timbalan Menteri jawab Kuantan ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Mohon jawab Kuantan ya. Sebab Timbalan Menteri kata hendak jawab bila tiba masa tadi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, yang paling pentingnya adalah sebarang Ahli Parlimen yang membangkitkan isu, apabila saya minta Yang Berhormat Kota Raja bangun, Yang Berhormat Kota Raja tidak berniat untuk bangun dan saya yakin dia faham apa yang saya sebut dan dia tahu tentang prestasi ekonomi negara sedang meningkat dan berada dalam *positive outlook*.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *That is not based on the actual economic report.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh, Yang Berhormat Shah Alam, jangan sibuklah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Itu *share market* sahaja. *Share market* orang jual beli. Ia bukan merupakan kadar ekonomi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam sibuk tanya soalan Yang Berhormat Kota Raja buat apa. Yang Berhormat Shah Alam duduklah.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya hairan Yang Berhormat. Yang Berhormat mempunyai pengalaman sebagai ahli politik dalam Dewan Rakyat dan Dewan yang mulia ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Hah, tengok. Bangun lagi. Apa ini Yang Berhormat? Bagilah saya peluang berucap.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Fasal Yang Berhormat tidak beri kami peluang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat tidak terlibat langsung pun dalam perbincangan.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, tolong. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong akhirkkan penggulungan. Saya hendak selesaikan.

[Dewan riuh]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Beginilah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil perhatian, Yang Berhormat. Namun, saya ingin membuat pandangan dalam Dewan yang mulia ini, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau bahawa kerajaan Yang Amat Berhormat Pagoh adalah kerajaan penyelamat rakyat... *[Tepuk]*

Setelah Yang Berhormat Langkawi meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Setuju atau tidak, peristiwa ini telah menjadi sejarah, Yang Berhormat Shah Alam dan hanya akan dibuktikan dengan masa dan golongan anak muda yang tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *That is the best you can do ya.* Alamak, sorry-lah.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Are you willing to defend that statement?* Sanggup mempertahankan? Mari kita berhujah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, tolong. Tolong, tolong. Kita banyak lagi perkara pada hari ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Cakap seorang beraniilah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri, Kuala Selangor.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam. Diam sahajalah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Kalau beginilah cara Yang Berhormat Shah Alam, anak muda di luar sana akan kecewa.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Bagi laluan pada Kuala Selangor pula.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *You make a statement but you are not willing to defend it.*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam, duduklah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri, kalau tidak bagi Yang Berhormat Shah Alam, bagi Kuala Selangor boleh?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak payah, jangan buang masa. Gulung, gulung, gulung.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kuantan bagi pandangan tetapi tidak gulung. Mohon Timbalan Menteri jawab soalan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tidak kita ada sedikit tatatertib? Hari ini rang undang-undang ini amat penting. Selepas ini Jawatankuasa lagi. Kita akan sampai sehingga lewat malam, malam ini. Jadi kita pun masa tidak ada. Tolong akhirkkan perbahasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, *insya-Allah* saya akan kemukakan jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. *[Tepuk]* Terima kasih semua. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan]

■1540

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak setuju.

Seorang Ahli: Tidak, tidak...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak setuju, bangkit 15...

Seorang Ahli: Bangkit, bangkit.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Belah bahagi, belah bahagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Belah bahagi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Belah bahagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]: Bangun, cukupkan 15. *[Dewan riuh]*
[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Takkan tidak pandai kira.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup 15 itu. Oleh sebab lebih...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam kalau hendak mengundi mengapa sibuk bising-bising tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang telah bangun minta diadakan belah bahagian maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng dua minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum kita mulakan, saya ingin memaklumkan senarai penghitung-penghitung. Mereka ialah seperti berikut:

- (i) Blok A – Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan;
- (ii) Blok B – Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar;
- (iii) Blok C – Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya;
- (iv) Blok D1 – Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim;
- (v) Blok D2 – Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi;
- (vi) Blok E1 – Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman;
- (vii) Blok E2 – Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli;
- (viii) Blok F – Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar; dan
- (ix) Blok G – Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul;

Seperti petua yang telah saya berikan pada 11 Ogos 2020, saya tempohkan Mesyuarat Dewan selama 10 minit. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 3.42 petang]

■1550

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.57 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang terhormat.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1600

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut;

Ahli-ahli Yang bersetuju 111 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Tidak bersetuju 106 orang... *[Tepuk]* *[Dewan riuh]*

Ahli yang tidak hadir 5 orang.

Oleh itu, rang undang-undang tersebut dipersetujui. *[Tepuk]*

[Keputusan undi belah bahagian akan dimasukkan dalam naskhah bercetak]

[Masalah disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis .

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah

Majlis:

“BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian. Dipersilakan.

■1610

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM7,184,083,200 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 bagi Maksud-maksud Bekalan B.6, B.10, B.11, B.14, B.22, B.23, B.24, B.30, B.33, B.43 dan B.64 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM7,867,021,610 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.10, P.14, P.22, P.23, P.24, P.30, P.33, P.43 dan P.64 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2020 dan Kertas Perintah 5 Tahun 2020 masing-masing dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan ini juga diberikan dalam membina Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2020 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dan Kertas Perintah 5A Tahun 2020 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan. Tambahan lagi, Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lulus tanpa perbahasan.

Tuan Pengerusi: Saya ingin memaklumkan bahawa tempoh perbahasan peringkat Jawatankuasa ini, saya hadkan kepada lima minit bagi setiap Ahli Yang Berhormat dengan empat pembahas, dua daripada sebelah sini dan dua lagi daripada sebelah sini bagi setiap kementerian dan seterusnya penggulungan setiap kementerian adalah 10 minit. Terima kasih.

**Maksud B.6 [Jadual] -
Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan
Perbelanjaan) 2020] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.6 dan Kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Silakan Pontian.

4.13 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ringkas. Kepala Jabatan Perdana Menteri ini ialah projek kemiskinan untuk Sabah dan Sarawak iaitu 00102. Saya mengharapkan agar Sabah misalnya, segala urusan kemiskinan ini hendaklah ditambah. Rumah PPRT ditambah untuk Sabah dan juga Sarawak. Mereka yang miskin itu hendaklah dilatih untuk menjadi usahawan. Oleh sebab itu, saya mengharapkan agar projek kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini diberikan tumpuan dan bukan hanya RM95 juta diperuntukkan, itu sedikit sangat untuk membasmi kemiskinan untuk Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Seterusnya pembangunan lima koridor, saya ingin menumpukan kepada Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Kita harap bahawa IRDA akan diberikan satu peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan baru. Sebagai contoh baru-baru ini, IRDA telah meluaskan kawasannya meliputi seluruh kawasan Parlimen Pontian dan juga Tanjung Piai yang sebelum ini, sedikit sahaja di Tanjung Piai tetapi sekarang masuk keseluruhan Parlimen Pontian dan juga Parlimen Tanjung Piai.

Apa yang saya harapkan ialah supaya IRDA diberikan peruntukan yang banyak supaya bukan hanya IRDA ini menjadi penyelaras – IRDA hanya menjadi penyelaras projek-projek kementerian, itu sebenarnya bukan yang sepatutnya dibuat oleh IRDA dan juga oleh pembangunan koridor wilayah timur, wilayah utara, wilayah Sabah. Bukan hanya itu, bukan hanya menyelaraskan peruntukan kementerian-kementerian. Mereka itu sendiri wajar diberikan peruntukan-peruntukan supaya mereka boleh membuat pembangunan-pembangunan yang tertentu.

Contoh pihak berkuasa pembangunan ekonomi dan pelaburan koridor wilayah Sabah, ia hendaklah membangunkan Sabah keseluruhannya daripada bukan hanya kawasan-kawasan bandar tetapi juga meliputi kawasan-kawasan di Kinabatangan misalnya ataupun kawasan-kawasan yang belum lagi diberikan peruntukan yang wajar. Jadi, saya harap kelima-lima koridor ini diberikan peruntukan khas, bukan hanya menyelaraskan peruntukan-peruntukan kementerian.

Seterusnya ialah projek jalan FELDA, projek sistem bekalan air FELDA, projek kelestarian FELDA. Terima kasih kerana memberikan peruntukan yang agak besar untuk FELDA. Saya kira yang lebih penting butiran dalam Maksud P.6, Jabatan Perdana Menteri ini ialah FELDA terus dilestarikan dan FELDA terus memberikan peruntukan yang wajar. Saya difahamkan baru-baru ini ada taklimat daripada FELDA bahawa FELDA tidak mahu memberikan apa yang dipanggil sebagai wang sara hidup apabila kelapa sawit ditebang untuk penanaman semula.

Saya kira itu satu keputusan yang tidak tepat kerana peneroka apabila ditanam semula sawitnya, mereka tidak ada peruntukan untuk menampung kehidupan, jadi mereka perlu diberi wang sara hidup apabila kelapa sawit itu ditebang. Begitu juga kepada peneroka, pekebun-pekebun kecil sawit di seluruh Malaysia. Mereka juga sepatutnya diberikan bantuan geran yang sebelum ini pada kerajaan yang lepas, sesiapa yang menanam semula sawit, mereka berikan pinjaman sedangkan Kerajaan BN dahulu, kita bagi geran. Jadi, saya ingin memastikan bahawa kerajaan meneruskan geran untuk tanam semula sawit untuk tanam sawit yang tua kepada tanam sawit yang baru hendaklah diberikan geran oleh kerajaan.

Satu lagi Tuan Pengerusi ialah mengenai kakitangan kontrak, 070200. Kakitangan kontrak ini telah saya sebut tadi tetapi tidak dijawab dengan pasti oleh Timbalan Menteri Kewangan. Kakitangan kontrak ini selalu dianaktirikan. Mereka tidak dapat apa yang dapat oleh kakitangan tetap. Sebagai contoh, mereka tidak diberikan pinjaman perumahan. Mereka tidak diberikan pinjaman kenderaan. Saya kira mereka perlu diberikan segala pinjaman itu. Pegawai-pegawai kontrak, kalau dia telah melebihi 10 tahun, saya kira ia wajar ditetapkan menjadi pegawai yang tetap. Sekarang ini kepada 15 tahun berkhidmat maka baru tetap. Saya kira itu terlalu lama. Pada pandangan saya, kalau 10 tahun berkhidmat, wajar mereka menjadi pegawai tetap. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Tuan Pengerusi: Seorang daripada sebelah sini. Silakan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Tuan Pengerusi: ... Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Lumut.

Tuan Pengerusi: ...Lumut.

4.18 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Kepala Maksud P.6 - Jabatan Perdana Menteri, 00117 - Pembangunan Perkampungan Nelayan di Lumut dan Pulau Pangkor, Perak.

Kita di Parlimen Lumut telah mengenal pasti beberapa kawasan baru di kawasan Lekir dan juga di kawasan Pasir Panjang untuk dibangunkan sebagai penempatan nelayan, sementara kita sudah menyiapkan, sudah ada disiapkan perumahan-perumahan nelayan di Pulau Pangkor. Isu yang menjadikan penempatan ini lambat dilaksanakan bukan rumahnya tetapi penempatan orangnya. Ini kerana kita mendapat senarai-senarai yang dilihat tidak menepati hasrat ataupun tujuan perumahan nelayan ini dilaksanakan. Antaranya kita hendak menempatkan nelayan-nelayan. Jadi, ada orang-orang yang bukan nelayan juga dimasukkan dalam senarai dan ini menyebabkan kita terpaksa membuat tapisan dan di sana ada campur tangan daripada orang yang berkepentingan seperti orang politik.

Begitu juga tuntutan yang diminta ialah orang-orang ataupun nelayan-nelayan daripada tempat tersebut bukannya dibawa daripada nelayan daripada tempat-tempat lain. Ini oleh sebab di Parlimen Lumut ini ada beberapa tempat nelayan termasuk di Segari, Pantai Remis, Pangkor dan sebagainya. Jadi ini menyebabkan juga – kita tidak mahu dilabelkan sebagai mengambil sikap pilih kasih ataupun ada kepentingan-kepentingan tertentu. Jadi ini mesti dibereskan supaya tidak menimbulkan kemarahan daripada rakyat.

■1620

Di samping itu juga, memang menjadi dasarnya supaya satu keluarga mendapat satu unit, nelayan tempatan tersebut. Jadi, kita minta ini juga dipastikan supaya tidak ada mana-mana pihak mengambil kesempatan untuk mendapatkan lebih daripada satu unit bagi satu keluarga misalnya untuk anak-anak mereka kerana ini akan mengurangkan peluang bagi orang-orang lain untuk mendapat rumah-rumah ini.

Jadi yang lebih pentingnya ialah kita kena mengesan lagi kerana ramai lagi nelayan di Teluk Muroh, di Pasir Panjang, di Lekir dan beberapa kampung di Kayan yang memerlukan kawasan-kawasan penempatan yang baharu ini kerana mereka adalah merupakan golongan yang berpendapatan rendah dan perlu mendapatkan perhatian.

Semasa tempoh kita di dalam Kerajaan PH kita telah dapat mengenal pasti tempat-tempat ini dan telah dikemukakan kepada pihak berwajib. Ketika itu antara yang telah dirujuk ialah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Jadi, diharap perkara ini dapat diteruskan demi kebaikan untuk penduduk-penduduk di kawasan-kawasan berkenaan. Begitu juga, perkara ini *applicable* kepada pembangunan yang sama bukan hanya di Lumut ataupun di kawasan-kawasan di Perak tetapi di mana-mana juga kenalah mengikuti ciri-ciri dan juga syarat-syarat yang tepat supaya kita berlaku adil kepada rakyat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Lumut. Silakan Yang Berhormat Arau. Selepas ini Yang Berhormat Bagan.

Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]: Baram.

4.21 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, satu tajuk sahaja. Kedua, saya tidak hendak berucap, saya hendak cepat mengundi tetapi kalau saya tidak berucap dia orang dapat tiga, kita dapat satu. Sekarang dua-dua.

Okey, pertama sekali di bawah tajuk Program Khusus iaitu Kakitangan Kontrak. Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi, kakitangan kontrak ini sekurang-kurangnya kita pertimbangkan satulah, satu keistimewaan untuk mereka. Ini dia tidak dapat pinjaman kenderaan dan juga pinjaman perumahan. Saya ingat pinjaman kenderaan dibenarkan supaya kita buat satu perubahan baharu berhubung dengan kakitangan kontrak.

Apa yang saya hendak tanya ini bagaimana kakitangan kontrak yang telah dibuang oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan begitu zalim dan kejamnya. Yang Berhormat Langkawi tahu bahawa bila 17,000 dibuang *round* pertama dan yang kedua, 20,000 lebih. Ke mana mereka ini

harus pergi? Kita kena ingat mereka hanya kontrak. Mereka dibuang macam itu sahaja. Tidak ada apa-apa imbuhan yang diberikan. Jadi, dengan itu mereka menghadapi masalah dan bercemeralah kehidupan mereka di seluruh negara terutama yang berkeluarga, yang mempunyai anak dan sebagainya.

Jadi, kita minta kerajaan pertimbangkan balik supaya kakitangan kontrak yang telah dibuang oleh Kerajaan PH itu, Kerajaan PN ambil balik. Tunjukkan bahawa kita ini berperikemanusiaan kepada sifat kekejaman yang dilakukan oleh mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kita kena ingat membuang orang bekerja, walaupun kita buang seorang, kita kena ingat dia hidupnya dengan Allah Taala, doanya tidak ada hijab kerana dia telah dizalimi. Jadi, kita minta supaya kita yang mempunyai kuasa sekarang ini mempertimbangkan semula supaya mereka yang kena zalim ini diberi balik peluang pekerjaan sebagai mana mereka yang telah dapat sebelum ini. Kita tidak boleh ikut rentak yang telah ditunjukkan oleh kerajaan lama sebab kerajaan lama itulah kerajaan— bagi saya kerajaan *kamikaze*. Hentam sahaja. Walaupun perbuatannya itu menyebabkan rakyat menderita, pasaran saham jatuh, mereka tidak peduli, mereka hanya hentam kromo sahaja.

Akhirnya apabila benda ini berlaku kita lihat pasaran saham jatuh, ekonomi jadi masalah dan akhirnya timbullah keadaan di mana pemerintahan baharu telah ambil alih. Ini berlaku bukan kerana berlaku rampasan kuasa ataupun tidak tetapi berlaku kerana tindakan kerajaan tersebut yang tidak mentadbir urusnyanya dengan baik dan saksama.

Jadi saya mencadangkan supaya kakitangan yang dipecat itu diambil semula. Sementara yang ada itu kita bagi keistimewaan dalam bentuk pinjaman kenderaan supaya dia boleh bernafas lega menghadapi dunia yang penuh mencabar ini. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Bagan.

4.24 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menimbulkan berkaitan dengan projek-projek ataupun agensi-agensinya yang diuntukkan semula. Memandangkan ia melibatkan banyak projek berbilion ringgit khususnya dalam Program Pakej Rangsangan Ekonomi, bolehkah kita tahu kerana ini pun telah diketengahkan tetapi tidak dijawab? Bolehkah kita tahu adakah sistem tender terbuka masih terpakai? Ini kerana sehingga sekarang, kita belum ada kepastian sama ada sistem tender terbuka terpakai. Bolehkah kita dapat butiran secara terperinci, berapa peratus masih gunakan tender terbuka dan berapa

peratusan gunakan sistem *direct award*, dengan izin? So, itu penting supaya kita dapat pastikan *accountability* dan *transparency*.

Lagi satu perkara iaitu berkaitan dengan itu kementerian-kementerian tambahan dan juga jawatan GLC yang telah ditubuhkan di mana kita lihat lebih 75 peratus daripada Ahli Parlimen daripada pihak kerajaan telah mendapat jawatan. Apakah kos tambahan ataupun elaun tambahan yang diperolehi oleh Ahli Parlimen tersebut? Saya rasa itulah yang dikehendaki dan diketahui oleh rakyat di sini.

Satu lagi ialah berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri ialah tentang Tabung Haji. Itu secara khusus Tuan Pengerusi, kerana Pejabat Tabung Haji selama ini di kawasan saya Bagan telah ditubuhkan lebih 30 tahun dan saya difahamkan bahawa ia telah pun ditutup. Saya pun tidak tahu mengapa selepas tukar kerajaan, Pejabat Tabung Haji dekat Butterworth ditutup. Bolehkah saya dapat tahu apakah sebabnya kerana tidak mahu percaya bahawa ini adalah kerana ia dalam kawasan saya? Akan tetapi saya harap bahawa satu penjelasan boleh diberikan supaya penduduk-penduduk di sana khususnya daripada kaum Islam boleh mendapat kemudahan seperti yang mereka peroleh sebelum ini. Ini saya harap boleh diberikan penjelasan.

Pada masa yang sama, saya pun ingin bertanyakan tentang masjid Pagoh di kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerana saya masih ingat apabila saya menjadi Menteri Kewangan kelulusan khas sebanyak RM3 juta telah pun diberikan. Sehingga sekarang belum tahu apakah status ataupun kemajuan pembinaan masjid Pagoh di sana. Boleh kita tahu apa yang berlaku di sana supaya tidak timbul pula ura-ura bahawa golongan Islam diabaikan? Itu sesuatu yang tidak betul dan tidak tepat sama sekali.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua adalah...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Pengerusi, pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, akhirnya Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Ini di bawah kepala berapa ya? Saya cari tidak jumpa.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya teruskan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bawah kepala berapa? Perbincangan tadi tidak dirujuk dengan kepala. Jadi kepala berapa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kepala sudah tiada. Apa lagi mahu bahas.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini adalah Maksud Bekalan— Maksud Bekalan B.26 – Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bawah Jawatankuasa benda khusus, kepala berapa ini?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Maksud Bekalan B.26. Bacalah, bacalah dulu. Janganlah timbul secara sesuka hati.

So, di sini saya ingin tahu apakah— kalau kita sebut tentang keperluan program *one-off* dan sebagainya kita harap boleh dapat satu penjelasan yang lebih terperinci supaya kita tahu apakah kedudukan sebenarnya.

Akhirnya, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, saya ingin menyarankan kepada pihak beliau kalau boleh lanjutkan lagi itu moratorium.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana ada kepala?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini kerana sehingga sekarang tidak ada jawapan yang sewajarnya. Lanjutkan moratorium [*Tidak jelas*].

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, kepala berapa ini kita bincang sekarang?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kepala B.26 mana ada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini saya ambil kesempatan dan juga kalau boleh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butiran berapa? Butiran berapa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Butiran pun tiada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Pakej Rangsangan Ekonomi kita harap boleh berikan suntikan sebanyak RM45 bilion lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta maaf. Kalau Yang Berhormat boleh benarkan macam ini, kita juga akan bincang macam-macam sekejap lagi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini untuk rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mesti ada butiran Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, boleh Kangar hendak minta.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Jeli bagi Jabatan Perdana Menteri. Silakan, 10 minit.

4.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan kepada empat Ahli Yang Berhormat yang melontarkan pelbagai pertanyaan dan juga membuat beberapa cadangan khususnya Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Bagan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Lumut, Lumut. Bukan Larut.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Yang Berhormat Lumut, minta maaf bukan Larut. Yang Berhormat Lumut terima kasih banyak.

Jadi kita jawab— oleh kerana Yang Berhormat Lumut bersuara, maka kita jawab Yang Berhormat Lumut dululah ya. Projek ini adalah untuk membina dan juga membaik pulih rumah nelayan sebanyak 571 buah kesemuanya yang mana 273 unit baharu dan baik pulih 298 unit. Itu butir projek. Semuanya di Teluk Muroh, di Kampung Masjid, di Kampung Sungai Pinang, Teluk Kecil dan Teluk Gadong.

Yang Berhormat membangkitkan beberapa perkara...

■1630

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat, boleh minta sikit?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Termasuklah berkaitan dengan masalah kelewatan, bukan nelayan nak masuk dan ada isu-isu berkaitan dengan sesetengah *family* itu mungkin nak dua atau tiga, sepatutnya layak satu. Jadi, kita ambil perhatianlah. Saya yakin ini akan diambil perhatian oleh kementerian pelaksana. Peruntukan ini disalurkan kepada UPEN negeri dan melaksanakannya ialah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, khususnya Jabatan Perikanan. Jadi, pihak Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan sekarang ini Unit Perancang Ekonomi, menyalurkan peruntukan kepada pihak berkenaan. Jadi, kita ambil perhatian...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Dua perkara pandangan Yang Berhormat. Pertama ialah ramai lagi yang berkehendakkan rumah ini, bukan sahaja di Lumut, tetapi mungkin kawasan-kawasan—Malang Jeli tak ada nelayanlah ya? Juga di seluruh negara. Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, cuma isu ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang semasa beliau di pembangkang – Eh! Bukan Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Parit Sulong. Jadi kalau boleh, Yang Berhormat Menteri minta jelaskan kenapa dan bagaimana hanya perkampungan nelayan di Lumut dan juga Pulau Pangkor sahaja dipilih? Bagaimanakah pula dengan kawasan-kawasan yang lain?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Kita banyak nelayan seluruh negara dan ada juga program-program lain di kawasan di Kelantan umpamanya, negeri saya. Ada Tok Bali namanya, ada juga disediakan rumah. Jadi, bukan tertumpu di Lumut. Cuma ini program khas, ada permohonan daripada kerajaan negeri, maka disediakan peruntukan. Akan tetapi, projek ini, program ini kita laksanakan seluruh negara...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cuma sikit ya...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Kita akan berikan butir lanjut kepada Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cuma sikit Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Masa tak cukup dah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sikit sahaja. Cuma macam perkampungan nelayan di Kuala Perlis, misalnya dia duduk di tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran, jadi mereka ini tidak ada *title*. Jadi, itu harap kementerian juga cuba berunding dengan kerajaan negeri bagaimana boleh mengisytiharkan ini sebagai satu kawasan warisan sebab ia antara penempatan awal di negeri Perlis.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ahli Yang Berhormat, mengenai Kuala Perlis, kita ambil perhatian.

Yang Berhormat Pontian membangkitkan tiga, empat perkara. Pertama berkaitan dengan program kemiskinan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Peruntukan RM95 juta, penguntukan semula. Yang Berhormat mencadangkan supaya ditambah lagi peruntukan untuk

PPRT. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah peruntukan ini, kebanyakan adalah untuk latihan keusahawanan dan beberapa projek ekonomi. Projek-projek ataupun program PPRT ini kebanyakannya adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mungkin apabila dibicarakan atau dibahasakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, perkara ini mungkin akan dibangkitkan sekali lagi.

Pandangan Yang Berhormat supaya IRDA bukan setakat menjadi penyelaras, memang antara peranan utama lima – Kita ada lima koridor. Satu di Sabah, satu di Sarawak, satu utara, satu di selatan, satu di timur. Antara peranan utama kelima-lima koridor ini ialah untuk menyelaras projek-projek pembangunan. Yang Berhormat mencadangkan supaya koridor ini juga menjalankan tugas untuk melaksanakan projek. *Alhamdulillah*, kawasan IRDA telah pun diperluaskan ke Pontian dan Tanjong Piai. Tahniah kepada Pontian dan Tanjong Piai.

Sebagai makluman, kerajaan juga menyalurkan peruntukan secara langsung kepada koridor-koridor ini untuk dilaksanakan oleh koridor berkenaan. Umpamanya projek untuk menangani masalah pengangkutan awam di Iskandar. Projek dalam bahasa Inggeris, BRT, RM100 juta telah diperuntukkan. Jadi, selain daripada menjadi penyelaras, badan-badan ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan secara langsung projek-projek berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Berkaitan peruntukan kepada FELDA, tiga utama. Satu ialah untuk bekalan air. Kedua, jalan. Ketiga ialah kelestarian. Kestarian ini satu perkara yang amat penting. Perkara ini sedang ditangani oleh pasukan petugas. Memang benar, 10 hari lalu kita memberikan taklimat kepada 12 Ahli Parlimen tentang hala tuju FELDA. Malangnya, Yang Berhormat tak dapat hadir pada malam tersebut. Ada cadangan supaya melihat semula kepada bantuan sara hidup. Perkara ini sedang ditangani oleh Pengerusi FELDA yang duduk berdekatan dengan Yang Berhormat Pontian.

Jadi, kita jangka dalam masa sebulan dua, laporan ini akan dimuktamadkan. Kabinet akan menimbangkannya dan ada beberapa perkara, antara yang dicadangkan oleh pasukan ini ialah supaya peneroka-peneroka yang mungkin tak perlu bantuan, tak harus berikan bantuan. Jadi, bukan semua. Sekarang ini semua sekali, semua sekali peneroka yang tanam semula diberikan bantuan sara hidup dan juga diberikan bantuan tanam semula. Jadi, mengikut salah satu cadangan yang belum lagi ditimbang oleh kerajaan ialah supaya peneroka-peneroka yang mampu, tidak harus diberikan pinjaman berkenaan.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya beri geran supaya jangan seperti dulu dan jangan – tidak dalam bentuk pinjaman, perkara ini kita rasa agak sukar kerana ini memerlukan peruntukan tambahan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Pontian bercakap tentang pegawai kontrak. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai mukadimah, kira-kira RM5 juta disediakan untuk membayar elaun lebih 80 pegawai. Dulunya Pegawai Seranta FELDA yang ditempatkan pada mulanya di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, sekarang dipindahkan ke Unit Perancang Ekonomi.

Maknanya, walaupun jawatan Pegawai Seranta FELDA itu mungkin dimansuhkan, tetapi kesemua mereka dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Ada yang sudah pun berhenti dan sekarang ini kira-kira 80 orang sedang bertugas di Unit Perancang Ekonomi. Jadi, RM5 juta yang diuntukkan semula dalam cadangan ini adalah untuk menampung elaun pegawai berkenaan.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Pontian supaya diberikan elaun ataupun pinjaman perumahan dan juga kenderaan, ini melibatkan perkara dasar yang perlukan perhatian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita akan rujuk perkara ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan cadangan Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Pontian.

Yang Berhormat Lumut saya sudah jawab yang pertama tadi. Sekiranya tidak ada perkara lagi berbangkit, Yang Berhormat Arau sama dengan Yang Berhormat Pontian— saya yakin Yang Berhormat Arau sudah pun puas hati. Dia tersenyum sahaja, minta tidak ada tambahan. Terima kasih banyak.

Akhir sekali, Yang Berhormat Bagan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan. Akan tetapi menghormati kehendak Yang Berhormat Bagan— Saya tengok pun macam Yang Berhormat Arau juga tak nampak satu pembetulan. Biasanya Tuan Pengerusi, kalau kita bercakap peringkat jawatankuasa, kena sebut butiran apa.

Jadi yang pertama, Yang Berhormat Bagan tanya mengenai tender terbuka. Keduanya bertanya kos tambahan pengerusi-pengerusi yang baru dilantik. Ketiga, Tabung Haji di Bagan. Keempat, Masjid Pagoh. Kelima, moratorium. Jadi, ini antara perkara. Saya cari-cari pun tak jumpa juga. Akan tetapi menghormati Yang Berhormat Bagan selaku bekas Menteri Kewangan, mungkin jabatan-jabatan berkenaan hendak menjawab...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tak perlu kita jawab, tak ada butiran Tuan Pengerusi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit tentang koridor utara, Butiran 011000. Tadi saya nak bahas, tetapi dah dihadkan kepada dua orang. Lembah Chuping di kawasan Padang Besar ini dah lama dah diumumkan yang baik disasarkan. Sekiranya terealisasi, boleh menawarkan kerja sehingga lebih daripada 12,000 orang. Akan tetapi sehingga sekarang, projek ini seakan-akan tidak bergerak. Pelabur nak datang, Perlis ini masalah *non-revenue water* paling tinggi di Malaysia dan juga di Lembah Chuping ini dia tidak ada PMU (pencawang masuk utama) ini.

Jadi kalau nak buat pencawang masuk utama ini, dia perlukan lebih kurang dalam RM100 juta. Jadi saya harap kalau dapat- sebab projek ini dah terlalu lama diumumkan, belum berjalan. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri dapat mengutamakan, sekurang-kurangnya ada PMU di sana.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Tiga minggu lepas saya melawat Lembah Chuping dan diberi taklimat. Pada masa saya melawat itu, kerja-

kerja tanah sudah pun dimulakan. Jadi, tak benar bahawa tidak ada satu pun kerja belum dimulakan. Sebenarnya, sudah pun mula dan peruntukan akan disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 sebagai projek sambungan untuk memajukan Lembah Chuping.

Sebahagiannya untuk taman industri dan beberapa industri sudah pun dilaksanakan di sana termasuklah tanaman yang *high-end agriculture, smart agriculture*. Buah tin sekarang ditanam di Lembah Chuping. Akan tetapi, yang saya sebutkan tadi adalah kerja-kerja infrastruktur sudah pun bermula bagi membangunkan Lembah Chuping. Sebahagiannya, bukan semua. Terima kasih banyak. Mengenai cadangan dibina satu *substation*, ini akan diberi perhatian sewajarnya, mengambil kira keperluan Lembah Chuping. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM310,621,700 untuk Kepala B.6 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.6 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.6 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

■1640

Maksud B.10 dan B.11 [Jadual] –

Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kepala Bekalan B.10 dan B.11 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Empat orang. Yang Berhormat Jerlun, kemudian Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Tanjong Karang. Lagi? Okey, tiga ya. Oh, Yang Berhormat Pontian. Lima minit. Kemudian Yang Berhormat Menteri 10 minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila pegang kepada Peraturan Mesyuarat 67(9) iaitu rujuk pada butiran. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Silakan Yang Berhormat Tanjong Karang. Masa lima minit.

4.41 ptg.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat Jerlun dahulu tadi. Okey, terima kasih banyak, Tuan Pengerusi.

Saya hendak rujuk kepada Maksud B.11 Butiran 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan mengenai rungutan yang diterima oleh kontraktor. Kita sedia maklum bahawa apabila PH memerintah dahulu, Kerajaan PH telah pun melakukan satu dasar yang baharu, dia memberi potongan kepada kontraktor-kontraktor sehingga enam hingga 10 peratus. Ini menyebabkan kontraktor-kontraktor yang telah mendapat Surat Setuju Terima (SST), bila hendak laksana, Kementerian Kewangan keluaran arahan potong 10 peratus hingga enam peratus. Ini menyebabkan kontraktor-kontraktor tertekan.

Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan, berapa banyak kontraktor yang sanggup meneruskan projek-projek ini walaupun mereka terpaksa mengalami kerugian setelah dipotong enam peratus ataupun lima peratus? Sebanyak 10 peratus pun ada yang dipotong. Itu yang pertama. Berapa banyak yang sanggup melaksanakan?

Berapa pula kontraktor yang tidak berani hendak meneruskan? Kerana itu adalah tender terbuka. Kalau diteruskan juga, sudah tentu mereka akan mengalami kerugian. Boleh jadi mereka hanya untung 10 peratus, kena potong pula 10 peratus. Jadi, berapa ramai pula yang sanggup menolak kontrak-kontrak ini?

Juga kita dapat maklum, yang menyedihkan lagi, ada kerja-kerja telah pun berjalan. Bukan setakat baru terima Surat Setuju Terima tapi telah berjalan. Dipanggil untuk dibuatkan pemotongan. Bagi saya, ini satu tindakan yang zalim kepada kontraktor-kontraktor dan majoritinya, saya hendak beritahu, ialah kontraktor-kontraktor bumiputera. Mengapa kontraktor-kontraktor ini ditindas dan mengapa mesti dipotong? Bajetnya telah ada. Mungkin pada masa itu alasannya wang negara telah dirompak, wang negara telah dicuri, negara hendak bankrap. Akan tetapi, kita sedia maklum bahawa semua tuduhan itu adalah tuduhan palsu yang hari ini tidak betul kenyataan tersebut. Jadi, saya hendak tahu, apa rasional yang diambil oleh bekas Menteri Kewangan yang lama?

Akhirnya, saya hendak dapatkan kepastian. Apakah Kerajaan PN hari ini membuat satu pembaharuan, memberikan pembelaan kepada kontraktor-kontraktor ini? Adakah Kerajaan PN hari ini meneruskan dasar kepada kontraktor-kontraktor ini tetap dipotong 10 peratus? Walaupun Kerajaan PN hari ini lebih bertimbang rasa, lebih memahami masalah rakyat, membela masalah kontraktor-kontraktor bumiputera terutamanya di mana kita beri semula ikut yang asal? Mengapa mesti dipotong?

Jadi, saya harap Kerajaan PN hari ini jangan ikutlah dasar kongkalikung, dasar zalim yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu. Saya hendak merayu supaya berikan semula kepada mereka mengikut harga yang asal. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jerlun, silakan.

4.44 ptg.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Pengerusi, saya mohon pengesahan. Yang kita sekarang bahaskan sekarang ini bukannya Maksud P.10 Perbendaharaan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: B.10 dan B.11 dan P.10. Tiga serentak, Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Termasuk P.10 ya? Okey. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut membahaskan mengenai Butiran 00114 – Projek Pembangunan Langkawi. Jumlahnya agak besar iaitu RM112,472,356. Jadi, saya mohon penjelasan dari pihak kementerian sekiranya boleh diberikan butiran mengenai projek-projek yang dimaksudkan.

Antara lain, seperti mana yang kita sedia maklum, di Langkawi ini sebagai pusat pelancongan. Salah satu masalah besar yang dihadapi di Langkawi ialah loji pembakaran sampah. Isu ini telah berlarutan sekian lama. Ia masih lagi tidak berfungsi walaupun sejumlah wang yang besar telah pun dibelanjakan sebelum-sebelum ini. Jadi, saya mohon satu komitmen daripada kerajaan yang ada sekarang ini untuk memastikan bahawa loji pembakaran sampah ini dapat dibina dan disempurnakan supaya semua sampah yang wujud di Langkawi ini boleh dibakar.

Ini menjadi suatu masalah besar sekiranya tidak dilakukan kerana loji ini terletak berdekatan dengan *geopark* di Kilim, Langkawi. Status Langkawi sebagai satu *geopark* di bawah UNESCO adalah satu tarikan bagi pelancong-pelancong seantero dunia untuk melawati Langkawi. Sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi dengan baik, masalah *leachate* yang akan tumpah ke kawasan Sungai Kilim tentunya akan menimbulkan masalah yang besar. Jadi, saya mohon supaya perkara ini diberikan perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Arau.

4.46 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Saya juga ingin berbahas Maksud B.10. Yang Berhormat, ini adalah tajuknya iaitu strategi pelaburan. Saya menyokong pemberian kepada Langkawi.

Cuma, saya ingin bertanya kepada kerajaan. Daripada segi strategi pelaburan ini iaitu kenyataan-kenyataan kerajaan yang mampu untuk membolehkan orang datang melabur di tempat kita. Dia kena keluar kenyataan yang lebih positif, bukan kenyataan-kenyataan yang berbau permusuhan ataupun kenyataan-kenyataan yang boleh merugikan negara. Contohnya, Menteri Kewangan dahulu pernah mengeluarkan kenyataan bahawa kita tipu GST, beritahu bahawa kerajaan sekarang ini kewangannya tidak ada dan dengan itu terpaksa meminjam, terpaksa ambil duit PETRONAS dan sebagainya. Semua kenyataan ini menyebabkan pasaran saham kita jatuh merudum di peringkat sampai ke tahap 1,200. Akan tetapi kita bersyukur hari ini, dalam masa jangka pendek...

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Ini butiran mana ini, Tuan Pengerusi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Pasaran saham kita telah naik 1,557. Ini kita minta supaya kerajaan sekarang meneruskan usaha baik supaya bercakap yang mampu menarik orang datang kepada kita.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Ini butiran apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi mereka yang tidak mengaji sekolah, Butiran 030600 – LADA. Saya hendak sebut ialah dari segi strategi pelaburan ini supaya orang lebih ramai datang ke Langkawi, orang lebih ramai datang ke Malaysia, orang *confident* dengan kerajaan yang ada sekarang. Jadi kita kena sentiasa bagi cakap-cakap yang lebih positif. Bukan cakap-cakap cerita negara ini akan bankrap dan sebagainya. Akhirnya, apa yang kita dapat? Pasaran saham kita jatuh.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini adalah sebab strategi pelaburan. Ya, ARMADA. Bekas, bekas. *Sorry*.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju, keyakinan pelabur itu sangat penting. Tetapi adakah Yang Berhormat setuju juga bahawa apabila setiap hari atau setiap minggu ada perbincangan kita perlu bubar Parlimen secepat mungkin, perbincangan pembubaran Parlimen itu setiap minggu, setiap hari tidak lain tidak bukan akan melemahkan keyakinan pelabur-pelabur untuk masuk ke Malaysia? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mereka sendiri tidak yakin.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Siapa yang suruh bubar Parlimen ini?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Siapa suruh bubar Parlimen?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, untuk apa kita bubar Parlimen? Kerajaan sekarang— cuba tengok undi tadi pun, bertambah daripada dahulu sampai sekarang. Untuk apa ya? Kita tiap-tiap kali pilihan raya, kita...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Arau, UMNO hari-hari minta bubar Parlimen, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak. Siapa UMNO? Saya UMNO. Ini individu UMNO itu, itu lain.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, tapi pemimpin-pemimpin minta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Juga ini semua pihak pembangkang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: PAS pun minta untuk kerajaan lagi stabil.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Nama Perikatan Nasional pun bertukar-tukar. Sekarang Kerajaan Perikatan Nasional atau Kerajaan Muafakat Nasional?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, cerita cepat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kerajaan sekarang bukan sahaja mampu untuk meneruskan kesinambungan tetapi mempertahankan undi. Padahal kita lihat apa yang berlaku kepada PH, undinya tinggal 106. Itu satu kejatuhan yang agak luar biasa. Kami akan

terus meningkat sebab rakyat sudah *confident* usaha kita untuk tangani pandemik COVID-19 dan juga masalah ekonomi dilihat sesuatu yang cukup memberangsangkan.

■1650

Mana mungkin *market* daripada 1,200 dalam masa hanya empat bulan, naik kepada 1,557. Cari di mana. Bagi mereka yang tahu sikit main sahamlah. Lihat di mana yang boleh berlaku demikian rupa.

Ini menunjukkan bahawa rakyat *confident*. Apabila rakyat *confident*, negara luar juga *confident*. Akan tetapi malangnya, segelintir ahli-ahli politik terutamanya di pihak sana, mereka tidak tahu apa— mereka hanya tahu ingin berkuasa. Apabila diberi kuasa, akhirnya mereka campakkan kuasa. Rakyat bagi kuasa kepada Yang Berhormat semua selama 22 bulan. Apa Yang Berhormat dapat? Kami dapatlah dan rakyat dapat sebanyak RM30. Apa rakyat dapat? Rakyat dapat ialah masalah perkauman meningkat. Rakyat dapat ialah peluang pekerjaan hilang tetapi kerajaan sekarang perlahan-lahan walaupun seluruh dunia dilanda masalah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, boleh bagi kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Akan tetapi kerajaan dapat selesaikan masalah. Ya, silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, setuju atau tidak dalam masa PH, memang hari-hari buat *impact* imej-imej negara kita, semua negatif. Negara bankraplah, negara tiada duit sudahlah dan pergi sini sana pinjam. Sekarang kita Yang Amat Berhormat PM punya. Yang Berhormat Menteri Kewangan naik, jadi Menteri Kewangan. Dia tidak faham kenapa itu masalah mereka mahu pergi pinjam. Negara banyak duit.

Ini bukan kutuk negara kita sendiri. Apabila PH caj ini orang dan itu orang, semua kata adil. Sekarang DAP punya kena caj, semua tidak adil. Macam mana komen Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Bintulu telah memberi satu pandangan yang cukup hebat dan luar biasa ya. Maka, bolehlah masuk sebahagian daripada ucapan saya untuk dijawab oleh pihak kerajaan.

Akan tetapi yang saya hendak bagi penekanan di sini ialah kalau kita ambil pendekatan positif, positif jadinya. Akan tetapi kalau kita ambil pendekatan negatif, negatif jadinya. Kerajaan sekarang ia walaupun ia ada masalah, ia ambil pendekatan positif. Ia boleh pinjam duit tetapi daripada tempatan dan bukan dari luar negara yang mana kita dapati kadar faedah tempatan lebih rendah dari luar negara...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dalam masa yang sama, ia akan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, boleh sikit lagi tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Ada lagi? Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, masa sudah tamat. Minta maaf ya. Yang Berhormat Pontian, *last*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini kongkalikung.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat semua, tidak ada dalam butiran, bubar Parlimen ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak ada dalam butiran.

4.52 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: P.10, Projek Pembangunan Langkawi dan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi saya *conclude*-kan, *conclude*-kan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sebelah sini pula bukan? Selepas Yang Berhormat Arau, bukankah sebelah sini?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sudah lepaslah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Peruntukan sebanyak RM17.25 juta mengurus, sebanyak RM39.54 juta pembangunan dan sebanyak RM56.78 juta.

Apa yang saya ingin tanyakan, ada satu projek di Langkawi di bawah LADA, saya dengar nama projek itu ialah Maha City, ya, Maha City. Saya hendak tahu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Maha City ini projek apa. Boleh bagi butiran-butiran? Kemudian, Maha City ini tiba-tiba ditukar kepada Langkawi City. Kemudian, Langkawi City itu bertukar balik kepada Maha City. Jadi, saya amat-amat... *[Disampuk]* Saya tidak tahulah tetapi ada Maha Tower dan sebagainya. Saya hendak tahu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Maha City kah atau Langkawi City. Ini hendak tahu.

Satu lagi yang akhir, ringkas saja ini. Seramai sembilan orang direman termasuk lima penjawat awam iaitu sindiket jamin lulus. Caj RM500, dapat kelulusan dengan cepat ePerolehan di bawah Kementerian Kewangan. Ini saya tidak tahu bila mereka mula melakukan perkara-perkara yang begini. Mungkin ketika zaman PH agaknya mereka melakukan perkara itu. Saya hendak tahu tentang sindiket jamin lulus ini. Apa dia Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab selama 10 minit.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Sebelah sini, tidak bagi langsung kah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya kata tadi empat nama. Saya sudah pilih tadi empat nama dan yang lain tidak bangun. Jadi, empat nama. Tuan Pengerusi sudah bagi arahan empat nama.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kata dua-dua tadi. Kata dua-dua.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Dua-dua sebelah sini. Sana tiga nama. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Sini satu nama. *[Merujuk kepada blok pembangkang]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Akan tetapi empat orang Yang Berhormat ini bangun dulu. Yang Berhormat semua tidak bangun. Takkan hendak menyalahkan Tuan Pengerusi.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Tidak, tidak. Kata hendak bagi dua-dua Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Akan tetapi kalau begitu Yang Berhormat bangunlah masa semua tengah bangun.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak jelas itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kita tidak bangun, sudah ada orang lain bangun.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mungkin Yang Berhormat Kangar tengah tidur tadi.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada seramai empat Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu di bawah butiran-butiran yang telah disebutkan oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang mempersoalkan kesahihan berkaitan projek atau nilai kontrak yang telah dikurangkan sebanyak 10 peratus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, Kementerian Kewangan selepas mengambil alih di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, kita mendapat aduan dan perjumpaan dengan wakil-wakil daripada syarikat-syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat sebut itu memang Kementerian Kewangan sedar dan ia melibatkan sebanyak 121 buah projek.

Namun demikian Yang Berhormat Tanjong Karang, kementerian sedang meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan juga wakil-wakil syarikat. Namun, Kementerian Kewangan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional menghormati dalam memenuhi semua perkara yang telah dipersetujui dalam perjanjian yang telah dibuat sama ada mana-mana kerajaan pun, kita mesti *honour with our agreement*. Itu yang dapat saya bagi maklum balas kepada Yang Berhormat. *Insyaa-Allah*, kita akan memaklumkan ke Dewan yang mulia ini perkara-perkara yang terkini berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang ialah membela kontraktor bumiputera. Sudah pasti Yang Berhormat, perkara ini sudah pasti dalam perkiraan dan pertimbangan Yang Amat Berhormat Pagoh dan Yang Berhormat Menteri Kewangan. *Insyaa-Allah*, dalam Bajet 2021 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti, pasti akan ada khabar-

khobar yang gembira yang akan diatur dan dilakukan tindakan bagi memastikan kita membela kontraktor-kontraktor bumiputera dan semua kontraktor di seluruh negara Malaysia dan yang pentingnya mereka merupakan rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Jerlun telah bangkitkan isu yang melibatkan LADA. Tuan Pengerusi, LADA merupakan sebuah agensi di bawah kementerian iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, LADA merupakan...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya minta maaf. Tuan Pengerusi, saya minta maaf.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Lembaga Pembangunan Langkawi merupakan satu agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang bertaraf dunia. Perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi agak spesifik. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, Kementerian Kewangan melalui LADA sebagai agensi yang sentiasa mempromosi aktiviti-aktiviti pelancongan di Langkawi, sudah pasti kita akan mengambil berat pandangan Yang Berhormat tadi berkaitan projek yang melibatkan pembakaran sampah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta sikit...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Untuk makluman Yang Berhormat— Sekejap ya Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Seminit saja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Sekejap ya. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan pandemik COVID-19 ini, memang ada penurunan rakyat atau pelancong ke Langkawi. Akan tetapi apa yang dilaporkan kepada saya pada minggu lepas, nampaknya ada peningkatan jumlah pelancong yang datang ke Langkawi. Apa yang dibangkitkan— Boleh.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mana dulu?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Saya bagi Yang Berhormat Jerlun dulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak apa.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat waktu berlakunya COVID-19 ini, apabila ada penurunan jumlah pelancong, inilah masanya untuk kita hendak perbetulkan apa juga prasarana yang perlu diperbaiki. Saya harap kementerian akan memberi perhatian kepada perkara ini. Jangan tunggu bila sudah ramai pelancong, baru hendak buat. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh ya, satu minit?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey. Tadi, jawapan yang diberikan ialah tentang pelancongan. Jadi, kita kena sebut bahawa laluan utama untuk ke Langkawi dan yang paling singkat ialah dari Kuala Perlis. Cuma saya minta pertimbangan supaya kementerian

memikirkan bagaimana untuk memperluaskan lagi Jeti Kuala Perlis itu supaya dapat menampung lebih ramai pelancong.

Kedua ialah saya banyak menerima aduan daripada pelancong. Biasanya kalau dia ke Langkawi ataupun dia ke Perlis, dia mesti hendak duduk lama dan dia akan cuba ambil feri yang terakhir. Akan tetapi oleh sebab tidak ada pertambahan feri, jadi kadang-kadang mereka terpaksa menambah hari untuk tinggal sama ada di Perlis atau di Langkawi kerana feri tidak dapat menampung cukup permintaan dalam feri terakhir. Jadi kalau boleh, kita minta LADA untuk pertimbangkan supaya feri yang terakhir itu diperbanyakkan supaya pelancong ini dia tidaklah rasa terbeban kerana kadang-kadang mereka ini terlepas pandang dalam merancang perjalanan mereka.

■1700

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Kangar. Saya menjawab bagi kedua isu dibangkitkan bersekali. Saya setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi, jangan tunggu ketibaan pelancong sudah baik barulah kita hendak laksanakan tetapi perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi yang lebih spesifik yang mungkin saya boleh nyatakan di sini pusat pembakaran sampah *incinerator* di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di bawah KPKT telah siap dibuat penambahbaikan ke atas sistem itu, Yang Berhormat Jerlun.

Semua *hardware* telah dipasang kecuali sistem *software* dalam peringkat *testing and commissioning* dengan izin. Ini kerana disebabkan PKP, *engineer* atau jurutera dari negara Korea tak dapat masuk ke Malaysia. *Insyallah* Yang Berhormat Jerlun, saya mengambil kira pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Jerlun.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kangar tadi, inilah Tuan Pengerusi yang timbul kekeliruan. LADA sebenarnya adalah agensi promosi pelancongan yang melibatkan hanya tanah-tanah LADA di pihak Langkawi. Walau bagaimanapun atas kekeliruan perkara ini sebagai sentral agensi dengan izin Tuan Pengerusi, kita juga *facilitate* perkara-perkara yang melibatkan industri pelancongan di Langkawi.

Pandangan Yang Berhormat Kangar tadi saya akan ambil kira dan saya akan maklumkan kepada pihak LADA untuk lakukan sesuatu perkara supaya ekosistem pelancongan di Langkawi itu harus kita tambah baik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat Pontian Tuan Pengerusi membangkitkan tentang sindiket jamin lulus ePerolehan. Untuk makluman Ahli Parlimen Pontian, kes ini dalam siasatan SPRM pada masa ini dan saya tidak boleh menyatakan selebih perkara itu.

Berkaitan projek MAHA yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian sebentar tadi, projek ini telah diluluskan *master plan* pada tahun 2014. Kebenaran merancang pada tahun 2014 dan melibatkan tanah 28.5 ekar. Saya kena kaji isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Pontian tetapi Tuan Pengerusi, pembinaan Maha City dan hari ini betul mula-mula Maha City kemudian jadi Langkawi City. Kemudian Maha City balik dan kita telah putuskan supaya ia kembali kepada Langkawi City supaya mengambil nama Langkawi itu. Ini kerana ia dilakukan di pekan Kuah.

Cumanya Yang Berhormat Pontian dan Tuan Pengerusi, LADA hanya bertanggungjawab ke atas tanah, bukan kos pembinaan Maha City ini. Ia hanya memajak dengan pihak LADA dalam suatu tempoh yang tertentu. Bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau berkaitan pelaburan kewangan. Saya yakin dan percaya seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam peringkat dasar kita mesti memahami bahawasanya kewangan dalam negara mencukupi.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, kita mempunyai *capital buffer* Yang Berhormat Arau, RM120 bilion dan kita mempunyai kecairan melebihi RM160 bilion ke RM180 bilion. Paling penting Yang Berhormat Arau, *net impact loan* yang berkaitan dengan NPL hanya lebih kurang RM18 bilion ke RM20 bilion. Kalau ini diambil kira sudah pastinya sistem kewangan negara kita akan disokong oleh institusi kewangan yang baik tetapi yang paling penting bagi kita biarlah kita menghadapi krisis ekonomi jangan kita menghadapi krisis kewangan.

Ini kerana apa, sekiranya kita mengalami krisis kewangan proses untuk membetulkan balik *balance sheet* tersebut mengambil masa yang panjang Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi minta sedikit. Minta sedikit Yang Berhormat Timbalan Kewangan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Minta sedikit Yang Berhormat Timbalan Kewangan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Boleh, boleh.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tadi ini di dalam – saya tak sempat sebab Tuan Pengerusi tak bagi tetapi saya rasa ini mungkin Yang Berhormat Paya Besar mempunyai maklumat tentang B.10, Butiran 030600 - LADA itu yang kita bincang tentang strategi pelaburan sebanyak RM17.253 juta. Jadi kalau boleh dapat diterangkan butiran ini untuk perbelanjaan apa dan tidak bersyarat pasal pelaburan macam Yang Berhormat Arau buat tadi itulah.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Yang Berhormat Kubang Pasu, saya menghormati Yang Berhormat Kubang Pasu sebagai bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan juga sebagai Pengerusi LADA tempoh hari. Jadi saya yakin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat nanti saya akan berikan jawapan secara bertulis tetapi yang paling penting Yang Berhormat, apa sahaja pembangunan yang kita buat, kita mesti buat dalam *on* bajet jangan *off* bajet. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,658,900 untuk Kepala B.10 dan B.11 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.10 dan B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.10 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.10 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.14 [Jadual] –

Maksud P.14 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kepala Bekalan B.14 dan Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perpaduan Negara terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Empat orang. Yang Berhormat, empat orang ini ya. Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Dungun – tiga, lagi? Yang Berhormat Arau, lima minit. Okey, silakan.

5.07 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Transformasi Masyarakat India. Terutamanya berkenaan dengan peruntukan-peruntukan untuk program-program unit transformasi masyarakat India, emolumen, perkhidmatan dan bekalan. Cuma saya ingin memohon kalau dulu kita lihat terdapat rungutan bahawa peruntukan yang telah disediakan untuk program ini tidak mencapai sasaran ataupun matlamat malahan juga terdapat aduan bahawa terdapat ketirisan dan macam-macam penyalahgunaan dana.

Di mana objektif dan matlamat tidak tercapai. So, saya cuma ingin memohon kalau boleh sasaran atau satu pendekatan di mana program-program ini diberi perhatian kerana sebelum kita lihat Pakatan Harapan mentadbir, banyak juga aduan-aduan yang telah dibuat sehinggalah penyiasatan dibuat oleh pihak SPRM di mana kita lihat ada macam-macam tuduhan dan tohmahan yang telah dilemparkan, di mana kita lihat ada penyalahgunaan dana.

So, saya cuma ingin memohon supaya kementerian dan Menteri yang terlibat supaya memberi perhatian kepada perkara ini di mana kita ingin memastikan kalau boleh peruntukan ini ditambah baik berlipat ganda supaya kita memberi perhatian khususnya kepada program-

program untuk meningkatkan lagi dengan izin, latihan-latihan berkenaan dengan program-program seperti dengan izin, *manufacturing and mechanics*.

Akan tetapi yang pentingnya saya ingin menekankan di sini bahawa permintaan saya adalah supaya dana yang diperuntukkan itu tidak disalahgunakan. Saya mohon supaya kalau boleh perhatian diberikan kepada penggunaan dana yang mencapai sasaran supaya kumpulan-kumpulan sasaran dan individu-individu yang telah pun kita sasarkan mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada penggunaan dana ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Dungun.

5.09 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa, Kementerian Perpaduan Negara.

■1710

Di bawah Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Tuan Pengerusi, oleh sebab Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dinaik taraf kepada Kementerian Perpaduan Negara. Saya melihat fokus perpaduan negara dan integrasi nasional tidak boleh lagi memfokuskan hanya semata-mata kepada perpaduan antara kaum dan rakyat setempat semata-mata. Kementerian Perpaduan Negara juga perlu bergerak ke hadapan dengan memikirkan rangka dan strategi bagi mewujudkan perpaduan merentas negeri, terutamanya dalam menghadapi sentimen Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Justeru itu, saya ingin bertanya bagaimanakah peruntukan di bawah Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini akan disalurkan bagi memupuk semangat perpaduan antara negeri.

Seterusnya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Dungun. Saya mohon pencilahan.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dua perkara Yang Berhormat Dungun. Pertama, pendidikan Rukun Negara. Apa pandangan Yang Berhormat Dungun tentang pendidikan Rukun Negara?

Kedua ialah mengenai apa yang dipanggil sebagai Tadika Perpaduan. Saya tidak nampak ada butiran untuk Tadika Perpaduan, walhal ia adalah suatu usaha yang bagus. Anak-anak pelbagai kaum berada di dalam tadika yang sama, terutamanya di kawasan-kawasan bandar dan juga pekan-pekan. Akan tetapi kelihatan tidak ada butiran. Adakah Tadika Perpaduan ini sudah dimansuhkan atau bagaimana kedudukannya? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Isu yang sangat penting, maka masukkan dalam ucapan saya untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, saya ingin juga mendapatkan penjelasan dan perincian mengenai apakah program dan inisiatif baharu yang disusun oleh Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri untuk digerakkan di peringkat negeri masing-masing? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Tampin. Silakan.

5.12 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Perkara ini amat penting bagi rakyat Malaysia sebab kita terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Dungun, untuk kita memperkembangluaskan isu-isu perpaduan ini melangkaui batas sempadan negeri dan juga kaum. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kementerian. Apakah program-program yang akan dilaksanakan? Apakah perincian butiran yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan bahawa perpaduan ini dapat diperkasakan di negara kita ini?

Saya juga ingin bertanya ataupun kepada kementerian, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi soal Tadika Perpaduan iaitu kalau kita lihat di tempat saya sendirilah, Tadika Perpaduan ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, perlu dibantu, perlu dipertingkatkan dan perlu diperkasakan. Oleh kerana ia boleh memberi impak yang besar kepada peningkatan perpaduan di negara kita.

Juga dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong dahulu saya pernah membangkitkan tentang wajarnya Rukun Negara dihayati sepenuhnya oleh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan keturunan. Oleh sebab Rukun Negara telah menjadi dasar kepada negara untuk dihayati, bukan hanya untuk diingati. Jadi oleh sebab itu, saya meminta supaya kementerian membuat satu landasan yang jelas dan konkrit bagaimana kita hendak menghayati Rukun Negara ini secara sepenuhnya kepada rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau.

5.14 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, di bawah maksud P.14 Kementerian Perpaduan Negara. Saya minta di bawah program Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini dilihat balik supaya rakyat mendapat gambaran penuh berhubung dengan apa yang disebutkan dulu dalam bentuk fakta. Sekarang ini banyak pembohongan berlaku. Sekarang kita hendak fakta diketengahkan bahawa ini ia faktanya. Fakta bahawa kita telah lantik Menteri, Timbalan Menteri, Pengerusi GLC, faktanya iaitu fakta. Akan tetapi yang paling penting kesan daripada pelantikan tersebut, kemampuan mereka untuk memberi sumbangan kepada agensi kerajaan dan juga agensi-agensi lain, membolehkan ekonomi kita melambung. Itu ia fakta.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, kementerian ini kena perbetulkan sebab apa, rakyat dibohongkan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau boleh bagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Bahawa kononnya pelantikan Menteri, Timbalan Menteri, penasihat bertaraf Menteri semua ini merugikan kerajaan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Arau, boleh bagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi mereka lupa bahawa kerajaan dapat pulangan yang cukup luar biasa. Sebanyak RM300 bilion lebih nilai pasaran saham tempatan. Yang Berhormat Bintulu, ya silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai perpaduan. Perpaduan negara kita macam sekarang tidak ada perpaduan. Perang keharmonian sudah. Memang saya setuju apa Yang Berhormat Arau tadi kata, kita banyak buat pembohongan. Kita kata beritahu rakyat, kita ini selalu Perikatan Nasional, buat pembohongan. Sepatutnya dia orang sendiri buat bohong semua. Contoh macam tadi *you* kata, pelantikan pengerusi-pengerusi dalam masa Pakatan Harapan tidak buat pelantikan wakil rakyat sebelah sana, dia orang jadi *chairman* kita semua. Pengerusi tidak ada. Ada pelantikan semua, kenapa dia orang tidak mengaku? Isu ketua. DAP pun dapat, duta khas juga. Kenapa tidak membazirkan?

Inilah kita kalau tiada satu *bottom line*, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Arau setuju tak? Kita memang akan jadi huru-hara. Sehari kita cerita mengenai isu agama, nanti sekejap cerita perkauman. Hujung-hujung kita perpaduan, keharmonian memang tiada. Hujung-hujung, apa ada kena caj, dia minta derma daripada rakyat. Dia begitu susah. Ini semua tipu. Inilah Yang Berhormat Arau, setuju tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Setuju.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita memang mahu ada satu *bottom line*. Jangan bagi orang semua boleh huru-hara, boleh temberang sini, temberang sana. Yang Berhormat Arau setuju tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Ini masuk sebahagian daripada ucapan saya yang cukup dahsyat ini ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Arau, boleh dapat penjelasan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya juga ingin menyentuh di sini bahawa semasa PH memerintah, 53 orang...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini Yang Berhormat Beruas semua samalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini dengar sini. Seramai 53 orang politik yang telah dilantik dalam GLC.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Bintulu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa nak nafikan saya? Siapa nak nafikan saya?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Arau, tadi Yang Berhormat Bintulu terdapat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seramai 53 orang dilantik dalam menjadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu wakil rakyat semua diam, senyap.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini kerana Yang Berhormat Arau sudah kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini menunjukkan bahawa mereka pembohong.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Yang Berhormat Bintulu punya ucapan dimasukkan dalam ucapan...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, tugas Kementerian Perpaduan Negara untuk membetulkan fakta. Fakta nombor dua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, nak dapat penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahawa Perdana Menteri yang lepas telah berhenti kerana PH tumbang. PH faktanya, PH belum tumbang. BERSATU belum keluar PH, Perdana Menteri berhenti. Ini fakta. Kena cerita supaya rakyat jangan keliru.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Butiran, Yang Berhormat Arau. Butiran.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, hendak dapat peluang untuk mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bagi ARMADA.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ARMADA dulu. Nanti saya mencelah. Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya setuju bahawa ada lantikan politik bawah Pakatan Harapan. Akan tetapi kita perlu jujur daripada segi jumlah dan pengaruh mereka. Sebagai contoh, kita lihat di PNB, Tabung Haji, FELDA, FELCRA yang menjaga kewangan berjumlah berbilion ringgit, semua lantikan profesional. Persoalan saya mudah. Saya berharap Kementerian Kewangan ataupun wakil Kementerian Kewangan boleh menjawab jumlah lantikan politik, pengerusi di syarikat-syarikat kerajaan dan agensi kerajaan dan bandingkan zaman Perikatan Nasional dan zaman Pakatan Harapan. Apabila kita lihat jumlah tersebut, kita akan dapat jawapan yang sejajar mungkin. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali, terdapat 53 pelantikan politik. Apa kita dapat? Ekonomi kita melambung, kononnya dipegang oleh profesional. Apa melambung? Keuntungan bertambah? Tidak ada. Akan tetapi puak-puak kami setelah kita pegang, kita lihat pasaran saham telah melambung daripada 1,200 kepada 1,557. *[Dewan tepuk]*

■1720

Ini kejayaan yang cukup luar biasa. Saya minta supaya fakta bahawa mantan Perdana Menteri dia berhenti semasa Pakatan Harapan lagi dalam kerajaan. Dia berhenti daripada Perdana Menteri semasa Pakatan Harapan masih kerajaan. Jadi apabila dia berhenti, maka BERSATU terpaksa keluar sebab tidak sanggup melihat bahawa orang lain daripada Yang Berhormat Langkawi yang jadi Perdana Menteri. Jadi kita melihat dan membuat kesimpulan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Pagoh adalah penyelamat kepada negara dan juga rakyat ini. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Arau sebab penjelasan, tadi tentang...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 10 minit. Dipersilakan.

5.21 ptg.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong hari ini. Baik dia hari ini. Yang Berhormat Jelutong telah pun membangkitkan beberapa perkara terutama dari segi peringatan-peringatan kepada kementerian saya khususnya di bawah Program MITRA. Jadi saya ucapkan terima kasih daripada Yang Berhormat daripada kawasan Jelutong dan juga terhadap kedengaran rungutan, ada di antara program yang tidak mencapai kepada matlamat sebenar, sasaran dan sebagainya. Saya ingin— termasuk juga penyalahgunaan dana dan beberapa perkara yang berkaitan.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Jelutong, sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa maklumat berkaitan dengan mana-mana penyalahgunaan dana di bawah MITRA, Yang Berhormat sila maklumkan kepada saya dengan sesegeranya supaya saya boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekiranya ada, kita tidak akan teragak-agak untuk melaporkan kepada pihak SPRM dan sebagainya. Jadi saya harap Yang Berhormat Jelutong jangan sangsi kepada saya sekali lagi.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Jelutong dan Tuan Pengerusi, bila perwujudan Kementerian Perpaduan Negara walaupun mungkin ada di antara kita yang mengatakan tidak wujud atau kementerian ini tidak perlu diwujudkan, sepatutnya dikekalkan sahaja di Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah jabatan ataupun unit. Saya ingin memaklumkan apa-apa juga permohonan Yang Berhormat yang berkaitan dengan mana-mana permohonan MITRA akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penilai yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU saya dan ahli di dalamnya adalah penasihat undang-undang, Ketua Audit Dalaman termasuk Ketua Pengarah MITRA.

Selepas satu-satu permohonan itu diluluskan oleh Jawatankuasa Penilai tersebut, projek atau program akan dilaksanakan dan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan yang juga dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk KSU serta dengan ahli-ahli yang saya sebutkan tadi. Ya, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma ingin respons kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyatakan bahawa kita memerlukan Kementerian Perpaduan Negara. Saya ingin merakamkan dalam Dewan ini ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana setelah saya membangkitkan tentang isu tentang perobohan kuil dan tokong cina, setelah saya balik pada hari minggu lalu, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri telah pun turun sendiri bersama dengan Yang Berhormat Tapah ke negeri Kedah. Mujurlah dengan campur tangan Yang Berhormat Menteri perkara ini dapat diselesaikan.

Saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat akan memainkan peranan dalam kementerian ini dan saya yakin bahawa kementerian akan memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa perpaduan rakyat berbilang bangsa dan berbilang kaum akan sentiasa terjamin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong. Ini adalah merupakan satu semangat tambahan kepada semangat baharu yang diberikan terutama daripada rakan-rakan di sebelah sana. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, bolehkan mencelah?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Nanti, biar saya jawab Yang Berhormat Jelutong dahulu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sikit sahaja.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Sekejap, nanti saya lupa nanti. Yang Berhormat, saya dah sebutkan dua jawatankuasa tersebut. Saya ingin memaklumkan kepada mana-mana kertas kerja sama ada yang dihantar oleh NGO atau sebagainya kepada mana-mana pemohon dan permohonan bukan diluluskan oleh saya selaku Menteri, tetapi diluluskan oleh jawatankuasa yang tersebut. Ya, sila Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Setuju atau tidak apabila tadi semua bertanya tentang peruntukkan untuk NGO, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri yang baharu dalam kementerian yang baharu yang kita penguntukan semula peruntukan yang sudah sedia ada. Sepatutnya, semua pihak sepatutnya menyokonglah usaha yang baik oleh Kerajaan Perikatan Nasional ini. Setujukah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort. Saya sebenarnya mengharap begitulah. Sepatutnya apabila kita membicarakan soal perpaduan ini sepatutnya tidak ada sempadan, tidak ada belah Kerajaan Perikatan Nasional, tidak ada belah Kerajaan Pakatan Harapan dan sebagainya. Sepatutnya ia menjadi tanggungjawab bersama dan bukan dipersoalkan sama ada kementerian ini perlu diwujudkan atau tidak dan sama ada peranan kementerian ini sesuai dengan tuntutan keperluan

yang ada pada hari ini ataupun tidak. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort kerana menyokong penuh.

Ya, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membawa satu isu kalau berkaitan dengan perpaduan nasional. Kalau di Perlis ini telah banyak kali sebenarnya masyarakat bukan Melayu ataupun masyarakat bukan Islam yang meminta satu tempat krematorium iaitu tempat untuk membakar mayat. Jadi, mereka telah minta banyak tahun dan ini dikongsi bersamalah oleh masyarakat Siam, masyarakat Cina dan juga masyarakat India. Jadi yang paling dekat mereka terpaksa bawa ke Kedah. Jadi, mereka minta kalau boleh ada satu di negeri Perlis. Saya tidak pasti itu mungkin kena runding dengan kerajaan negeri dari segi keperluan tanah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Pengerusi, soal krematorium ini bukan kementerian yang uruskan ya Yang Berhormat. Ini adalah kerajaan negeri. Saya harap kerajaan negeri— telah pun berada dalam maklumat kerajaan negeri untuk tindakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya, cuma mereka mungkin tidak cukup peruntukkanlah. Perlis ini kami negeri yang kecil.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Kita tidak ada bagi peruntukkan krematorium kerana ini tanggungjawab kerajaan negeri. Yang Berhormat kena faham kerajaan saya ini buat program dan bukan projek-projek.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini ditanyakan kerana dalam sesi yang lepas ketika masa itu Menteri Perpaduan Negara yang datang program di Perlis, maka dia...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ini masa bila? Masa dulu?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini di...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Masa sekarang sudah lain. Masa sekarang tumpuannya lebih kepada perpaduan, kepelbagaian kaum dan mengharmonikan agama.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak apa, terima kasih. Sekurang-kurangnya ada rekod untuk saya sampaikan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Jadi yang itu sila rujuk kepada kerajaan negeri. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Tampin, suaranya bersama. Seharusnya tidak fokus kepada hanya satu-satu kaum, dia perlu merentasi negeri dan sebagainya.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Dungun dan Tampin, kerana itulah saya dah sebut tadi perpaduan ini dia merentasi segala-galanya. Segala-galanya termasuk kementerian. Kita bicarakan muzik, masakan, fesyen dan sebagainya. Semua mencerminkan perpaduan antara kaum yang ada di negara kita.

Jadi, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat di pihak kementerian, kita telah pun menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kluster Sosial yang akan bermesyuarat esok petang pada 18 Ogos

2020. Majlis Penasihat Perpaduan Negara ini Yang Berhormat, ahli-ahli majlisnya terdiri daripada kepelbagaian kaum. Ada wakil masyarakat Siam, Iban, Orang Asli dan lain-lain. Jadi Majlis Penasihat ini tugasnya adalah untuk menjadi penasihat kepada kerajaan termasuk dalam penyediaan Dasar Perpaduan Negara yang sedang dirancang pada masa kini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kita juga wujudkan Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara— ini menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tampin sekali. Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara, saya yang mempengerusikan. Ahli-ahli kepada Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara ini adalah Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Perpaduan di semua negeri termasuklah di negeri Pulau Pinang, Sabah dan Negeri Sembilan.

Seterusnya, kepada Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri. Tadi ada persoalan apakah peranan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri. Dalam Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh saya, yang ahli oleh semua Ahli Exco Perpaduan Negeri-negeri, kita membincangkan pelbagai kertas termasuklah perwujudan Majlis Penasihat Perpaduan Negara dan juga Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang sedang bergerak melalui *roadshow* ke negeri-negeri.

■1730

Insya-Allah dengan pembentangan *roadshow* ke negeri-negeri, kita hendak dapatkan respons dan *feedback* daripada masyarakat, daripada rakyat tentang apa lagi yang perlu diletakkan dalam pelan tindakan tersebut supaya akhirnya pelan tindakan yang akan dilancarkan *insya-Allah* pada tahun hadapan ini iaitu bulan Januari, akan dapat menjadi satu bentuk penjana perpaduan melalui program dan juga melalui projek serta menyatupadukan daripada kepelbagaian melalui lima strategi yang telah pun diletakkan dalam pelan tindakan yang tersebut.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pontian membangkitkan tentang TBK Perpaduan. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, perpaduan sedikit, hujung sini Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Nanti, nanti biar saya jawab— nanti, nanti biar saya jawab yang sudah dibangkitkan dahulu. Pada Yang Berhormat Pontian, terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Pontian kerana saya dengar Yang Berhormat Pontian juga memohon kepada kerajaan supaya peruntukan kepada Kementerian Perpaduan Negara ini dapat ditambah lebih, bukan guna pakai peruntukan yang selama ini telah disalurkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Akan tetapi peruntukan sebenar sepatutnya lebih daripada apa yang pernah disalurkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk disalurkan kepada Kementerian Perpaduan Negara untuk kita— terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Untuk kita lakukan apa yang perlu kita lakukan, termasuk kepada baik pulih, bina baharu, baik pulih TABIKA-TABIKA Perpaduan dan untuk kita jenamakan semula serta melihat kembali kepada silibus pendidikan TABIKA Perpaduan kita yang telah lama tidak dikaji semula. Juga,

untuk meletakkan supaya TBK Perpaduan ini akan berupaya untuk menjadi *focal point* kepada masyarakat setempat supaya TABIKA Perpaduan ini bukan sahaja anak-anak yang datang untuk mendapatkan pendidikan awal kanak-kanak ini terdiri daripada anak-anak masyarakat Melayu semata-mata, tetapi ia perlu merangkumi kepelbagaian kaum dalam kawasan setempat termasuklah kaum Cina, masyarakat kaum India dan lain-lain.

Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, terima kasih. Saya ucap terima kasih sahaja.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: [Ketawa] Okey, Terima kasih. Yang Berhormat Tampin tadi saya sudah jawab ya, Yang Berhormat Tampin. Mana Yang Berhormat Tampin tadi? Saya sudah jawab sekali dengan Yang Berhormat Dungun.

Tuan Pengerusi, masa saya sudah pun habis. Kebanyakan perkara ini Tuan Pengerusi telah pun saya sebut dalam penggulungan saya dan berbangkit semula pada hari ini. Yang Berhormat Arau saya belum lagi. Juga, kepada persoalan-persoalan dalam soalan lisan yang telah pun saya jawab. Kebanyakannya semua telah terjawab dalam penggulungan dan juga soalan-soalan lisan...

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri. Saya nak puji sedikit.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Tampin.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ya, Yang Berhormat Jelutong. Tadi sudah cakap...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak puji sedikit.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ya, puji okey. [Dewan ketawa]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya begitu khusyuk mendengar ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Kemungkinan besar kita boleh lagi mengeratkan perpaduan. Cara dan gaya Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan adalah begitu baik. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Pasir Salak untuk mengurangkan retorik-retorik yang boleh memecahbelahkan perpaduan. Cuma, itu adalah permintaan saya. Mungkin beri kuliah kepada beliau. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Pasir Salak ini, okey. Dia sama juga dengan *you*. Ada pasang surutnya dalam Dewan. Jadi, Yang Berhormat Jelutong ada pandangan, ada pemikiran...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perbezaannya Jelutong menyuarakan kepentingan semua termasuklah mendiang Adib. Jelutong akan berbahas dan bersuara untuk semua. Bukan seperti Yang Berhormat Pasir Salak. Jangan buat perbezaan. Terima kasih. *Both of us are different.*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ya terima kasih Yang Berhormat Jelutong terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tak nak ambil masa...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, saya masih tunggu lagi.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin, Tampin sekejap.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, *last...*

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin, Tampin.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat setuju dengan peranan yang Kementerian Perpaduan Negara ambil berat. Di samping itu juga, saya ingin mencadangkan kalau sekiranya ada tempat-tempat ibadat dirobuhkan, biarlah kaum itu sendiri *pi* roboh. Jangan kaum lain terlibat. Itu satu.

Kedua, kalau sudah beri tanah, tolonglah beri peruntukan sekali untuk dibina. Itu yang paling penting sekali. Baru itulah kita boleh tanamkan perpaduan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih ya, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Perkara itu akan dibincangkan bersama dengan pihak kerajaan negeri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Yang Berhormat bukan. Kita kena perbetulkan Yang Berhormat Padang Serai. Perkataan "...*kaum lain merobuhkan*" itu tidak boleh sebut. Inilah satu penipuan yang cukup dahsyat di Parlimen ini. Mana ada kaum lain merobuhkan rumah ibadat orang lain?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *Dey* kalau kuil itu, biar kaum Hindu *pi* roboh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bila orang lain campur tangan, itu jadi satu masalah. Saya membentangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, yang melibatkan benda itu adalah kerajaan. Jangan tuduh orang lain.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tak tuduh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat itu salah. Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Salah faham. Saya tidak tuduh, saya katakan jangan orang lain campur tangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up* pergi sanalah. Mana boleh kata kaum lain *pi* roboh.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan. Mesti faham ayat saya. Saya kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...*Mampuih*. Yang roboh ialah kerajaan. Bukan kaum lain.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih semua saya minta Yang Berhormat Menteri rumuskan. *[Dewan riuh]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Agama masing-masing mesti terlibat. Jangan agama lain-lain.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, terima kasih. Maksud Yang Berhormat Padang Serai— ayat itu sahaja tadi tidak berapa cantik. Maksud Yang Berhormat Padang Serai tadi adalah kaum lain itu ialah petugas-petugas ataupun bagi pihak Majlis dan sebagainya. Bermakna maksud Yang Berhormat Padang Serai kalau dia roboh itu, biar orang India lah. Pekerja India, pegawai India, begitu?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Betul Yang Berhormat Menteri, baru orang— bukan sebab benda ini disalah tafsir di luar sana...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Akan tetapi Yang Berhormat pun jangan salah guna ayat. Kalau Yang Berhormat salah guna perkataan dan ayat, maka kerana itu Yang Berhormat Arau bangkit...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau, terima kasih Yang Berhormat Arau. Betulkan ayat balik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Okey, bagus. Terima kasih

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan. Kulai, Kulai.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Pengerusi, *last* sekali.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Sudah, sudah habis. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Bintulu tadi ada bangkitkan tentang perkara-perkara lain. Tuan Pengerusi, saya tak nak komen apa-apa tentang prestasi Pakatan Harapan ini. Tepuk dada tanya selera, rakyat pun tahu.

Saya tidak mahu komen apa-apa tentang akan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Akan tetapi saya hendak berikan keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan usahakan Kementerian Perpaduan Negara di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, sudah tentu akan usahakan supaya kita akan buat lebih baik daripada apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Minta maaf waktu sudah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah

RM240,452,000 untuk Kepala B.14 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.14, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.14 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.14 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas sekarang.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:
[Bangun] Hang Tuah Jaya.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya— saya jemput Yang Berhormat Hang Tuah Jaya kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tampin. Silakan.

5.39 ptg.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:
Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan dalam Kertas Perintah 4 dan Kertas Perintah 4A, B.22 Butiran 030000 yang berkaitan dengan Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar. Sepertimana yang dinyatakan dalam Kertas Perintah, sebanyak RM184,893,000 telah pun diperuntukkan untuk tujuan Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar. Saya ingin bertanya kepada kementerian secara rincinya ataupun secara *detail*, dengan izin tentang apakah program yang telah pun disusun bagi maksud perbelanjaan ini.

■1740

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, bahawa antara perkara yang sering diperkatakan terutamanya dalam kita mengupayakan ekonomi adalah ekonomi digital. Untuk itu Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa untuk memastikan agar ekonomi digital ini dapat terus dijalankan secara efektif di desa atau di luar bandar, maka di kawasan-kawasan ini mereka perlukan kepada akses internet yang lebih baik.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, seingat saya tahun lalu, Yang Berhormat Menteri yang lama telah pun menyatakan komitmen lewat berita di dalam media bahawa

kementerian memberikan tumpuan untuk menaikkan taraf pusat komuniti desa pintar dan di sana dinyatakan komitmen yang jelas bahawa dijangka hujung tahun ini iaitu tahun 2020 seluruh 191 pusat komuniti desa pintar ini akan dinaiktarafkan dari segi kelajuan internet nya. Maka, sudah pastilah kalau ini berlaku secara kesannya ialah ekonomi digital dapat kita perkasakan di kawasan desa dan juga luar bandar.

Saya ingin tanya kepada kementerian, apakah perbelanjaan yang diperuntukkan ini termasuk di dalam upaya dan ikhtiar untuk membangunkan ataupun menaik taraf pusat komuniti desa pintar ini yang ada sejumlah 191 pusat ini dalam usaha berterusan kita untuk memastikan agar mereka yang berada di desa dan luar bandar terutamanya dalam aspek pemerksaan ekonomi digital tidak ketinggalan.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 yang telah pun dilancarkan di bawah pemerintahan yang lalu. Kita tahu bahawa dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) ini ada tiga perkara yang penting iaitu sejahtera, inklusif dan juga mampan. Jadi, bila kita sebut soal sejahtera, di sana dirancang ada sebanyak 10 teras, sebanyak 33 pernyataan dasar dan juga sebanyak 88 strategi.

Sudah pastilah kalau kita rangkumkan ini, ia tidak boleh tidak mesti disentuh soal pengupayaan ekonomi. Saya ingin tanya kepada kementerian berdasarkan penguntukan perbelanjaan ini, apakah dasar ini akan diperkemaskan dari segi pelaksanaan aktiviti dan kegiatan ekonomi ataupun di bawah pemerintahan yang baharu ini terdapat kerangka yang lain ataupun perancangan yang lain dalam usaha kita untuk memastikan tiga teras tadi untuk luar bandar iaitu sejahtera, inklusif dan mampan dapat sama-sama kita capai.

Saya percaya bahawa peruntukan yang besar di luar bandar ini harus dipastikan. Ini saya hendak ulang balik komitmen Yang Berhormat Menteri sewaktu menjawab soalan tambahan saya yang lalu iaitu setiap sen yang dibelanjakan untuk pembangunan luar bandar ini akan memberikan kesan yang efektif kepada rakyat di desa terutamanya generasi muda.

Kita tahu bahawa pasca COVID-19 ini ataupun sewaktu kita sedang bergulat dengan COVID-19 ini tentunya hal ekonomi merupakan hal yang cukup penting khususnya kepada anak-anak muda kita di desa dan luar bandar. Untuk itu, program-program pengupayaan ekonomi pasti menjadi keutamaan mana-mana kerajaan di dalam dunia ini termasuk juga kerajaan di Malaysia ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian secara khususnya apakah pelan ekonomi yang telah pun dicerna hasil daripada penguntukan perbelanjaan yang cukup besar di dalam kertas ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuan Jaya . Sekarang saya jemput, sebelah sini dahulu. Saya jemput Yang Berhormat Arau. Kemudian Yang Berhormat Tampin.

5.44 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: B.22 berhubung dengan Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar. Saya minta pihak kementerian— Ini bukan di bawah dasar. Saya hendak

tanya kementerian sejauh mana difikirkan bahawa perkataan luar bandar itu boleh diubahsuai ataupun tidak supaya pendekatan untuk membangunkan luar bandar itu bukan di tahap sedemikian rupa. Ini Kementerian Luar Bandar dahulu okey, luar bandar. Akan tetapi, sekarang ini sudah ada bandar-bandar baharu yang wujud di luar bandar. Jadi, kita hendak tengok supaya pembangunan bandar-bandar baharu ini memberi satu keupayaan yang luar biasa kepada luar bandar.

Kita kena ingat bahawa sebagai contoh, Kampung Baru itu dia masuk di bawah pinggir bandar. Akan tetapi, sebelah Kampung Baru ialah kawasan luar bandar. Akan tetapi, dua-duanya telah berkembang menjadi kawasan separuh bandar. Jadi, apakah kita hendak namakan perkataan luar bandar lagi ataupun kita hendak ambil satu penganalisan baharu supaya pembangunan luar bandar ini jangan dilihat macam seolah-olah luar bandar. Sekarang sudah jadi bandar. Dahulu ke kampung kita memakai jalan kecil tetapi sekarang sudah sesetengah kampung melalui *highway* dan sebagainya. Nilai tanah juga meningkat.

Jadi, bila kita sebut pengupayaan luar bandar ini apa dia maksudnya? Di mana garis tanda bahawa itu ialah luar bandar? Saya lebih mirip supaya – Butiran B.22— baca buku Yang Berhormat Putrajaya. Okey. Bekalan B.22 Yang Berhormat tengok ya. Okey, jadi saya minta supaya diberi penganalisan semula berhubung dengan perkara ini. Kalau tidak kita akan— pemikiran kita akan terkongkong dalam seolah-olah ini luar bandar yang ini jauh di sana. Ada kawasan kampung, ada kawasan hutan. Sekarang sudah berbeza. Jadi, kita perlu pertumbuhan baharu, pekan-pekan baharu untuk membolehkan penduduk luar bandar ini mendapat nilai tambah daripada pembangunan yang wujud.

Kemudian yang kedua Yang Berhormat ialah berhubung dengan Orang Asli. Yang Berhormat Putrajaya cuba tengok itu di bawah luar bandar itu. Orang Asli.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Butiran berapa? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butiran B.22 Yang Berhormat. Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Saya sebenarnya ada kepakaran. Saya boleh hafal tetapi sebab menghormati Yang Berhormat Putrajaya sebab dia bertanya, saya pun jawab lah.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, pendekatan kepada Orang Asli ini juga kena dilihat satu pendekatan yang baharu. Sebab apa, bukan kita hanya memberi rumah dan memberi sedikit perniagaan, itu tolong Orang Asli. Kita kena melihat secara keseluruhan bagaimana untuk menolong Orang Asli dalam bentuk tenaga kerja yang mereka ada, kemahiran yang boleh kita bagi, dengan itu kita boleh menolong secara keseluruhan.

Kena lihat bagaimana hendak tolong sesuatu kumpulan itu dalam bentuk yang menyeluruh. Bukan hanya tolong bagi, yang itu memang diperlukan. Tolong bagi rumah, diperlukan. Tolong bagi bantuan untuk berniaga TEKUN, diperlukan. Akan tetapi, secara keseluruhannya mesti dilihat sejauh mana kumpulan mereka yang ada itu mampu untuk menjana sesuatu yang lebih besar.

Jadi, di sini ialah saya minta satu pendekatan makro yang lebih besar untuk menolong Orang Asli. Sebab saya tahu saya sentiasa bergaul dengan Orang Asli di mana-mana sahaja mereka berada terutamanya dalam pilihan raya kecil. Saya takkan rasa tidak boleh tidurlah kalau tidak berjumpa dengan Orang Asli. Di Chini jumpa Orang Asli. Di Slim akan jumpa dengan Orang Asli dan saya mengetahui cara hidup mereka yang sebenarnya mereka mempunyai kekuatan daripada sifat mereka itu untuk membina ekonomi yang lebih besar.

Jadi, pendekatan begini mampu untuk menjana satu kekuatan bagi menolong Orang Asli. Berbentuk *philosophy* sikit untuk di bawah tajuk butiran ni tetapi oleh sebab Orang Asli ini bukan hanya tolong sesuatu benda begitu sahaja, hendaklah kita tolong secara menyeluruh. Contohnya, *supermarket* Orang Asli ambil contoh untuk seluruh negara supaya orang melihat kalau di sana terdapat madu-madu asli dan sebagainya ataupun satu pengeluaran lain-lain yang Orang Asli boleh jadikan satu pengeluaran yang besar.

Dengan itu, kita akan melihat pendekatan untuk luar bandar untuk menolong Orang Asli ini ialah pendekatan yang lebih besar dan menyeluruh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin, lima minit.

5.49 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030500 – Kemajuan Orang Asli. Saya sependapat dengan— siapa tadi ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Arau. Tentang kedudukan Orang Asli ini sebab dia ada Orang Asal yang perlu dibela dan yang perlu diketengahkan terutamanya dari segi aspek tempat tinggal mereka.

■1750

Misalnya di Tampin, ada beberapa kampung Orang Asli yang telah bertahun-tahun tinggal di sana, tanah mereka belum lagi digazetkan sebagai tempat tinggal dan bila-bila masa sahaja mereka akan diminta untuk pergi ke tempat lain sekiranya tanah milik mereka yang telah tinggal bertahun-tahun itu tidak digazetkan sebagai milik mereka.

Yang keduanya, saya ingin meminta kepada kementerian supaya memperincikan peruntukan-peruntukan terhadap Orang-orang Asli ini di mana peruntukan daripada segi aspek pembangunan asas seperti surau, balai raya, jalan raya dan sebagainya di tempat ataupun di kediaman Orang Asli ini belum lagi memuaskan sebagaimana yang diharapkan. Selain daripada itu, saya juga mengharapkan supaya kementerian mengatur program-program yang boleh membangunkan Orang Asli ini daripada segi aspek ekonomi, pekerjaan dan juga keusahawanan mereka supaya mereka dapat keluar daripada kepompong kehidupan yang telah lama mereka hadapi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Yang terakhir, sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

5.51 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon merujuk kepada Butiran 01100 – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Di dalam anggaran perbelanjaan ini, dinyatakan peruntukan perbelanjaan tahun 2020 sebanyak lebih RM79 juta. Dalam hal ini, saya ingin membawa masalah tempatan di Parlimen Pasir Gudang. Ada dua perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Kuala Masai dan satu lagi, Kampung Telok Jawa. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar ambil perhatian bahawa ada masalah utama di dua buah kampung ini ialah masalah perumahan Orang-orang Asli itu. Di Kampung Kuala Masai iaitu masalah perumahan bagi generasi kedua mereka manakala di Kampung Telok Jawa itu, keadaan perumahan mereka sangat daif.

Saya sebagai Ahli Parlimen telah bersama-sama dengan penduduk-penduduk Orang Asli ini sebanyak dua kali telah pergi ke pejabat JAKOA di Johor Bahru, berbincang dengan pegawai-pegawai JAKOA di sana untuk minta selesaikan masalah perumahan ini tetapi nampaknya tidak ada hasil yang dapat dilihat. Jadi saya haraplah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, perhatikan perkara ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, iaitu masalah penduduk Orang Asli keturunan kaum Seletar yang sekarang tinggal di Kampung Kuala Masai. Mereka ini asalnya dahulu duduk di Stulang Laut. Stulang Laut sekarang ini dah jadi kawasan Zon Bebas Cukai. Zon, ertinya tanah-tanah adat mereka di Stulang Laut itu telah diambil alih oleh kerajaan pada waktu itu Kerajaan Barisan Nasional dan tidak diberi pampasan. Kes telah dibawa ke mahkamah, Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah memberi *award* atau keputusan bahawa kerajaan mesti bayar pampasan kepada penduduk-penduduk Orang Asli kaum Seletar ini yang dipindahkan cara paksa ke Kampung Kuala Masai selepas tanah mereka diambil.

Mahkamah dah putuskan, bagilah pampasan tetapi dua-dua kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu kemudian Kerajaan Pakatan Harapan pun dua-dua kerajaan ini dua kali lima sahaja. Sama-sama tak tunaikan keputusan mahkamah. Saya sebagai Ahli Parlimen itu sangat kecewa. Kecewa kepada Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan Kerajaan Pakatan Harapan yang 22 bulan yang saya menjadi anggota kerajaannya tak tunaikan keputusan mahkamah dan saya harap Kerajaan Perikatan Nasional sekarang ini ambil isu ini!

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Bahagi seberanglah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tolong Orang Asli ini. Kalau kita sebagai kerajaan tak hormat keputusan mahkamah yang rakyat yang terjejas ini, Orang Asli. Jadi, saya malu sebagai Ahli Parlimen kerana kita bercakaplah di sini ini tetapi isu rakyat yang dihalau daripada tanah mereka itu, pampasan telah diputuskan oleh mahkamah tetapi dua-dua kerajaan yang lepas ini gagal tunaikan keputusan mahkamah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk menjawabnya. 10 minit.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk membuat penggulungan bagi penguntukan semula peruntukan perbelanjaan yang melibatkan kementerian kami iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta berbahas dalam penggulungan ini dan saya ingin maklumkan bahawa kementerian kami adalah kementerian yang baharu sahaja mengambil alih dan memindahkan semula ataupun memohon peruntukan yang belum dibelanjakan oleh pihak JPM yang mana kementerian kami sebelum ini di mana JAKOA, FELCRA, RISDA adalah di bawah JPM.

Kami juga memerlukan peruntukan-peruntukan ini adalah peruntukan yang bukan berdasarkan peruntukan tambahan tetapi berdasarkan kepada peruntukan yang telah berada di JPM ketika itu di bawah Kementerian Ekonomi. Jadi kami mohon kembali iaitu sebanyak RM972,251,402 sahaja dan permohonan ini kami mohon adalah untuk kami laksanakan program-program yang telah dirancang sebelum ini yang mana ketetapan-ketetapan yang telah ditetapkan di mana kita melibatkan perbelanjaan di ketiga-tiga kementerian di bawah tiga agensi ini iaitu JAKOA, FELCRA serta RISDA. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengutarakan perkara-perkara tersebut.

Daripada segi Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebentar tadi ada memohon supaya apakah keupayaan ekonomi luar bandar yang melibatkan beberapa perkara termasuklah apakah program-program disusun ataupun ekonomi digital yang diminta diaktifkan semula akses *internet* dan ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kami telah merancang beberapa perkara di bawah kementerian untuk menaikkan taraf kemudahan tersebut di mana melibatkan sebanyak 191 buah PKD di dalam hal ini. KPLB sedang bekerjasama sebenarnya dengan SKMM untuk menaikkan taraf kemudahan 191 buah PKD ini. Kita tahu bahawa sekarang ini pengupayaan ekonomi digital ini amat penting sekali dan ini juga melibatkan orang-orang muda yang cukup aktif di mana boleh diakses perniagaan-perniagaan mereka dan berdasarkan kepada pembangunan yang kita lakukan.

Saya dapati bahawa dalam soal ini, *Insyallah* PKD ini akan dinaiktarafkan dan dijalankan secara berperingkat sehingga suku tahun pertama sehingga tahun hadapan dan ini telah kami lakukan berperingkat-peringkat di peringkat PKD yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebentar tadi. Kami juga baru sahaja melancarkan *Desamall*. *Desamall* ini telah memuatkan segala bentuk perniagaan luar bandar ini, kami isikan di dalam *Desamall* ini. Kami juga berhubung kait dengan seperti yang terkenal, LAZADA dan sebagainya untuk memastikan ekonomi digital yang dijayakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dapat dilaksanakan dan yang lebih pentingnya, kami cuba membaiki daripada semasa

ke semasa dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, apakah kesan yang efektif ekonomi di desa. Inilah salah satu yang kami lakukan di bawah *Desa Mall* ini.

■1800

Di bawah Kementerian Luar Bandar juga, sebenarnya kami telah menaikkan beberapa taraf lagi iaitu seperti perancangan-perancangan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa kita masih meneruskan usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian sebelum ini yang ketika itu diterajui oleh Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Rina binti Mohd Harun. Saya terpaksa sebut nama, Tuan Pengerusi, kerana beliau yang melaksanakan ketika itu. Kami teruskan lagi usaha-usaha yang dilakukan oleh beliau. Sebab kami dapati bahawa apa yang dilakukan oleh beliau ini baik, maka kami teruskan usaha-usaha tersebut.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Arau sebentar tadi, bagaimanakah kita hendak membantu keseluruhan menjana sementara ekonomi, contohnya seperti *supermarket* Orang Asli. JAKOA sebenarnya dari semasa ke semasa memberi peluang kepada usahawan-usahawan Orang Asli untuk menjana ekonomi mereka sehinggalah ke peringkat yang lebih luas seperti contoh produk-produk Orang Asli di mana KPLB memasarkan di outlet iaitu *rural business outlet* (RBO) yang terletak di lokasi-lokasi yang berpotensi di bandar. Selain itu, JAKOA juga melihat beberapa potensi produk pertanian yang boleh dikaitkan dengan Orang Asli seperti kraf tangan dan juga diusahakan di peringkat antarabangsa.

Ini sebenarnya usaha-usaha yang dilakukan oleh KPLB kepada masyarakat Orang Asli di bawah JAKOA. Telah banyak usaha yang kita lakukan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini sebenarnya banyak perkara lagi yang kami perlu lakukan untuk masyarakat Orang Asli.

Dalam usaha ini, secara kebetulan pula, saya diamanahkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk melihat perkembangan Orang Asli. Jadi, dari semasa ke semasa, saya mengunjungi ke tempat-tempat penempatan Orang Asli ini. Setakat ini, telah banyak kawasan yang saya dapat lihat bahawa memang benar kata Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa banyak perkara yang boleh kita lakukan, banyak perkara yang boleh kita membantu.

Oleh sebab itu, kita mengadakan satu perancangan dan pada dua minggu sudah, saya telah menjemput pengarah-pengarah Orang Asli ini supaya berbincang dengan saya bagaimanakah kita hendak melaksanakan untuk menambah baik dari segi kepentingan Orang Asli ini. Saya sedar bahawa perkara ini harus dilakukan. Oleh sebab itu, saya minta supaya Jabatan Orang Asli ini mengadakan satu perkara iaitu membentuk satu *blueprint* untuk kita lakukan dari satu masa ke satu masa untuk memudahkan dalam soal ini.

Dalam soal ini, kita juga telah membantu banyak perkara bersama di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, Pejabat Veterinar. Kita membantu Orang Asli ini supaya kita dapat satukan. Kalau dahulu kita panggil NBOS, sekarang ini mungkin kita satukan di bawah perkara-perkara ini yang boleh kita laksanakan bersama di bawah kementerian-kementerian ini.

Saya dapati bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tampin umpamanya, bagaimana kampung Orang Asli di Tampin tidak digazet sebagai rizab orang Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat, di Daerah Tampin, terdapat empat buah kampung. Satu kampung telah diwartakan iaitu Kampung Taman Tasik di bawah seksyen 7. *[Disampuk]* Seksyen 7. Betul ya seksyen 7? Yang mana tiga buah kampung telah diangkat permohonan pewartaan kepada kerajaan negeri.

Urusan ini sebenarnya, terus terang saya katakan, bahawa kita di kementerian ada ketikanya kuasa tanah-tanah ini adalah kuasa yang terletak di bawah kerajaan negeri. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi sebentar tadi, ada ketikanya kita terpaksa melihat dan saya minta Yang Berhormat juga membantu kami. Banyak juga saya berkunjung berjumpa dengan pengarah-pengarah negeri, inilah perkara-perkara yang kami bangkitkan soal tanah. Usaha ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat Orang Asli ini yang dibangkitkan banyak soal tanah dan kemudahan asas.

Banyak perkara ini yang telah kita lakukan sebenarnya. *Insyallah*, saya akan teruskan usaha-usaha ini untuk berjumpa lagi dengan pengarah-pengarah negeri secara detil untuk kita dapatkan maklumat-maklumat yang penting ini untuk kita angkat supaya menjadi suatu pewartaan, kalau dari segi tanahnya. Kalau kita tengok kawasan Orang Asli ini, yang terbesar adalah negeri Pahang. Selepas itu Perak serta Kelantan. Maka sudah pastilah saya melihat sepenuhnya. Kebetulan jiran saya dari Cameron Highlands adalah kawasan yang paling besar sebenarnya kawasan Orang Asli. Ini yang mesti saya melihat perkara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setengah minit lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Apa yang kami tengok, mesti kita teruskan usaha ini.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Pasir Gudang yang membangkitkan meningkatkan kemudahan asas seperti balai raya dan dewan. Di bawah kemudahan ini, sebenarnya JAKOA telah banyak menyediakan usaha-usaha ini. Semalam saya sendiri pun pergi ke salah satu kawasan di Perak, saya dapati bahawa mereka mempunyai balai raya yang cantik dan saya tahu juga ada yang masih diperlukan untuk kita bantu. Balai raya, permintaan seperti dewan, jalan-jalan raya.

Sekarang ini masyarakat Orang Asli bukan seperti dahulu lagi. Mereka adalah bijak, mereka pandai memohon, mereka pandai meminta. Saya percaya dalam usaha ini, berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh pihak kerajaan, maka saya percaya saya hendak minta supaya juga kementerian saya ini sendiri sebenarnya memperuntukkan lebih besar lagi kepada JAKOA ini supaya kita dapat melaksanakan proses lebih mempercepatkan usaha ini.

Yang Berhormat Pasir Gudang dalam usaha yang dibangkitkan soal tanah ataupun tidak dibayar tadi, saya minta untuk melihat dahulu perkara ini. Saya memang tidak dapat hendak jawab perkara itu kerana jawapan pun mungkin pihak kementerian, kami juga perlu meneliti perkara yang dibangkitkan disebabkan oleh dua kerajaan tadi. Katakan Kerajaan Barisan

Nasional dan Kerajaan Pakatan Harapan pun tidak dapat menyelesaikan bayar pampasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. *Insya-Allah*, saya akan cuba sedaya-upaya saya dan akan saya dapat maklumat, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Pasir Gudang.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM189,165,000 untuk Kepala B.22 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.22 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.22 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.23 [Jadual] –

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli terbuka untuk dibahas sekarang.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat— ada dua nama. Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kimanis. Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

6.09 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyertai perbincangan di bawah Kepala P.23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Butiran 40000 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui.

Tuan Pengerusi, isu yang saya ingin bangkitkan dalam perbincangan pada petang ini adalah berkenaan dengan Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui yang telah pun mengangalkan satu pindaan penguntukan semula peruntukan sebanyak RM56 juta dan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM24.38 juta.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah projek pembangunan tenaga baharu yang telah diluluskan dalam masa Februari 2020 sehingga sekarang sehingga

kita memerlukan satu jumlah peruntukan penguntukan semula peruntukan sebanyak RM56 juta? Itu satu.

■1810

Nombor dua, Tuan Pengerusi. Kita sekian maklum bahawa Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu iaitu *Renewable Energy Fund* telah pun diexhaustkan, dengan izin untuk *feed-in tariff (FiT) programme*. Sebelum ini, semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan, kita telah mengemukakan satu matlamat untuk mencapai 20 peratus penggunaan tenaga baharu pada tahun 2025.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah komitmen daripada pihak kerajaan sekarang berkenaan dengan matlamat 20 peratus ini dan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengekalkan matlamat 20 peratus ini atau bersamaan dengan penjanaan 8,734 megawatt setakat tahun 2025? Sama ada kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memberikan peruntukan yang secukupnya memandangkan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu kuotanya telah pun hampir habis digunakan. Sama ada peruntukan yang baharu akan disediakan dalam masa lima tahun yang akan datang ini.

Perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan program *Net Energy Metering (NEM) 2.0*. Di mana program ini setelah diperbaharui oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2018, kita telah mencapai satu kejayaan yang amat besar. Program NEM 1.0 yang diperkenalkan pada tahun 2016 tidak mendapat sambutan yang baik kerana pakej yang ditawarkan adalah tidak begitu baik. Pada tahun 2018, kita telah memperkenalkan NEM 2.0 yang mana kita memberikan satu pulangan satu kepada satu (*one-to-one*) iaitu satu pulangan yang amat lumayan untuk pelabur-pelabur (*investors*).

Pada tahun 2019 sahaja, jumlah *uptake* NEM 2.0 adalah sebanyak 94.14 megawatt. Berbanding dengan jumlah *uptake* pada 2016 sehingga 2018, angka ini mencatatkan satu peningkatan sebanyak 6.7 kali ganda. Soalan saya kepada kementerian di sini adalah, sama ada apabila program NEM 2.0 ini tamat pada akhir tahun ini iaitu pada bulan Disember 2020, sama ada kerajaan akan menyambung dan meneruskan pakej *one-to-one return* ini kepada mereka yang mengambil inisiatif di bawah NEM 2.0.

Saya merujuk juga kepada Maksud B.23, Butiran 050700 iaitu MySuria (BAHARU) yang memerlukan satu penguntukan semula sebanyak RM1.135 juta. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah tujuan untuk penguntukan semula ini. Untuk apakah program yang akan dilaksanakan di bawah MySuria ini? Sekian daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya jemput Yang Berhormat Kimanis.

6.14 ptg.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.23, Butiran 41000 - Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Tuan Pengerusi, di Sabah khususnya di kawasan Kimanis, kita mempunyai sebuah *independent power plant (IPP)*

Kimanis di mana ia telah pun dibina dan telah berjaya menampung dan menyediakan banyak *power*. *Actually, we have enough powers in Sabah*.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, ingin saya nyatakan bahawa kejadian gangguan bekalan elektrik itu sangat kerap berlaku di Sabah, bukan sahaja di Kimanis. Kita mempunyai IPP yang besar. Kita mempunyai kuasa yang banyak. *We have enough powers*, dengan izin. Akan tetapi kenapakah gangguan bekalan elektrik itu terlalu kerap berlaku?

Di Kimanis Tuan Pengerusi, hampir setiap minggu, hampir setiap hari pun berlaku gangguan *blackout* dan sebagainya. Bukan setakat kita tidak boleh buat kerja, orang-orang di rumah merungut dan sebagainya. Akan tetapi yang lebih teruk lagi ialah berlakunya kerosakan peralatan elektrik di rumah rakyat kita. Apabila kerap berlaku gangguan itu, TV kita rosak, peti ais mereka rosak, macam-macam rosak. Apabila mereka buat kompelin atau aduan kepada SESB, mereka diminta untuk buat laporan polis, barulah diproses pembayarannya tetapi mengambil masa berbulan-bulan. Kasihan rakyat kita Tuan Pengerusi. TV rosak, apa semua rosak tetapi tidak dapat diambil tindakan dengan yang secepat-cepatnya.

Tuan Pengerusi, saya lihat di sini bahawa hampir setengah bilion diperuntukkan. Jadi saya mintalah kepada SESB, kalau dapat buatlah penaiktarafan, *upgrade* sistem elektrik yang ada di Sabah terutama sekali yang berkaitan dengan kabel. Saya dimaklumkan, kabel-kabel yang digunakan pada hari ini sudah terlalu usang, sudah terlalu lama, *outdated*, dengan izin. Sama juga dengan *transformer*nya, tidak lagi boleh menampung. Sebuah *transformer* yang dibina puluhan tahun, belasan tahun yang lalu, barangkali untuk sebuah kampung dia boleh menyediakan kuasa untuk 22 buah rumah, 55 buah rumah dahulu.

Akan tetapi sekarang masa sudah berubah. Rumah banyak beratus-ratus dibina yang baharu tetapi *transformer* masih itu juga. Jadi, saya minta kepada SESB tolong *upgrade transformer* yang telah dibina cukup lama itu dan juga pendawaian. Kabel-kabel daripada tiang ke tiang itu juga harus di *upgrade* kerana kabel itu tidak boleh lagi menampung kuasa yang besar.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah soal rungutan daripada banyak kontraktor yang telah pun dilantik oleh SESB untuk kerja-kerja pembersihan laluan tiang elektrik sepanjang jalan raya. Mereka merungut kenapa lambat sangat pembayaran. Ada yang hampir setahun tidak dibayar-bayar tuntutan mereka. Jadi ini adalah rungutan-rungutan kontraktor-kontraktor kecil kita yang telah diberikan kerja oleh SESB. Saya minta dengan peruntukan yang besar ini, saya minta servis perkhidmatan SESB di Sabah itu harus ditingkatkan. Kita tidak mahu IPP kita besar, kuasa kita banyak tetapi perkhidmatan kita, servis kita terlalu mengecewakan. Jadi, ramai yang merungut.

Saya minta kepada kerajaan khususnya kementerian yang terlibat, tolong beritahu SESB di Sabah itu. Tolong buat, tingkatkan servis. Kalau mereka mahu potong bekalan elektrik itu cepat sangat, Tuan Pengerusi. Cepat sangat mahu potong tetapi servis mereka sangatlah mengecewakan. Saya minta mereka ambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Setiu, sila.

6.18 ptg.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 40000 - Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Di bawah Butiran 40000 ini, terdapat peruntukan bagi tahun 2020 sebanyak RM56 juta bagi membiayai program ini. Pihak kementerian boleh huraikan lebih *detail*. Saya pohon pihak kementerian boleh huraikan lebih terperinci berkaitan program-program yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan ini. Sekiranya telah dilaksanakan, berapa peratus kejayaan projek ini sehingga Ogos 2020? Adakah langkah ini akan diperluaskan kesemua agensi kerajaan selepas ini?

Selain itu, pada masa kerajaan yang lalu, Kerajaan PH ada dinyatakan berkenaan dengan pembentangan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga. Adakah kerajaan sekarang masih ingin meneruskan pelaksanaan akta ini mengikut perancangan kerajaan terdahulu? Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Ahli-ahli Yang Berhormat, tiga perbincangan telah saya beri peluang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya. 10 minit.

■1820

6.20 ptg.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa menyentuh berkaitan dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Daripada Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: ...Kimanis dan juga Yang Berhormat Setiu. Saya ingin menyebut bahawa peruntukan di bawah belanja mengurus RM102,603,900 sebenarnya adalah bagi menampung perbelanjaan bagi program yang telah kita pindahkan daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Peruntukan melibatkan RM97,034,800 adalah menampung keperluan program khusus iaitu program-program petugas luar negara, program MySuria, subsidi elektrik. Manakala RM5.5 juta adalah bagi menampung keperluan program pembangunan tenaga dan pengurusan tenaga. Kalau kita rujuk pula perbelanjaan pembangunan, kita peruntukkan RM409,114,600 pula adalah melibatkan butiran untuk Program Kecekapan Tenaga Dan Tenaga Diperbaharui, Sabah

Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan juga program PPP dan *private finance initiative* (PFI) yang melibatkan sewaan bangunan.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur berkaitan dengan program kecekapan tenaga boleh baharu atau TBB, apakah projek ini yang telah diluluskan sebelum ini akan diteruskan dan sebagainya terutama sekali berkaitan dengan program NEM 2.0. Saya ingin menyebut bahawa kuota di bawah NEM 2.0 masih mempunyai baki sebanyak 265 megawatt sebagaimana yang saya jawab dalam sesi Jawab Lisan sebelum ini.

Maka kalau kita telah berjaya menghabiskan kuota ini sehingga penghujung ini dan kerajaan akan menentukan hala tuju baru pada masa akan datang. Maksudnya kuota ini masih ada lagi dan kita hanya akan tentukan hala tujunya pada masa yang akan datang. Berkaitan dengan...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: [Bangun]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Sasaran komitmen kerajaan berkaitan 20 peratus. Apakah kerajaan akan mengekal ataupun mengkajinya? Saya ingin sebut bahawa kerajaan sedang meneliti sasaran baru bagi tenaga boleh baharu. Pada dasarnya kerajaan akan mengambil kira penjanaan tenaga boleh baharu daripada kesemua sumber termasuk hidro berskala besar yang merangkumi 15 peratus daripada jumlah kapasiti terpasang dalam pembekalan tenaga elektrik.

Sasaran baharu ini akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) dan akan diumumkan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri. Kalau kita lihat pencapaian pembangunan TBB negara setakat ini, saya boleh menyebut bahawa sehingga Jun 2020, jumlah kapasiti terpasang PBB dalam campuran pembekalan elektrik negara adalah sebanyak 21.9 peratus dan kalau kita lihat pecahan ini melibatkan sumber-sumber seperti jana kuasa hidro, biogas, biojisim, jana kuasa hidro kecil dan solar PV.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat Ipoh Timur tadi juga bertanya berkaitan dengan program kecekapan tenaga boleh baharu (TBB). Apakah projek yang telah diluluskan sebelum ini sehingga kita laksanakan? Saya hendak sebut bahawa peruntukan ini sebenarnya telah digunakan untuk menaik taraf di hospital-hospital kerajaan. Terdapat lima hospital yang terlibat dalam program ini.

Program ini sebenarnya adalah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di mana ia bertujuan untuk memastikan kadar penggunaan tenaga elektrik yang tinggi dalam sektor bangunan kerajaan yang kita harap dengan pelaksanaan dari segi kecekapan tenaga dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca dan sebagaimana saya sebut tadi agensi pelaksana ialah Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia melibatkan Hospital Melaka, Hospital Selayang, Hospital Kulim, Hospital Seberang Jaya dan juga Hospital Langkawi.

Saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat sedikit penjelasan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, ada yang bertanya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Daripada jawapan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya adalah tadi saya ingin mendapatkan komitmen daripada kerajaan untuk *balance* ataupun baki kuota sebanyak 265 megawatt tersebut kerana kuota ini akan berakhir pada bulan Disember tahun 2020. Sekiranya kuota ini tidak dapat dihabiskan dalam tahun ini sama ada kerajaan akan membenarkan supaya kuota ini di *carry forward* pada tahun 2021 dan dengan atas prinsip *one-to-one return, one-on-one offset* yang telah pun dilaksanakan sebelum ini. Itu nombor satu.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan status *Renewable Energy Transition Roadmap* yang telah pun disediakan sebelum ini. Apakah status *roadmap* ini, sama ada ia telah pun diluluskan oleh pihak Kabinet? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Tadi berkaitan dengan NEM 2.0. Kita berkeyakinan kuota 265 megawatt ini akan dihabiskan sehingga penghujung tahun ini. Apa-apa polisi dan dasar baharu akan kita putuskan di akhir tahun ini setelah kita melihat prestasinya. Saya akan bagi jawapan bertulis berkaitan dengan soalan yang kedua tadi.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *Renewable Energy Transition Roadmap*, jawapan bertulis ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Baik, saya beralih kepada— ada lagi beberapa rakan kita yang bertanya tadi. Takut saya tidak sempat hendak jawab.

Yang Berhormat Kimanis menyebut tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Sabah Electricity tadi. Saya faham apa yang disebut dan berkaitan dengan gangguan bekalan elektrik, kita memang mempunyai sistem apa yang dipanggil SAIDI bagi tahun 2021.

SAIDI merupakan indeks yang kita gunakan untuk mengukur tempoh gangguan bekalan elektrik bagi pengguna dalam tempoh setahun. Ini sistem yang kita guna pakai. Walau bagaimanapun kita sangat faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis tadi. Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang sebaiknya bagi memastikan kepentingan rakyat terutama di kawasan berkaitan dapat kita atasi dan pandangan-pandangan tadi kita akan ambil...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Itu bukan di Kimanis sahaja Yang Berhormat, seluruh Sabah masalah itu. Kekerapan gangguan yang terlalu dahsyat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Ya Yang Berhormat, juga isu yang sama berkaitan gangguan bekalan elektrik di Sabah dan sebab itu dalam perkara ini kementerian akan

sentiasa mengambil tindakan-tindakan sewajarnya. Kita memahami tentang isu dan perkara ini, *insya-Allah* kita akan bagi perkembangannya kepada Yang Berhormat secara terperinci.

Selain daripada itu, berkaitan dengan *upgrading* kabel transformer yang dibangkitkan tadi dan untuk tujuan itu juga projek ini akan diselaraskan oleh SESB sama ada melalui peruntukan dalaman ataupun di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Isu ini kita akan sampaikan kepada SESB dan ia juga dalam perhatian dan tindakan kementerian.

■1830

Selain daripada itu, saya juga ingin...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: ...Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu, berkaitan dengan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga. Sedikit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, habiskan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) ini, ini amat penting kepada kita. *Insya-Allah* kementerian akan membentangkan akta ini pada suku ketiga pada tahun hadapan. Ini sahaja yang saya dapat jawab, Yang Berhormat. Mana-mana yang saya tidak jawab ini, saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM102,603,900 untuk Kepala B.23 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.23 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.23 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.24 [Jadual] -

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] -

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Perbekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas sekarang.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kuantan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya lihat satu, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Setiu, baik. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Kuantan. Lima minit.

6.32 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas sahaja berkenaan dengan HDC di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang ada pengumuman semula ini. Saya ingin bertanya berkenaan dengan HDC ini sebab HDC ini berkenaan dengan konsultasi dan juga latihan. Saya maklum bahawa modul-modul latihan perlu dikoordinasi dengan JAKIM.

Oleh kerana yang mengendalikan kursus ialah kalau HDC yang kendalikan kursus, kadang-kadang ada masalah untuk mendapat kelulusan halal, mereka menyalahkan JAKIM. Begitu juga dengan Kementerian Keusahawanan di mana di situ *small*— industri kecil, sederhana dan mikro juga memerlukan kepada latihan-latihan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana HDC membantu kementerian lain yang terlibat juga di dalam program-program latihan halal.

Saya juga ingin kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Majlis Halal Malaysia. Apakah peranan HDC sekarang dalam Majlis Halal Malaysia dan bagaimana Majlis Halal Malaysia ini ke hadapan? Siapakah yang akan menjadi sekretariat? Bagaimana Majlis Halal Malaysia akan berfungsi di antara— seingat saya dahulu ada sebanyak 12 kementerian yang terlibat di bawah Majlis Halal Malaysia sebab semuanya ada kaitan dengan industri halal. So, bagaimana peranan HDC dalam Majlis Halal Malaysia? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau.

6.33 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, Butiran P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Pertama, saya hendak ucap terima kasih kepada kawan-kawan saya, Ahli Parlimen sebelah kerajaan seramai 111 orang tetap mantap berada di sini, tidak bergerak. [*Tepuk*] Akan tetapi di sana saya telah dapat sebanyak 106 undi. Nampaknya mereka sudah hampir menghilangkan diri ya. Jadi, terima kasih. Inilah rakyat hendak, supaya pejuang-pejuang Ahli Parlimen ini terus berada di sini dan terus mempertahankan kerajaan yang adil dan saksama.

Okey, yang pertamanya, Halal Corporation ini. Kita mesti nampak sebagai negara yang mempromosikan halal ini dengan hebatnya. Kalau kita hanya main begitu-begitu sahaja, akhirnya negara yang bukan negara Islam pun boleh promosikan produk halal dengan hebat sebab mereka agresif. Jadi, kursus yang dibawa ini adalah kursus untuk menggembelng tenaga pemikir supaya mampu untuk menggerakkan produk halal ini supaya diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Kalau hendak sebut halal, pergi ke negara-negara Timur Tengah. Sepatutnya, Malaysialah yang menjadi negara utamanya, bukan negara lain. Akan tetapi kerana cara kita mungkin tidak sampai kepada orang yang kita hendak sampaikan. Jadi, saya minta supaya kementerian ini berwajah baharu, berdiri dengan gagah perkasa untuk promo produk halal.

Cuma, sekarang ini saya supaya pemikiran yang dibuat oleh bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan dahulu dan juga Kerajaan PH yang cuba menjadi hero di Parlimen. Kononnya memperjuangkan satu masjid Pagoh, kononnya memperjuangkan kes Adib. Padahal masa dahulu, kes Adib, kamilah yang memperjuangkan kes Adib. Sekarang cuba hendak jadi hero? Masjid Pagoh, memperjuangkan masjid Pagoh, satu masjid Pagoh.

Contohnya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah batalkan dua masjid di Pekan, tiga di Ketereh, dua di Padang Rengas, masjid di Ketereh satu dimansuhkan, satu Dewan Kinabatangan dimansuhkan. Sumbangan kepada Kolej Tungku Abdul Rahman sebanyak RM40 juta, dia hanya bagi sebanyak RM1 juta.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Pengerusi, tunjuk butiran, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, yang ini kita bimbang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Butiran mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya bagi contohlah Tuan Pengerusi, contoh. Kita tidak mahu apa yang berlaku itu berulang lagi. Saya tahu tidak mungkin kerajaan hari ini...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Apa kaitan dengan HDC? Apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang ditunjangi oleh orang yang ikhlas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang-orang yang hendak bagi perkhidmatan kepada rakyat, buat apa yang telah disebutkan tadi. Tadi Yang Berhormat Menteri tidak jawab tadi fasal Yang Berhormat Bagan kata, kita tanya kedudukan masjid di Pagoh. Dia lupa masjid yang dibatalkan, projek-projek yang dibatalkan dilupakan, hendak sebut satu masjid di Pagoh, konon hendak jadi hero.

Ucapan di sini, banyak orang hendak jadi hero. Jadi, saya minta supaya kerajaan jangan biar benda itu berlaku. Contohnya, tadi saya ada perbetulkan Yang Berhormat Bagan Serai, kononnya kaum lain peruntuh rumah ibadat kaum lain. Itu salah Yang Berhormat Padang Serai, maaf saya salah. Jadi, sekarang kita perbetulkan. Demikian juga konon hendak jadi hero kepada kes Adib. Dahulu tak pejuang pun, kami yang pejuang dan sekarang hendak jadi hero.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Demikian juga konon hendak pejuang sebuah masjid, padahal berpuluh masjid yang telah dibatalkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, saya sebut Halal Corporation ini, ia bukan— saya betul, Parlimen boleh diluluskan tetapi saya bagi wajah baharu supaya kita lebih agresif, lebih menampak kehebatan kita untuk promosi produk-produk halal. Bukan setakat pergi kursus sahaja tetapi ia ada perkara-perkara yang berkaitan dengan kursus. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Baik, sekarang saya jemput Yang Berhormat— ada lagi? Yang Berhormat Setiu, baik.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila Yang Berhormat Setiu.

6.37 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050700 – Halal Development Corporation (BAHARU). Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian. Sehingga kini, sejauh mana industri halal telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai pengeluar sebagai pengeluar makanan halal utama dunia?

Selain itu, kerajaan sebelum ini ada menyatakan berkenaan tiga negara yang telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam memajukan industri halal. Oleh itu, sejauh manakah kerjasama tersebut dijalankan? Sejauh mana ia mampu mengangkat Malaysia kepada sebuah negara hab halal dunia?

Umum mengetahui industri halal merupakan industri terpantas yang menyumbang kepada KDNK negara. Oleh itu, sejauh manakah kesan pandemik COVID-19 kepada industri ini? Apakah langkah yang dijalankan oleh kementerian dalam memastikan industri halal terus berkembang? Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Seterusnya, yang terakhir dijemput Yang Berhormat Beaufort.

6.39 ptg.

Dato' Hajah Azidah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050700 – Halal Development Corporation (BAHARU). Saya lihat sana ada peruntukan sebanyak RM10 juta yang diperuntukkan untuk tujuan ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah program-program yang dilaksanakan untuk membantu, khususnya kepada para usahawan kita yang banyak di luar bandar sana, yang mahu memasarkan produk-produk mereka tetapi perlu mendapat sijil halal ini.

Apakah program-program yang dilaksanakan oleh kementerian untuk membantu mereka ini supaya mereka dapat memasarkan produk-produk mereka dan diberikan sijil-sijil halal ini? Berapa ramaikah daripada kalangan ini adalah terdiri daripada usahawan wanita? Oleh kerana wanita adalah merupakan golongan insan yang banyak terlibat dalam menghasilkan produk-produk makanan yang telah dilatih oleh pelbagai jabatan dan juga agensi-agensi kerajaan dan mereka ini mahu maju dan mahu berjaya.

■1840

Akan tetapi setakat apa yang mereka boleh lakukan adalah mereka buat sahaja untuk makan sendiri, untuk di kampung sahaja tetapi tidak boleh dipasarkan, tidak boleh menembusi pasaran-pasaran *supermarket* dan sebagainya. Apa lagi *supermarket*, mini *market* pun dengan izin mereka tidak boleh tembusi kerana mereka tidak mempunyai sijil halal ini.

Jadi, saya ingin tahu berapa banyak daripada peruntukan ini ataupun adakah lagi tambahan peruntukan untuk membantu usahawan-usahawan kita boleh mendapat sijil halal di bawah program-program Halal Development Corporation. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort, terima kasih di atas perbahasan itu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kanan MITI untuk menjawabnya selama 10 minit.

6.40 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Beaufort yang telah memberikan perhatian kepada industri halal di dalam negara kita.

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa industri halal ini memiliki potensi yang amat besar untuk diperkasakan lagi sekiranya kita mempunyai strategi yang lebih terancang dan inklusif. Oleh sebab itulah sebelum ini kerajaan telah mengambil keputusan untuk memindahkan HDC kepada MITI, kemudian kepada MEA dan MEA kepada MITI kerana kita mahu melihat perkembangan industri halal ini bukan sahaja ditumpukan kepada isu pensijilan semata-mata tetapi melihat halal ini sebagai satu industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang cukup besar.

Sebagai contoh, eksport halal pada hari ini bernilai sebanyak RM40.2 bilion yang merupakan hanya 4.1 peratus daripada keseluruhan eksport negara yang berjumlah sebanyak RM986.4 bilion bagi tahun 2019. Ini bermakna potensi pertumbuhan bagi industri halal ini masih mempunyai ruang yang cukup besar. Bagi tahun 2019, sejumlah 1,876 buah syarikat pengeksport produk halal Malaysia telah pun direkodkan. Walau bagaimanapun, sebanyak 1,430 buah syarikat ataupun 76.2 peratus daripada jumlah ini merupakan di kalangan industri kecil dan sederhana.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saiz pasaran halal global pada masa kini dianggarkan bernilai sebanyak USD3 trilion dan dijangkakan bakal berkembang lebih pesat kepada USD7.7 trilion menjelang tahun 2030. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau bahawa kita memerlukan satu pendekatan baharu untuk menangani potensi yang besar ini. Kita lihat pada hari ini sebagai contoh Australia merupakan pengeksport daging halal utama di dunia dan negara pengimport terbesar daging halal Australia adalah Indonesia, Arab Saudi dan juga UAE.

Begitu juga kalau kita melihat di negara Jepun yang memberikan fokus dalam penyediaan makanan halal dan juga menyasarkan negara-negara OIC dan ASEAN untuk pasaran eksport. Jikalau kita tinjau apakah inisiatif yang diambil oleh negara Jepun dalam membangunkan industri halal ini adalah dengan menawarkan subsidi kepada restoran dalam bentuk pembayaran semula sehingga 50 peratus bagi kos pensijilan halal.

Menjawab persoalan Yang Berhormat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan, Majlis Halal Malaysia telah pun dijenamakan semula kepada Majlis Pembangunan Industri Halal dan ianya diurus setia oleh MITI melalui HDC sebagai badan penggubal dasar dan juga pemaju pemeraksanaan industri halal ke arah menjadikan Malaysia hab halal global. Sekretariat untuk majlis ini adalah HDC itu sendiri.

Bagaimana HDC dapat membantu kementerian-kementerian lain terutamanya dalam program latihan berkaitan halal seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kuantan. Untuk makluman Dewan, melalui HDC terdapat enam program latihan berkaitan halal, empat daripadanya adalah program latihan dalaman ataupun *in-house* manakala dua daripadanya merupakan program latihan yang diguna pakai oleh kementerian-kementerian yang lain seperti program latihan eksekutif halal dan juga program latihan audit halal. Modul-modul ini disahkan oleh *Halal Professional Board*.

Ada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beaufort tentang sejauh mana program dapat membantu mereka di luar bandar untuk mendapatkan sijil halal dan apakah program yang dapat membantu usahawan wanita. Untuk makluman Yang Berhormat, program-program ini telah pun dicerakinkan di bawah DE RMKe-11 sebagai contoh *Halal Business Transformation* yang membangunkan keupayaan syarikat melalui *incubator* yang sedia ada dan juga *homegrown halal champion*.

Berhubung dengan peranan Majlis Halal selaku peneraju, ianya telah mendapat mandat daripada HDC untuk membina Malaysia sebagai negara paling berdaya saing dalam industri halal global dan mewujudkan peluang pertumbuhan sosioekonomi untuk komuniti ekosistem halal.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya kira sebagai penutup kepada perbahasan kita pada petang ini berhubung...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Celahan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bercakap soal membangunkan industri halal ini yang mempunyai potensi yang begitu besar sekali. Kita kena betul-betul mempunyai satu dasar dan strategi yang besar. Ini kerana perkara ini sudah dicakapkan banyak kali sudah daripada Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan Pakatan Harapan, sekarang Kerajaan Perikatan dan seterusnya nanti Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Muafakat Nasional, kita

tidak tahu. Akan tetapi pokoknya, komitmen itu mesti ditunjukkan dan kerajaan betul-betul sanggup berusaha ke arah itu.

Ini kerana kita hendak eksport keluar negeri produk-produk halal ini, pensijilan itu satu perkara, itu perkara mudah. Akan tetapi produknya Tuan Pengerusi dengan izin, *what do we have? What product do we have* yang kita hendak sijil halalkan dan yang hendak dieksportkan. Produk apa? Kemampuan bumiputera umpamanya sangat terhad. Mengeluarkan produk-produk *food, mee product, whatever product* ia terhad kecuali pihak kerajaan melalui GLCs atau *direct* daripada MOF sanggup melabur wang membantu membangunkan peniaga-peniaga dan pengusaha bumiputera yang kecil-kecil ini.

Jikalau tidak, mereka akan tinggal begitu sahaja. Saya haraplah kerajaan hari ini bersungguh-sungguh menggesa, mengarahkan dan juga kalau perlu menekankan kepada syarikat-syarikat kerajaan ataupun kementerian dan sebagainya untuk membantu pengusaha-pengusaha ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kementerian Pertanian umpamanya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak ini butiran mana kena rujuk?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya bercakap dengan Yang Berhormat Menteri sahaja, butiran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya kena tegur sebab hanya tinggal dua minit sahaja lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri lah butiran mana dia hendak bagi. *[Ketawa]* Itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. *The point is*, Tuan Pengerusi apa yang saya cakapkan itu ada relevannya kepada butir-butir yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan.... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Mike, mike.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Switch on the mike.*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Tuan Pengerusi, pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi adalah kerajaan harus memberikan satu komitmen untuk benar-benar membantu usahawan-usahawan kita untuk terlibat secara langsung dalam industri halal ini.

Oleh sebab itu, yang saya tegaskan tadi daripada 1,876 buah syarikat pengeksporth produk halal Malaysia yang telah direkodkan sehingga tahun 2019, hanya sebanyak 76.2 peratus daripada jumlah ini merupakan industri kecil dan sederhana yang menyumbang sekitar 13 peratus kepada keseluruhan eksport halal.

■1850

Maka ada keperluan untuk memberikan latihan kemahiran, kepakaran kepada mereka supaya sumbangan kepada KDNK negara ini dapat ditingkatkan.

Untuk kita maju ke hadapan (*the way forward*) dalam industri halal ini, sebagai langkah awal penyusunan semula strategi pemerkasaan sedang dilaksanakan yang memberi fokus kepada pembangunan industri berasaskan sumber pengetahuan dengan memperkukuhkan institusi ekosistem halal negara, meningkatkan nilai dagangan dan daya saing industri melalui pertumbuhan sektor berpotensi tinggi dan berkaitan, meningkatkan jumlah tenaga mahir dan profesional tempatan yang telah kita bincangkan sebentar tadi serta menggalakkan aktiviti pengkomersialan produk halal melalui penerima gunaan teknologi dan juga inovasi.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa industri halal dalam negara kita terlalu memberi fokus kepada industri makanan dan minuman sahaja. Sewaktu PKP dalam tempoh COVID-19 ini, hampir kesemua pengusaha tempatan memang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Namun para pengusaha tempatan telah pun digalakkan dan diberikan bimbingan untuk beralih kepada platform perniagaan atas talian ataupun *e-commerce* sebagai alternatif perniagaan masing-masing.

Saya percaya dengan gesaan dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, *insya-Allah* kementerian akan memberikan perhatian yang lebih serius supaya industri halal yang sedang berkembang ini dapat kita manfaatkan dan dapat memberikan perhatian kepada pengusaha-pengusaha industri halal dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Kepala B.24 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.24 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.24 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.30 [Jadual] -

Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lulus tanpa bahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya lihat ada empat. Sila Yang Berhormat Jerai. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Merbok. Baik sila Yang Berhormat Jerai.

6.53 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma ringkas sahaja soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu berkenaan Agensi Inovasi Negara.

Saya ingat boleh bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk membangunkan *super drone* bagi memudahkan petani seluruh negara dapat membantu petani seluruh negara yang di bawah B40. Ini kerana sekarang ini petani-petani bergantung kepada inovasi *super drone* daripada luar negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi, saya mohonlah pihak kementerian dapat berusaha untuk mewujudkan ataupun dalam inovasinya dapat mencipta satu *super drone* untuk petani. Mudah-mudahan golongan petani yang B40 dapat memiliki untuk memudahkan kerja-kerja pertanian mereka. Sekian, harap responslah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu.

6.54 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh dengan Maksud P.30, Butiran 83000 – MIGHT yang mana satu penguntukan semula sebanyak RM11,958,00 telah pun diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, berkenaan pada tahun lepas, apabila pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen (PAC) menjalankan prosiding terhadap isu *air mobility* ataupun yang lebih dikenali sebagai kereta terbang, pihak PAC telah pun mendapati bahawa MIGHT telah pun melalui VentureTECH Sdn. Bhd meluluskan satu pelaburan dalam Aerodyne Ventures Sdn. Bhd sebanyak RM20 juta.

MEA pada ketika itu, telah pun mengesahkan bahawa dana sebanyak RM20 juta ini telah pun disalurkan pada 1 November 2019. Laporan PAC tersebut mendapati bahawa walaupun jumlah RM20 juta ini bukan sekadar atau tidak bermaksud untuk tujuan pembangunan kereta terbang tetapi merupakan satu pelaburan dalam Aerodyne Ventures Sdn. Bhd. Akan tetapi pada masa yang sama, Aerodyne Ventures Sdn. Bhd merupakan salah satu syarikat utama yang disebut-sebutkan dalam usaha pembangunan kereta terbang di negara ini.

Saya ingin mengajukan satu soalan kepada pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apakah status pelaburan RM20 juta ini oleh VentureTECH Sdn. Bhd di bawah MIGHT ke dalam syarikat Aerodyne Ventures Sdn. Bhd? Apakah anggaran masa, pulangan pelaburan ini yang telah memakan satu pelaburan sebanyak RM20 juta? Apakah *expectation* daripada pelaburan ini? Sekian daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

6.57 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.30 Butiran 92000. Saya melihat Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberikan kepada Agensi Inovasi sejumlah RM 2,310,000. Saya kira jumlah ini tidak mencerminkan hasrat kerajaan dan rakyat untuk kita melahirkan atau mencipta barang-barang baru yang boleh menjadi sumber kekayaan baru kepada negara kita.

Kita masih lagi bergantung kepada mengeluarkan barang-barang *primary commodities* sahaja untuk pasaran eksport ataupun pasaran dalam negara kita. Pasaran eksport kita begitu terhad sekali. *Innovation is so important* Tuan Pengerusi kalau sesebuah negara rakyatnya hendak maju seperti negara lain.

Kalau kita melihat kepada sejarah pembangunan negara-negara maju, ia hasil daripada ciptaan, rekaan, inovasi yang hebat yang dilakukan oleh negara-negara mereka. Berlakunya *industrial revolution because* penciptaan, yang kita tahu ciptaan-ciptaannya.

Jadi dengan sebab itu, saya berasa agak tidak berpuas hati dengan jumlah yang diperuntukkan ini, tidak mencerminkan sebenarnya kesungguhan kita untuk melahirkan inovasi-inovasi bagi negara kita ini.

Saya ingin memohon kepada kerajaan untuk memberikan peruntukan yang lebih lagi. Sebagai contoh umpamanya, kita perlu mencari satu kaedah inovasi untuk mengatasi masalah buruh-buruh asing yang menguasai ekonomi negara kita. Di dalam sektor kelapa sawit sahaja, kalau kita lihat, kita kehilangan wang asing atau *foreign exchange* luar negara berbilion-bilion setiap bulan, berpuluh bilion setiap tahun.

■1900

Dengan izin, *why this is happened because* sampai sekarang kita tidak lagi berjaya mencipta sesuatu yang boleh digunakan sebagai *replacement to the labor* sebagai penggantian kepada tenaga kerja asing yang menguasai ekonomi negara. Apa satu peralatan yang telah dicipta umpamanya yang boleh kita mengait buah-buah kelapa sawit ini tanpa menggunakan tenaga buruh? Kenapa kita tidak bersama-sama melabur untuk tujuan ini? Kalau sains dan teknologi boleh mencipta berbagai-bagai barang, produk, senjata, mesin dan sebagainya, kenapa satu alat yang begitu penting tidak kita usahakan?

Untuk pengetahuan, saya hendak beritahu kelapa sawit. Dahulu saya menjadi Pengerusi FELCRA, masalah tenaga buruh menjadi masalah besar sehinggakan hasil tidak dapat dikutip beratus-ratus juta ringgit setahun oleh sebab kebergantungan kepada tenaga buruh. Tidak mudah mendapatkan tenaga buruh untuk memotong buah-buah kelapa sawit di kawasan

pedalaman. Oleh sebab itu banyak buah yang tidak dikutip kerana kita ada masalah kekurangan tenaga buruh.

Jadi, saya mengharapkan kerajaan serius lah untuk memberi peruntukan yang banyak yang diperlukan untuk mewujudkan inovasi ini. Jangan kita bercakap sahaja *transfer of technology, we want to innovate* dengan izin ya. Saya bagi contoh kereta Proton Saga. Proton Saga *has been in this industry* lebih daripada 30 tahun. Kita bercakap *transfer technology* dari Jepun ke Malaysia tetapi apa *transfer? Transfer of technology*nya sehingga hari ini, kita tidak boleh atau tidak mampu untuk mengeluarkan kereta kita sendiri. Kereta yang dikeluarkan itu bukannya hasil daripada *transfer of technology* atau inovasi kita. Kita masih bergantung kepada Jepun, bergantung kepada Korea, kereta-kereta yang kita keluarkan dan sekarang ini kita bergantung dengan China. Kita bekerjasama dengan Geely. Kita pun sudah jadi geli-geli.

Bila masa lagi kita hendak buat kereta kita sendiri yang menjadi sumber kekayaan baharu yang boleh dieksport ke seluruh dunia. Negara Barat dan negara Jepun mengeluarkan kereta, 10 hingga 20 *million* setahun, menjadi produk yang memberi kekayaan kepada negara kita. Mereka melakukannya kerana mereka dapat mencipta ciptaan baharu dari segi enjin, dari segi macam-macam peralatan kereta itu yang diperoleh daripada, *basicnya* daripada *United States of America*. Mereka pelajari. Daripada pelajaran itu, mereka membina kejayaan yang lebih baik daripada kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Amerika dan Barat.

Kita bekerjasama dengan Mitsubishi, sampai hari ini kita tidak boleh mengeluarkan kereta kita sendiri, *why? Because we are not so committed*. Kerajaan tidak mahu, tidak sanggup dan tidak mampu untuk melabur berbilion-bilion ringgit untuk tujuan itu? Melaburlah berbilion-bilion ringgit tetapi akhirnya kita akan mendapat pulangan beratus bilion seperti mana yang ditunjukkan oleh negara Jepun, negara Korea dan negara-negara lain yang merupakan pengeluar-pengeluar kereta yang berjaya.

So, saya menyeru kepada kerajaan bersungguh-sungguhlah. Menteri-menteri bersungguh-sungguhlah! Jangan retorik sahaja ke sana ke mari, kita hendak membina itu, kita hendak membina ini. Kita hendak mendapatkan teknologi itu, teknologi ini. *We want to innovate* itu, hendak *innovate* ini *but over the years*, sudah 60 tahun kita merdeka. *What is our innovation? What is our creation? Nothing*. Kita jangan berpolitik dalam hal ini. Saya tidak mahu berpolitik. Salah kita semua, rakyat Malaysia, pemimpin-pemimpin Malaysia sama ada pemimpin pembangkang ataupun pemimpin kerajaan. Apa yang berlaku? Retorik, retorik, retorik. Oleh sebab itu Malaysia sampai hari ini, kita masih ketinggalan dari segi sains dan teknologi. Dari segi inovasi.

Tuan Pengerusi, *we are behind them, behind developed countries*. Berapa tahun? Saya ingat 50 tahun. Lebih daripada 50 tahun, *we are behind them*. Bila kita— *When we are going to catch up?* Bila kita boleh duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju *if we are 50 years to 100 years behind in science and technology, in innovation* dengan izin. Bila kita hendak mencapai negara maju seperti negara mereka. Takkan kita selama-lamanya hendak bergantung kepada kelapa sawit, hendak bergantung kepada getah, hendak bergantung kepada

penternakan, hendak bergantung kepada nelayan, tangkapan ikan? Bila, sampai bila Tuan Pengerusi?

Saya ingin menyeru kepada kerajaan ya, kepada rakan-rakan pemimpin di dalam kerajaan, bersungguhlah! Buktikan bahawa kita ini betul-betul untuk membangunkan negara kita dan rakyat Malaysia. Jadi, saya hendak tengok kalau betul-betul kerajaan...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai, mencelah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau betul-betul kerajaan komited dalam hal ini, tunjukkan dengan peruntukan yang sewajarnya.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Secukupnya bukan setakat orang kata sebagai '*melepas batok di tangga*' untuk inovasi bagi 2 juta, untuk sains bagi 2 hingga 3 juta. Dia tidak sampai ke mana peruntukan yang seperti ini, tidak sampai ke mana.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi Tuan Pengerusi, saya pun sudah lama dalam perjuangan ini, 45 tahun. Apa hasil? Saya melihat pemimpin demi pemimpin, Menteri demi Menteri, Perdana Menteri demi Perdana Menteri...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Teruk sangat Kerajaan BN ini sudah lama berjuang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tidak bercakap politik, kita bercakap soal ini rakyat Malaysia, negara Malaysia. Kita kena ikhlas bercakap. Jangan mengampu sahaja. Memangnya kalau dari segi politik tidak seharusnya saya bercakap begini *but I'm not politicking, I'm fighting of the country, for the people*, betul kah tidak? Kalau Menteri kita sendiri pun buat tidak betul, kita tegur. Malas kerja kita tegur.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Pasir Salak *for* PM.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembangkang pun tidak betul, kita tutuh dia juga sama, baru betul. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Merbok.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tutuh dia.

7.07 mlm.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya punya ringkas sahaja. Butiran 83000 – MIGHT. Saya lihat di sini rupa-rupanya MIGHT ini berada di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Persoalan saya adalah kenapa MIGHT sebelum ini diletakkan di bawah JPM sedangkan MIGHT ini adalah *company-linked by guarantee* yang mana dia ada *board of directors*nya sendiri. Sedikit kebimbangan ya yang mana apabila ada *board of directors if we insert*, kalau kita masukkan orang-orang yang orang kita kecenderungan untuk berlaku manipulasi itu ada. Itu satu.

Kemudian, bukankah pada pandangan saya MIGHT ini harus kekal di bawah JPM kerana peranannya sebagai platform, *think-tank* antara kerajaan dan juga industri. Saya rasa ingin mencadangkan supaya *dirermain* di bawah JPM supaya ia boleh buat kerja *cross ministry*. Itu saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri lah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

7.08 mlm.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat Merbok yang telah menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pertamanya, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jerai iaitu berkenaan dengan Agensi Inovasi Malaysia sama ada dapat membangunkan sebuah *super dron* untuk membantu sektor pertanian terutamanya sektor pertanian yang melibatkan golongan B40. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah anak syarikat Agensi Inovasi Malaysia iaitu PlaTCOM Ventures kini ada dua syarikat teknologi dron untuk pertanian.

Namun demikian, ada beberapa lagi syarikat-syarikat di bawah pengendalian agensi-agensi yang lain di bawah MOSTI yang sudah lebih ke hadapan dalam bidang dron, terutamanya untuk bidang sektor pertanian. Sebagai contoh untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah MIGHT, satu lagi agensi di bawah MOSTI, yang mana akan berbincang bersama agensi inovasi Malaysia, terdapat sebuah syarikat yang bernama Poladrone.

■1910

Ini syarikat yang telah menerima pelaburan dan pembiayaan oleh MIGHT. Minta maaf, oleh MTDC. Minta maaf, MTDC yang mana Poladrone ini telah membangunkan kaedah *spots spraying* untuk semburan racun serangga dan baja yang lebih tepat dan efektif. Dron ini telah pun diguna pakai di beberapa tempat dan juga adalah sebahagian daripada *National Technology and Innovation Sandbox* yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Rabu akan datang.

Selain daripada Poladrone, terdapat juga sebuah syarikat tempatan yang bernama Braintree Technologies Sdn Bhd yang mana dron ini diguna pakai untuk pemetaan ladang melalui *Digital Terrain Model*. Apabila menggunakan dron ini, maka dia dapat buat kiraan bilangan pokok, *estate planning*, *disease monitoring*, *land survey* untuk tanaman semula, dengan izin.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Jerai, memang sudah wujud beberapa syarikat dron untuk kegunaan sektor pertanian dan perladangan yang telah pun menerima pembiayaan dan juga pelaburan daripada beberapa agensi di bawah MOSTI dan yang akan kita percepatkan lagi pelaksanaannya yang berskala besar.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Cumanya Yang Berhormat Menteri, saya mohonlah supaya dalam kajian-kajian ataupun dapatan-dapatan yang dibuat oleh pihak MOSTI dan sebagaimana yang disebut tadi, kita dapat memperkecilkan ataupun menurunkan harga sesuai dengan para buruh ataupun petani di seluruh negara yang rata-ratanya B40. Sekian.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Sudah pasti antara matlamat adalah untuk memastikan bahawa teknologi ini dapat diakses untuk golongan B40. Apabila kita dapat menggunakan teknologi ini dengan berskala yang lebih besar, maka kita akan dapat *economies of scale* dan harganya sudah pasti akan turun.

Kedua, adalah Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur yang membangkitkan isu yang berkenaan dengan syarikat yang bernama Aerodyne yang telah pun disiasat di bawah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Pelaburan sebanyak RM20 juta telah pun dibuat kepada syarikat Aerodyne melalui anak syarikat MIGHT iaitu VentureTech dan VentureTech ini adalah anak syarikat Venture Capital dari MIGHT.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa RM20 juta pelaburan itu bukannya untuk projek mobiliti udara seperti mana yang telah pun dilaporkan sebelum ini, tetapi adalah untuk membangunkan perniagaan dron di bawah Aerodyne di mana pada waktu ini Aerodyne dilihat antara lima syarikat terbaik di dunia dalam bidang dron dan Aerodyne merupakan sebuah syarikat tempatan.

Status pelaburan yang ditanya oleh Yang Berhormat Ipoh Timur daripada VentureTech kepada Aerodyne adalah dalam bentuk *convertible preference shares, zero-coupon*. Soal *return on investment* yang telah disoal, ditanya oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi, anggarannya adalah lima tahun sama ada apabila mereka dapat membuat penyenaiaan—jangkaannya bukan penyenaiaan di sini, tetapi memandangkan Aerodyne merupakan syarikat bertaraf antarabangsa, sasarannya adalah di Amerika Syarikat, di NASDAQ sebagai contoh, atau apabila Aerodyne dapat membeli semula pelaburan VentureTech pada kadar *internal rate of return* 12 peratus sekiranya tidak berjaya untuk disenaraikan dalam tempoh masa lima tahun.

Expectation kita untuk pelaburan ini adalah selain daripada dapat menyenaraikan syarikat ini dalam lima tahun, adalah untuk menjadi syarikat perkhidmatan dron nombor satu di dunia di mana sekarang ini kedudukannya adalah nombor tiga. Jadi, itulah kedudukan terkini bagi syarikat Aerodyne untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak, saya ucapkan terima kasih kerana menjadi seorang *champion* dengan izin, kepada sains dan inovasi. Maka, telah minta supaya kementerian saya diberi peruntukan tambahan dan ini adalah satu perkara yang sangat-sangat dialu-alukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Namun demikian, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak.

Pertamanya adalah berkaitan dengan peruntukan untuk Agensi Inovasi Malaysia yang nampak tidak mencukupi. Pertamanya adalah Agensi Inovasi Malaysia bukanlah satu-satunya agensi yang dipertanggungjawabkan untuk pembangunan teknologi. Ini salah satu daripada pelbagai agensi yang ada dalam kerajaan yang sedang distrukturkan semula supaya tidak ada pertindihan.

Majlis Tadbir Urus Agensi Inovasi Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan diadakan pada 4 September 2020 untuk menentukan hala tuju baharu AIM. Ini sebab Akta Agensi Inovasi Malaysia akan tamat pada 31 Disember 2020 dan sama ada kita nak tutup agensi ini dan kita akan bangun teknologi dengan agensi-agensi yang lain, kita akan tetapkan selepas dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Majlis Tadbir Urus.

Yang Berhormat Pasir Salak telah bangkitkan satu perkara yang sangat-sangat penting iaitu *technology transfer*. Memang ada banyak perkara yang betul yang disentuh oleh Yang Berhormat Pasir Salak berkenaan dengan kelembapan *technology transfer* ataupun pemindahan teknologi. Oleh yang demikian, sebagai contoh bagi bidang automatif, ia sebenarnya berada di bawah kementerian MITI yang secara khususnya berada di bawah Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute.

Akan tetapi dengan Yang Berhormat Menteri Kanan, saya menjawab bahawa MARii (Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute) sedang menyasarkan pelaburan sebanyak RM200 juta daripada syarikat-syarikat Venture Capital dalam tempoh masa setahun dua ini untuk meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk meningkatkan teknologi terutamanya dalam bidang automatif supaya perkara yang lepas tidak berulang iaitu kita tubuhkan Proton dan sebagainya, tetapi pemindahan teknologi sangat-sangat lembap.

Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak, di bawah National Technology and Innovation Sandbox yang akan dilancarkan pada hari Rabu, ada beberapa projek seperti mana yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu yang pertamanya, *how to reduce foreign labor* dengan izin, dalam *manufacturing*. Kita ada terlalu banyak *foreign labor*, sedangkan kita boleh guna teknologi robotik, *automation* dan sebagainya.

So, we are looking at this very seriously and trying to ensure that we can reduce the dependence on foreign labor dengan memastikan bahawa syarikat-syarikat pembuatan ini dapat buat pelaburan. *Sometimes, they don't want to invest*. Kita akan pastikan bahawa insentif itu ada dan juga mereka serius dan tidak lagi bergantung harap kepada pekerja-pekerja asing. Sama juga syarikat-syarikat perladangan besar. Akhirnya mereka akan datang kepada kerajaan, minta, minta lagi pekerja asing. Minta lagi buruh asing dan kita ada lambakan buruh asing disebabkan perkara tersebut.

Oleh yang demikian, saya juga akan melihat bagaimana selain daripada dron, bagaimana kita dapat menggunakan automasi dan robotik daripada mula sampai habis dalam kita menuai kelapa sawit, *the whole process of oil palm plantation*. Dalam hal ini juga, beberapa projek sedang digerakkan di bawah Sandbox kita untuk memastikan bahawa apa yang diimpikan dan disarankan oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu menjadi satu realiti.

Akhirnya Tuan Pengerusi, adalah berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu nak minta penjelasan sedikit. Hari ini kalau kita lihat daripada segi nelayan, mereka agak ketinggalan disebabkan penggunaan teknologi yang lama. Jadi, sejauh manakah kementerian merancang

untuk penggunaan teknologi baharu bagi memajukan nelayan sehingga mereka menjadikan aktiviti mereka, kerja mereka sebagai nelayan sebagai salah satu sumber pendapatan mereka?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kebetulan, saya dan Timbalan Menteri saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, pagi tadi baru sahaja mengadakan mesyuarat hampir satu jam setengah berbincang soal masa depan nelayan dengan menggunakan teknologi baharu seperti bot komposit dan juga teknologi satelit yang boleh membantu kawasan-kawasan tangkapan ikan yang lebih banyak hasil dia.

■1920

Kita telah mulakan satu program penyelidikan yang akan dipimpin oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk kita menghasilkan satu program untuk nelayan. Mungkin kita akan melihat sama ada kosnya— kalau kosnya *feasible*, boleh bangkitkan satu projek bot nasional untuk nelayan yang menggunakan komposit dan kalau harganya bertepatan, boleh kita menawarkan kepada para nelayan supaya mereka dapat menggunakan bot yang lebih berkesan, yang bertahan lama. Juga menggunakan teknologi seperti satelit dan yang lain-lain untuk membantu mereka meningkatkan hasil tangkapan mereka.

Saya balik kepada perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, iaitu Yang Berhormat Merbok. Memang betul MIGHT adalah *company limited by guarantee* di bawah JPM. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih lagi kekal sebagai penasihat kepada MIGHT. Akan tetapi, memandangkan MIGHT ini adalah walaupun badan penyelarasan antara kementerian dan antara kerajaan dan juga industri, oleh kerana ia berkenaan dengan teknologi tinggi dan disebabkan kita diberi tanggungjawab dan mandat oleh Perdana Menteri untuk menjadi kementerian yang menyelaraskan semua aspek pembangunan teknologi tinggi yang melibatkan pembiayaan kerajaan, sebahagian besar daripada projek-projek di bawah MIGHT juga, walaupun dapat pelaburan daripada sektor swasta, menerima pembiayaan daripada kerajaan.

Dalam hal ini, MOSTI dapat *entire oversight of the high technology ecosystem*. Jadi dalam hal ini juga, saya rasa dengan adanya Menteri khusus yang bertanggungjawab kepada MIGHT, daripada ia terletak di bawah JPM sahaja, tumpuan yang lebih dapat diberikan kepada pembangunan *high technology* di Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,410,600 untuk Kepala B.30 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.30 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.30 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Pengerusi, *point of order*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: P.M. 36(4). Sebentar tadi...

Tuan Pengerusi: P.M. 36?

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: P.M. 36(4) iaitu adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa yang kurang sopan. Saya mendengar di penghujung perbahasan Yang Berhormat Pasir Salak, beliau menggunakan satu perkataan yang tidak berparlimen dan kurang sopan. Saya mohon Tuan Pengerusi untuk menasihati semua Ahli-ahli Parlimen baik di sebelah sini mahupun di pihak kerajaan untuk mengelak daripada menggunakan bahasa-bahasa kurang sopan seperti itu.

Tuan Pengerusi: Apa yang dikatakan itu, Yang Berhormat?

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya pun tak mahu sebutlah dekat sini. Kalau boleh disemaklah di dalam *Hansard*.

Tuan Pengerusi: Tadi yang baru ini kah atau baru sebentar tadi?

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Baru sebentar tadi.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu ramai sebut.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Di penghujung. Sudah cantik perbahasan beliau tadi tetapi di hujung-hujung tadi agaknya dia terlajak, dia menggunakan perkataan yang agak kurang sopan.

Tuan Pengerusi: Ya, saya kurang pasti tetapi saya setuju. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menggunakan bahasa yang kurang sopan. Tetapi saya tidak dengar tadi sebenarnya.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, dia kena sebut apa perkataan yang kata *unparliamentary* itu.

Tuan Pengerusi: Itulah. Ini secara am lah saya menasihatkanlah. Tak apa.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya pun tak mahu pakailah perkataan itu dalam Parlimen ini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa perkataan tersebut?

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Sambil-sambil itu, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apa perkembangan terbaru mengenai kompelin saya terhadap Yang Berhormat Baling?

Tuan Pengerusi: Saya telah minta penjelasan. Tengah tunggu penjelasan daripada beliau.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Okey, terima kasih. Sudah seminggu sudah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Maksud B.33 [Jadual] -
Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan)
2020] –**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tebrau dan saya rasa Yang Berhormat Kuantan. Tetapi di sebelah sini dulu. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Yang Berhormat Kuala Krai. Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Krai.

7.24 mlm.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Kepala P.33 Butiran 20000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan dan Butiran 95000 – NRW NASIONAL.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh isu yang menjadi resah rakyat Kelantan iaitu berkaitan isu air yang menjadi masalah sekian lama. Saya yakin isu ini juga tentunya turut menjadi fokus yang utama Yang Berhormat Menteri sekarang ini.

Kini negeri Kelantan yang dahulunya adalah negeri pembangkang telah sama-sama menjadi negeri di bawah Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, inilah masa yang terbaik untuk masalah air yang membelenggu sekian lama dapat diurus dengan sewajarnya. Sebagai langkah proaktif, dengan perbelanjaan melebihi RM7 bilion yang diumumkan baru-baru ini tentunya bakal memberi sinar baru kepada rakyat Kelantan.

Oleh itu, saya memohon Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan berkaitan dengan penjadualan konsep-konsep pelaksanaan dasar yang akan dilaksanakan dan juga tempoh masa dapat diselesaikan isu yang amat-amat membelenggu ini sebagai gambaran kepada rakyat Kelantan dalam menyelesaikan masalah air ini.

Juga, isu berkaitan dengan bila agaknya dapat diselesaikan isu air yang tidak berhasil (NRW) yang lebih holistik bagi menyelesaikan NRW yang tinggi terutamanya di negeri Kelantan?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kuala Krai, sikit. Boleh tumpang? Hang Tuah Jaya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Boleh, Yang Berhormat Kuala Krai?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sila, sila.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Krai, tadi Yang Berhormat Kuala Krai sebut tentang rancangan bekalan air di negeri Kelantan. Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat, bekalan air ini bukan sekadar di Kelantan sahaja tetapi juga saya ingin sebut dengan Yang Berhormat juga berlaku di Melaka. Tahun ini ada catuan air selama hampir empat bulan, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Krai. Dari segi projek-projek yang dirancang, antaranya saya percaya empangan yang dibuat untuk memastikan ada bekalan air yang mencukupi. Akan tetapi, ada ketikanya, misalnya dalam konteks ini iaitu empangan Sungai Jernih yang saya percaya Yang Berhormat Menteri maklum, kita rancang tahun 2012, tahun 2017 dibatalkan, sekarang hendak mula balik. Katanya kos telah pun mencecah kena tambah lagi RM200 juta. Jadi, saya percaya apakah ini perkara yang perlu dilihat kembali supaya setiap sen yang kita belanjakan itu pembangunannya efektif? Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya tadi boleh dijawab oleh pihak Menterilah.

Terakhir ialah berkaitan dengan projek yang telah pun dilaksanakan khususnya di Kuala Krai iaitu Projek Loji Rawatan Air Tualang 2. Saya difahamkan projek ini patutnya beroperasi pada Disember 2019 tetapi tertangguh kerana *design* dan skop kontrak tidak dimasukkan *mainline distribution* atau paip agihan dari tangki di Batu Lada. Skop kerja hanya sampai siap tangki simpanan di Batu Lada sahaja. *Main pipe* daripada tangki tiada dalam skop kontraktor. Jadi, pihak AKSB terpaksa memohon peruntukan yang lain daripada pihak kerajaan.

Saya difahamkan tangki Batu Lada ini direkrut untuk simpan air sebanyak 2 juta liter sahaja. *Booster LRA 2* mesti berjalan, tak boleh ditutup. Jadi, air kena buang sia-sia sebab tak ada paip hendak salur kepada para pengguna. Bermakna air ini dibuang ke sungai tanpa dapat dinikmati oleh para pengguna. Jadi, di manakah kesilapan ini?

Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat meneliti isu ini kerana saya difahamkan Loji Rawatan Air Tualang 2 ini boleh menjana sehingga 20 MLD ataupun 20 juta liter sehari. Bermakna kalaulah 20 juta liter sehari ini dapat direalisasikan melalui loji baru ini, teorinya cukup untuk kegunaan air seluruh Kuala Krai yang terdapat sekitar 19,000 akaun pengguna. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Tebrau.

7.29 mlm.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian dalam perbahasan. Jadi, perkara-perkara yang saya ingin membahaskan adalah di bawah Maksud B.33 Butiran 020000 dan juga Maksud P.33 di bawah Butiran 07200.

■1930

Tuan Pengerusi, isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai alam sekitar, isu alam sekitar. Isu pencemaran berlaku kerana ada pembuangan sisa toksik dan juga kimia dan juga pelepasan air kumbahan tidak dirawat. Ia dibuang dan dilepaskan ke sungai-sungai. Ini berlaku di semua kawasan tetapi hari ini saya hendak menyentuh mengenai sungai-sungai di kawasan saya yang ada di kawasan Tebrau.

Walaupun krisis pencemaran Sungai Kim Kim telah kita mengalami tahun lepas, malahan, tiada tindakan berkesan diambil ke atas kilang-kilang yang terlibat. Selain daripada kajian harian kualiti air dan udara dilakukan oleh JAS di kawasan-kawasan di sekitar Pasir Gudang, ya. Pasir Gudang ada dua Parlimen. Satu adalah Parlimen Pasir Gudang dan lagi satu adalah Parlimen Tebrau.

Ini bermakna rakyat tidak berpuas hati atau dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan setakat ini. Mereka tidak melihat usaha-usaha seperti kajian harian yang dilakukan itu berkesan bagi tujuan pencegahan pencemaran. Oleh sebab pembuangan sisa-sisa toksik kimia ini hanya berlaku pada waktu malam dan masa kajian yang dibuat adalah waktu siang, jadi, pembacaan mesti adalah dalam paras yang selamat atau sihat. Jadi, saya berharap kerajaan boleh ambil satu tindakan yang menyeluruh untuk pastikan pencemaran atau krisis seperti Sungai Kim Kim tidak berlaku lagi.

Isu yang kedua saya hendak bangkitkan adalah tentang catuan air yang selalu berlaku di daerah Johor Bahru. Jadi, bagi menyelesaikan isu ini, saya difahamkan kerajaan ada menyediakan lagi satu loji rawatan air yang dinamakan LRA Layang 2 yang terletak di kawasan Tebrau juga. Ini ada kapasiti sebanyak 160 MLD. Jadi saya hendak tanya, bila LRA Layang 2 akan disiapkan? Saya berharap ini tidak akan ditunda terlalu lama kerana isu kekurangan air terawat adalah masalah besar di Daerah Johor Bahru.

Lagi satu isu yang saya hendak bangkitkan adalah mengenai Empangan Sultan Iskandar. Ini pun terletak di kawasan Tebrau. Paras air di empangan ini sudah lama tidak kembali ke paras yang normal, dengan izin. Jadi saya ingin tanya kerajaan, apa sebabnya paras air tidak kembali ke paras yang normal dan apa kesannya sekiranya masalah ini tidak boleh diatasi secepat mungkin?

Saya berharap – Bagi saya satu minit lagi kerana ada satu isu lagi. Ini adalah mengenai pemetungan. Di kawasan Daerah Johor Bahru, ada banyak loji rawatan kumbahan yang tidak berfungsi atas sebab mesin-mesin atau alat-alat dicuri khususnya di kawasan rumah pangsapuri murah. Ini mengakibatkan pengurusan dipaksa untuk cari jalan lain untuk menyalurkan air kumbahan yang tidak terawat ke sungai atau longkang besar. Mereka buka sajalah, gunakan, yang saya difahami adalah *bypass* yang tidak dirawat. Jadi, saya berharap agar kementerian ambil berat dalam isu ini untuk mengatasi masalah ini.

Saya hendak bawa kepada perhatian kementerian, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan juga Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), kedua-dua majlis masing-masing masih belum serahkan semua kerja pemetungan atau rawatan kumbahan kepada IWK sampai ke hari

ini. Saya berharap ini akan diambil alih oleh IWK secepat mungkin untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan. Jadi, ini sajalah daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Setiu.

7.37 mlm.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut tentang Butiran 16700 iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya dimaklumkan pada tahun 2013, telah diluluskan projek Tebatan Banjir Kampung Guntong Dalam dengan kos sebanyak RM7 juta. Akan tetapi, projek tersebut telah dipindahkan untuk mengatasi banjir besar yang melanda daerah Kemaman pada tahun tersebut. Jadi, saya ingin tahu, adakah projek Tebatan Banjir Kampung Guntong Dalam ini dapat diteruskan?

Kedua, berkait masalah...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Setiu, sikit boleh? Hang Tuah Jaya, banjir. Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu bangkitkan tadi tentang isu banjir dan saya percaya isu banjir ini merupakan isu yang terkena hampir dengan majoriti kita dari Parlimen.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiu, bahawa setiap kali banjir ini, kita berhadapan dengan masalah untuk membantu mereka daripada segi kewangan dan sebagainya. Apabila berlaku seperti itu, kita selalu berhadapan dengan cabaran untuk membantu mereka sepenuhnya. Kadang-kadang peruntukan yang disediakan tidak banyak iaitu RM200 dan kadang-kadang RM500. Walhal bencana itu merosakkan jumlah yang lebih besar.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu, apakah Yang Berhormat Setiu setuju bahawa kita perlu satu skim yang lebih baik? Misalnya di Turki ya, kerajaan di sana telah wujudkan skim insurans gempa bumi bagi menangani kerosakan yang besar akibat bencana. Begitu juga di negara jiran kita, Thailand ditubuhkan dengan izin, *National Catastrophe Insurance Fund* untuk membayar kerosakan yang disebabkan oleh banjir dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat Setiu setuju dengan pandangan ini? Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya tadi ...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Apa-apa yang baik, saya harap supaya dapat diambil tindakan oleh kerajaan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Kedua, masalah pengairan...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sekitar...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Di belakang, belakang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 16700 ini juga iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB), saya juga ingin mengetahui status tentang tebatan banjir di Sungai Tok Pawang dalam Parlimen Jerai. Mohon responslah, Yang Berhormat Menteri. Sekian.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Masukkan dalam ucapan saya. Kedua, kawasan penanaman padi di sekitar DUN Batu Rakit dalam Parlimen Setiu iaitu di Kampung Darat, Kampung Wakaf Cagak, Kampung Maras. Kawasan penanaman padi ini telah diisytiharkan sebagai kawasan kontang, tidak lagi ditanam dengan padi disebabkan masalah pengairan yang tidak sempurna.

■1940

Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian sebab bagi kita penanaman padi ini merupakan satu industri yang penting untuk industri makanan kita di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kuantan.

7.40 mlm.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berbahas di peringkat Jawatankuasa di bawah Maksud B.33, Butiran 020100 – Pengurusan Alam Sekitar dan Butiran 020200 – Alam Sekitar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana ini kementerian baharu. Maka pengharapannya amat besar terhadap kementerian ini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa aktiviti-aktiviti huluan banyak menimbulkan kesan kepada alam sekitar dan pencemaran alam sekitar di peringkat kementerian Yang Berhormat Menteri.

Saya bagi contoh, apabila KPKT gagal dalam pengurusan sisa pepejal dan gagal menguruskan projek 3R maka pencemaran plastik itu akan menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri. Apabila kerajaan negeri membuat pembalakan yang berlebihan maka kesannya, banjir dan sebagainya terkait dengan kementerian Yang Berhormat Menteri. Begitu juga apabila sumber asli seperti bauksit, lombong dan sebagainya dilakukan seperti di Kuantan dahulu.

Apa yang berlaku ialah sungai daripada kelas 3 jadi kelas 5. Ini kerana aktiviti-aktiviti yang dilakukan ataupun diluluskan oleh kementerian-kementerian lain ataupun pihak kerajaan negeri. Ia bukan di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri nanti akan bertanggungjawab untuk menguruskannya.

Saya ingin bertanya bagaimana dalam pengurusan alam sekitar ini, Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mencari jalan memastikan bahawa perkara ini boleh kita selesaikan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk meletakkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, cadangan-cadangan bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini? Adakah Yang Berhormat Menteri— ini pandangan saya ya, sama ada kita boleh meletakkan *focal point environment* ataupun *sustainability focal point* di setiap kementerian.

Contoh, apabila satu ketika dahulu kita meletakkan *focal point* wanita, gender di dalam setiap kementerian untuk membawa perspektif gender di dalam setiap proses membuat keputusan di setiap kementerian. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membawa perspektif *environment*, alam sekitar dan *sustainability* di dalam proses membuat keputusan, proses membuat dasar di setiap kementerian supaya kementerian Yang Berhormat Menteri tidak perlu uruskan masalah di hilir nanti. Di bawah, hasil daripada keputusan-keputusan yang dibuat oleh kementerian lain dan juga kerajaan negeri dan sebagainya. Itu di bawah Butiran 020100 tadi.

Seterusnya di bawah B.33, Butiran 030600 – Perkhidmatan Pembedungan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apa jadi dengan kajian di mana Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan berkenaan dengan kuman COVID-19 ini ada kaitan, boleh kita kaji dalam sistem pembedungan.

Seterusnya di bawah kepala P.33 Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada terdapat peruntukan untuk mengorek kuala Sungai Kuantan sebab kuala Sungai Kuantan ini begitu cetek. Ada kala sewaktu air surut, kedalaman air adalah hanya dalam tujuh, lapan kaki sedangkan bot yang melalui muara Sungai Kuantan ini lebih daripada 200, jumlah bot ya. Jadi memerlukan kedalaman dalam 13 kaki sekurang-kurangnya untuk bot nelayan, bot ikan gred 'A', 'B', 'C' untuk lalu di muara Sungai Kuantan. Sudah pun ada permohonan sebelum ini sama ada termasuk di bawah peruntukan mengorek kuala sungai.

Saya juga di bawah Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Saya ingin bertanya berkenaan dengan *scheduled waste* ataupun sisa berjadual NUF daripada Lynas yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari itu berkenaan dengan WLP dan NUF. Jadi NUF, *scheduled waste* dengan izin di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sama ada Jabatan Alam Sekitar sudah pun meluluskan tapak Bukit Ketam itu sebagai tapak untuk pelupusan sisa berjadual daripada Lynas? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Pengerusi, boleh satu lagi?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Tuan Pengerusi: Maaf.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh satu lagi untuk dua minit?

Tuan Pengerusi: Maaf. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Maaf, silakan Yang Berhormat Menteri.

7.45 ptg.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah wassolatu wassalamu'ala Rasulillah.* Pertama sekali saya

ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Saya terus kepada menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai berhubung dengan isu yang berlaku tentang pembangunan air di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak RM199.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas dan dalam melaksanakan beberapa loji rawatan air (LRA).

Antaranya ialah LRA Kampung Chap, Kampung Panggung Lalat dan Kampung Merbau Chondong. Untuk makluman, sudah ada 16 loji yang telah pun diluluskan dan dalam proses pembinaan bagi mengatasi masalah bekalan air di negeri Kelantan. Di samping itu, kita juga mengambil serius isu beberapa loji bagi membekalkan air bersih kepada penduduk negeri Kelantan. Sebagai contoh ialah untuk naik taraf dan baik pulih LRA Bukit Chupak di Gua Musang dengan kos sebanyak RM16 juta, LRA Tanjung Mas, Kota Bharu sebanyak RM49.95 juta, LRA Chicha fasa 2 sebanyak RM70 juta.

Di samping dalam RMKe-10 ada beberapa projek yang masih lagi dalam pelaksanaan yang kita peruntukkan sebanyak RM53 juta bagi pelaksanaan NRW fasa dua. Untuk makluman, Kelantan mencatatkan sebanyak 52.6 peratus NRW yang agak tinggi dan kerajaan mengambil perhatian serius untuk mengatasi masalah ini.

Sehubungan dengan itu, sebanyak RM53 juta diperuntukkan bagi fasa dua dan untuk makluman Yang Berhormat bahawa Projek Program Pengurangan NRW Kebangsaan 2018-2020 sebanyak RM69.9 juta bagi menangani masalah NRW yang melibatkan skop kerja pemasangan meter dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah yang telah pun diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi NRW yang agak tinggi di Kelantan.

Bagi persoalan berhubung dengan Empangan Tualang 2, sebanyak 20 juta Mld yang telah pun diperuntukkan bagi menyiapkan LRA ini. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa projek ini sebenarnya dalam pelaksanaan dan kita jangka ia akan selesai dalam tahun 2023 kalau ikut perancangan di peringkat kementerian. Saya juga ingin menjawab soalan dibangkitkan oleh...

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Berhubung dengan bekalan air di Melaka.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh saya mencelah?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya Kedah pun mengalami masalah yang sama. Kalau ikut Butiran 06500. Semua negeri disarankan untuk berhijrah ke PAAB, bagi perkhidmatan bekalan airnya diserahkan kepada agensi Kerajaan Persekutuan iaitu PAAB.

Jadi dalam rundingan dengan Kerajaan Negeri Kedah, masih lagi ada sejumlah wang yang dianggap berhutang di antara Kerajaan Negeri Kedah dengan Kerajaan Pusat. Rundingan itu sudah berjalan agak lama, beberapa tahun sudah dan masih belum diselesaikan lagi.

Kalau tak selesai, maka Kedah pun saya kira kurang bersetuju untuk berhijrah sepenuhnya kepada PAAB. Jadi saya mohon, kalau boleh pihak kementerian boleh memberi tumpuan kepada hal ini supaya masalah bekalan air di negeri Kedah ini, dalam keadaan Kedah kekurangan dana boleh diatasi sebaik mungkin.

Keduanya tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai NRW, air yang tak berhasil. Kedah pun mempunyai masalah yang besar dengan NRW ini.

■1950

Tadi saya mendengar Yang Berhormat menyatakan bahawa sejumlah wang untuk mengatasi masalah NRW adalah untuk mengganti meter. Selain daripada meter, kerana meter ini Yang Berhormat kalau diganti kadang-kadang ia akan mengukur jumlah air yang lebih tepat dan kadang-kadang pengguna akan terpaksa membayar kegunaan air yang lebih tinggi daripada biasa. Selain daripada meter, paip yang bocor itu pun salah satu punca NRW yang sangat tinggi. Adakah kementerian merancang untuk membantu negeri-negeri miskin seperti Kedah ini untuk mengganti paip-paip yang bocor? Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit lagi. Negeri Kedah, sedikit. Minta. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan di kawasan saya, rumah— taman-taman berkembang begitu pesat. Bolehkah buat satu rancangan jangka panjang?

Kedua, kita ada satu tempat di Sungai Kob boleh buat tadahan air di mana satu *dam* boleh dibuat di situ. Boleh buat satu rancangan juga, *planning* awal untuk disediakan dan juga di situ kita boleh kurangkan banjir di kawasan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Tuan Pengerusi, soal bekalan air di Kedah kita akui bahawa pihak kementerian sebenarnya memberi perhatian yang serius soal untuk menyelesaikan migrasi air Kedah dan kita jangka pada bulan September ini kita akan selesaikan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa hingga setakat ini kita telah— masih menunggu beberapa item yang untuk diserahkan kepada Kerajaan Pusat sebagai cagaran kepada pelupusan hutang-hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Di samping itu, untuk makluman kita juga menyedari tentang keperluan yang terdesak bekalan air ke Langkawi yang masih lagi dalam keadaan yang kritikal kerana kebocoran paip saluran di bawah laut yang menyebabkan kerugian hampir 20 MLD sehari dan untuk itu Kerajaan Pusat memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi mengatasi segera masalah bekalan air ke Langkawi.

Untuk makluman juga bahawa kita memberi perhatian serius soal NRW yang agak tinggi di Kedah. Proses penukaran meter ini sebenarnya untuk mengenal pasti ialah zon mana yang menyebabkan berlakunya NRW yang tinggi. Sehubungan dengan itu, peruntukan yang besar

diperuntukkan bagi menyelesaikan masalah bekalan air dalam konteks negeri Kedah dan Langkawi, beberapa program Takungan Air Pinggiran Sungai atau ringkasnya TAPS atau ORS. Satu masa dahulu kita guna istilah tersebut akan kita bina di negeri Kedah bagi menyelesaikan bekalan air pada waktu kemarau.

Untuk soalan Yang Berhormat Padang Rengas ialah kita dalam meneliti secara menyeluruh sebenarnya beberapa isu besar yang berlaku dalam negara kita sebab *constraint* yang kita ada waktu kita banjir, kita punya lebih air. Akan tetapi waktu kemarau, kita berdepan dengan masalah air. Jadi kementerian melihat perlunya ada suatu kajian menyeluruh untuk memanfaatkan semua air waktu banjir untuk kita takung supaya kita dapat memanfaatkan waktu kemarau dan beberapa siri projek Takungan Air Pinggiran Sungai akan kita laksanakan.

Secara bersepadu saya melihat bahawa ada satu keperluan untuk membuat satu kajian yang menyeluruh terhadap bekalan air yang *cross* negeri. Ada sesetengah negeri yang mempunyai bekalan air yang banyak tetapi jirannya tidak ada bekalan air. Jadi kita juga dalam kajian untuk mewujudkan suatu lebuhraya air ataupun *highway* air supaya kita boleh meletakkan suatu jangka panjang. Negara kita tidak lagi berdepan dengan masalah krisis bekalan air pada masa depan.

Untuk pertanyaan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, projek yang ditanya berhubung dengan Empangan Jerneh. Untuk makluman, status terkini Empangan Jerneh dan saya telah turun ke kawasan tersebut, saya melihat bahawa, pertama, kementerian membuat keputusan supaya Melaka tidak hanya tertumpu kepada Empangan Durian Tunggal sebagai penyelesaian kepada masalah dan perlu membanyakkan takungan air supaya bila berlaku suatu krisis tidak menyebabkan negeri Melaka berdepan dengan masalah yang serius. Untuk itu, satu projek dalam RP4-2020 yang kita telah umumkan sebanyak RM200 juta dan untuk makluman projek ini telah pun diluluskan tahun 2017 dan kementerian telah pun *commit* untuk meneruskan projek tersebut.

Untuk makluman juga, satu perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sembilan untuk kita mengadakan satu projek bersama iaitu membekalkan air dari Negeri Sembilan untuk dimanfaatkan juga kepada negeri Melaka. Ini di antara beberapa projek yang disusun di peringkat kementerian supaya negeri-negeri berjiran dapat memanfaatkan berkongsi sumber air dengan negeri yang kekurangan sumber air.

Saya hendak kembali kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Kuantan membangkitkan berhubung dengan sisa berjadual daripada Lynas untuk mendapat maklumat apakah kerajaan telah meluluskan. Untuk jawapannya hingga setakat ini kita belum meluluskan tapak tersebut. Ia masih lagi di peringkat kajian. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan juga bahawa Bukit Ketam ialah sisa yang dicadangkan bagi WLP dan bukannya NUF. JAS belum menerima permohonan bagi pelupusan WLP di Bukit Ketam. Pihak kementerian meneliti tapak-tapak yang dicadangkan supaya ia tidak mendatangkan kesan kepada alam sekitar seluruhnya.

Berhubung dengan Kuala Kuantan yang dicadangkan bahawa— untuk makluman ya, Kuala Kuantan yang dibangkitkan tentang keadaan muara Sungai Kuala Kuantan yang sering kali menyusahkan ataupun menyebabkan nelayan sukar untuk keluar masuk. Sehingga setakat ini, satu kajian yang dibuat bagi meneliti keseluruhan sungai yang berdepan dengan masalah yang sangat serius. Untuk makluman, kita punya satu kajian yang telah lama dan perlu satu kajian yang baharu untuk kita buat. Walau bagaimanapun, kementerian bersedia untuk meneruskan peruntukan segera bagi menyelesaikan masalah yang kritikal.

Jadi untuk makluman ada beberapa kuala sungai yang telah pun kita luluskan dengan peruntukan segera supaya ia dapat diselesaikan buat sementara waktu sebelum suatu kajian menyeluruh diadakan. Sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu belum jawab lagi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Berkenaan dengan muara Sungai Kuantan. JPS sudah turun untuk meneliti buat kajian berkenaan dengan sungai tersebut. So, harap bantuan daripada Yang Berhormat Menteri untuk luluskan, masukkan juga dalam yang lulus segera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, isu-isu yang dibangkitkan oleh Tebrau belum dijawab.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Ya, banyak sangat ini soalnya. Masanya terbatas.

Tuan Pengerusi: Boleh dijawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu pun belum jawab, Tuan Pengerusi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Yang Berhormat Setiu membangkitkan beberapa isu tebatan banjir di Kampung Guntong Dalam dan sebagainya. Untuk makluman, Kampung Guntong Dalam ini termasuk dalam kajian kita bagi menyelesaikan masalah banjir yang sedang berlaku di negeri Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa peruntukan telah pun diluluskan bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Hulu Terengganu khususnya melibatkan kawasan Besut, Setiu dan kawasan-kawasan berhampiran. Jadi sehubungan dengan itu, kita jangka bahawa projek ini akan ditender dalam masa terdekat bagi menyelesaikan masalah banjir berterusan dalam beberapa kampung sebab projek ini projek yang bukan peruntukan yang besar kerana ia melibatkan hanya beberapa anak sungai yang perlu di dalam dan diselenggara dengan baik.

Soalan seterusnya daripada...

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tebrau ada?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai, Jerai.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Daripada Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jawapan bertulis?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Ya, saya ingat saya perlu jawapan bertulis. Cuma saya hendak akhirnya saya hendak maklum sedikit tentang persoalan yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat Tebrau. Pencemaran sisa toksik. Untuk makluman, kita akui bahawa pihak kementerian sekarang ini sedang pun meneliti dan untuk meningkatkan hukuman ataupun denda kepada mereka yang melakukan pencemaran sungai.

Untuk makluman, denda ataupun kompaun yang ada setakat ini sangat rendah yang menyebabkan kilang-kilang kadang-kadang tidak kisah dengan denda tersebut. Sehubungan dengan itu, kementerian telah pun meneliti dan mengambil tindakan yang lebih tegas yang mana tindakan menghentikan operasi kilang dilaksanakan bila berlaku pencemaran.

Saya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Alam Sekitar yang menerima laporan daripada orang ramai berhubung dengan pencemaran bahan-bahan toksik yang dilepaskan ke sungai. Untuk itu, kita telah pun meluluskan tiga projek yang pertama sekali ialah membina *river trail* sebanyak 10,000 kilometer di kawasan-kawasan strategik bagi mengawal pencemaran sungai-sungai tersebut.

■2000

Kedua, kita telah pun memperuntukkan suatu peruntukan kepada agensi, khususnya NGO dan masyarakat setempat komuniti tempatan untuk mereka menjaga sungai-sungai supaya mereka bertanggungjawab terhadap sungai-sungai dalam kawasan komuniti masing-masing. Ketiga, kita meneliti beberapa langkah-langkah segera yang perlu kita buat supaya tindakan lebih tegas dapat kita laksanakan dan penggunaan teknologi dron dan sebagainya dapat kita perkasakan. Tuan pengerusi, saya fikir sebahagian lagi di antara soalan yang dibangkitkan ini saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM305,993,400 untuk Kepala B.33 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.33 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.33 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.43 [Jadual] -

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020] –

Tuan Pengerusi: Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, siapa lagi? Silakan Yang Berhormat Tanjong Karang.

8.02 mlm.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 020500 – Landskap Negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang akhirnya telah berjaya meletakkan semula Jabatan Landskap Negara daripada Kementerian Wilayah Persekutuan kembali kepada KPKT. Saya sebagai bekas Menteri dahulu saya juga amat terkejut kerana tiba-tiba bila tukar kerajaan, Jabatan Landskap Negara berpindah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Setelah saya siasat, rupanya pada masa itu saya dimaklumkan bahawa apabila Pakatan Harapan memerintah, Menteri Wilayah Persekutuan pada masa itu daripada Parti Amanah daripada Shah Alam katanya dia *fight*, dia minta juga Jabatan Landskap Negara ini letak di Kementerian Wilayah Persekutuan dan akhirnya Menteri yang sama juga masa itu mungkin mengalahlah barangkali. Tidak apalah ambil Kementerian Wilayah ini, ambillah Jabatan Landskap Negara ini letak di Kementerian Wilayah. Akan tetapi *alhamdulillah*, apabila tukar Kerajaan Perikatan Nasional hari ini, yang Menteri Wilayahnya datang daripada UMNO, Menteri Wilayah Persekutuan datang daripada UMNO daripada Ketereh dan kita lihat Jabatan Landskap Negara ini diberi semula kepada KPKT.

Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan adalah *moral of the story* ini kita boleh lihat bagaimana sikap pemimpin UMNO dengan pemimpin AMANAH. Waktu AMANAH, dia hendak juga kuasa, dia hendak juga punya banyak jabatan di bawah kementerian dia. Bila tukar kepada UMNO, inilah sifat pemimpin UMNO. Kita ini pemimpin UMNO, pemimpin yang selalu bertolak ansur yang tidak tamak kuasa, yang kita mementingkan kepentingan negara daripada kepentingan biasa. Ini kelebihan pemimpin UMNO yang kita lihat hari ini.

Tuan Karupaiya a/I Mutusami [Padang Serai]: Isu apa isu?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dengan keadaan kita boleh mengalah kerana kita pentingkan negara dan hari ini kita telah lihat dengan sikap Menteri daripada UMNO ini, akhirnya Kementerian KPKT dapat balik Jabatan Landskap Negara. Okey, sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang tadi dan sambil-sambil saya tengok gambarnya yang terpapar di skrinnya yang besar itu, nampak nama kawasan dan dalam beraket ini dia tulis BN. Jadi BN ini maksud saya, maksudnya agaknya Barisan Nasionallah. Jadi, Yang Berhormat Tanjong Karang tadi banyak kali menyebut Kerajaan Perikatan Nasional Tuan Pengerusi. Jadi sebenarnya Kerajaan Perikatan Nasional ini sebenarnya wujud atau tidak wujud ini? Terima kasih.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia kerajaan ini wujud. Macam dulu juga PH. Sebelum bertanding, PH tidak ada pakai apa nama PH. Pakai lambang mata lebam. Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Jerlun pun bertanding atas lambang mata lebam. Lepas itu barulah daftar dan PN ini...

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Di sini kebanyakannya PH Yang Berhormat, selepas itu kami pula yang BEBAS. Akan tetapi sekurang-kurangnya adalah terpapar dalam skrin iaitu, nama PH .

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa. Kita tahu, saya kata macam PH lah dahulu. Masa belum berdaftar, masing-masing gunakan parti masing-masing. Kita belum daftar lagi, dah daftar esok kita pakai PN lah. Sekarang ini, BERSATU pun dah masuk MN, tidak tahulah PN kah MN, kita tunggulah nanti apa yang kita hendak daftarkan. Akan tetapi, PN ini termasuk GPS. Jadi, isu ini kecil sahaja sebenarnya.

Walau bagaimanapun, terima kasihlah di atas keprihatinan kepada Yang Berhormat Jerlun. Dia sama juga macam Yang Berhormat Jerlun dulu. Bila Kerajaan Pusat dah isytiharkan pada masa itu PN lagi masa itu, tiba-tiba dekat negeri Kedah, masih wujud Kerajaan PH. Itu yang pelik itu. Jadi akhirnya, terkeluar juga daripada Kerajaan PN. Jadi itu hendak cerita politik, masa dah tak ada, sikit sahaja. Jadi saya daripada hasil pemindahan landskap ini Tuan Pengerusi...

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Ini butiran landskap politik negara. *[Ketawa]*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini juga landskap politik negara kita berubah. Ini selalu berubah ini Tuan Pengerusi, landskap politik kita berubah. Jadi, akhirnya saya hendak cakap dua perkara sahaja. Oleh kerana kita sudah jadi kerajaan hari ini, Perikatan Nasional, saya hendak mintalah bahawa Yang Berhormat Menteri tolong janji dengan saya dalam Parlimen ini, saya Ahli Parlimen Tanjong Karang dulu bekas Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, satu peruntukan sebanyak RM16 juta telah pun diluluskan dalam *open tender*. Itu memang telus tender tersebut sudah diluluskan, sudah lantik kontraktor, saya sebagai Ahli Parlimen juga telah melancarkan dataran tersebut. Akan tetapi apabila PH memerintah bahawa peruntukan tersebut telah dibatalkan.

Sekarang ini kita kembali kepada kerajaan, saya merayulah tolong kembalikan balik peruntukan RM16 juta supaya saya di Tanjong Karang dapat membuktikan bahawa kami bersama dengan kerajaan, yang dapat faedah juga orang Tanjong Karang, juga dapat faedah. Itu yang pertama.

Kedua, iaitu di sana di peringkat tempatan dan juga di peringkat negara. Saya juga hendak minta supaya KPKT melihat semula Taman Awam Skala Besar ataupun dikenali sebagai Taman Persekutuan ada 400 ekar. Ini di bawah Jabatan Landskap Negara. Jadi telah gazet 200 ekar. Ini juga mestilah dirancang dengan baik supaya kita dapat mewujudkan Taman Awam Berskala Besar ataupun Taman Persekutuan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ada lagi? Silakan.

8.08 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih. Saya ingin merujuk Butiran 01901 di bawah Maksud P.43 untuk mendapat perhatian pada Yang Berhormat Menteri yang ada di sini, Menteri KPKT iaitu satu perkara sahaja. Menteri Besar Johor dalam Kerajaan

PH yang lalu di Johor pernah mengumumkan bahawa Majlis Perbandaran Pasir Gudang akan dinaiktarafkan kepada bandar raya.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri KPKT, adakah kerajaan sekarang akan meneruskan cadangan untuk menaik taraf MPPG, Pasir Gudang itu menjadi Majlis Bandar Raya Pasir Gudang? Kalau ada, bila agaknya sasaran itu atau ada apa-apa masalah berbangkit tentang perkara ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Kalau tidak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

■2010

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah.* Terima kasih kepada tiga Ahli Parlimen yang mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Jerlun dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Jadi, saya ingat ada isu yang dibangkitkan banyak berkaitan landskap politik. Jadi, yang itu boleh dijawab di luar nanti. *Insyaa-Allah.*

Okey, saya hendak juga memberi sedikit penerangan iaitu Jabatan Landskap dan PLANMalaysia ini dialihkan semula kepada KPKT semasa Kerajaan Perikatan Nasional ini memandangkan bahawa PLANMalaysia adalah jabatan yang bertanggungjawab dalam pemajuan tanah, penggunaan tanah, perancangan bandar dan desa serta menjadi agensi teknikal untuk memberi nasihat kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Jadi, oleh sebab itu, amat sesuai ia diletakkan di bawah KPKT yang mengendalikan kerajaan tempatan. So, ia berkaitan dengan Akta 172 di bawah PLANMalaysia, Akta 171 di bawah Kerajaan Tempatan dan Akta 133 di bawah Kerajaan Tempatan. Ia ada hubung kait. Jadi, ini memudahkan penyelarasan kerja daripada peringkat pusat, negeri dan juga kerajaan tempatan.

Jadi, untuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang yang bertanya tentang projek RM16 juta di Dataran Tanjong Karang dan juga Taman Awam Persekutuan. Saya akan teliti dan lihat balik sama ada dalam senarai projek-projek yang telah dirancang ini adalah termasuk atau tidak— nampaknya tidak ada dalam senarai ini. Jadi, mungkin saya baru terima portfolio ini dan insyaa-Allah saya akan teliti dan lihat bagaimana kita boleh laksanakannya mungkin untuk bajet tahun hadapan 2021 ya.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]* Sedikit penjelasan boleh?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya harap— Tuan Pengerusi *sorry.* Saya harap Yang Berhormat Menteri jalanlah tengok projek yang diluluskan. Yang Berhormat Menteri kena tengok projek yang telah lulus tetapi dibatalkan apabila bertukar kerajaan. Itu yang patut dilihat supaya apa yang kita janji dengan rakyat, kita dapat tunaikan setelah kita sama-sama dalam kerajaan. Dahulu alasannya sebab Jabatan Landskap Negara berpindah ke kementerian. Hari ini sudah masuk balik KPKT. Projek di Tanjong Karang ini adalah projek di bawah Jabatan Landskap Negara. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya, saya sebut saya akan teliti dahulu. Sudah tangan ketiga sudah. *Third hand* sudah. *First hand, second hand* dan *third hand now*. So, jadi *insya-Allah* saya akan menelitinya ya.

Untuk Yang Berhormat Pasir Gudang. Tadi Yang Berhormat Pasir Gudang— untuk pengetahuan Yang Berhormat Pasir Gudang memang telah— Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah memohon kepada KPKT untuk menaik taraf. Akan tetapi, ketika itu tidak lagi menepati daripada segi hasil pungutan dan juga penduduk. Jadi, sekarang baru saya terima laporan dua minggu lepas bahawa Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah mencapai kutipan hasil sebanyak RM100 juta dan telah mencapai penduduk seramai 500,000 orang. Itu kriteria. Jadi, *insya-Allah* proses untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Pasir Gudang akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM70,366,000 untuk Kepala B.43 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.43, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.43 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.43 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Maksud B.64 [Jadual] -

Maksud P.64 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020]

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B.64 dan Maksud Pembangunan P.64 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *[Bangun]* Pasir Mas.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *[Bangun]* Kuala Krai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai, dan..

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:
[Bangun] Hang Tuah Jaya.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Tuan Pengerusi: . sebelah Yang Berhormat Pasir Mas itu.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *[Bangun]* Dungun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dungun.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Sebelah Yang Berhormat Dungun?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas dulu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: [*Bangun*] Setiu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai dahulu, Kuala Krai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai dahulu.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Bukan Yang Berhormat Pasir Mas dahulu?

Tuan Pengerusi: Saya rasa Yang Berhormat Pasir Mas dahulu. Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tadi sebut Yang Berhormat Kuala Krai tadi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Permatang Pauh...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu Tuan Pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu, Jelebu. *Mic* ini tak menyala Tuan Pengerusi. Saya nak *cop* tak dapat.

Tuan Pengerusi: Ya sekejap Yang Berhormat Pasir Mas dahulu

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Jelebu. Yang Berhormat Jelebu boleh Tuan Pengerusi ?

Tuan Pengerusi: Kita tunggu tengok masa macam mana.

8.15 mlm.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma nak bertanya beberapa soalan sahaja iaitu— pertama saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi di atas langkah cukup baik...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: [*Menyampuk*] Pendek sikit.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: ...membawa pulang pelajar-pelajar universiti yang terkandas semasa PKP lepas. Cuma beberapa soalan sahaja saya nak bertanya dalam ruang ringkas ini iaitu isu pertama adalah isu MyBrain. Saya tengok MyBrain telah pun dibekukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu dan saya lihat sudah ada iklan daripada KPT berkenaan dengan MyBrain. Adakah MyBrain sudah pun diwujudkan secara rasmi dan bagaimanakah peruntukan terhadap program MyBrain ini? Adakah ia akan dimasukkan secara rasmi pada tahun-tahun yang akan datang? Itu pertama. Kedua, berkenaan dengan isu *cross-skilling*. Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan sempena Hari Belia dua hari lepas menyebut bahawa kerajaan memberikan tumpuan ke *cross-skilling* dengan meningkatkan kemahiran kepada belia dan mahasiswa. Jadi, setakat manakah KPT melihat pengajian ataupun mahasiswa ini perlu diberikan penekanan terhadap *cross-skilling* supaya mereka dapat keluar dan mendapat kerjaya yang baik.

Yang berikutnya ialah isu yuran IPT yang apabila pelajar-pelajar tidak belajar, dan apabila pelajar-hanya mengikuti pembelajaran secara *online*— asrama dan sebagainya mereka tidak diberikan *accommodation* oleh universiti kerana PKP. Adakah yuran di IPT ini akan diturunkan ataupun setakat manakah langkah-langkah KPT?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Saya minta...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Minta Yang Berhormat Kuala Krai, boleh?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas kerana memberi ruang kepada saya. Saya nak tanya beberapa persoalan juga kepada Yang Berhormat Menteri iaitu, dalam B.64 Butiran 020100 — Universiti Malaya (UM) dan juga Butiran 01500 — Universiti Kebangsaan Malaysia. Kenapa terdapat perbezaan di antara gaji pensyarah di *research university* (RU) dengan bukan RU? Sedangkan saya difahamkan penilaian kenaikan pangkat sangat ketat di RU dan bebanan tugas kerja pensyarah di *research university* lebih berat dan mungkin saya perlu sebut di sini, antara *research university* (RU) ini adalah UM, UKM, UPM, USM dan UTM.

Kemudian yang kedua ialah, mungkin rujukan kepada B.64 Butiran 050600 — Basiswa Pendidikan Tinggi. Tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi berkaitan dengan yuran semester, khususnya dalam suasana COVID-19 ini yang pelajarnya kebanyakan belajar secara *online*. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk mengkaji semua yuran yang telah dikenakan kepada pelajar ini?

Ini termasuk juga isu berkaitan dengan PTPTN. Adakah kerajaan bercadang mengkaji semula pembayaran PTPTN? PTPTN menjadi satu badan yang mampu memberikan pendidikan percuma kepada kumpulan mahasiswa yang memerlukan. Saya difahamkan pelajar yang cemerlang akan mendapat biasiswa. Apakah kerajaan berhasrat untuk memasukan juga pelajar-pelajar B40 untuk mendapat PTPTN secara percuma ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: [Bangun].

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: ...Jerai.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya mohon supaya masukan ucapan Yang Berhormat Kuala Krai dalam ucapan saya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Pasir Mas, minta laluan sedikit Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sehubungan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang

pembatalan kolej komuniti termasuk di Dungun. Apakah status sekarang ini kolej komuniti yang telah dibatalkan? Sekian.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kuala Krai, boleh saya minta sedikit. Tuan Pengerusi sedikit sahaja.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi: Saya sudahi...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kuala Krai bagilah saya sedikit.

Tuan Pengerusi: Nak bagi Yang Berhormat Jelebu kah? Ada seminit lagi, seminit lagi.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Saya bagi Yang Berhormat Jelebu sedikitlah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Ini lanjutan daripada Yang Berhormat Jerai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jerai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Ini saya hendak sentuh sedikit 0504000 Tuan Pengerusi iaitu Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPT ini. Kebanyakan kolej komuniti ini Tuan Pengerusi, pelajar-pelajarnya tidak cukup asrama, terutamanya bagi kolej komuniti yang di luar yang sewa bangunan bukan bangunan kerajaan. Saya nak tanya kepada pihak kementerian, pihak kementerian boleh tidak *collaborate* dengan mana-mana jabatan atau kementerian yang kuartersnya tidak digunakan. Kuarters guru, kuarters JKR ataupun mana-mana kuarters kerajaan yang di-*upgrade* oleh KPT dan dijadikan sebagai asrama bagi pelajar-pelajar kolej komuniti, universiti dan sebagainya.

■2020

Ini boleh mengurangkan masalah penempatan pelajar dan kita boleh kawal pelajar di dalam sesuatu kawasan berbanding dengan pelajar universiti atau IPT ini yang menyewa di luar tetapi kita tidak boleh kawal dalam soal sosial dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bagi laluan kepada Jelebu yang mikrofon sini tidak menyala daripada tadi Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *Floor* Pasir Mas.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Pasir Mas, Setiu minta...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi. Lima minit seramai empat orang pembahas. Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Pasir Mas. Setiu.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: [*Ketawa*]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang bagi Permatang Pauh. Saya ada beberapa isu di bawah Butiran Maksud B.64 Butiran 030000 – Hospital Pengajar ataupun *Teaching Hospitals*. Tuan Pengerusi, universiti tenaga pengajar ini secara definisinya merupakan semua institusi ada lima di Malaysia yang memberi khidmat pendidikan latihan klinikal untuk doktor, jururawat dan pegawai kesihatan lainnya untuk memberikan khidmat juga kepada— khidmat perubatan kepada pesakit termasuklah menjalankan kajian perubatan.

Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan kalau kita lihat semua dana yang dibelanjakan dan dirancang merekodkan penurunan untuk PPUM contohnya, Pusat Perubatan Universiti Malaya turun daripada RM410 juta kepada RM192 juta. Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia juga sama daripada RM325 juta kepada hanya RM150.5 juta dan Hospital Universiti Sains Malaysia. Mungkin ada perancangan lanjut saya hendak menanyakan memandangkan kebanyakan semua institusi ini bukan sahaja tujuan utama untuk melatih tenaga kepada bidang perubatan tetapi juga memberi khidmat dari segi rawatan kepada golongan B40, *mostly*.

Saya tidak jelas sama ada hala tuju meliputi juga keperluan untuk menswastakan beberapa khidmatnya. Sebelumnya di bawah mantan Yang Berhormat Menteri, saya rasa dua mantan Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri yang terkini. Banyak tekanan yang diberi kepada semua institusi dan universiti untuk menswastakan beberapa khidmat mereka *to of course gain their owns sources of funding*, dengan izin. Maka, saya hendak rujuk kepada laporan *false promises* oleh OxFam 2019, risiko bila bidang pendidikan termasuklah *teaching hospital* diswastakan ia akan menjadi sukar untuk menjamin kualiti dan kesaksamaan bidang pendidikan.

Lebih-lebih lagi, di Malaysia kita sangat bangga, kita sangat menghargai sektor kesihatan kita dalam menangani COVID-19, ini jelas. Ini kerana pelaburan asal dan awal oleh kerajaan. Maka, bagi saya antara tonggak kekuatan adalah *our teaching hospitals* dan saya mahu penjelasan mungkin dalam segi jangka masa panjangnya. *What is being planned for them?* Saya tidak mahu di kala kita dapat banyak lagi jumlah pesakit yang naik mendadak, caj bagi kesemua hospital khususnya PPUM akan dinaikkan kerana pihak hospital tidak mampu hendak menanggung bebanan yang bertambah.

Kalau dilihat di HUSM mereka, Yang Berhormat Menteri juga membantu menghasilkan COVID-TT atau COVID-19 *Transport-Tool* bagi melakukan pemindahan pesakit dalam kategori *patient under investigation* dan pesakit yang mempunyai gejala *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) yang menjalani pembedahan di dewan bedah trauma. Jadi, inovasi ini sangat penting dan sudah tentu mereka mahu mesej yang jelas daripada kerajaan, *when they are excellence* bila kecemerlangan itu juga diberikan dokongan kewangan.

PPUM sudah tentu ada dari segi banyak ujian-ujian sebelumnya *Remdesivir, hydroxychloroquine* semua menggunakan kepakaran dan dijalankan di PPUM. Saya berharap bila kementerian memutuskan untuk menambah peruntukan di masa depan harapnya ia akan membantu kesemua kajian lanjut yang akan dibangunkan.

Saya akan akhiri, Tuan Pengerusi dengan kajian tentang herba ulam raja yang sedang berlangsung di Saint George Hospital University dan ada kolaborasi dengan PPUM untuk menghasilkan atau mengguna semula *repurpose, drug repurposing* ubat anti malaria sebelumnya *artesanate* yang murah, ulam raja yang berpotensi untuk merawat beberapa jenis kanser termasuklah *cervical cancer, nasopharyngeal cancer, leukemia* dan juga *colorectal*. Saya hendak ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri memberikan ruang untuk mendengar dan saya harap geran, segala permohonan dan dana yang kita sumbangkan untuk perkembangan kesemua hospital tenaga pengajar ini kita teruskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dungun.

8.25 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk berbahas di peringkat jawatankuasa yang melibatkan Peruntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan 2020 bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Melibatkan perbelanjaan mengurus Butiran 021300 – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Perbelanjaan Pembangunan Butiran 05002 – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Isu berkaitan graduan undang-undang USIM yang masih belum diiktiraf. Tuan Pengerusi, saya mendapat makluman bahawa punca utama keengganan Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang Malaysia (LKPU) memberi pengiktirafan dan dikatakan kerana terdapat banyak kelemahan dalam penyampaian program ijazah tersebut.

Justeru menjadikan graduan ijazah sarjana undang-undang dan syariah, USIM dilihat tidak mencapai tahap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki profesion undang-undang. Saya kira isu ini berkait bukan sahaja dengan kebolehan graduan untuk beramal sebagai peguam. Sebaliknya turut melibatkan kemampuan universiti dan kemampuan kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini. Lebih dari 500 graduan setakat ini dalam bidang kepakaran yang melibatkan undang-undang sivil dan syariah yang negara Malaysia telah bazirkan.

Oleh itu, bagi menyelesaikan isu ini saya berpendapat bahawa Kementerian Pengajian Tinggi perlu membantu USIM memenuhi semua keperluan yang disyaratkan oleh LKPU untuk diiktiraf. Jika masalahnya pada pensyarah, berikan bantuan kewangan agar mereka dapat menggaji bilangan pensyarah berkepakaran yang mencukupi daripada pemain industri. Jika isunya pada silibus, pinjamkan penjawat awam yang mempunyai pengalaman yang dapat memurnikan silibus undang-undang sivil dan syariah.

Dalam erti kata lain, apa sahaja yang USIM perlukan untuk diiktiraf kerajaan perlu bantu sediakan. Soalan saya, adakah peruntukan yang diberikan kepada USIM mencukupi bagi menyelesaikan isu ini?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh Yang Berhormat Dungun?

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Sila, Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih, Yang Berhormat Dungun, terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika saya cadangkan

supaya KPT dengan kerjasama IPTA dan juga IPTS perlu mengkaji semula relevansi jurusan yang ditawarkan dengan mengambil kira faktor kemahiran insaniah, latihan industri dan kebolehgajian graduan.

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang sangat signifikan dalam pasaran pekerjaan persediaan mahasiswa dalam mendepani cabaran Industri Revolusi 4.0 perlu menjadi objektif utama KPT supaya bakal graduan yang akan dilahirkan dapat memenuhi kehendak pasaran semasa.

Selain itu KPT juga mengambil kira pandangan graduan yang telah bekerja atau tidak mampu menempatkan diri dalam bidang jurusan mereka supaya suatu kerangka dalaman direka untuk mengatasi masalah kebolehpasaran graduan.

Skim Latihan 1Malaysia atau kini dikenali dengan PROTEGE perlu diperkasakan dan diperkenalkan dalam universiti supaya lebih ramai graduan mendapat pendedahan, pengalaman alam kerjaya dan kemahiran yang mereka boleh asah sebelum bergraduasi supaya mampu menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan ataupun membantu graduan yang berminat untuk melaksanakan *business*.

Graduan yang terlibat dalam skim latihan PROTEGE perlulah diberi jaminan yang tinggi supaya mereka dapat menempatkan diri dalam industri yang diceburi. Manakala graduan yang berminat dengan bidang keusahawanan diberikan latihan yang berfokus serta geran perniagaan juga ditawarkan agar mereka tampil yakin dengan bidang yang diceburi. Adakah Yang Berhormat Dungun setuju, terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, oleh sebab ia juga berkait dengan isu graduan demi kebolehpasaran mereka maka saya mohon supaya dimasukkan dalam ucapan saya.

■2030

Saya pohon juga Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

8.30 mlm.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas Butiran 020000 iaitu berkaitan dengan Operasi Pendidikan Tinggi. Seperti mana yang tertera di Kertas Perintah 4 ini, telah pun diperuntukkan perbelanjaan untuk kesemua universiti di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi.

Saya ingin tanya khusus berkaitan dengan Program Universiti Penyelidik. Kita semua sedia maklum bahawa Program Universiti Penyelidik ini membabitkan lima buah universiti, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Kita lihat dari segi peruntukan yang diberi kepada universiti ini memang tidak sama, berbeza-beza. Saya ingin tanya kepada kementerian, apakah

di sana terdapat perancangan untuk kita menambah universiti-universiti yang boleh kita letakkan di bawah Program Universiti Penyelidik ini.

Kita lihat baru-baru ini pencapaian universiti-universiti di bawah Program Universiti Penyelidik amat memberangsangkan. Misalnya Universiti Malaya, rankingnya daripada 70 turun jauh lebih baik ke tangga yang ke-54. Saya percaya dengan program yang lebih khusus dan perancangan yang lebih teliti. Kita boleh melahirkan graduan yang cakna tentang penyelidikan yang boleh memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.

Kita tahu sekarang ini kita berhadapan dengan realiti yang pelbagai, cabaran juga pelbagai. Misalnya kita terpaksa memberikan tumpuan kepada *big data*, kecerdasan (*intelligent*) ataupun kecerdasan buatan (*artificial intelligent*) dengan izin. Ini semua menuntut kita untuk memberikan tumpuan supaya lebih lagi universiti boleh kita masukkan di dalam Program Universiti Penyelidik ini. Misalnya saya lihat di kawasan saya, Universiti Teknikal Melaka (UTeM). Ia memberikan tumpuan tentang aspek teknikal, soal pembangunan pendidikan. Jadi saya percaya ini merupakan satu perkara yang harus diberikan keutamaan. Silakan Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, sejauh mana Universiti Penyelidikan ini dan penyelidikan-penyelidikan yang ada di universiti itu telah dipatenkan kerana mempatenkan hasil daripada penyelidikan itu amat penting untuk menjadi hak milik sesebuah universiti ataupun hak milik negara.

Kedua, saya ingin bertanya sejauh mana Pusat Penyelidikan Universiti Malaya yang hendak dibangunkan di Gemas itu telah dilaksanakan dan sejauh mana perkembangannya? Bila ianya disiapkan? Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Saya minta *point* Yang Berhormat Tampin bangkitkan terutamanya tentang pusat penyelidikan di Gemas itu dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi yang lebih penting yang disebut oleh Yang Berhormat Tampin tadi ialah berapa banyak yang telah dipatenkan?

Saya ingat ini perkara yang penting kerana kita tidak mahu penyelidikan yang dibuat itu lebih bersifat syok sendiri. Belanja besar tetapi ianya tidak ada sumbangan kepada negara. Jadi saya ingin tahu daripada peringkat kementerian, berapa banyak kajian-kajian ataupun kertas-kertas kajian yang telah dihasilkan, yang telah diterbitkan yang mana ianya diambil secara serius oleh pemain-pemain industri untuk dikembangkan lagi aspek penyelidikan yang telah dibuat di peringkat universiti?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin bangkitkan sedikit tentang Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi kerana kita tahu ada sedikit belanja diperuntukkan. Saya percaya Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi ini satu wahana atau satu platform untuk melahirkan pemimpin-pemimpin, mahasiswa yang berkualiti yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Kita yakin peruntukan yang lebih sewajarnya diberikan kepada akademi ini. Tentulah di sini saya juga ingin bertanya tentang apakah silibus kepimpinan yang telah pun disediakan oleh peringkat kementerian kerana kita tahu ia tidak boleh sebarang silibus. Kita mahu melahirkan pimpinan universiti, pimpinan muda yang prihatin tentang perkembangan negara sama ada politik, sosial, ekonomi dan ia menjadi pemimpin pelajar yang bukan sekadar memberikan tumpuan kepada kecemerlangan akademik tetapi juga dari segi kecemerlangan kepimpinan.

Jadi, ini dua perkara yang ingin saya bangkitkan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Pengerusi: Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Satu minit, Setiu.

Tuan Pengerusi: Silakan.

8.35 mlm.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Pengerusi, saya hanya menyebut Butiran 04800 iaitu Kolej Komuniti. Dalam jawapan Menteri berkait dengan ucapan saya semasa sesi perbahasan Titah Diraja, ada disebut bahawa Setiu telah dibangunkan sebuah kolej komuniti yang beroperasi pada 3 Mac 2018 dengan kapasiti pelajar sebanyak 90 orang yang menawarkan Program Sijil Teknologi Elektrik kepada lepasan pelajar SPM.

Jadi saya mencadangkan supaya kalau kita lihat dari segi kapasiti pelajar yang agak kecil 90 orang dengan menawarkan satu program sahaja, ini disebabkan kerana bangunan yang digunakan itu ialah menyewa bangunan sementara. Sebagaimana saya sebut sebelum ini bahawa perlu dibina bangunan kekal untuk kolej komuniti ini yang secara sekali gus boleh menawarkan kursus yang lebih banyak dan boleh menarik minat lebih ramai penuntut untuk menyambung pelajaran di sini.

Jadi *insya-Allah*, daerah Setiu merupakan daerah yang masih mempunyai banyak tanah kerajaan dan kita bersedia untuk menyediakan tapak yang sesuai untuk pembinaan bangunan kolej yang kekal ini. Sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.36 mlm.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi P.64 dan B.64 bagi KPT.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, KPT adalah kementerian baharu yang telah menerima penguntukan semula peruntukan perbelanjaan sejumlah RM7.5 bilion. Penguntukan semula ini meliputi RM5.9 bilion ataupun 78.6 peratus untuk belanja mengurus. Selebihnya iaitu RM1.6 bilion ataupun 21.4 peratus merupakan perbelanjaan bagi belanja pembangunan.

Penguntukan ini adalah sejumlah kewangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang belum digunakan dan dipindahkan ke Kementerian Pengajian Tinggi.

Daripada keseluruhan jumlah penguntukan semula, sebanyak 87.28 peratus daripada belanja mengurus adalah untuk operasi 20 buah universiti awam, enam buah hospital pengajar dan 140 buah politeknik dan kolej komuniti di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Pasir Mas mengenai MyBrain15. MyBrain15 ini sebenarnya Tuan Pengerusi telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11. Secara latar belakangnya, MyBrain15 ini telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar mengikuti program di peringkat pasca siswazah. Sehingga Jun 2020, seramai 30,427 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian.

Mengambil kira pencapaian program berkenaan, KPT sememangnya berhasrat untuk melaksanakan program baharu MyBrain yang memfokuskan kepada penajaan pelajar-pelajar di peringkat pasca siswazah sebagai kesinambungan daripada program MyBrain15 yang ditangguhkan sebelum ini. Jadinya KPT juga berhasrat menjadikan program berkenaan sebagai program jangka panjang yang akan dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12.

Cadangan pelaksanaan program baharu berkenaan telah pun kita kemukakan kepada pihak EPU untuk pertimbangan dan kelulusan. Sekiranya kita mendapat kelulusan oleh EPU dan *insya-Allah* akan mendapat kelulusan daripada EPU, pelaksanaan program baharu ini kelak dapat meningkatkan budaya intelektual akademik dalam kalangan rakyat di samping sebagai intervensi kementerian bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan graduan.

■2040

Seterusnya, Yang Berhormat Permatang Pauh ...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Jelebu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ya saya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta respons yang tadi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Belum. Belum lagi Yang Berhormat Jelebu, baru permulaan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Okey, okey, okey.

Tuan Pengerusi: Sabar Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Yang Berhormat daripada Permatang Pauh mengenai keperluan menswastakan khidmat daripada hospital pengajar. Penjelasan dalam jangka masa panjang, caj daripada hospital mungkin dinaikkan sebab tidak mampu bebanan terpilih. Buat masa ini, sebahagian besar daripada HPU sudah mempunyai *private wing* yang memberi perkhidmatan dan kadar bayaran seperti hospital swasta tetapi *charge* yang dikenakan adalah lebih rendah. Sumbangan daripada *private wing* inilah yang telah membantu HPU menyerap kos-kos yang jauh lebih murah seperti kadar di hospital kerajaan. Memang terdapat perkhidmatan

private wing yang ditawarkan oleh HPU iaitu contohnya di PPUM, di UKM, HUSM, IIUM dan HUiTM. Perkhidmatan ini dapat membantu daripada segi penjanaan perkhidmatan HPU bagi mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Dungun mengenai perbelanjaan mengurus USIM dan pembangunan pengiktirafan Sarjana Undang-undang tidak capai tahap kelayakan. Daripada segi isu-isu pengiktirafan program SmUS, KPT telah mengenal pasti beberapa perkara yang telah diketengahkan oleh *Legal Profession Qualifying Board* (LPQB), di mana program tersebut perlu ditambah baik agar mencapai piawaian yang telah ditetapkan. LPQB telah memohon kepada USIM untuk melaksanakan penambahbaikan tersebut dengan melaksanakan empat modul khas dalam tempoh enam bulan kepada pelajar yang terlibat. USIM menyambut baik saranan LPQB.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta penjelasan sedikit sahaja?

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Bergantung kepada jawapanlah, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih ke atas jawapan. Hanya saya fikir, walaupun ada sayap-sayap swasta tetapi hakikatnya secara konsisten, dari tahun ke tahun, peruntukan untuk hospital tenaga pengajar ini semakin berkurangan. Jadi permohonan saya memandangkan mereka telah melaksanakan tugas yang begitu baik adalah untuk kementerian menimbang dan menambah peruntukan bagi tahun-tahun mendatang. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Permatang 'Paya', eh Permatang Pauh [*Ketawa*]. Tidak apalah kan sesekali. Sudah petang dah ... [*Ketawa*].

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Menteri sudah mengantuk sudah. Yang Berhormat Menteri mengantuk atau tidak?

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Jadinya kita akan bawa kepada peringkat EPU dan MoF untuk kelulusan mengenai perkara tersebut.

Yang Berhormat daripada Setiu, Kolej Komuniti Setiu berkapasiti 90 orang. Soalan, menyewa, perlu dibina bangunan kekal untuk tawarkan banyak program. Kolej Komuniti Cawangan Setiu menggunakan bangunan sewaan buat masa ini dengan enrolmen yang ada berdasarkan keperluan adalah mencukupi. Penawaran program tambahan boleh dipertimbangkan mengikut kesesuaian komuniti setempat.

Yang Berhormat daripada Tampin bertanya mengenai bagaimana hasil universiti penyelidikan dipatenkan. KPT memang sangat komited dalam menyokong usaha dan semangat daya saing penyelidik di IPT. Hasil daripada itu, termasuk penemuan baharu, termasuklah penghasilan harta intelek. Hasrat ini disokong melalui Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip yang dibuka kepada mereka yang telah menamatkan penyelidikan terdahulu dan penyelidikan lanjutan diperlukan bagi pembangunan prototaip yang berpotensi untuk dikomersialkan. Ini seterusnya akan menyumbang kepada penghasilan IPT.

Yang Berhormat daripada Jerai bertanya mengenai pembatalan kolej komuniti di Dungun. Sebenarnya, kolej komuniti ini telah diluluskan tetapi telah dibatalkan oleh kerajaan

terdahulu. Jadinya kementerian sangat prihatin dan telah mengemukakan permohonan baharu kepada EPU melalui surat bertarikh 16 Julai agar ia dapat diberikan peruntukan untuk kelulusan semula.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sikit Yang Berhormat Menteri boleh?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Menteri sikit. Kimanis, Kimanis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ya Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya minta juga dimasukkan kolej komuniti Kimanis yang dibatalkan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ya termasuk juga. Ada lima kolej komuniti termasuk satu dari Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, *alhamdulillah*. Terima kasih banyak. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, selain daripada lima RU, usaha sedang dipergiatkan untuk melibatkan universiti awam yang lain yang dikenali sebagai *Rakan Research University*. Lima universiti awam yang lain yang sedang dikenal pasti bagi tujuan tersebut untuk berkolaborasi bersama dengan *research university* yang akhirnya nanti akan terdapat lima RU dan juga lima Rakan RU di Malaysia.

Daripada Yang Berhormat Pasir Mas, isu yuran IPT. Kementerian sangat prihatin. Kita terima maklum balas daripada ibu bapa pelajar dan pihak-pihak yang berkepentingan mengenai yuran universiti awam. Oleh yang demikian, telah diumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran perkhidmatan atau aktiviti universiti awam sehingga 15 peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan dan universiti awam itu sendiri. Jumlah tersebut mengambil kira peruntukan kerajaan sebanyak RM20 juta dan penggunaan sumber dalaman universiti awam sebanyak RM52 juta.

Yang Berhormat Hang Tuah Jaya bertanya mengenai program kecerdasan buatan ditambah di universiti. Penubuhan *4IR Competence Centre* telah dilaksanakan di dua universiti iaitu di UMK, *Institute for Artificial Intelligence and Big Data* dan UTM, *Centre for Artificial Intelligence and Robotics* bagi meningkatkan program kecerdasan buatan di universiti awam.

Yang Berhormat Kuala Krai pula bertanya mengenai pendidikan percuma. PTPTN bagi pelajar cemerlang, golongan B40 dan M40, pengecualian bayaran balik. Saya hendak maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini sehingga 31 Julai 2020, seramai 70,563 peminjam telah diberikan pengecualian bayaran balik berjumlah RM1.85 bilion.

Yang Berhormat Pasir Mas bertanya mengenai pengajian kepada pendidikan kepada belia. Program *upskilling* dan *reskilling* di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dijalankan di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). JPPKK

juga menawarkan program di bawah dana PENJANA yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Kuala Krai bertanya mengenai perbezaan antara universiti penyelidikan dan universiti bukan penyelidikan. Universiti penyelidikan yang memfokuskan kepada inovasi dan penyelidikan komersial produk memberi impak dalam mempertingkatkan ranking di peringkat antarabangsa dan impak kepada masyarakat dan komuniti. Sementara universiti bukan penyelidikan juga menjalankan penyelidikan, namun mempunyai tujahan tersendiri dan khusus dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dan tersedia untuk masa akan datang.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri. Soalan saya tadi ialah berkaitan dengan gaji yang sama antara RU dan bukan RU tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Mengenai gaji seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, saya perlu bagi jawapan secara bertulis supaya lebih *detail* akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat mengenai perkara tersebut. Hal yang lain-lain semua saya akan menjawab secara bertulis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Alamak.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ya, ya, sekejap [*Ketawa*].

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tadi Yang Berhormat berjanji dengan Jelebu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ada Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jangan batal di saat akhir Yang Berhormat. Saya sudah tunggu lama dah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: [*Ketawa*] Yang Berhormat Jelebu, KPT sedia berbincang dengan kementerian yang mempunyai kuarters yang tidak digunakan untuk dijadikan asrama pelajar kolej komuniti bergantung kepada jarak kuarters tersebut dari kolej-kolej komuniti berkenaan dengan adanya kemudahan pengangkutan yang akan disediakan. Itu sahaja jawapan, yang lain jawapan bertulis.

■2050

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh sebelum tamat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Ya. [*Ketawa*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Bercakap soal menjadikan universiti-universiti penyelidikan, saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri. Ini cerita benar iaitu untuk menjadikan sesebuah institusi pengajian tinggi atau universiti ini menjalankan program penyelidikan, pelajar-pelajar yang akan menyertai universiti itu

kebanyakan pelajar-pelajar yang sudah dewasa, ada *family*, ada anak. Dengan izin *most of them postgraduate student or even higher than that*.

Jadi kemudahan universiti itu perlu setara dengan keperluan pelajar-pelajar yang bertaraf begitu. Saya dapati banyak universiti yang belum bersedia untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu dari segi penginapan, dari kemudahan lain dan sebagainya supaya ia dapat tinggal di situ bersama dengan keluarga dan meneruskan pengajian dan penyelidikan di situ. Jadi saya beri maklumat ini untuk Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Memang itu di dalam perhatian pihak kementerian terutamanya mengenai penginapan-penginapan di universiti-universiti. *Insya-Allah* akan ada pertimbangan mengenai perkara berkenaan selepas sahaja perbincangan akan dibuat bersama dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan itu sahaja jawapan saya Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, *standing order*. [Disampuk] Peraturan Mesyuarat 36(5) dan 36(6). Tadi saya duduk di luar saya mendapat tahu, Yang Berhormat Jerlun ada sebut mengatakan bahawa saya ada menuturkan perkataan tertentu yang beliau anggap sebagai tidak...

Seorang Ahli: *Unparliamentary*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Unparliamentary or whatever you want to call it* ataupun tidak sepatutnya diungkapkan. Ini cuba menghina saya, memburukkan nama saya. Pihak luar sana mungkin akan *quote* apa yang dia cakap. Saya hendak tahu sebenarnya apa benda Yang Berhormat Jerlun tadi yang merujuk kepada apa yang saya cakap itu tidak *parliamentary*. Ini mesti diselesaikan kalau tidak nama baik saya...

Tuan Pengerusi: Saya pun tidak dengar sebenarnya Yang Berhormat. Jadi saya rasa kalau Yang Berhormat ingin meneruskan perkara ini bolehlah Yang Berhormat menulis kepada saya dan saya minta penerangan daripada beliau.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tulis?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Insya-Allah*. Nama baik kita pula dikacau. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan senang hendak dapat nama baik ini. [Ketawa] [Dewan ketawa]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,922,811,700 untuk Kepala B.64 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.64 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.64 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

[Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dan Usul Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu telah ditimbang dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaan yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi;

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula

dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020." hendaklah disahkan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan

kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 18 Ogos 2020. Assalamualaikum.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.04 malam]